

TOPIK 1

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

1.0 Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan

1.1 Tujuan penyelidikan dalam pendidikan

1.2 Ciri-ciri penyelidikan dalam pendidikan

1.3 Pendekatan penyelidikan dalam pendidikan

1.3.1 Pendekatan positif (kuantitatif)

1.3.1 Pendekatan interpretatif (kualitatif)

1.4 Etika dalam penyelidikan dalam pendidikan

1.4.1 Aspek-aspek penting dalam etika penyelidikan

1.4.2 Kod etika

1.0 PENGENALAN KEPADA KAEDAH PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN.

DEFINISI PENYELIDIKAN

Menurut, The Collins International Dictionary penyelidikan ialah suatu penyiasatan sistematik untuk memperolehi fakta atau maklumat tentang sesuatu perkara.

Kamus Webster pula menyifatkan penyelidikan sebagai penyiasatan saintifik untuk membongkar fakta. Apakah yang dimaksudkan dengan penyiasatan saintifik? Penyiasatan saintifik merupakan kaedah dan cara berfikir sistematik, terkawal, dan empirikal yang bertujuan mengkaji hubungan kaitan antara fenomena semulajadi yang boleh diperhatikan (Kerlinger, 1973).

Tiga perkataan penting dalam definisi ini ialah sistematik, terkawal dan empirikal. Penyelidikan saintifik yang sistematik dan terkawal dapat menghasilkan penemuan atau dapatan yang lebih meyakinkan.

Penyiasatan saintifik empirikal bermakna kajian yang dirancang boleh diuji dalam makmal atau luar makmal dan terbuka untuk diteliti orang lain. Ahli falsafah pendidikan terkenal, John Dewey dalam bukunya *How We Think* mencadangkan pada tahun 1933 bahawa penyiasatan saintifik adalah suatu proses yang terdiri daripada langkah-langkah berikut:

- i. Mengetahui Masalah dan mengubal Soalan Kajian atau Hipotesis
- ii. Merangka Bentuk Kajian untuk menjawab soalan Kajian atau menguji hipotesis
- iii. Mengumpul dan Menganalisis Data
- iv. Menjawab Soalan Kajian atau menerima/menolak hipotesis

1.1 TUJUAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN

Menurut Sabitha Marican (2005) dalam “ Kaedah Penyelidikan ; Sains sosial” secara umumnya tujuan penyelidikan boleh dibahagikan kepada empat iaitu untuk;

i) Penerokaan (Exploration)

- Kajian penerokaan selalunya sesuai digunakan apabila sesuatu permasalahan kajian itu telah dikenalpasti, namun pengkaji tidak mempunyai banyak maklumat mengenainya. ia dilakukan untuk memberikan maklumat asas untuk membina sesuatu kajian lanjut.
- Kajian penerokaan adalah bertujuan untuk mengumpul dan membina maklumat diperlukan mengenai sesuatu permasalahan kajian. lain-lain kegunaan kajian penerokaan ialah untuk ;
 - i. meninjau sesuatu fenomena yang baru atau belum ada teori yang kukuh untuk menjelaskannya.
 - ii. mendalami pengetahuan dan dapat memberikan satu gambaran awal mengenai topik yang dikaji kerana tidak banyak maklumat mengenai masalah yang dikaji.
 - iii. bertujuan meneliti sama ada kajian seumpama itu mempunyai kebolehlaksanaan atau boleh dilakukan di masa akan datang.
 - iv. bertujuan mengkaji untuk membangunkan bentuk-bentuk kajian atau metod kajian yang boleh digunakan dalam kajian yang akan datang.

ii) Deskriptif (Description)

- Bertujuan memberikan gambaran yang tepat terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu populasi.
- Penyelidik akan menjelaskan bagaimana rupa bentuk keadaan sosial yang hendak dikaji

iii) Penjelasan (Explanation)

- Bertujuan menjelaskan tahap perkaitan yang wujud antara dua pembolehubah yang diukur. ia menjelaskan perkaitan antara pembolehubah dalam sesuatu kejadian atau peristiwa.
- Kajian ini lazimnya akan berakhir dengan memberi penjelasan mengapa sesetengah individu akan berkelakuan dalam cara-cara yang tertentu dalam sesuatu keadaan sosial yang tertentu.
- Dalam kajian penjelasan, hipotesis digunakan untuk meneliti perkaitan yang wujud antara pembolehubah yang dikaji.
- Seterusnya kajian ini membolehkan kita melakukan analisis secara statistik ke atas data yang diperolehi.
- Secara umumnya kajian penjelasan bertujuan ; menjelaskan punca kepada sesuatu fenomena atau mengenai sesuatu situasi ataupun sesuatu perkara yang berlaku.

Perbezaan di antara tujuan deskriptif dan penjelasan ;

- i. secara perbandingan, kajian deskriptif ialah mencari fakta dan penjelasan ialah penerangan mengenai mengapa sesuatu situasi berlaku.

- ii. Contoh ; Laporan yang memperihalkan mengenai tujuan mengundi adalah kajian berbentuk deskriptif. Manakala penjelasan mengenai mengapa seseorang itu memilih untuk mengundi calon A atau calon B merupakan kajian penjelasan.

iv) Tujuan Pra-Kajian

Pra-kajian selalu dilakukan agar penyelidik dapat mengenalpasti masalah-masalah yang akan dihadapi dalam menjalankan kajian sebenarnya. Pra kajian ini boleh dilakukan untuk mengetahui mengenai ;

- i. Responden kajian
- ii. Soal selidik
- iii. Pengumpulan data
- iv. Analisis data

Menurut Chua Yan Piau dalam Kaedah Penyelidikan (Buku 1) oleh pula, penyelidikan dilakukan untuk memberi jawapan kepada “ketidakpastian”. Pengkaji menjalankan kajiannya kerana tidak pasti akan sesuatu perkara atau fenomena yang telah, sedang atau berlaku. Pengkaji tidak boleh memastikan ketidakpastian hanya berdasarkan pandangan dirinya merujuk kepada pengetahuan atau pengalaman yang dialuinya kerana ia mungkin dipengaruhi oleh penghuraian yang subjektif.

Penghuraian yang subjektif ini mungkin timbul daripada kepercayaan, budaya, tradisi, stereotaip, tanggapan yang salah dan pengaruh pihak-pihak yang berkuasa.

Penyelidikan dapat memberikan jawapan kepada ketidakpastian yang timbul. Ia digunakan sebagai alat;

- i) untuk memperolehi sumber pengetahuan yang sah dan boleh dipercayai, iaitu sumber pengetahuan yang saintifik dan logik.
- ii) untuk memungut bukti kepada keraguan, iaitu memberi jawapan kepada keraguan dan masalah yang timbul.
- iii) untuk membetulkan stereotaip, tradisi dan kepercayaan yang tidak benar.
- iv) ramalan ; untuk meramakkan satu fenomena.
- v) penerangan ; untuk menerangkan keadaan sebenar dalam suatu fenomena seperti perbezaan, perhubungan dsb.

Jadi, secara ringkasnya penyelidikan ialah satu bentuk disiplin yang sistematik terhadap masalah dan persoalan.

1.2 CIRI-CIRI PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN

Penyelidikan boleh dilakukan dalam pelbagai cara, namun penyelidikan itu perlu ada ciri-ciri penyelidikan yang saintifik. Sekaran (2000) ada menyatakan bahawa penyelidikan saintifik harus mempunyai ciri-ciri seperti berikut

i. Bertujuan

Setiap kajian yang hendak dilaksanakan haruslah ada objektif atau bertujuan. Contohnya tujuan kajian ialah untuk mengkaji masalah penggunaan singkatan dalam penulisan. Ini akan membantu penyelidik untuk merancang kajian bagi mendapatkan data yang bersesuaian dan tepat.

ii. Mendalam (rigorous)

Kajian yang dijalankan haruslah bersifat mendalam dan bersandarkan pada teori yang ada serta metod yang baik. Kajian haruslah dijalankan dalam cara yang boleh mendapatkan maklumat selengkap yang boleh. Sebagai contoh dalam mendapatkan data, metod kajian yang menggunakan gabungan soal selidik, pemerhatian dan temubual adalah lebih mendalam jika dibandingkan dengan hanya menggunakan satu cara pengumpulan data sahaja.

Sebuah kajian jangka panjang akan dapat memberikan maklumat yang mendalam berbanding dengan yang dilakukan melalui keratan rentas. Dengan cara ini kita dapat meneliti jika ada apa-apa perubahan dalam tren terhadap masalah yang dikaji.

Kajian yang melihat masalah dari pelbagai sudut adalah lebih baik. Contohnya, untuk mengetahui kenapa masalah ponteng sekolah selalu berlaku, maklumat boleh dikumpul dari guru besar, guru-guru dan para pelajar itu sendiri. Jika mendapatkan data dari satu pihak sahaja, maka ia mungkin menghasilkan data yang bias.

Mendalam juga merujuk kepada ketepatan data yang mana data juga haruslah diperolehi dari sumber yang tepat dan sahih. Sebagai contoh, sekiranya penyelidik hendak mengetahui emosi seorang murid yang menghadapi masalah pembelajaran, beliau haruslah mendapatkan seorang responden yang menghadapi masalah itu. Sumber-sumber lain seperti rekod pembelajaran, pemerhatian guru, dan rakan-rakan sekelas boleh digunakan sebagai sokongan kepada data dari murid yang sebenar.

Contoh-contoh lain yang dimaksudkan mendalam ialah umumnya kajian eksperimen lebih baik dari kajian lapangan, persampelan rawak lebih baik dari pensampelan mudah, saiz sampel yang besar adalah lebih baik dari saiz sampel yang kecil. Apa yang penting disini, lebih mendalam kajian itu, maka lebih jitu dapatannya dalam menggambarkan sesuatu yang dikaji.

iii. Boleh diuji

Andaian yang diutarakan dalam kajian dalam bentuk hipotesis mestilah boleh diuji. Hipotesis pula boleh dibina berdasarkan teori atau kajian lepas. Ia mampu diuji sama ada dalam bentuk perkaitan, perbezaan, hubungan atau meramal sesuatu perkaitan. Contohnya menguji perbezaan antara murid lelaki dan murid perempuan terhadap tumpuan mereka di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. ataupun hubungan antara prestasi dan komitmen murid-murid di dalam kelas dan sebagainya.

iv. Boleh diulang (replicability)

Dapatan atau hasil kajian yang diperolehi dari menguji hipotesis boleh diulang dengan mengujinya di tempat lain atau suasana lain. Sebagai contoh, kajian mengenai prestasi murid-murid di sekolah A dapat di ulang di sekolah B.

v. Kejituan (precision)

Kejituan ialah sedekat manakah dapatan kajian kita dengan keadaan sebenar atau realiti. kejituan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti cara mengumpul data, pengukuran, alat ukur kajian yang digunakan, sampel kajian dan lain-lain aktiviti dalam proses penyelidikan.

vi. Keyakinan (confidence)

Dalam kajian sosial seringkali digunakan paras keyakinan 95% dan 99%. Paras keyakinan 95% bermakna kita yakin sebanyak 95% bahawa dapatan kajian itu mencerminkan populasi yang kita kaji. Hanya 5% sahaja berkemungkinan ia berlaku secara kebetulan.

vii. Generalisasi (generalizability)

Generalisasi dalam penyelidikan bermaksud sejauh manakah dapatan kajian kita ini dapat digunakan, dipanjangkan atau diumumkan pada populasi yang berbeza dan dalam situasi yang berbeza-beza. Sehubungan dengan ciri-ciri kaedah sains, ia haruslah bersifat sejagat (universality) yang boleh merentasi masa, individu dan tempat yang dikaji. Sekiranya kajian itu dapat digunakan pada populasi dan keadaan yang lebih meluas, maka lebih tinggi nilai dan penggunaannya.

Namun sesuatu kajian yang tidak dapat dipanjangkan pada populasi atau keadaan yang berbeza-beza tidak bermakna ia tidak mempunyai nilai saintifik. Dalam hal ini, dapatan kajian itu hanya terbatas atau boleh digunakan pada populasi yang dikaji sahaja. Ianya terhad, kerana hasil kajian tidak dapat digunakan pada populasi selain dari yang dikaji.

viii. Parsimoni (parsimonious)

Kajian yang baik haruslah berusaha mencari punca masalah paling berkaitan dengan masalah yang dikaji. Sebagai contoh, kajian lepas menunjukkan punca kemiskinan mempunyai perkaitan dengan pelbagai faktor seperti taraf pendidikan, taraf pendidikan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, tempat tinggal (luar bandar, bandar atau kampung), kemudahan mendapat pekerjaan, pengangguran, latar belakang keluarga, sikap individu dan sebagainya.

Namun demikian untuk tujuan, kajian penyelidikan haruslah melihat pada kajian-kajian lepas sebelum ia memilih pembolehubah mana yang harus dikaji untuk mendapatkan satu kajian yang parsimoni.

Ciri-ciri lain penyelidikan yang harus diberikan perhatian ialah ;

- perlu dinyatakan dengan jelas tujuan kajian.
- permasalahan kajian diperincikan.
- prosedur yang terlibat dalam kajian dijelaskan dengan terperinci agar penyelidik lain yang berhasrat membuat kajian lanjut mengenainya dapat meneruskannya atau perlu mengulangnya.
- analisis data perlu dilakukan dengan mendalam untuk menunjukkan sama ada dapatan itu signifikan ataupun tidak.

- penyelidik perlu memberitahu kesahan dan kebolehpercayaan alat ukuran kajian, kelemahan data jika ada, batasan dalam membentuk kajiannya agar ia menjadi panduan untuk kajian yang akan datang.
- penyelidik akur pada keperluan etika dalam melaksanakan sesuatu penyelidikan.

1.3 PENDEKATAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN

Penelitian dalam ilmu-ilmu sosial, selama ini mengenal dua paradigma dalam mendekati masalah. Paradigma ini membantu peneliti dalam memahami tentang fenomena sosial, bagaimana ilmu pengetahuan dapat terbentuk, dan apa yang mempengaruhi masalah, pemecahannya, serta kriteria dari bukti-bukti ilmiah yang ditemukan (Creswell, 1994). Paradigma pertama adalah positivisme dan kedua adalah fenomenologis (Taylor & Bogdan, 1984; Dooley, 1984; Orford, 1992).

Pada paradigma pertama, pemahaman tentang permasalahan sosial didasari pada pengujian teori yang disusun dari berbagai variabel, pengukuran yang melibatkan angka-angka, dan dianalisa menggunakan prosedur statistik.

Paradigma ini konsisten dengan apa yang disebut pendekatan kuantitatif, dengan tujuan untuk meramalkan generalisasi suatu teori.

Paradigma yang kedua, konsisten sebagai pendekatan kualitatif (qualitative approach), didefinisikan sebagai

“ an inquiry process of understanding a social or human problem, based on building a complex, holistic picture, formed with words, reporting detailed views of information, and conducted in a natural setting. & rdquo”
(Creswell, 1994: 2)

“ ... the broadest sense to research that produces descriptive data : people’s own written or spoken words and observable behaviors (Taylor & Bodgan,” 1984 : 5)

Jadi, penelitian kualitatif adalah proses pencarian data untuk memahami masalah social yang didasari pada penelitian yang menyeluruh (holistic), dibentuk oleh kata-kata, dan diperoleh dari situasi yang alamiah. Pada penelitian kualitatif, peneliti berusaha memahami subjek dari kerangka berpikirnya sendiri (Taylor & Bogdan, 1984, Creswell, 1994).

Dengan demikian, yang penting adalah pengalaman, pendapat, perasaan dan pengetahuan partisipan (Patton, 1990). Oleh kerana itu, semua perspektif menjadi bernilai bagi peneliti. Peneliti tidak melihat benar atau salah, namun semua data penting. Pendekatan ini sering disebut juga sebagai pendekatan yang humanistik, kerana peneliti tidak kehilangan sisi kemanusiaan dari suatu kehidupan sosial. Peneliti tidak dibatasi lagi oleh angka-angka, perhitungan statistik, variabel-variabel yang mengurangi nilai keunikan individual (Taylor & Bogdan, 1984).

1.3.1 Pendekatan positvis (kuantitatif)

Pendekatan kuantitatif merupakan salah satu pendekatan yang ada dalam ilmu sosiologi. Pendekatan ini menekankan pada prosedur yang ketat dalam menentukan variabel-variabel penelitiannya. Pendekatan ini menekankan pada prosedur yang ketat dalam menentukan pembolehubah-pembolehubah penyelidikannya. Keketatan pendekatan ini sudah terlihat dari asumsi dasar kajian kuantitatif.

Pendekatan kuantitatif, didasarkan pada empat asumsi, iaitu

- i. ontologi (hakikat dasar gejala sosial),
- ii. epistemologi (hakikat dasar ilmu pengetahuan),
- iii. hakikat dasar manusia,
- iv. serta aksiologi (tujuan dilakukannya suatu penelitian).

1.3.2 Pendekatan interpretif (kualitatif)

Metode yang digunakan dalam pendekatan ini tidak kaku dan tidak terstandarisasi (distandardkan). Penelitian kualitatif sifatnya fleksibel, dalam erti kesesuaiannya tergantung dari tujuan setiap penelitian. Walaupun demikian, selalu ada pedoman untuk diikuti, tapi bukan aturan yang mati (Cassel & Symon, 1994; Strauss, 1987; Taylor & Bogdan, 1984). Jalannya penelitian dapat berubah sesuai mengikut keperluan, situasi lapangan serta hipotesis2 baru yang muncul selama berlangsungnya penelitian tersebut.

Ada berbagai macam pendapat yang dikemukakan oleh sejumlah penulis mengenai bila pendekatan kualitatif digunakan. Sebagian besar penulis (mis. Creswell 1994; Patton, 1990; Strauss, 1987; Taylor & Bogdan, 1984) mengemukakan bahawa pendekatan kualitatif digunakan bila peneliti ingin memahami sudut pandang peserta secara lebih mendalam, dinamis dan menggali berbagai macam faktor sekaligus.

Selain itu Creswell (1994) menambahkan bahawa pendekatan kualitatif tepat digunakan dalam situasi yang informal, dimana hal ini dimungkinkan oleh topik yang peka bagi responden, latar belakang demografis (pendidikan, tempat tinggal dan sebagainya) tertentu, dan hal lain yang menyebabkan pendekatan kuantitatif sulit diterapkan.

Untuk memulakan suatu penelitian kualitatif, Creswell (1994) menyarankan agar peneliti merumuskan terlebih dahulu dasar pendekatan kualitatif yang digunakan dalam penelitian. Hal ini dimaksudkan agar peneliti tetap konsisten dengan sejumlah aturan umum dari pendekatan kualitatif sehingga jalannya penelitian sesuai dengan tujuan penelitian dan kerangka metode yang digunakan. Beberapa dasar yang sering dijadikan acuan adalah seperti berikut ;

- i. Tidak mementingkan angka, atau kuantifikasi fenomena. Diasosiasikan dengan kumpulan dan analisa data yang berupa kata-kata atau observasi langsung terhadap tingkah laku. Jadi fokusnya adalah lebih pada interpretasi daripada kuantifikasi (Cassel & Symon, 1994; Patton, 1994).
- ii. Tidak tertumpu pada sekumpulan data (Cassel & Symon, 1994).
- iii. Responden adalah peserta yang bukan hanya sekedar objek dari kecurigaan ilmiah. Responden mengambil sikap yang lebih proaktif dalam proses penelitian (Cassel & Symon, 1994).

- iv. Sangat menerima subjektiviti sehingga yang bernilai adalah perspektif peserta dan interpretasinya terhadap situasi (Cassel & Symon, 1994).
- v. Proses penelitian dilihat sebagai proses sosial yang sangat dipengaruhi oleh pilihan-pilihan yang diambil peneliti seiring dengan perkembangan penelitian (Cassel & Symon, 1994).
- vi. Penelitian kualitatif lebih tertarik pada erti (meaning), iaitu bagaimana peserta (dlm konteks pendidikan ialah 'murid') menghayati hidupnya, pengalamannya, dan cara mereka mengekspresikannya (Creswell. 1994; Patton 1990).
- vii. Penelitian kualitatif adalah penelitian deskriptif, dimana peneliti lebih tertarik dengan proses, erti dan pemahaman tentang pengalaman serta penghayatan subjektif peserta (Creswell, 1994; Patton, 1990).

KAJIAN KUANTITATIF DAN KUALITATIF

- i. Kajian Kuantitatif adalah satu bentuk inkuiri positif yang menekankan pemerolehan fakta menggunakan pengukuran objektif dan analisis statistik data numerik untuk memahami dan menjelaskan sesuatu fenomena yang boleh dijadikan panduan kepada amalan dan polisi (Ary, Jacobs & Razavieh, 2002; Brown & Dowling, 1998). Kelebihan kajian ini ialah ia berasaskan kepada kerangka teori yang berkaitan framework). Selain itu, data numerik lebih meyakinkan penyelidik dan pengguna tentang fenomena yang secara logik (coherent theoretical diselidik, dan penaklukan kuantitatif dianggap mempunyai lebih tinggi kebolehpercayaan dan kesahan. Bagaimanapun, kajian ini mempunyai kelemahan utama, iaitu pengkuantifan semata-mata tidak dapat menjelaskan sepenuhnya kebanyakan masalah dalam pendidikan.

Bagaimanakah kita mengkuantitatifkan “perkara” seperti perasaan, keredaan dan hasrat tersembunyi? Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ary et al. (1998: 22), untuk mengkaji tingkah laku ganas pelajar di sekolah, misalnya, penyelidik perlu mengkaji lebih daripada hanya melapor jenis dan bilangan peristiwa (incidents). Dia perlu memerhati dan menemubual pelajar-pelajar ganas dan cuba mencari sebab mengapa mereka menjadi ganas dan juga bertanya mereka soalan seperti: “Bagaimana pelajar-pelajar ini mempersepsikan guru mereka dan pelajar-pelajar di sekolah?”, “Bagaimanakah pelajar-pelajar lain bertindak terhadap mereka?”, Bagaimanakah guru menangani tingkah laku ganas”. Soalan-soalan begini memerlukan jawapan dalam bentuk kualitatif, iaitu berfokus kepada pemahaman fenomena sosial daripada perspektif peserta kajian.

- ii. Kajian Kualitatif, sebagaimana yang dijelaskan oleh Brown dan Dowling (1998), ialah kajian yang menekankan kepada penghasilan makna (production of meaning). Berlainan daripada hanya bergantung kepada fakta dan rahah, ujian, dan juga persampelan seting dan subjek kajian; kajian kualitatif mengambil kira apa yang tidak disentuh oleh kajian kualitatif, iaitu pandangan subjektif seseorang, akibat yang dirancang dan tidak dirancang (intended & unintended consequences), keanihan seseorang (idiosyncrasies), dan sebagainya.

Penyelidikan Kuantitatif dan Kualitatif berdasarkan ulasan Sabitha Marican; Kaedah Penyelidikan Sains Sosial ;

Aspek Perbezaan	Kuantitatif	Kualitatif
-----------------	-------------	------------

Tujuan	Menyelidik hubungan sebab dan kesan	Memahami fenomena sosial
Reka Bentuk	Dibentuk sebelum kajian dijalankan	Dibentuk semasa kajian dijalankan
Pendekatan	Deduktif ; menguji teori	Induktif ; menjana teori
Alat-alat	Menggunakan alat-alat piawai	Mengguna interaksi bersemuka
Sampel	Menggunakan sampel besar	Menggunakan sampel kecil
Analisis	Analisis statistik ke atas data numerik	Deskripsi dan interpretasi naratif
Pembolehubah	Memfokus kepada pembolehubah	Memfokus pada proses interaksi dan peristiwa
Kebolehpercayaan	Kunci utama ialah kebolehpercayaan	Kunci utama ialah ketulenan (autensity)
Keadaan	Tidak bergantung pada situasi atau keadaan	Ia terbatas pada satu-satu situasi yang tertentu
Penglibatan	Penyelidik tidak terlibat secara langsung	Penyelidik terlibat secara langsung
Data	Objektif, nombor, temuduga berstruktur, soal selidik dan seumpamanya	Subjektif, lisan, berdasarkan pemerhatian dan temuduga tidak berstruktur dan seumpamanya
Jenis Kajian	Eksperimen, eksperimen kuasi, tinjauan statistik dan sebagainya	Deskriptif, satu kes, sejarah dan sebagainya

1.4 ETIKA DALAM PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN

1.4.1 Aspek-aspek penting dalam etika penyelidikan

Isu-isu etika sangat penting dalam penyelidikan sebagai panduan untuk melengkapkan setiap kajian yang dijalankan. Penyelidik yang tidak mematuhi etika penyelidikan akan merosakkan reputasi penyelidikan sosial. Tingkah laku beretika diberikan perhatian yang serius dalam sains sosial kerana ia melibatkan manusia sebagai subjek. Ia memberi kaitan langsung terhadap kehidupan subjek yang dikaji.

1.4.2 Elemen penting dalam etika ini ialah:

- i. Bahasa – penyelidik menyediakan maklumat lengkap dan bahasa yang mudah difahami. Penerangan juga perlu supaya responden memahami apa yang diinginkan oleh penyelidik.
- ii. Perasaan responden – beri masa yang cukup untuk responden menjawab soalan dan tidak boleh bertanya soalan-soalan yang memalukan, menyebabkan kekacauan emosi atau pengalaman yang tidak menyenangkan. Secara umum,

penyelidik tidak boleh mendedahkan responden kepada tekanan mental atau fizikal.

- iii. Etika dalam semua peringkat kajian – penyelidik harus pentingkan etika pemilihan permasalahan kajian, tentukan kaedah penyelidikan, pengumpulan data, penganalisisan data, interpretasi dan melaporkan kajian.
- iv. Mengetahui tahap pendidikan responden – mengambil kira tahap pendidikan sampel yang ingin dikaji. Tidak boleh memberi tugas yang tidak wajar atau rumit kepada responden. Keadaan ini jika berlaku akan menyukarkan proses penyelidikan dan akan mendatangkan tindak balas yang negatif daripada sampel yang dikaji.
- v. Berterus-terang dengan responden – berikan penjelasan kepada responden tentang matlamat dan tujuan kajian. Semua maklumat perlu dijelaskan termasuk prosedur yang terlibat dalam kajian. Dengan itu, responden akan secara sukarela melibatkan diri dalam kajian berkenaan.
- vi. Utarkan data yang tepat – bertindak memberikan data yang tidak lengkap, terkeluar dari konteks, memalsukan penemuan atau kemukakan fakta yang mengelirukan dianggap melanggar tatasusila penyelidikan.
- vii. Menjaga kerahsiaan responden – penyelidik sama sekali tidak boleh mendedahkan maklumat mengenai sampel kajian sehingga ia boleh menggugat keselamatan atau maruah responden. Hak-hak peribadinya harus dipelihara dan tidak boleh jatuh ke tangan pihak ketiga.
- viii. Mematuhi etika penyelidikan adalah tanggungjawab penyelidik. Kegagalan mematuhi etika berkenaan akan menggugat kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dilakukan.

1.4.2 KOD ETIKA.

Dalam sesuatu penyelidikan, isu-isu etika amat penting sebagai panduan dan untuk melengkapkan setiap penyelidikan yang dijalankan. Menurut definisi kamus, bersifat etika ialah untuk menurut amalan-amalan profesional yang diterima umum. Penyelidik yang tidak mematuhi etika penyelidikan akan merosakkan reputasi penyelidikan sosial. Oleh itu, penyelidik hasruslah sentiasa mengambil kira kesan tindakan mereka ke atas subjek dalam penyelidikannya.

Sehubungan dengan itu, sebilangan badan profesional organisasi akademik telah menghasilkan kod etika untuk menjadi panduan kepada penyelidik. Kod Etika yang terangkum dalam American Psychological Association (APA) (Leedy, 1993) adalah seperti berikut ;

- i. Penyelidik haruslah mengekalkan keobjektifan dalam penyelidikannya.
- ii. Penyelidik harus sedar akan batasan mengenai keupayaan dan kemahirannya dan tidak menjalankan penyelidikan yang melebihi had kemampuannya.
- iii. Setiap individu atau responden yang dikaji berhak ke atas diri dan maruahnya agar terpelihara.

- iv. Semua penyelidik haruslah mengelakkan dari membawa bahaya pada subjek yang digunakannya dalam kajian.
- v. Maklumat sulit yang diberikan oleh responden kajian haruslah dijaga kerahsiaannya.
- vi. Dapatan kajian dipersembahkan dengan jujur tanpa manipulasi.
- vii. Penyelidik tidak boleh menyalahgunakan peluangnya sebagai penyelidik untuk mendapatkan maklumat selain daripada tujuan profesional / penyelidikan.
- viii. Penyelidik haruslah memberi penghargaan kepada semua bantuan, kerjasama, atau sumber maklumat yang diperolehi dari orang lain.
- ix. Penyelidik tidak boleh menerima apa-apa pertolongan, tajaan atau lain-lain bentuk bantuan yang mempunyai kepentingan peribadi yang boleh melanggar prinsip-prinsip etika dalam melaksanakan penyelidikannya.

Faktor Etika

Setiap penyelidikan mestilah memastikan kaedah, kandungan dan tujuan tidak melanggar kod etika pengkaji, norma dan nilai-nilai sejagat seperti agama. Sekiranya sesuatu kajian memenuhi semua ciri dan prinsip saintifik tetapi tidak beretika mana sudah tentunya penyelidikan demikian dianggap kurang baik. Contohnya penyelidikan yang memanipulasi manusia atau cuba play god seperti klon manusia dan sebagainya.

Isu yang berkaitan dengan isu etika ialah kejujuran pengkaji. Pengkaji mesti menunjukkan segala usahanya untuk memastikan bahawa setiap langkah penyelidikan dilaksanakan dengan jujur dan segala data yang diperolehi adalah tepat.

Sediakan Proposal Dengan Teliti, Rapi Dan Menyeluruh

Masalah seboleh-bolehnya mempunyai ciri-ciri SMART iaitu :

- S Spesifik; masalah dinyatakan dalam bentuk yang spesifik
- M Measurable; angkuhan mesti boleh diukur, dikesan dan menyerupai konstruk
- A Application; masalah boleh menjelaskan fenomena, tambahkan pengetahuan atau membantu menyelesaikan masalah
- R Researchable atau reliable; berasaskan spesifikasi masalah, semua langkah dapat dilaksanakan dari awal hingga ke peringkat laporan. Di sini termasuk ciri kebolehtadbiran dan kebolehtafsiran.
- T Time frame; ini bererti kajian dapat diselesaikan dalam suatu jangka masa yang ditetapkan. Supaya kajian dijalankan dengan baik, jadual kerja sebaik-baiknya disediakan agar pengkaji tahu peruntukan masa untuk setiap langkah.

Analisa Data

Proposal juga hendaklah menjelaskan kaedah statistik yang akan digunakan untuk menganalisa data. Justifikasi perlu diberikan tentang kaedah yang dipilih.

Interpretasi Data

Kaedah interpretasi data juga perlu ditetapkan dalam proposal. Ini akan memastikan bahawa keobjektifan kajian dijamin.

Pelaporan Hasil Dapatan

Dalam proposal, pihak yang menerima laporan mesti dijelaskan. Ini akan memudahkan orang lain membaca dan menggunakan hasil dapatan.

Proposal Disemak Oleh Pakar Metodologi Dan Pakar Pengkhususan

Sebelum kajian dijalankan adalah dicadangkan proposal disemak oleh pakar metodologi dan pakar pengkhususan agar sumber kewangan, tenaga dan masa disia-siakan. Pakar berkenaan boleh memainkan peranan devil's advocate dan memberi cadangan atau alternatif tentang kajian yang akan dijalankan. Tanpa second opinion besar kemungkinan kelemahan dalam proposal tidak disedari oleh pengkaji kerana masalah konflik rol, etnosentrik atau prasangka. Langkah ini boleh menjamin kebanyakan ciri-ciri penyelidikan yang baik dipatuhi.

Dapatkan kerjasama dan sokongan responden

Kajian tidak berhasil jika tidak dapat kerjasama dan sokongan daripada responden. Hasil kajian bergantung kepada kejujuran dan kerjasama responden. Lantaran itu, pengkaji mestilah menjelaskan tujuan kajian sejelas-jelasnya kepada responden agar mereka dapat memberi maklumat secara terbuka.

Lakukan Penilaian Berterusan

Setiap langkah dalam pelaksanaan penyelidikan mesti dinilai. Sekira didapati terdapat kelemahan dalam sesuatu langkah, pengkaji mesti menyelesaikan masalah yang timbul sebelum melanjut ke langkah yang berikut. Ini adalah kerana setiap langkah adalah saling berkait.

Isu-isu etika memerlukan perhatian pengkaji dalam setiap peringkat penyelidikan. Masalah-masalah etika yang dihadapi dalam penyelidikan sosial akan dibincangkan mengikut kitaran penyelidikan iaitu : 1. Memilih Permasalahan 2. Memugut Data 3. Merumus Reka Bentuk Penyelidikan 4. Menganalisa Data dan 5 Menginterpretasi Data. Rumusan Masalah Etika Mengikut Peringkat-peringkat Pusingan Penyelidikan .

Peringkat Penyelidikan	Masalah-masalah Etika Yang Sering Dihadapi
Pemilihan Permasalahan	Tujuan Kajian Tidak Melanggar Nilai-nilai Sejagat Kejujuran Dalam Kajian Literatur Meniru Kajian Tanpa Pengiktirafan Objektiviti Pengkaji
Reka Bentuk	Memelihara Hak Privacy & Dignity Responden

Penyelidikan	Perlindungan Responden Kegagalan Memberi Rawatan Kepada Kumpulan Kawalan
Memugut Data	Keterbukaan Dalam Memugut Data Penyalahgunaan Status Pengkaji Penggunaan Alat Pengukur Berhak Milik
Penganalisaan Data	Kejujuran Menganalisa Data Keselamatan Data
Interpretasi Data & Laporan	Penjelasan Dan Pembetulan Interpretasi Pengitirafan Kolaborasi Tekanan Untuk Melapor

Rajah 1.1 : Etika Mengikut Peringkat-peringkat Pusingan Penyelidikan

Memilih Permasalahan

Masalah 1 : Tujuan Kajian Tidak Melanggar Nilai-nilai Sejagat

Kepentingan sesuatu kajian mestilah mempunyai kepentingan untuk memajukan pengetahuan sains demi kepentingan manusia dan tidak melanggar nilai-nilai sejagat. Kajian-kajian yang dianggap sebagai tidak beretika adalah seperti kajian yang bertujuan menghancurkan nilai-nilai sesuatu kaum atau menyekat perkembangan sesuatu masyarakat. Contohnya kajian yang dilakukan di antara orang asli untuk mengkaji punca konflik antara mereka dengan tujuan menggalakkan konflik dan seterusnya menghapuskan orang asli sudah tentu tidak beretika. (Riechen & Boruch, 1974:246)

Masalah 2 : Kejujuran Dalam Kajian Literatur

Adalah tidak beretika jika seorang pengkaji hanya merujuk dan melaporkan literatur yang sependapat dengan permasalahannya sahaja dan mengelakkan kajian yang lain. Contohnya jika seorang pengkaji ingin memohon bantuan kewangan untuk kajiannya kemungkinan besar ia akan membesar-besarkan kepentingan kajiannya dan sengaja tidak merujuk kepada kajian yang tidak menyokong permintaannya. (Gay & Diehl, 1992:96; Forcese & Richer, 1973:5)

Masalah 3 : Meniru Kajian Tanpa Iktirafan

Sebagai seorang pengkaji, adalah sangat tidak beretika jika bahan atau penemuan kajian ditiru daripada pengkaji lain dan menganggap penemuan orang lain sebagai penemuan kita

sendiri. Sebarang rujukan mestilah disertakan dengan punca rujukan yang lengkap. (Gay & Diehl, 1992:97; Franklin & Osborne, 1971:28)

Masalah 4 : Objektiviti Pengkaji

Dalam sebarang kajian, sifat objektiviti pengkaji amat penting untuk menentukan tujuan dan hipotesis-hipotesis. Sudah pasti masalah seperti moral judgements dan cultural relativity akan dielakkan jika pengkaji khasnya jika kajian dilakukan di kalangan kumpulan etnik dan strata sosial yang lain. (Franklin & Osborne, 1971:38; Wan Hashim et al, 1980: 68)

Merumus Reka Bentuk Penyelidikan

Masalah 5 : Memelihara Hak Privacy dan Dignity Responden

Semua jenis reka bentuk penyelidikan mesti menghormati dan memelihara hak privacy dan dignity subjek. Contohnya adalah tidak beretika jika subjek didedahkan kepada sebarang ancaman terhadap maruah dan privacy mereka. Justeru itu, pengkaji mestilah memaklumkan sepenuhnya kepada subjek tentang sebarang kemungkinan yang berlaku ketika penyelidikan dijalankan. Kebenaran subjek mesti didapati sebelum kajian dilakukan. (Bulmer, 1982: 63; Cates, 1990:88) Sehubungan dengan masalah ini ialah 'informed consent' daripada responden. Subjek juga harus diberitahu bahawa dia berhak memberhentikan penglibatannya bila-bila sahaja dan berhak untuk tidak menyertai penyelidikan.

Masalah 6 : Melindungi Subjek Daripada Kecederaan Fizikal, Mental & Sosial

Dalam reka bentuk eksperimen sosial, sebarang treatment atas subjek mesti tidak meninggalkan bahaya kecederaan fizikal (kesan dadah); kecederaan mental (kesan perubahan personaliti seperti bertambah agresif) dan kesan sosial (disingkirkan oleh komuniti sendiri atau tidak dapat berintegrasi kembali dengan kaum asal). (Franklin & Osborne, 1971:28; Cates, 1990:98)

Masalah 7 : Kegagalan Memberi Rawatan Kepada Kumpulan Kawalan

Sekiranya ubatan didapati berkesan untuk mengubati sesuatu penyakit, maka adalah tidak etika jika pengkaji dengan sengaja tidak menggunakan ubatan tersebut ke atas pesakit dalam kumpulan kawalan manakala merawat pesakit dalam kumpulan eksperimen sahaja. Begitu juga jika seorang guru cuma menggunakan sesuatu teknik mengajar dalam kumpulan pelajar dan tidak menggunakan teknik yang sama atas pelajar lain, kononnya untuk menjalankan sesuatu kajian. Di sini pelajar-pelajar yang tidak diajar dengan cara terbaik kemungkinan gagal dalam peperiksaan. (Franklin & Osborne, 1971:38; Wan Hashim et al, 1980: 68; Cates, 1990:99)

Memugut Data

Masalah 8 : Keterbukaan Semasa Memugut Data

Banyak pengkaji bersetuju bahawa cara memugut data kurang beretika jika dibuat secara tersembunyi atau dengan cara disguised observation. Terdapat banyak ahli antropologi dan sosiologi yang menjalankan kaedah penyelidikan participant observation di kalangan komuniti kajian mereka. Masalah ketika yang timbul ialah susahnyanya mengasingkan peranan sebagai

peserta dan sebagai pemerhati sahaja. Di samping itu, masalah konflik rol dan role expectation sering wujud antara pengkaji dan ahli-ahli masyarakat yang dikaji. (Bulmer, 1982: 69)

Masalah 9 : Penyalahgunaan Peranan Status Pengkaji

Seorang pengkaji bertanggungjawab kepada rakan-rakan pengkaji yang lain untuk menjaga nama baik bidang kajiannya (Sosiologi atau Psikologi). Adalah tidak beretika jika seorang pengkaji menggunakan statusnya sebagai pengkaji untuk kepentingan diri sendiri. Contohnya seorang pengkaji menjalankan kajian dan pada masa yang sama menjalankan jualan langsung kerana mengetahui 'pasarannya'. (Wan Hashim et al, 1980: 98)

Masalah 10 : Penggunaan Alat Pengukuran Berhak Milik

Banyak instrumen untuk menguji keberkesanan organisasi seperti Managerial Grid yang dicipta oleh Blake dan Moputon (1964) dan Survey of Organizations oleh Likert (1967) sebenarnya mempunyai hak cipta terpelihara. Bagaimanapun, banyak pengkaji menggunakan instrumen berkenaan tanpa membayar sebarang yuran.

Menggunakan instrumen yang mempunyai hak cipta dan tidak membuat sebarang bayaran adalah kurang etika. Justeru itu, pengkaji mestilah memastikan bahawa instrumen yang ingin digunakan adalah dalam public domain dan tidak melanggar hak milik penciptanya. (Schmitt & Klimoski, 1991: 252)

Menganalisa Data

Masalah 11 : Analisa Data Berasaskan Tujuan Dengan Jujur & Objektif

Data yang dipungut mesti dianalisa berasaskan tujuan yang telah ditetapkan dengan jujur dan objektif. Adalah tidak etika jika sebarang data diubahsuai untuk membuktikan hipotesis yang diminati oleh pengkaji. Begitu juga jika pengkaji mengubah hipotesis untuk disesuaikan dengan data yang dipungut. Terdapat pengkaji yang sengaja mempalsukan data untuk memenuhi kehendak sponsor dan demi meneruskan kajian. (Gay & Diehl, 1992:97)

Masalah 12 : Keselamatan Data

Data yang didapati mesti dijaga dengan selamatnya agar tidak disalahguna oleh pihak yang lain. Maklumat-maklumat tentang responden adalah sulit. Sekiranya laporan perlu dibuat, data-data peribadi mesti dikod semula agar identiti responden tidak didedahkan. (Schmitt & Klimoski, 1991: 367) Isu menjadi lebih rumit jika data yang dipungut adalah berkaitan dengan pandangan politik dan jenayah.

Menginterpretasi & Melaporkan Data

Masalah 13 : Penjelasan & Pembetulan Interpretasi

Sekiranya penganjur sesuatu kajian memutarbelitkan interpretasi hasil kajian, maka adalah tanggungjawab pengkaji untuk menjelaskan dan membetulkan interpretasi tersebut. Contohnya jika syarikat rokok memalsukan maklumat dan menyatakan bahawa tabiat merokok tidak bahaya, maka pengkaji mestilah berani membetulkan pernyataan yang palsu

tersebut. Sehubungan dengan itu, pengkaji mesti menyatakan sponsornya semasa menjalankan kajian agar tidak timbulnya masalah etika atau konflik kepentingan kelak.

Masalah 14 : Pengiktirafan Kolaborasi

Semua kerjasama dan kolaborasi dengan rakan-rakan pengkaji yang terlibat mestilah dilaporkan. Sudah tentu tidak etika dan profesional jika nama-nama rakan usaha sama diketepikan. Terdapat pengkaji yang menggunakan hasil kajian orang lain tanpa memberi pengiktirafan kepada rakan pengkaji itu. Perkara ini sering berlaku di universiti di mana pensyarah menggunakan kertas kerja pelajar-pelajar tanpa memberi sebarang pengiktirafan kepada pelajar berkenaan.

Masalah 15 : Tekanan Untuk Melapor

Sekiranya pengkaji merupakan agen perubahan yang diupah oleh sesuatu organisasi dalam program pembangunan organisasi maka kemungkinan besar dia menghadapi tekanan untuk melaporkan hasil dapatan yang akan menolongnya melaksanakan perubahan tersebut. Mengikut Schmitt dan Klimoski, ... it will take a strong sense of professional integrity, personal credibility, and skill to promote the notion of careful and systematic evaluation of interventions in organizational settings. This usually means working with top management to create an appreciation for differences in the quality of the data (and hence, of decisions) associated with weak versus strong designs. (1991:402)

Kesimpulan

Ciri-ciri penyelidikan yang baik merangkumi perspektif saintifik dan etika. Isu menjadi lebih ketara dalam penyelidikan sosial di mana subjeknya ialah manusia yang mempunyai perasaan, intelek dan dipengaruhi nilai-nilai sosial dan agama. Penyelidikan seperti senjata adalah neutral tetapi manusia yang menentukan sama ada ianya digunakan untuk memajukan masyarakat atau memusnahkannya.

Membuat Rumusan

Pertimbangan-pertimbangan penting dalam membuat rumusan metodologi :

- i. Rumusan hendaklah dibuat dengan jelas, mudah dan straightforward. Elakkan daripada menggunakan istilah yang sukar difahami.
- ii. Catatkan prosedur pengumpulan data dengan jelas dengan memberi penekanan kepada kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.
- iii. Tiap-tiap dapatan hendaklah dibincangkan berdasarkan hipotesis asal atau tema yang berkaitan dengannya.
- iv. Penyelidik hendaklah membincangkan sama ada dapatan menyokong hipotesis atau sebaliknya. Jelaskan mengapa, jika ianya menyokong atau sebaliknya.
- v. Dapatan daripada analisis statistik perlu diinterpretasi berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian.

- vi. Bincangkan kemungkinan kesan-kesan daripada dapatan terhadap pembolehubah yang tak dapat dikawal.
- vii. Setiap rumusan hendaklah berdasarkan pada bukti empirikal (data) yang ada dan tidak berdasarkan pada andaian atau jangkaan penyelidik.
- viii. Catatlah masalah yang timbul dalam prosedur persampelan, instrumentasi, kutipan dan data dan analisis data.

1.5 (NOTA TAMBAHAN) PENYELIDIKAN TINDAKAN

Penyelidikan tindakan merupakan satu proses membuat penyelidikan yang berbentuk renungan sendiri. Penyelidik sendiri mengkaji amalan yang lazimnya dilakukan di dalam bidang yang mereka ceburi. Contohnya dalam bidang pendidikan, kajian tindakan melibatkan penyelidik-penyelidik seperti pensyarah, guru-guru mata pelajaran, pengetua, atau pelajar (mereka ini boleh menjadi penyelidik atau peserta dalam penyelidikan) bertujuan untuk memperbaiki kelemahan perkara seperti berikut;

- a. Amalan sosial dan pendidikan sendiri;
- b. Kefahaman terhadap amalan sendiri;
- c. Situasi di mana amalan tersebut dijalankan

TUJUAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

Penyelidikan tindakan dijalankan mempunyai dua tujuan iaitu:

- a. untuk kefahaman dan memperbaiki amalan serta situasi amalan tersebut dilakukan;
- b. melibatkan penyelidik dalam semua peringkat dalam proses penyelidikan.

CIRI-CIRI PENYELIDIKAN TINDAKAN PENYELIDIKAN

Antara ciri-ciri penyelidikan tindakan ialah memperbaiki mutu kerja atau amalan. Memerlukan usahasama collaborative effort antara pihak-pihak yang terlibat memerlukan proses yang teratur. Proses ini dapat membentuk komuniti yang bersifat kritis terhadap persekitaran dan diri sendiri. Selain itu, dapat menggalakkan cara berfikir yang lebih terbuka terhadap tindakan yang akan diambil. Kajian Tindakan dapat membantu membina dan memperkembangan teori serta amalan secara serentak. Kajian ini berkembang melalui bentuk lingkaran renungan sendiri self-reflective spiral - satu lingkaran yang mengandungi tinjauan, perancangan, tindakan dan pemerhatian serta renungan. Penyelidik perlu menyimpan catatan atau rekod peribadi personal journal Kajian dimulakan secara kecil-kecilan - mungkin seorang sahaja sebagai permulaan, kemudian melibatkan kumpulan kecil dan seterusnya kumpulan yang lebih besar.

PENYELIDIKAN TINDAKAN MENITIK BERATKAN PERKARA BERIKUT:

Penyelidikan secara sistematik dan melibatkan pengumpulan bukti *collective evidence* yang boleh digunakan sebagai asas untuk renungan yang menyeluruh. Ia bukan sahaja menyelesaikan masalah tetapi ia juga memperlihatkan masalah. Penyelidikan yang dijalankan oleh individu atau kumpulan terhadap kerja mereka sendiri untuk memperbaiki amalan diri, orang lain. Ia bukannya satu-satu kaedah saintifik yang digunakan untuk kerja-kerja kurikulum. Ia menguji hipotesis penggunaan data untuk membuat kesimpulan malah menerima pandangan sains sosial yang berbeza daripada pandangan sains semulajadi.

SEJARAH PENYELIDIKAN TINDAKAN

Kurt Lewin pada tahun 1946. Penyelidikan awal, beliau menitik-beratkan perubahan-perubahan terhadap sikap dan perlakuan manusia dalam beberapa bidang sosial seperti perkara-perkara yang berhubung dengan kebiasaan pemakanan dan hasil pengeluaran kilang pada penghujung perang dunia kedua. Selepas perang dunia kedua, beliau menjalankan penyelidikan tentang prasangka dan perhubung antara kumpulan sosial.

Idea ini telah digunakan oleh rakan-rakan sekerja dan pelajar-pelajarnya Kurt Lewin dalam penyelidikan pendidikan tentang penggubalan kurikulum dan peningkatan profesionalisme perguruan. Teachers College di University of Columbia telah menjadi pusat penyelidikan tindakan dalam bidang pendidikan. Stephen Corey, dekan Teachers College university tersebut pernah menjadi penganjur *advocate* penyelidikan tindakan. Selain itu, Kenneth Benne, Hilda Taba dan Abraham Shumsky juga memperjuangkan bidang ini.

Akhir tahun 50an penyelidikan tindakan mengalami kemerosotan disebabkan oleh perkembangan penyelidikan yang memisahkan antara teori dengan praktik dalam penyelidikan dan berlarutan sehingga awal tahun 1976. Penyelidikan tindakan timbul semula dengan wujudnya Ford Teaching Project di United Kingdom di bawah penyeliaan John Elliott dan Clein Adelman. Projek ini dijalankan di Centre for Applied Research in Education, University of East Anglia dan telah melibatkan usahasama guru-guru untuk menjalankan penyelidikan tindakan dalam bidang mereka, terutama dalam pendekatan pengajaran-pembelajaran berkaitan inkuiri dan penemuan (Elliott 1976-77).

Penyelidikan ini berdasarkan konsep tentang penilaian sendiri guru *self-monitoring teacher* yang berasaskan pandangan Lawrence Stenhouse (1975), Eliot menyatakan bahawa guru merupakan penyelidik dan juga pakar dalam profesionnya. Sejak penglibatan Elliott dalam Ford Teaching Project, beliau telah meneruskan perkembangan teori dan praktik penyelidikan tindakan dan menubuhkan suatu rangkaian penyelidikan iaitu 'Classroom Action Research Network' di Cambridge Institute of Education

Penyelidikan tindakan berkembang di Australia dan Eropah, Di Amerika Syarikat minat ini muncul kerana timbulnya kesedaran untuk mempertingkatkan taraf pendidikan dan profesionalisme perguruan. Minat terhadap penyelidikan tindakan disebabkan wujudnya kepekaan guru terhadap profesionalisme perguruan akibat dari kritikan masyarakat dalam

tahun 70an dan 80an. Kesedaran tentang penyelidikan tindakan untuk memperbaiki pengajaran melalui renungan sendiri yang kritis .

Kini konsep penyelidikan tindakan telah menyerap ke dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perubahan-perubahan di dalam sistem pendidikan telah menimbulkan kesedaran untuk meningkatkan profesionalisma perguruan. Salah satu cara untuk meningkatkan profesionalisma perguruan yang bersesuaian dengan hasrat pendidikan hari ini adalah dengan menjalankan penyelidikan tindakan supaya kualiti peningkatan profesionalisma guru dapat ditentukan.

MENGAPA PERLU PENYELIDIKAN TINDAKAN

Masyarakat sentiasa mengharapkan guru untuk menyesuaikan peranan mereka dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tetapi dan menyesuaikan diri dengan budaya sekolah. Guru memainkan peranan yang lebih dinamik dan mempunyai kesedaran meneliti semula kandungan kurikulum di semua peringkat.

Selain mendesak guru supaya menguruskan pengajaran berasaskan aktiviti dan pembelajaran melalui pengalaman. Guru sentiasa merenung, menyoal dan menyelidik peranan dan tugasnya. Keadaan ini akan memperkukuhkan lagi perkembangan profesionalismanya. Oleh itu perlu dihasilkan satu model baru pendidikan dan amalan pendidikan. Tujuan adalah untuk menghasilkan guru yang sedia membuat kritikan sendiri, menyelidik akibat-akibat aktiviti pengajaran-pembelajaran serta mengubahsuai perlakuan dengan sewajarnya.

Pengajaran perlu dijadikan satu amalan pendidikan yang lebih kritis dan menjadikan satu saluran untuk perkembangan intelektual dan sosial setiap individu serta memberi sumbangan terhadap perkembangan dalam konteks kecekapan profesional dalam penerapan nilai-nilai murni. Guru perlu berusaha untuk memahami tujuan dan hasratnya sendiri tentang pengajaran dan pembelajaran supaya boleh bergerak kearah pencapaian satu realiti tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah. Dengan itu guru dapat mengendalikan amalan pendidikannya dalam satu situasi yang benar supaya boleh mendatangkan manfaat kepada semua . Penyelidikan tindakan juga boleh menghasilkan usahasama dalam kalangan pendidik dan dengan itu membolehkan seseorang pendidik itu bekerja dengan orang lain, dan untuk dirinya sendiri.

CIRI USAHASAMA DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN (PEMBINAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN)

Penyelidikan tindakan bertujuan untuk melibatkan manusia dalam penerokaan dan meningkatkan mutu amalan kerja manusia dalam penerokaan dan meningkatkan mutu amalan kerja dan kefahaman terhadap amalan kerja, serta suasana bekerja. Dalam situasi yang unggul, penyelidikan tindakan melahirkan suasana usahasama di antara rakan sekerja untuk belajar bersama.

PANDUAN MENULIS LAPORAN PENYELIDIKAN BAGI TUJUAN PENERBITAN

Sediakan kertas A4 yang berwarna putih. Jenis mesin taip hendaklah menggunakan komputer bagi memudahkan proses penerbitan. Jenis huruf yang digunakan ialah Time New Roman bersaiz 11. Bagi penaipan tajuknya, semua tajuk kecuali sub-tajuk hendaklah ditaip dengan huruf besar tebal di tengah-tengah antara jidar kiri dan jidar kanan. Selang barisnya pula ialah satu setengah langkau bagi teks am manuskrip.

Untuk proses cetakan, cetakan hendaklah pada satu halaman sahaja. Semasa menjilid halaman hendaklah diletak di sebelah kanan.

PENJILIDAN

Naskah-naskah untuk dihantar ke Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut-institut hendaklah dijilid oleh penyeldik dengan menggunakan kulit jenis tebal.

Naskah akhir untuk IPG: 5 naskah penyelidikan untuk IPG hendaklah oleh penyeldik setelah penyelidikan tersebut diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan maktab masing-masing.

- a. Penyelidikan berkenaan hendaklah dijilid dengan menggunakan kulit jenis balakom dan keterangan pada kulit hendaklah dicetak dengan huruf besar berwarna emas.

TOPIK 2

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

2.1 Jenis Penyelidikan

- 2.1.1 Penyelidikan asas
- 2.1.2 Penyelidikan gunaan
- 2.1.3 Penyelidikan tindakan
- 2.1.4 Penyelidikan penilaian

2.2 Pengenalan kepada Pelbagai Jenis Reka Bentuk Penyelidikan

2.2.1 Penyelidikan kuantitatif

- Kajian eksperimental
- Kuasi-eksperimental
- Kajian tinjauan
- Kajian korelasi

2.2.2 Penyelidikan kualitatif

- Kajian etnografi
- Kajian kes
- Kajian sejarah

2.0 PENGENALAN

Kebanyakan pakar penyelidikan pendidikan berpendapat bahawa bidang penyelidikan pendidikan boleh dikelaskan kepada dua kategori utama iaitu penyelidikan asas dan penyelidikan gunaan.

2.1 JENIS PENYELIDIKAN

- 2.1.1 Penyelidikan Asas
- 2.1.2 Penyelidikan Gunaan
- 2.1.3 Penyelidikan Tindakan
- 2.1.4 Penyelidikan Penilaian

2.1.1 PENYELIDIKAN ASAS

Menurut Mohd. Majid Konting (1990 : 9) penyelidikan asas merupakan penyelidikan yang menekankan tentang penemuan pengetahuan semata-mata untuk pengetahuan.

Penyelidikan asas biasanya lebih menumpukan kajian teori-teori yang wujud di dalam bidang pendidikan dengan lebih mendalam. Contohnya ialah kajian mendalam tentang teori ketegangan saraf oleh ahli psikologi merupakan satu jenis penyelidikan asas.

- i. Matlamat Penyelidikan Asas. Matlamat utama menjalankan penyelidikan asas adalah untuk memperolehi data empirik yang boleh digunakan untuk membentuk, mengembang dan menilai teori.
- ii. **Ciri –ciri Penyelidikan Asas**
 - Penyelidikan jenis ini kurang berorientasikan cara-cara ke arah penyelesaian masalah praktis.
 - Walaupun tujuan utama penyelidikan asas semata-mata untuk mengembangkan pengetahuan teori tanpa mengambil kira penggunaan praktis, namun keputusan-keputusan daripada penyelidikan jenis ini mungkin akhirnya digunakan untuk menyelesaikan masalah praktis. Contohnya, dapatan ahli psikologi tentang ketegangan persekitaran ke atas peningkatan tekanan darah boleh digunakan oleh guru-guru sekolah dalam menghadapi masalah peningkatan tekanan darah yang membawa kepada keadaan resah yang tinggi di kalangan para pelajar.

2.1.2 PENYELIDIKAN GUNAAN

2.2.1 Maksud Penyelidikan Gunaan

Penyelidikan yang penemuan-penemuannya boleh diaplikasikan kepada masalah sosial hari ini / semasa.

2.2.2 Tujuan Penyelidikan Gunaan

- i. Penyelidikan gunaan bertujuan untuk menyelesaikan masalah praktis yang dihadapi.
- ii. Penyelidikan ini juga dilakukan secara langsung ke atas masalah sebenar dan dilakukan di dalam situasi di mana masalah ditemui.
- iii. Hasil daripada penyelidikan gunaan dapat memberikan data samada menyokong sesuatu teori, mengubahsuaikan sesuatu teori ataupun perkembangan sesuatu teori.
- iv. Developmental Research juga merupakan sebahagian daripada Penyelidikan Gunaan. Ianya berkaitan dengan perkembangan produk yang berkesan untuk kegunaannya dalam institusi pendidikan. Contohnya, perkembangan rekabentuk kurikulum, garis panduan guru, bahan-bahan pembelajaran, sistem pengurusan dan sebagainya.

2.2.3 Contoh Penyelidikan Gunaan

- i. Penyelidikan ke atas proses
 - Proses pembelajaran berkesan
 - Proses pengeluaran bahan makanan
- ii. Penyelidikan ke atas produk
 - Kelebihan dan kekurangan produk
 - Kelemahan dan kekuatan modul
- iii. Penyelidikan Gunaan Dalam Sosial Sains
 - Pelajaran

- Usaha memupuk integrasi
- Penggunaan dan penagihan dadah
- Jenayah dan kenakalan
- Wanita sebagai tenaga kerja
- Masalah orang tua

2.2.3 PENYELIDIKAN TINDAKAN ACTION RESEARCH

Action research is social research carried out by a team encompassing a professional action researcher and members of an organization or community seeking to improve their situation.

Consists of 3 elements:

- Research: to generate new knowledge.
- Action: alter the current situation to betterment.
- Participation: participatory process of individuals

(Greenwood & Levin. Introduction to Action Research 1998: 4 & 6)

Menurut Lewin (1946) kajian tindakan merujuk kepada kajian yang dilakukan secara terus untuk menyelesaikan suatu masalah sosial yang dihadapi oleh pengkaji.

Kajian tindakan dilakukan untuk mencari penyelesaian masalah terus kepada masalah yang dihadapi. Kajian tindakan biasanya dilakukan dalam bidang-bidang yang memerlukan tindakan dalam jangka masa yang pendek, seperti bidang perubatan, keselamatan, pendidikan dan sebagainya. Kajian tindakan merupakan kajian dalam situasi sosial (keadaan organisasi) yang berhasrat untuk memperbaiki kualiti sesuatu amalan yang dilakukan oleh pengamal (individu yang terlibat dengan interaksi sosial tersebut)

2.3.1 Berdasarkan buku Literatur dan Kaedah Penyelidikan (2008)

- Penyelidikan tindakan adalah satu bidang soal selidik dan kajian berbentuk refleksi sendiri yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik atau individu.
- Tujuan penyelidikan tindakan ialah untuk mengesan keadaan dan masalah dalam amalan-amalan pendidikan atau sosial.
- Kajian ini digunakan untuk meningkatkan kefahaman terhadap amalan pendidikan atau sosial, dan seterusnya menambahbaikkan keadaan amalan-amalan tersebut.
- Dalam konteks profesionalisme keguruan, penyelidikan tindakan ini boleh digunakan untuk mengkaji masalah-masalah pendidikan dan memperbaiki keadaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

2.3.2 Pelopor Penyelidikan Tindakan dan Perkembangannya


- Penyelidikan Tindakan adalah dipelopori oleh Kurt Lewin pada 1952 di Amerika Syarikat.
- Idea yang dikemukakan oleh beliau telah digunakan oleh para pendidik untuk menjalankan kajian seperti keadaan kurikulum dan peningkatan profesionalisme keguruan.

- Pada tahun 1973, dibawah Ford Teaching Project, kaedah penyelidikan tindakan penuh digunakan oleh John Elliott dan Clem Adelman untuk mengkaji kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.
- Konsep penyelidikan tindakan ini seterusnya diperkembangkan oleh Kolb (1984) , Carr dan Kemmis (1986).
- Idea penyelidikan tindakan mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1988.

2.3.3 Konsep Penyelidikan Tindakan

Mengikut Kurt Lewin (1952) , seorang ahli psikologis sosial, proses penyelidikan tindakan ditinjau sebagai sesuatu kitaran tindakan kajian berlingkaran yang merangkumi empat peringkat iaitu :

- Merancang
- Bertindak
- Memerhati
- Membuat refleksi



Rajah 2.1 : Kitaran Penyelidikan Tindakan Berlingkaran Tradisi

2.3.4 Tindakan Berlingkaran Tradisi

Rancangan

- Merangkumi analisis masalah dan perancangan strategik

Tindakan

- Merujuk kepada pelaksanaan rancangan strategik tersebut.

Pemerhatian

- Meliputi penilaian tindakan dengan kaedah dan teknik yang sesuai

Refleksi

- Refleksi ialah menganalisis dan menginterpretasikan dapatan penilaian serta terhadap proses penyelidikan tindakan secara keseluruhan, yang mungkin

membawa identifikasi masalah baru, dan seterusnya menandakan kitaran baru dalam proses perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi dalam tahap 2

Mengikut Bogdan & Biklen (1982)


- Penyelidikan tindakan merupakan sesuatu inkuiri yang mengumpul secara sistematik dengan tujuan mengubah ataupun memperbaiki persekitaran sosial.

Menurut Kemmis (1982)

- Berpendapat penyelidikan tindakan merupakan inkuiri refleksi sendiri dengan tujuan memperoleh kefahaman dan mengetahui rasionalnya situasi tindakan itu dilakukan.

Kolb (1984)

- Kolb telah mengembangkan konsep penyelidikan tindakan Kurt Lewin dengan membentuk suatu model pembelajaran sebagaimana yang ditunjukkan dibawah.



Rajah 2.2: Model Pembelajaran Pengalaman Kolb berdasarkan konsep asas Lewin

2.3.5 Andaian Asas Model Kolb

Manusia boleh belajar dan mencipta ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman konkrit, melalui pemerhati dan refleksi terhadap pengalaman tersebut , diikuti dengan membentuk konsep dan generalisasi serta berupaya mengkaji implikasi konsep yang dibentuk dalam situasi baru yang seterusnya mewujudkan sesuatu pengalaman baru.

2.3.6 Carr & Kemmis (1986)

Telah mengenal pasti 3 jenis penyelidikan tindakan iaitu

- i. Technical
- ii. Praktikal
- iii. Emancipatory Penyelidikan

Carr & kemmis berpendapat penyelidikan tindakan merupakan sesuatu pendekatan alternatif untuk kajian sains sosial tradisi.

Maka penyelidikan tindakan ini merangkumi beberapa unsur iaitu :

a. Praktikal

- Dapatan dan kilasan yang diperolehi daripada kajian bukan sahaja mempunyai kepentingan teoritikal terhadap kemajuan keilmuan, tetapi juga membawa kemajuan praktikal semasa dan selepas proses penyelidikan dijalankan.

b. Pernyataan dan kolaborasi

- Di dalam proses penyelidikan, penyelidik bukan memainkan peranan sebagai pakar luar, tetapi sebagai peserta yang bekerja bersama dengan peserta-peserta yang melibatkan diri dalam masalah praktikal dan berharap mencapai kemajuan sebenar.

c. Pembebasan

- Pendekatan bukan berhierarki, iaitu kedudukan peserta-peserta semuanya mempunyai tanggungjawab yang sama, iaitu sama-sama memberi sumbangan kepada projek penyelidikan tindakan yang diusahakan.

d. Interpretatif

- Penyelesaian inkuiri sosial adalah berdasarkan pandangan dan interpretasi peserta-peserta.

e. Kritikal

- Peserta-peserta memainkan peranan sebagai agen kritik dan kritik sendiri, mengubah situasi dan juga sendiri dalam proses kajian.

f. Ortrun Zuber- Skerrit

- Dalam bukunya *Action Research in Higher Education* (1992)
- Telah menghuraikan penyelidikan tindakan sebagai sesuatu inkuiri kritis dan kolaboratif yang dijalankan oleh seorang penyelidik reflektif yang mempunyai akauntabiliti dan menghasilkan dapatan daripada inkuiri awamnya, di samping membuat penilaian sendiri dan melibatkan diri dalam penyelesaian masalah serta meneruskan perkembangan profesionalisme.

g. McBride & Schostok (1994)

- Menghuraikan penyelidikan tindakan “sebagai refleksi pengajaran seseorang guru dan mengalami sesuatu kitaran proses perubahan... fokus berpusat dalam penyelidikan ialah memperbaiki amalan pendidikan.”

2.1.3 DEFINISI PENYELIDIKAN TINDAKAN / KAJIAN TINDAKAN

a. Elliot & Adelman (1976)

- Kajian tindakan dalam bidang pendidikan sebagai satu pendekatan penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme para pendidik dengan cara menyelidik situasi sosial di institusi pendidikan.
- Tujuan kajian tindakan ialah memperbaiki kualiti amalan harian.

b. McNiff (1988)

- Satu pendedahan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia mengubah amalan. Pendekatan ini memerlukan guru melaksanakan inkuiri penemuan secara individu serta melibatkan guru-guru lain secara kolaboratif

c. Hanipah Hussin (2001)

- Satu usaha di bilik darjah yang bersifat cuba jaya dan berterusan. Penglibatan (pengurus sekolah, guru atau pelajar) membuat intervensi dan langkah-langkah pembaikan dalam usaha mendapatkan anjakan cara berfikir dan kesedaran yang baru.
- Ia dilaksanakan dalam apa jua keadaan dengan tujuan memperbaiki amalan kerja, menambah kefahaman baru dan meningkatkan profesionalisma.

Dalam Simposium Antarabangsa yang diadakan di Brisbane , Australia, pada bulan Mac 1989, peserta-peserta bersama berbincang dan berjaya menghasilkan definisi Penyelidikan Tindakan seperti berikut :

Penyelidikan tindakan wujud dalam situasi seperti berikut;

- i. Orang membuat refleksi dan memajukan kerja mereka dalam situasi sendiri.
- ii. Dengan menguhubungkan refleksi dan tindakan mereka secara erat-erat
- iii. Juga mengumumkan pengalaman mereka secara terbuka bukan sahaja, peserta-peserta lain, tetapi juga kepada orang lain yang berminat dan memberi perhatian terhadap kerja dan situasi, iaitu teori, amalan kerja dan situasi mereka.

Apabila sesuatu situasi didapati bertambahnya

- i. Pengumpulan data oleh peserta-peserta mereka sendiri yang berkaitan dengan soalan-soalan mereka sendiri.
- ii. Penyertaan (dalam mengemukakan soalan dan menjawab soalan) dalam membuat keputusan
- iii. Berkongsi kuasa dan mengelakkan amalan hierarki dalam kerja ke arah memupuk amalan demokrasi
- iv. Kolaborasi di antara ahli-ahli kumpulan sebagai komuniti kritikal
- v. Refleksi sendiri, penilaian sendiri dan pengurusan sendiri oleh orang dan kumpulan yang bertanggungjawab dan mempunyai autonomi.
- vi. Belajar secara progresif melalui kesilapan dalam sesuatu lingkaran refleksi sendiri daripada perancangan, tindakan, pemerhatian, refleksi, perancangan semula, dan sebagainya.
- vii. Refleksi yang menyokong idea daripada pengamal reflektif .

CIRI-CIRI PENYELIDIKAN TINDAKAN

Menurut Mook Soon Sang (2008)

Berdasarkan huraian konsep dan definisi penyelidikan tindakan, maka dapat disimpulkan beberapa ciri-cirinya:

- i. Biasanya dijalankan secara kumpulan dan secara usahasama dalam proses penyelidikan
- ii. Menekankan perhubungan teori dengan amalan
- iii. Bertujuan untuk membentuk sikap komuniti supaya bersifat kritis terhadap keadaan persekitaran dan diri sendiri, dan memperbaiki kerja kumpulan dan seterusnya untuk kebaikan orang lain.
- iv. Berbentuk lingkaran renungan sendiri yang merangkumi empat peringkat iaitu tinjauan, perancangan, pelaksanaan dan pemerhatian dan refleksi.
- v. Proses penyelidikan tindakan tidak terhad atau berhenti dalam kajian satu tahap sahaja. Ia boleh dijanakan kepada beberapa tahap kitaran jika difikir perlu, sehingga hasil kajian itu telah mencapai peringkat optimum.
- vi. Segala proses penyelidikan meliputi penggunaan dan penyimpanan data dan rekod secara sistematik.
- vii. Penyelidikan adalah tertumpu kepada penyelesaian masalah dalam bilik darjah
- viii. Tidak mempunyai objektif untuk membuktikan hipotesis atau memberi sumbangan kepada sains. Hasil kajian adalah digunakan untuk mempertingkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah


Menurut Chua Yan Piaw (164)

- Kajian tindakan ialah kajian ruang dilakukan untuk menyelesaikan masalah sosial
- Kajian tindakan bertujuan memperbaiki keadaan semasa
- Kajian tindakan ialah satu proses reflektif
- Kajian tindakan merupakan satu proses yang berulang
- Kajian tindakan dilakukan secara sistematik
- Kajian tindakan ditentukan oleh pengamal
- Maslaah kajian tindakan adalah berkaitan dengan keadaan tingkah laku sosial.

Tujuan –Tujuan Penyelidikan Tindakan

- i. Menggalakkan guru membuat refleksi terhadap masalah-masalah pendidikan yang dijumpai semasa menjalankan aktiviti pengajaran, mengesan dan memperbaiki kelemahan dan kekurangannya, dan seterusnya mencapai tahap prestasi yang lebih baik serta berkesan
- ii. Dapat merapatkan jurang di antara teori dengan praktis dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan dengan ini guru dapat membina kemahiran mengajar dengan lebih sempurna serta berkesan
- iii. Hasil kajian penyelidikan akan membolehkan guru berpeluang mengubah kaedah dan teknik mengajarnya supaya mencuba sesuatu kaedah mengajar baru yang lebih sesuai.
- iv. Guru dapat meneliti aktiviti pengajarannya secara terperinci dengan aktiviti refleksi. Tinjauan ini akan memberi keyakinannya apabila menjalankan aktiviti pengajaran pada masa depan.
- v. Mengulang kitaran kedua sehingga kemajuan amalan telah mencapai tahap yang dianggap memuaskan.
- vi. Melaporkan hasil dapatan yang diperolehi, dan jika perlu, menyediakan kertas kajian untuk dibentang dan dibincangkan dalam sesuatu konferens yang akan dianjurkan, kemudian mengulangkaji kertas kajian berdasarkan hasil perbincangan supaya

diterbitkannya dalam jurnal pendidikan dengan tujuan berkongsi pengalaman dan hasil dapatan secara terbuka dengan pendidikan



Rajah 2.2: Model Penyelidikan Tindakan

Model Pemikiran Kurt Lewin

- i. Setiap tahap mengandungi empat langkah utama yang berbentuk gelungan, bermula dengan perancangan, diikuti dengan tindakan, pemerhatian dan refleksi.
- ii. Mengikut Lewin, masalah yang dikaji dalam Tahap Pertama boleh disambung dan diteruskan di dalam Tahap Kedua, Tahap Ketiga, dan seterusnya, sehingga masalah yang berbangkit atau berkaitan telah diselesaikan secara optimum.
- iii. Asal-usul model pemikiran penyelidikan tindakan Kurt Lewin adalah digunakan untuk kajian perhubungan dan interaksi manusia.

Model Pemikiran Stephen Kemmis

- i. Stephen Kemmis, Dekan Universiti ,Victoria di Australia
- ii. Model ini berasaskan model pemikiran Kurt Lewin, tetapi telah diubah suai untuk digunakan dalam kajian masalah pendidikan.
- iii. Skema kajian selain merangkumi langkah-langkah perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi, beliau telah menambah langkah perancangan semula sebagai asas penyelesaian masalah sendiri.
- iv. Model Pemikiran Kemmis hanya menumpukan kajian terhadap satu masalah sahaja.

Model Pemikiran John Elliot


- i. John Elliot, Profesor Pendidikan di Universiti East Anglia dan Penyelaras Classroom Action Research Network, CARN (1985)
- ii. Telah mengemukakan Model Proses Penyelidikan Tindakan yang diubahsuai daripada model Proses Penyelidikan Kemmis.
- iii. Model ini lebih terperinci dan praktikal dalam proses perlaksanaan.
- iv. Di dalam langkah-langkah pelaksanaan kajian Tahap Pertama, model proses penyelidikan tindakan John Elliot bermula dengan mengenal pasti masalah, diikuti dengan tinjauan untuk mencari fakta dan membuat analisis, barulah menyediakan rancangan umum berdasarkan analisis daripada tinjauan terlebih dahulu, diikuti dengan suatu siri tindakan, pengawasan pelaksanaan, dan akhirnya membuat tinjauan melalui refleksi.

- v. Model ini lebih sesuai digunakan untuk guru-guru pelatih dan guru-guru yang baru menceburi dalam bidang pendidikan.
- vi. Model ini mempunyai langkah-langkah yang lebih tersusun serta sempurna.
- vii. Topik masalah dikenal pasti untuk dikaji adalah disokong dengan fakta-fakta tinjauan persediaan rancangan umum, dan tindakan-tindakan khusus adalah berdasarkan fakta-fakta tinjauan.
- viii. Semua dapatan kajian yang dinilai dan ditafsir akan memberi idea umum yang baru untuk menyediakan rancangan dan tindakan dalam tahap kedua.

Skema Penyelidikan Jack Whitehead

- i. Jack Whitehead dari Universiti Bath, U.K.
- ii. Berpendapat bahawa guru sendiri hendaklah memainkan peranan utama dalam kajian.
- iii. Mengikut beliau, skema yang diutarakan oleh Kemmis dan Elliot tidak memberi gambaran situasi pendidikan yang praktikal, kerana hasil penyelidikan tindakan yang berdasarkan skema mereka merupakan kajian pendidikan diskriptif biasa atau laporan perkembangan pendidikan sahaja.
- iv. Jack Whitehead menekankan penilaian sendiri melalui persoalan sendiri adalah penting untuk memperolehi maklumat yang berguna tentang masalah pendidikan yang dihadapi diri sendiri.
- v. Beliau mencadangkan satu skema kajian berbentuk ungkapan dan berdasarkan proses penilaian sendiri.

Skema Penyelidikan Jack Whitehead



PELAKSANAAN PROSES PENYELIDIKAN TINDAKAN

Proses penyelidikan tindakan mengandungi 4 peringkat utama iaitu :



Rajah 2.3 : Proses Penyelidikan Tindakan

PROSEDUR PENYELIDIKAN TINDAKAN

- i. Mengenal pasti keperluan untuk penyelidikan
- ii. Mengkaji, mengesan dan menentukan tema, objektif dan hipotesis penyelidikan
- iii. Menyedia dan merancang penyelidikan
- iv. Menentukan calon-calon untuk dikaji
- v. Memilih pembantu untuk menjalankan kajian
- vi. Menentukan kaedah penyelidikan
- vii. Menentukan cara pelaksanaan penyelidikan
- viii. Menyediakan soalan-soalan dan alat kajian untuk digunakan dalam temu bual atau soal selidik

- ix. Menentukan kaedah pentafsiran
- x. Menyediakan jadual pelaksanaan
- xi. Melaksanakan penyelidikan berdasarkan jadual pelaksanaan
- xii. Mengumpul data, dan membuat pentafsiran serta kesimpulan
- xiii. Menyediakan laporan.

2.1.4 PENYELIDIKAN PENILAIAN (EVALUATION RESEARCH)

Morrison (1993) Merujuk definisi penilaian sebagai penyampaian maklumat mengenai isu-isu spesifik yang mana pendapatnya adalah berdasarkan keputusan daripada tindakan yang telah diambil.

Maka dapat disimpulkan beberapa ciri utama yang terkandung dalam penyelidikan penilaian iaitu :

- i. Mengumpul maklumat
- ii. Menjawab soalan spesifik yang diperuntukan
- iii. Menimbangkan dengan teliti akibat daripada tugas yang dispeksifikasikan
- iv. Membuat keputusan pendapat.

Elemen – Elemaen Penyelidikan Penilaian

- i. Tujuan
- ii. Objektif
- iii. Deskriptif
- iv. Asas Inkuiri
- v. Skop Kajian
- vi. Pendekatan Kajian
- vii. Prosedur Kajian
- viii. Kriteria
- ix. Tempoh Kajian

Tujuan

- Menentukan penyelesaian masalah yang dikemukakan dan memberi cadangan perubahan

Objektif

- Membuat keputusan berdasarkan penilaian, mislanya menilai keberkesanan polisi atau projek

Deskriptif

- Menjelaskan situasi masalah yang timbul

Asas Inkuiri

- Inkuiri dijalankan atas permintaan klien-klien terhad

Skop Kajian

- Fenomena dibawah kajian lebih berpusatkan lokaldaripada universiti

Pendekatan Kajian

- Penggunaan kaedah-kaedah penyelidikan berkaitan dengan penyelidikan kuantitatif atau kualitatif atau kedua-duanya

Prosedur Kajian

- Perancangan – pengujian-pengukuran- penganalisan-interpretasi-penilaian

Kriteria

- Mengutamakan kebolehpercayaan dan kebolehtadbiran, termasuk aplikasi Tempoh Kajian
- Menepati tempoh masa yang diperuntukan.

Tujuan –Tujuan Penyelidikan Penilaian

Menurut Desmond Nuttal (1990) penyelidikan adalah bertujuan untuk;

- i. Akauntabiliti dua hala guru dan murid demi mengenal pasti manfaat yang optimum, termasuk peruntukan sumber dan kemudahan
- ii. Untuk menambahbaikkan kursus dalaman dan kursus peningkatan ilmu profesionalisme keguruan
- iii. Untuk mengenal pasti, membentuk, menyembah dan memperkenalkan hasil penilaian kepada orang-orang yang berkaitan, termasuk ibu bapa demi menjalin hubungan awam dengan lebih erat
- iv. Untuk menyediakan maklumat dasar, perancangan, keputusan, dan cadangan.
- v. Digunakan sebagai cara untuk keperluan diagnosis
- vi. Untuk penerokaan ke arah pertambahan kefahaman
- vii. Digunakan sebagai keberkesanan proses pembelajaran.

Indikator Penilaian / Faktor Penilaian

- i. Kepuasan guru
- ii. Kesan ilmu, kemahiran dan sikap guru
- iii. Kesan amalan atau perkembangan profesional
- iv. Kesan kerjaya atau peranan guru
- v. Kesan sekolah atau budaya pasukan
- vi. Kesan pembelajaran murid
- vii. Kesan pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Perancangan Penyelidikan Penilaian

- i. Kaedah–kaedah mengumpul data untuk penyelidikan penilaian merangkumi salah satu atau lebih daripada kaeda berikut :
- ii. Soalan-soalan selidik
- iii. Temu bual
- iv. Pemerhatian
- v. Menganalisis dokumen-dokumen
- vi. Menginterpretasikan diari-diari

Peringkat –Peringkat Perancangan dan Perlaksanaan Penyelidikan Penilaian

- a. Perancangan
 - i. Menyediakan pelan tindakan
 - ii. Menjelas tujuan
 - iii. Mengenal pasti peserta-peserta
 - iv. Mengenal pasti soalan-soalan kajian
 - v. Mengenal pasti kriteria

- vi. Menjelas peraturan kajian
- b. Pungutan Data
 - i. Perlaksanaan penyelidikan
 - ii. Soalan-soalan selidik
 - iii. Interviu / temu bual
 - iv. Pemerhatian
 - v. Analisis Dokumen
 - vi. Lain-lain
- c. Analisis Data
 - i. Analisis
 - ii. Interpretasi
 - iii. Menilai
 - iv. Membuat keputusan / kesimpulan
- d. Laporan
 - i. Penulisan laporan
 - ii. Usul/ cadangan
 - iii. Tindakan susulan

Penilaian Dasar

- i. Merupakan salah satu jenis penyelidikan penilaian kecuali fokus kajiannya hanya ditumpukan kepada bidang polisi sahaja.
- ii. Ini bermakna, menjalankan penyelidikan dasar bukan berlandaskan instrinsik, tetapi ekstrinsik iaitu atas permintaan klien.
- iii. Dalam penyelidikan pendidikan, banyak penyelidikan dasar adalah di bawah jurusan institusi pendidikan.
- iv. Penilaian dasar merupakan kerja tugas untuk menjalankan kajian dasar pendidikan dengan tujuan menilai kekuatan dan kelemahan dasar yang sedia ada dan seterusnya menimbang dan mengemukakan cadangan perubahan atau penambahbaikan dasar yang sedang dilaksanakan.
- v. Penyelidikan dasar merangkumi pelbagai bentuk bergantung kepada mana lokasinya digunakan untuk pelaksanaan proses pembentukan dasar.

Bentuk –Bentuk Penyelidikan Dasar

- i. Penyelidikan dan pembangunan
- ii. Penyelesaian masalah
- iii. Model interaktif
- iv. Model taktikal
- v. Model kurikulum
- vi. Penilaian merupakan cara untuk keperluan diagnosis, meneroka, untuk memperolehi kefahaman yang lebih mendalam.

- vii. Dapat disimpulkan bahawa penyelidikan dasar boleh merupakan salah satu subset dalam penyelidikan penilaian.

2.2 PELBAGAI JENIS REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Penyelidikan Kuantitatif

- a) Kajian eksperimental
- b) Kuasi eksperimental
- c) Kajian tinjauan
- d) Kajian korelasi

2.2.1 Pendekatan Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif biasanya digunakan untuk menjalankan penyelidikan berbentuk empirikal. Kajian ini merujuk kepada kajian yang berfokus atas tugas bagi mengenal pasti dan menguji suatu hukum atau peraturan berasaskan tingkah laku dan satu situasi yang dianggap unik. Penyelidikan yang menggunakan pendekatan kuantitatif bagi memfokuskan kajian terhadap perkara atau situasi yang kompleks melalui kaedah saintifik. Biasanya fokus kajian kuantitatif adalah merujuk kepada kajian hubungan dan interaksi di antara beberapa pembolehubah. Sasaran utama penyelidikan kuantitatif ialah objektiviti. Peranan utama untuk menguji hipotesis atau model kajian dengan lebih teliti.

Penyelidikan Kuantitatif

Menurut Mok Soon Sang (2008) penyelidikan kuantitatif merupakan penyelidikan yang menggunakan data bagi menjelaskan fenomena dalam situasi. Penyelidikan ini dapat dikategorikan kepada beberapa jenis penyelidikan secara kuantitatif iaitu penyelidikan eksperimental, korelasi, penilaian dan dasar.

PENYELIDIKAN EKSPERIMENTAL

Penyelidikan eksperimental merupakan sejenis kajian kawalan terhadap pembolehubah-pembolehubah di bawah sesuatu situasi yang dimanipulasikan oleh penyelidik. Selain itu, Dalam Penyelidikan Eksperimental kajian sampel atau kumpulan kawalan diletakkan dalam makmal, atau dibawah situasi yang sebenar.

Tujuan Penyelidikan Eksperimental

- Penyelidik membuat perbandingan di bawah situasi terkawal
- Kemudian membuat generalisasi mengenai keberkesanan
- Memperolehi pengukuran dijalankan secara objektif
- Penyelidikan bagi mengenal pasti sebab dan akibat.

Fokus Penyelidikan Eksperimental

- Keadaan asal, intervensi dan hasil
- Percubaan kawalan secara rawak

Ciri-Ciri Penyelidikan Eksperimental

- Kumpulan eksperimental dalam kawalan
- Situasi dijalankan dalam makmal
- Sebab dan akibat adalah hasil intervensi ujikaji
- Kajian tidak menguji nilai atau kegunaannya.

Jenis-Jenis Bentuk Penyelidikan Eksperimental

Pada amnya, terdapat 3 jenis bentuk penyelidikan eksperimental iaitu :

- a) Penyelidikan eksperimental tulen
- b) Penyelidikan eksperimental luar makmal
- c) Penyelidikan eksperimental semula jadi

a. Penyelidikan Eksperimental Tulen

1. Penyelidikan jenis ini merupakan ujikaji kawalan di dalam keadaan makmal yang merangkumi dua atau lebih daripada 2 kumpulan.
2. Penyelidikan eksperimental tulen lazimnya merangkumi aspek :
 - a) Melibatkan satu atau lebih kumpulan eksperimental dan juga kumpulan kawalan.
 - b) Peserta-peserta baik dalam kumpulan eksperimental mahupun kumpulan kawalan adalah dipilih secara rawak.
 - c) Praujian dan posujian dijalankan atas kedua-dua kumpulan untuk memastikan konsistensi.
 - d) Sekurang-kurangnya ada satu intervensi untuk kumpulan eksperimental
 - e) Pembolehubah-pembolehubah independen adalah diasing, dikawal dan dimanipulasi
 - f) Tiada faktor atau pengaruh lain yang tidak diingini di antara kumpulan eksperimental dengan kumpulan kawalan.

Langkah-Langkah Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Eksperimental

- a. Menenal pasti tujuan ujikaji
- b. Memilih secara rawak pembolehubah-pembolehubah yang relevan
- c. Menentukan peringkat intervensi, iaitu intervensi rendah, sederhana atau tinggi
- d. Mengawal keadaan eksperimental termasuk alam sekitarnya
- e. Memilih kaedah uji kaji yang sesuai
- f. Mentadbir praujian untuk memastikan aspek-aspek yang sama
- g. Menentukan pesertapeserta untuk kumpulan eksperimental & kawalan
- h. Menguruskan intervensi yang telah ditentukan
- i. Mentadbirkan posujian untuk mengenal pasti kesan atas pembolehubah dependen
- j. Menganalisis, menginterpretasi dan menilai hasil ujikaji & seterusnya menyediakan laporan

Asas Reka Bentuk kajian Eksperimental

Reka bentuk kajian eksperimental direka khas untuk menilai keberkesanan iaitu kesan suatu program. Selain itu, menekankan kepada perbandingan antara dua atau lebih set data-data.

Reka bentuk eksperimental memberi keyakinan kepada pengkaji bahawa hasil pemerhatian dalam kajian adalah akibat daripada pengaruh program tersebut.

Contohnya :

Reka bentuk eksperimental membantu pengkaji untuk menjawab soalan-soalan seperti berikut :

Adakah program membaca meningkatkan prestasi pelajar ?

Adakah program Bina Insan meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar?

KAJIAN KUASI – EKSPERIMENTAL

Kajian ini biasanya digunakan untuk menilai suatu program apabila responden kajian tidak dapat diagihkan secara rawak. Dalam reka bentuk ini terdapat 2 kumpulan responden adalah tidak seimbang dan tidak mempunyai ciri-ciri yang sama. Masalah yang biasa akan dialami oleh pengkaji ialah kurang yakin sama ada terdapat perubahan pada responden kumpulan rawatan di akhir kajian kerana rawatan yang diberikan kepadanya atau faktor-faktor lain-lain, kerana sebelum rawatan diberikan, kedua-dua kumpulan responden sudah tidak sama dari pelbagai banyak aspek. Ringkasnya, dalam pelbagai keadaan reka bentuk eksperimental dilakukan dengan tidak menggunakan kumpulan-kumpulan responden yang diagih secara rawak reka bentuk kuasi-eksperimental diperlukan.

Reka bentuk kuasi-eksperimental digunakan untuk menggantikan reka bentuk eksperimental benar apabila dalam proses pemilihan responden kajian, pengagihan rawak dapat dilakukan.

Jenis Reka Bentuk Kajian Kuasi-Eksperimental

- a. Reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan-kumpulan tidak seimbang
- b. Reka bentuk regresi tidak bersambungan
- c. Reka bentuk siri masa

a. Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca Kumpulan-Kumpulan Tidak Seimbang

Ujian Pra-Pasca kumpulan-kumpulan yang tidak seimbang merupakan reka bentuk yang sering digunakan dalam penyelidikan kuasi-eksperimental. Reka bentuk ini mengandungi dua kumpulan responden, terdiri dari kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Reka bentuk ini hampir sama dengan reka bentuk ujian pra-pasca bagi eksperimental sebenar, yang membezakan kedua-dua kumpulan responden tidak diperoleh melalui pilihan rawak. Pengkaji biasanya menggunakan pasangan kumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Pengkaji akan berusaha memilih dua kumpulan yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama tanpa menggunakan prosedur pengagihan rawak.

b. Reka Bentuk Regresi Tidak Bersambungan

Reka Bentuk Regresi Tidak Bersambungan merupakan reka bentuk kuasi-eksperimental yang biasanya digunakan dalam kajian berkaitan dengan kumpulan khas, yang lebih lemah dalam sesebuah organisasi. Ia sesuai digunakan untuk menilai keberkesanan program pemulihan dalam sesebuah kelas atau sebuah sekolah. Rangka reka bentuk ini hampir sama dengan reka bentuk ujian pra-pasca. Keistimewaannya ialah kaedah pemilihan kumpulan rawatan dan kumpulan responden adalah berdasarkan mata

pemisahan. Ia menggunakan kaedah pemilihan responden yang unit yang berbeza dengan reka bentuk kuasi-eksperimental yang lain.

c. Kelebihan reka bentuk regresi tidak bersambungan

Pengkaji boleh memberi rawatan kepada kumpulan responden yang sangat memerlukan rawatan.

Reka Bentuk Siri Masa

Reka Bentuk Siri Masa melibatkan beberapa pengukuran yang sama ke atas variabel bersandar pada tempoh masa yang berlainan sebelum dan selepas rawatan diberikan. Ia merupakan kajian jangka masa panjang yang memerlukan masa dan banyak tenaga. Pengukuran yang berulang beberapa kali sebelum dan selepas rawatan diberikan kepada kumpulan rawatan dapat meningkatkan kebolehpercayaan reka bentuk ini. Kajian masih mempunyai had seperti reka bentuk kuasi eksperimental yang lain seperti pengagihan responden tidak dapat dilakukan secara rawak.

KAJIAN TINJAUAN

Menurut Chua Yan Piaw (2006 : 107), kajian tinjauan survey merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang sains sosial seperti majalah, akhbar, dan televisyen bagi mendapat pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu semasa. Kajian tinjauan juga digunakan untuk melihat keberkesanan sesuatu produk atau rancangan yang telah dijalankan.

Ciri –Ciri Kajian Tinjauan

a. Penggunaan yang menyeluruh

- Kajian ini boleh digunakan untuk menyelesaikan pelbagai jenis soalan , seperti isu dan masalah pada pelbagai perspektif, terutamanya berkaitan masalah seperti menghuraikan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan sebagainya.

b. Cara pengendalian yang digemari

- Kajian ini dilakukan melalui pemberian soal selidik atau temu bual atau kedua-dua sekali.

c. Cara memungut data yang cepat

- Jawapan yang diberi dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat. Keputusan analisis diperolehi juga dapat diperolehi dalam masa yang singkat.

d. Penggunaan saiz sampel yang besar

- Kajian tinjauan boleh dilakukan dengan menggunakan saiz sampel yang besar, apabila tidak dapat dilaksanakan menggunakan kaedah kajian.

e. Maklumat yang terus

- Maklumat dapat dikumpul secara terus daripada responden dalam masa yang singkat.

f. Keupayaan keputusan kajian digeneralisasikan

- Hasil kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan.

Kajian tinjauan boleh mewakili semua kaedah kajian yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek. Kajian tinjauan dilakukan dengan cara menemubual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek kajian. Oleh yang demikian dalam kajian tinjauan, soalan kajian akan diberi secara lisan atau secara kertas-pensil. Soalan yang diberikan kepada subjek kajian mestilah ringkas, jelas dan mudah difahami, jika tidak, data yang dikutip kurang tepat dan rendah kebolehpercayaannya. Saiz kajian tinjauan biasanya lebih besar berbanding dengan saiz sampel yang digunakan dalam kaedah eksperimental.

Fungsi Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan selalu dijalankan dalam bidang pendidikan, perniagaan, keselamatan, masalah pembangunan kerajaan, kesihatan orang awam, masalah sosial, politik, psikologi dan sosiologi. Kajian tinjauan dapat mengumpul jawapan yang terus dari subjek kajian, dan dapat menghurai fenomena yang diminati oleh pengkaji. Kajian tinjauan biasanya digunakan bagi membuat ramalan tentang sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat.

Proses Kajian Tinjauan

- a. Menyatakan tujuan kajian
- b. Mengenal pasti sumber yang diperlukan
- c. Mengenal pasti populasi sasaran
- d. Menentukan saiz sampel
- e. Menentukan kaedah kajian tinjauan
- f. Menyediakan instrumen kajian
- g. Menganalisis data kajian
- h. Menggeneraslisasi hasil kajian

Ciri-Ciri Instrumen Soal-Selidik Untuk Temu Bual

- a. Sesuai dengan kesediaan reponden
 - Instrumen kajian yang disediakan perlu sesuai dengan latar belakang dan kesediaan reponden kajian.
 - Soalan yang dibina mestilah dinyatakan dengan teliti dan juga tidak berat sebelah.
- b. Instrumen mesti mempunyai format yang sistematik
 - Soalan-soalan perlu disusun secara sistematik dan teratur.
 - Ruang yang memadai untuk menjawab setiap soalan.
- c. Arahan yang jelas
 - Arahan bagi menjawab soalan mestilah jelas dan tidak responden tidak menjawab dengan ragu-ragu.
- d. Surat kebenaran dan dokumen sokongan disertakan bersama instrumen kajian
 - Surat dan dokumen haruslah ringkas dan menggunakan format yang profesional.

- Tentukan kadar pemulangan jawapan dan meningkatkan kepercayaan responden kajian terhadap kajian yang dilakukan.
- e. Instrumen perlu dijalankan ujian rintis sebelum instrumen digunakan
- Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen kajian.
 - Dilakukan ke atas sekumpulan subjek yang berbeza tetapi mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek kajian yang sebenar.

Temu bual untuk kajian tinjauan

Kajian tinjauan boleh menggunakan kaedah temu bual atau soal selidik sebagai instrumen kajian. Penggunaan temu bual atau soal selidik sebagai instrumen kajian bergantung kepada jenis maklumat yang diinginkan kumpul. Temu bual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Kaedah temu bual sama dengan kaedah soal selidik dalam banyak aspek, perbedaannya ialah cara melaksanakan kajian, iaitu melalui temu bual secara lisan dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, atau melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain.

Definisi Temu Bual

Perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan interaksi bersemuka antara pengkaji dan responden. Temu bual dijalankan bertujuan mendapatkan maklumat dari responden secara lisan. Menurut Denzin (2001), temu bual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar mengenai suatu fenomena.

Jenis-jenis Temu Bual

- a. Temu bual berstruktur
- b. Temu bual spara struktur
- c. Temu bual tidak berstruktur

a. Temu Bual Berstruktur

Temu bual berstruktur dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang berturutan dan perlu dijawab oleh responden. Penemubual dikehendaki mengemukakan soalan berdasarkan senarai soalan yang telah dibina, dan soalan-soalan yang sama kepada setiap responden. Fungsi soalan adalah untuk memberi rangsangan yang serupa kepada semua subjek. Soalan-soalan yang dibina mesti berupaya mengumpul maklumat yang mencerminkan konsep variabel dalam kajian. Soalan-soalan temu bual juga mesti selaras dengan objektif kajian. Tiga andaian asas pembentukan soalan temu bual berstruktur ialah :-

- a. Semua responden mempunyai keupayaan berbahasa yang sama.
- b. Soalan-soalan dibina menggunakan bahasa yang boleh difaham dengan jelas oleh setiap responden.
- c. Setiap soalan hendaklah membawa maksud yang sama kepada setiap responden, iaitu setiap responden menanggapi pengertian yang sama terhadap soalan yang dibaca.

Ciri-Ciri Temu Bual Berstruktur

- a. Setiap soalan yang dibina adalah berdasarkan objektif kajian.
- b. Setiap perkataan dalam ayat yang ditanya hendaklah sama dengan perkataan dan ayat yang tertulis dalam senarai soalan dalam temu bual.
- c. Penemuduga tiada penjelasan soalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan
- d. Tiada soalan tambahan ditanya selain
- e. Format temu bual berstruktur harus sama dengan ujian soal selidik kertas-pensil, yang berbeza hanya ia dilaksanakan secara lisan.

b. Temu Bual Spara Struktur

- a. Kaedah temu bual spara struktur adalah berformatkan antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.
- b. Dalam temu bual spara struktur, pengkaji menyoal sebilangan berdasarkan soalan yang telah disediakan, tetapi penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan

Andaian Temu Bual Spara Struktur

- a. Setiap soalan boleh diberi berdasarkan aras bahasa yang berbeza kerana setiap responden mempunyai keupayaan memahami bahasa yang berbeza.
- b. Soalan yang digunakan dalam temu bual spara struktur boleh diubahsuai dan disusun mengikut urutan tertentu supaya setiap responden boleh memahami dengan baik.
- c. Pengkaji melihat isu berdasarkan perspektif subjek, maka aras bahasa dalam soalan boleh diubahsuai mengikut keperluan dalam proses temu bual.
- d. Dalam sesi temu bual spara struktur, hujah galakan minimum sering digunakan.
 - i. Contoh hujah galakan :- “Apakah yang anda maksud ?..”
 “Kenapa...”
 “Bagaimana”

Ciri-Ciri Temu Bual Spara-Struktur

- a. Dijalankan secara separa formal
- b. Soalan temu bual boleh disusun berdasarkan urutan semasa sesi temu bual dijalankan
- c. Ayat yang digunakan fleksibel dan boleh diubahsuai
- d. Aras bahasa dalam soalan temu bual boleh diselaraskan dengan keupayaan bahasa responden
- e. Soalan boleh jelaskan
- f. Soalan boleh ditambah atau dikurangkan mengikut keperluan

c. Temu Bual Tidak Berstruktur

- 1. Temu bual tidak berstruktur adalah bertentangan dengan temu bual berstruktur

2. Dalam temu bual tidak berstruktur, penemubual tidak menggunakan senarai soalan yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan.
3. Ketika sesi temu bual, penemubual akan membina dan mengubah suai soalan selepas satu soalan ditanya berdasarkan kepada dua aspek iaitu :-
 - a. Jawapan subjek kajian
 - b. Objektif kajian. Soalan-soalan dibina dalam sesi temu bual secara spontan.

Ciri-Ciri Temu Bual Tidak Berstruktur

1. Keseluruhan sesi temu bual dijalankan secara tidak formal.
2. Soalan tidak berurutan.
3. Sekiranya tiada senarai soalan temu bual, pengkaji perlu mempunyai rangka ringkas mengenai maklumat yang ingin dikutip daripada responden.
4. Penemubual boleh menyoal, membuat penjelasan dan mengubahnya mengikut keadaan, subjek yang berlainan.

KAJIAN KORELASI

Definisi Kajian Korelasi

Menurut Mohd Najib (1999) Kajian korelasi adalah kajian yang bagi melihat hubung kait atau pengaruh antara satu faktor dengan faktor yang lain. Kajian korelasi menggunakan ujian statistik korelasi dalam reka bentuk. Kajian ini juga menggunakan pelbagai teknik kajian.

Ciri –Ciri Kajian Korelasi

Korelasi memerlukan dua jenis data yang mengandungi satu sampel untuk dihubungkan dalam kajian yang dilakukan. Kajian korelasi juga wujud dalam bentuk skala ordinal atau pangkatan. Indeks korelasi merupakan penunjuk kekuatan atau arah hubungan antara dua pemboleh ubah yang dihubungkan dalam kajian. Koefisien korelasi adalah untuk menentukan darjah kekuatan perkaitan antara dua pemboleh ubah tadi. Kajian Korelasi sesuai digunakan untuk kajian sains tulen kerana perkara ini tidak seperti kajian sains sosial yang mempunyai banyak pemboleh ubah.

Kelemahan Kajian Korelasi

Walau bagaimana pun kajian korelasi hanya memungkinkan hubungkait antara dua pemboleh ubah sahaja. Ia tidak sesuai digunakan untuk kajian yang berbentuk sains sosial kerana dalam kajian sains sosial terdapat banyak pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi sesuatu tingkah laku seseorang. Penggunaan indeks korelasi dalam ujian hanya menerangkan kekuatan tetapi tidak menerangkan tentang punca dan kesan sesuatu kajian. Ini disebabkan tiada kawalan ke atas faktor-faktor lain. Kajian korelasi juga tidak dapat menunjukkan perbezaan yang persis dan jita terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah yang ada.

Data Kualitatif

Data Kualitatif ialah data yang bukan berbentuk angka yang diperolehi dari berbagai sumber seperti rekaman, pengamatan, wawancara, atau bahan berbentuk tertulis.

Pengumpulan data kualitatif

Setelah objektif dan soalan kajian dikenalpasti, maklumat-maklumat yang relevan dan cukup perlu dikumpul dari pelbagai sumber untuk dianalisis dan dibuat refleksi. Sebarang maklumat dalam apa jua bentuk dapat menjelaskan situasi dikaji yang dinamakan data. Dalam usaha mencari data dan mengumpul, penyelidik hendaklah tidak mengabaikan bahan-bahan yang sedia ada seperti rekod prestasi murid, hasil kerja, kertas jawapan, peperiksaan, pekeliling dan dokumen lain yang berkaitan di samping memperoleh data-data yang baru.

Teknik-teknik Mengumpul Data Kualitatif

Pelbagai teknik boleh digunakan oleh penyelidik untuk memperoleh data. Pelbagai teknik yang sesuai dan bergantung kepada tujuan, situasi dan kemahiran penyelidik.

Data Melalui Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu cara dalam proses pengajaran pembelajaran. Seorang guru sentiasa memerhati reaksi muridnya untuk memastikan komunikasi berlaku antara guru dengan murid serta antara murid dengan murid. Pemerhatian juga membantu guru menentukan kesediaan dan penerimaan murid terhadap pengajarannya. Dalam proses pemerhatian ialah penyelidik hendaklah berusaha melakukan pemerhatian tanpa ditanggap oleh pelbagai prasangka terhadap sasaran yang dikaji. Melalui pemerhatian yang dirancang dan sistematik, pelbagai data yang berguna dapat diperolahi untuk membantu penyelidikan tindakan dalam pendidikan.

Terdapat empat cara membuat untuk pemerhatian.

1. Pemerhatian secara langsung boleh dilakukan pada setiap masa dengan meneliti segala perlakuan dan perubahan kejadian dalam situasi yang dikaji. Teknik ini tidak memerlukan apa-apa peralatan khas melainkan pen dan kertas saja. Antara pertimbangan yang perlu difikirkan sebelum melakukan pemerhatian

Apakah yang hendak diperhatikan?

Berdasarkan fokus penyelidikan yang telah dipilih penyelidik hendaklah menentukan aspek-aspek yang perlu diperhatikan, sama ada turutan peristiwa, perlakuan murid atau perlakuan penyelidik sendiri. Perkara-perkara tersebut hendaklah spesifik dan dapat dinyatakan secara eksplisit.

Mengapakah pemerhatian tersebut dilakukan?

Setiap penyelidik ada tanggapan dan jangkaan tersendiri (existing theories) tentang sesuatu isu yang dibincangkan. Pemerhatian membantu seseorang penyelidik membina semula teori tersebut agar memperoleh satu fahaman baru (theoretical reconstruction)

Bilakah pemerhatian hendak dijalankan dan berapakah tempoh masa yang diperlukan?

Penyelidik hendaklah jelas tentang waktu untuk membuat pemerhatian agar data yang relevan dapat diperolehi.

Penggunaan Alat Perakam

Penggunaan perakam dapat membantu merekodkan interaksi lisan antara kumpulan sasaran dengan pemerhatian ataupun antara kalangan kumpulan sasaran. Perkataan, sebutan dan perbualan yang sebenar dapat dirakamkan dengan tepat. melalui proses tiga fasa berikut:

- dengar semula seluruh rakaman tersebut untuk mendapat gambaran umum,
- dengar semula untuk mencari data-data penting
- dengar sekali lagi untuk membuat transkripsi penting

Gambar foto

- Gambar foto merupakan suatu media yang amat berkesan untuk merekodkan perlakuan atau keadaan fizikal secara holistik. Foto juga dapat menonjolkan body language terbayang oleh sasaran dikaji tetapi terabai oleh pemerhati kerana pada ketika itu dianggap sebagai tidak signifikan.

Rakaman video

- Rakaman video melanjutkan kelebihan foto dan rakaman audio dengan menunjukkan juga pergerakan sasaran dikaji serta turutan dan tempoh masa peristiwa.
- Keempat-empat teknik tersebut di atas mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Teknik-teknik ini adalah saling melengkapi. Maka jika digunakan dengan wajar merupakan alat yang amat berguna untuk mengumpul data.

Temubual

- Temubual atau temu ramah adalah suatu teknik yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya. Melalui temubual, guru/ pensyarah penyelidik dapat memahami mengapa seseorang yang diperhati menunjukkan perlakuan tertentu.
- Kejayaan sesuatu temubual bergantung antara lain kepada kualiti soalan-soalan yang ditujukan kepada sasaran yang dikaji. Secara umum temubual boleh digolongkan kepada tiga jenis:

Jenis-Jenis Temubual

Berstruktur

Tidak berstruktur

Separuh struktur

Berstruktur

Soalan-soalan yang ditujukan telah dirancang secara rapi dan teratur supaya respons yang spesifik diperolehi.

Tidak berstruktur

- Memulakan dengan suatu ransangan umum, sasaran dikaji digalakkan memberi respons secara bebas, soalan-soalan lanjutan dirangka mengikut keperluan semasa.

Sepuluh struktur

- Temubual jenis ini menggabungkan dua jenis yang awal
- Dalam perjalanan temubual, suasana yang mengizinkan berdasarkan kod-kod etika tertentu perlu diwujudkan dahulu untuk menentukan kerelaan pihak ditemubual menyumbangkan maklumat-maklumat yang ikhlas dan benar

Soal Selidik

- Soal selidik merupakan sejenis temubual berstruktur yang dijalankan secara bertulis. Soalan-soalan yang spesifik disusun secara sistematik mengikut suatu pengaliran pemikiran yang tertentu. Responden hanya perlu memberi jawapan yang ringkas ataupun memilih jawapan-jawapan yang telah disediakan.
- Ia mudah dikendalikan dan sesuai untuk bilangan sasaran yang besar dan sekiranya penilaian kuantitatif diperlukan untuk refleksi kemudian.
- Dalam merangka soal selidik, bahasa yang digunakan hendaklah mengambil kira tahap kebolehan dan taraf sosio-budaya sasaran yang dikaji. Perkataan-perkataan yang digunakan hendaklah disemak agar tidak mengelirukan responden.
- Semasa mengendalikan soal selidik, kerahsiaan responden hendaklah dijamin untuk data yang boleh dipercayai.

Diari atau Jurnal

- Diari atau jurnal ialah catatan berkala dan berterusan mengikut persepsi seseorang berfokus kepada sesuatu isu tertentu, maklumat yang dicatatkan bukan hanya perihal peristiwa penting tetapi juga merangkumi segala pemerhatian, perasaan, reaksi, pandangan, interpretasi, hipotesis, hasil refleksi, analisis dan komen.
- Untuk meningkatkan keberkesanan penulisan diari atau jurnal catatan hendaklah dilakukan secara konsisten agar perkembangan pemikiran dapat direkodkan sebelum dilupa. Tetapkan satu masa tertentu setiap hari atau setiap minggu berbuat demikian.
- Dalam catatan diari atau jurnal, fakta hendaklah dibezakan daripada interpretasi dengan menggunakan notasi khas. Rujukan silang (cross reference) hendaklah dibuat untuk mengaitkan dengan catatan lain sama ada dalam diari, jurnal ataupun rekod lain.
- Catatan tarikh, lokasi serta konteks atau situasi dapat membantu penyelidik dalam peringkat analisis data. Selain daripada itu, bahan-bahan lain seperti foto, keratan akhbar, lakaran dan sebagainya juga dilampirkan dalam diari atau jurnal.

Buku Log

- Buku log merupakan catatan yang lebih memberi tumpuan kepada turutan peristiwa dan masa atau waktu berkenaan. Catatan seperti ini sangat berguna untuk mengkaji masalah-masalah berhubung dengan pengurusan masa dan pengelolaan aktiviti.

Portfolio

- Portfolio ialah satu koleksi bahan-bahan sokongan yang digunakan sepanjang perjalanan sesuatu projek serta ulasan refleksi pada peringkat-peringkat tertentu. Bahan-bahan serta catatan daripada portfolio dapat membantu penyelidik memahami proses pengelolaan serta pemikiran yang menyusulnya

Senarai Semak

- Melalui senarai semak, penyelidik dapat meninjau kewujudan perlakuan-perlakuan tertentu berdasarkan senarai perlakuan yang ditetapkan mengikut kriteria fokus penyelidikan. Di samping itu, ia dapat mengukur kekerapan sesuatu perlakuan ditunjukkan oleh kumpulan sasaran yang dikaji.

KESIMPULAN

- Untuk membolehkan guru/pensyarah penyelidik membuat analisis serta memperolehi kefahaman baru tentang sesuatu isu dalam pendidikan, cukup data yang relevan perlu diperolehi daripada sumber-sumber berkaitan.
- Untuk tujuan tersebut, pelbagai teknik boleh digunakan. Setiap teknik yang diperkenalkan di sini mempunyai kelebihan serta kekurangannya.
- Oleh yang demikian, guru/ pensyarah penyelidik hendaklah memilih teknik yang sesuai mengikut konteks berkenaan.
- Di samping itu, untuk mendapat penjelasan yang lebih menyeluruh, data-data hendaklah diperolehi daripada pelbagai sumber melalui teknik-teknik yang berlainan.

(b) Pengkategorian dan 'coding'.

- i. Melihat semula data untuk setiap kumpulan pihak yang terlibat
- ii. Membahagikan data kepada unit-unit tertentu
- iii. Menghasilkan kategori, subkategori dan tema untuk mengenalpasti corak, hubungan serta kebiasaan dalam data
- iv. Mengaturkan perkara diatas kepada sistem kategori
- v. Melengkapkan analisis dengan maklumat daripada data bukan temubual.
- vi. Menggunakan sistem kategori untuk menyediakan konsep rangka kerja untuk menghasilkan laporan. Meningkatkan keberkesanan analisis data
- vii. Menggabungkan analisis daripada pelbagai sumber termasuk maklumat kuantitatif untuk menyediakan asas untuk memahami dan menghasilkan penyelesaian efektif terhadap masalah kajian Analisis data secara kolaboratif.
- viii. Kumpulan fokus berkerjasama untuk menganalisa data dan perkongsian maklumat.

PENGEKODAN DATA.

Menurut Coffee dan Atkinson (1996) dalam menganalisa data kualitatif ia lebih bertumpukan pada maksud data dan bukannya bertumpukan kepada perkiraan untuk meletakkan nombor pada kes-kes tersebut.

Terdapat 3 prosedur asas dalam mengekod data kualitatif

1. Melakukan pemerhatian dan peka pada fenomena yang berkaitan.
2. Mengumpul contoh-contoh terhadap fenomena tersebut.
3. Menganalisa fenomena itu, kemudian mencari persamaan, perbezaan, pola, trend dan struktur.

PENGANALISISAN DATA

Penganalisan data berlaku pada 2 peringkat yakni ketika proses mengenalpasti isu dan pada peringkat akhir iaitu selepas kutipan data dilakukan semasa dan selepas pelaksanaan sesuatu tindakan. Ketelitian amat diperlukan dalam menganalisis data supaya maklumat yang diperolehi itu sahih dan dapat digunakan dalam membuat kesimpulan.

Pengkaji bertanggungjawab memastikan data yang diperolehi itu adalah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Dalam menganalisis data pengkaji boleh menggunakan bantuan komputer. Disini selalunya penulis akan menggunakan program Statistical Package for Social Sciences atau lebih dikenali sebagai SPSS.

Kaedah pengumpulan data yang pelbagai samada dilakukan secara berstruktur atau tidak ataupun kedua-duanya sekali. Bagi pendekatan berstruktur, aspek yang hendak diperhatikan telahpun dikenalpasti. Biasanya pengkaji telah menyediakan senarai semak atau bentuk soalan tertutup yang berkaitan dengan perkara-perkara yang menjadi keutamaannya. Bagi pemerhatian atau temubual tidak berstruktur pula pelbagai soalan boleh dikumpulkan asalkannya berkaitan dengan kajian.

Bagi pemerhatian atau temubual tidak berstruktur, adalah lebih sukar ditandatangani dan kompleks kerana wujudnya sumber subjektif. Untuk meningkatkan ketepatan, pembacaan nota-nota catatan perlu dibaca berulang kali, serta direfleksikan .

2.2.2 Analisa Kualitatif.

Manakala menurut Esternberg (2002) terdapat beberapa method yang boleh digunakan untuk menganalisa data kualitatif. Penyelidik mencari satu corak atau pola (pattern) dalam data penyelidik boleh melakukan perbandingan antara kes.

Dalam mengkaji secara kualitatif biasanya sampel yang diambil dengan menggunakan kumpulan fokus. Bilangan kumpulan fokus ini tidaklah terlalu ramai antara 8-13 orang sahaja. Dalam kumpulan fokus ini penyelidik akan berbincang dan bertanya pelbagai soalan dengan menggunakan idea dan pemikiran mereka sendiri. Dalam perbincangan itu penyelidik boleh merekod dan kemudiannya menulis semula dalam bentuk transkrip. Dalam pengumpulan ini bukan dalam bentuk numerik tetapi dalam bentuk nominal .

Data kualitatif juga lebih menjurus kepada tema yang muncul semasa perbincangan. Data yang dianalisa juga seringkali ditulis dalam bahasa harian yang menyerupai satu cerita. Ia tidak menggunakan nombor atau statistik untuk menggambarkan tingkahlaku responden dan sebagainya.

Umumnya pengumpulan data ini bermula dari awal kajian dan berlaku secara berterusan ketika mengumpul data. Ini dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk memeriksa data dan meningkatkan peluang untuk penemuan baru. Pelbagai jenis data boleh dianalisa

menerusi pemerhatian, temubual, dokumen yang diperolehi pada awal kajian. Data ini dapat membantu penyelidik dalam penyelidikannya.

Dalam menganalisa data kualitatif, pengkelasan dan perkaitan antara data akan dibangun serentak ketika membuat pemerhatian dan analisa semula. Corak dan proses analisa kualitatif ini makna setiap data yang dikumpulkan akan dianalisa semula pada akhir proses pemerhatian dalam penyelidikan tersebut

LANGKAH ANALISIS DATA KUALITATIF

Langkah 1

- Tengok maklum balas secara lalu
- Ambil nota berdasarkan tema yang muncul, isu atau faktor
- Cari item yang berulang atau penting

- * pemerhatian; video, audio
- * temubual; rekod & taip balik
- * boleh guna bentuk jadual; tulis ikut tema

Langkah 2

- Pilih 3-4 tema/kategori yang muncul & bina matriks
- Cuba buat carta bukti berkaitan dengan tema utama
- Letak tema/kategori di atas & senaraikan pelajar di bahagian tepi
- Boleh guna kod warna; membuat perbezaan mengikut kategori

Langkah 3

- Jika boleh, bincang tinjauan dengan pendidik lain
- Baca tinjauan (soal selidik) & highlight kata kunci yang berkaitan dengan tema/kategori yang telah dikenal pasti
- Seterusnya rekodkan dapatan dalam kotak yang bersesuaian di dalam carta matriks yang dibina

Langkah 4

- Tanya (apa yang telah saya dapat?)
- Rekod pemerhatian pola yang muncul semasa lihat matriks
 - o Pola konsep
 - o Pola sikap
- Tulis/rekod pemerhatian di bawah carta matriks
 - o Contoh:
 - 2 orang pelajar (siapa yang bercakap banyak)
 - Perkataan 'takut' disebut beberapa kali
 - sokongan bacaan jurnal

Langkah 5

- Kesimpulan yang boleh dibuat
- Rekod kesimpulan samada di bawah matriks atau dalam kertas yang berasingan

Langkah 6

- Langkah seterusnya yang boleh dibuat:
 - Tinjauan (soal selidik lain)/temubual/penilaian
 - Semak semua persoalan kajian
 - Bina modul aktiviti
- (Pastikan) Rekod semua yang dibuat di dalam matriks
- Maklumat yang masih diperlukan:
 - atas pelajar
 - atas kaedah
 - maklumat latar belakang tajuk kajian

Menentukan Aktiviti Kajian Susulan

Plan

- Nilai & ringkaskan semua data yang ada
- Analisis & kenal pasti tema utama
- Kenal pasti sumber data yang akan memberikan ukuran progress penambahbaikan

Do

- Kumpul data
- Buat kajian rintis untuk memastikan strategi pengukuran dipenuhi

Study

- Analisis data yang telah dikumpulkan & buat kesimpulan

Act

- Kenal pasti soalan tambahan
- Rancang untuk penambahbaikan yang berterusan
- Kumpul data & analisis data adalah proses berterusan dalam Kajian Tindakan
- Mungkin tidak dapat keputusan yang dikehendaki, tapi usah risau
- Dapatan kajian bertujuan memberi panduan & memperbaiki pengajaran yang seterusnya

Ringkasan Data Analisis

Panduan Analisis Data

- Reka bentuk pendekatan sistematik, simpan semua data
- Cuba faham maklumat yang ingin disampaikan oleh data

- Cari tema & pola
- Susun data berdasarkan apa yang dipelajari daripada data
- Masukkan semua data, termasuk data yang tidak menyokong apa yang dicari- *jangan tipu
- Baca & baca >1 kali
- Bina imej visual (eg: rumah, jadual) *be creative!
- Tulis nota ringkas untuk diri sendiri
- Kongsi dapatan; perbincangan akan timbulkan soalan baru
- Let data speaks to you!

Proses Analisis Data

- Analisis semua data & buat nota sepanjang masa
- Cari tema & pola
- Ringkaskan tema kepada 3-5 idea
- Lihat kembali data & semak tema-tema yang telah dibuat
- Bina subtema jika perlu
- Simpan nota secara berterusan, dapatan kadang kala mengejutkan
- Semak maklumat untuk mencari idea yang kerap atau muncul secara dominan
- Kenal pasti poin utama
- Cari maklumat untuk menyokong dapatan kajian

Reka Bentuk Penyelidikan

2.2.2 Penyelidikan kualitatif

- a) Kajian Etnografi
- b) Kajian Kes
- c) Kajian Sejarah

Kajian Etnografi

Makna Etnografi

- Istilah Ethnos berasal dari perkataan Greek yang bermaksud manusia, bangsa atau budaya.
- Menurut Agar (1986) dalam Sabitha Marican, (2005) menyatakan graphy bermaksud penjelasan mengenai sesuatu.
- Etnografi merupakan sejenis kajian lapangan yang berbentuk pemerhatian yang sering digunakan dalam kajian sosiologi dan antropologi dan dirujuk sebagai penyelidikan saintifik semula jadi (field research).
- Pendapat ini dipersetujui oleh dua sarjana iaitu Berg, (1995) dan Guy et al. (1987) dalam Sabitha Marican, (2005).
- Menurut Sabitha Marican (2005), etnografi juga dianggap sebagai satu kajian yang paling asas dalam penyelidikan sosial.
- Kadang kala ia juga didefinisikan sebagai penjelasan bertulis mengenai sesuatu budaya tentang adat, kepercayaan, tingkah laku yang berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang dikumpulkan dari kajian lapangan. Ia adalah kajian deskriptif ke atas budaya, sub-budaya, institusi atau kumpulan sesebuah masyarakat.

- Menurut Creswell (2005), etnografi merupakan bentuk kajian yang praktikal untuk mengkaji sesuatu kumpulan seperti pendidikan, kepercayaan, tingkahlaku dan bahasa.
- Kajian etnografi merupakan bentuk kajian kualitatif yang digunakan untuk menerangkan, menganalisa dan meinterpretasi bentuk “culture-sharing” sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan. Untuk memahami “culture-sharing” seseorang pengkaji perlu meluangkan masa dilapangan untuk interview, memantau dan medokumentasi bagi memahaminya.
- Mengikut Gay (2003), Etnografi merupakan kajian yang menghuraikan dan menganalisa sesuatu atau sebahagian daripada kebudayaan serta komuniti dengan mengenalpasti dan menghuraikan kepercayaan dan amalan harian responden. Kajian etnografi juga perlu mengkaji kedua-dua kumpulan iaitu responden dan tempat dimana mereka berinteraksi secara serentak.
- Sanders (2004), menyatakan etnografi melibatkan gambaran dan belajar tentang budaya manusia. Pengkaji sosial menggunakan kaedah etnografi untuk lebih memahami budaya dan hubungan social menerusi pentafsiran dan praktikal.

Tujuan Kajian Etnografi

Sabitha Marican (2005), menyatakan :-

1. Memahami isu yang dikaji itu dari kaca mata kumpulan atau budaya tersebut.
2. Kajian etnografi berusaha untuk menambah pengetahuan mengenai sesuatu budaya atau mengenal pasti corak interaksi sosial
3. Membangunkan satu penafsiran yang menyeluruh terhadap sesuatu masyarakat atau institusi sosial

Ciri-Ciri Etnografi

1. Etnografi adalah merupakan pendekatan kajian jenis kualitatif.

- Iaitu ia lebih berfokus untuk memahami fenomena sosial daripada perspektif penglibatan pengkaji dan responden dalam kajian (Gay & Airasian, 2003)

2. Kajian dilakukan pada persekitaran semulajadinya atau di tapak kajian (Gay & Airasian, 2003).

- Dalam erti kata lain, kajian ini merupakan satu kajian ke atas persekitaran yang berlaku secara semula jadi dalam persekitarannya. Istilah persekitaran semulajadi ini bermaksud pembolehubah yang dikaji itu berada di dalam keadaan semulajadi dan persekitarannya tidak dikawal oleh penyelidik (Sabitha Marican, 2005).

3. Kajian ini melibatkan interaksi yang intim dan bersemuka di antara penyelidik dan responden (Gay & Airasian, 2003).

- Iaitu dalam proses mengumpul maklumat, penyelidik akan melibatkan diri secara langsung dalam kumpulan masyarakat yang dikaji.

- Penyelidik itu sendiri adalah merupakan instrumen kepada kajiannya(Massey, 1998).
- Penglibatannya di dalam masyarakat ini akan mengambil masa yang tertentu iaitu antara enam hingga satu tahun. Interaksi besemuka yang digunakan antaranya adalah seperti temu-bual dan pemerhatian oleh penyelidik.
- Temu-bual yang dijalankan tidak sama seperti dalam perbualan biasa. Penyelidik akan banyak bertanya soalan kepada responden.
- Penyelidik juga harus mengulangi persoalannya supaya responden jelas akan tujuan soalan tersebut.
- Selain daripada itu, penyelidik juga harus mampu membuat responden mengembangkan jawapan yang diberikan untuk mendapatkan gambaran yang sebenar (Sabitha Marican, 2005).
- Oleh itu, di dalam kajian ini kehadiran penyelidik dikawasan kajian adalah penting disepanjang jangka masa membuat pemerhatian untuk mendapatkan data penyelidikan (Massey, 1998).

4.Kajian ini menggambarkan refleksi yang tepat tentang perspektif dan tingkah-laku responden-responen yang terlibat (Gay & Airasian, 2003).

- Ini adalah kerana tujuan kajian adalah untuk mendapatkan pandangan sebenar individu dan kumpulan yang dikaji (Sanders, 2004).

5.Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data yang induktif, interaktif dan rekursif dan strategi yang lebih analitik untuk membina sesuatu teori kebudayaan tempatan. (Gay & Airasian, 2003).

- Keputusan pemerhatian biasanya dicatatkan dalam bentuk nota.
- Nota ini akan diuraikan semula berdasarkan kepada apa yang telah berlaku hasil daripada pemerhatian oleh penyelidik.
- Setelah data dikumpul, semua catatan semasa penyelidikan akan disusun semula untuk dianalisa secara keseluruhan. (Sabitha Marican, 2005).

6. Menurut Hammersey (1998) pendekatan kepada pengumpulan data dalam kajian ini adalah tidak berstruktur

- Iaitu ia tidak mengikut sepenuhnya perancangan yang teliti seperti yang disediakan diawal kajian.
- Begitu juga dengan klasifikasi atau kategori-kategori yang digunakan untuk menginterpretasi apa yang dikatakan oleh orang ramai, ianya tidak diberikan atau ditetapkan di peringkat awal kajian.
- Tetapi ini tidak bermaksud penyelidikan ini tidak bersistematik, ianya hanya bermaksud data yang diambil adalah dalam bentuk data-data mentah. Iaitu data yang diperolehi boleh sebanyak mungkin dan ianya diperolehi dalam tempoh masa yang realistik.
- Penyelidikan ini lebih bebas daripada jenis penyelidikan yang lain. Kebebasan penyelidikan ini adalah merujuk kepada pemilihan kaedah dalam mengumpul data. Kajian ini lebih fleksibel berbanding dengan lain-lain bentuk kajian (Sabitha Marican, 2005).

7. Kajian ini menggunakan pelbagai sumber data, iaitu termasuk data kuantitatif dan data kualitatif (Gay & Airasian, 2003).

- Menurut Massey (1998), data boleh dalam bentuk dokumen bertulis, nota catatan yang ditulis di lapangan oleh penyelidik (termasuk nota-nota berbentuk pemerhatian, bentuk-bentuk komunikasi seperti rakaman-rakaman suara yang melibatkan perbincangan, perbualan-perbualan spontan yang tidak dirancang, temu-bual dan kenyataan-kenyataan yang dinyatakan secara terbuka oleh responden), pita audio dan pita video.
- Data kuantitatif juga boleh disertakan seperti tinjauan ataupun dapatan eksperimen. Untuk mendapatkan satu gambaran cerita berdasarkan kepada pengalaman sebenar individu yang diselidik dan gambaran yang lengkap terhadap kawasan kajian, penyelidik perlu bersedia untuk mempertimbangkan pelbagai jenis data.
- Kepelbagaian jenis data ini hanya boleh didapati dengan melakukan pelbagai kaedah untuk mendapatkan data tersebut.
- Walau bagaimanapun menurut Hammersley (1998), walaupun data yang dikumpul didapati daripada pelbagai sumber, pemerhatian dan perbualan yang tidak formal selalunya yang menjadi sumber utama.

8. Kajian ini menggambarkan semua tingkah-laku dan kepercayaan sesuatu kelompok dalam konteks sosio-politik dan sejarah. (Gay & Airasian, 2003) .

- Iaitu menurut Massey (1998), ahli penyelidik etnografi menekankan bahawa kita berada dalam dunia sosial dan untuk memahami tingkah laku, nilai-nilai dan maksud mana-mana individu atau kumpulan yang dikaji, latar belakang budayanya perlu diambil kira.
- Ini juga disokong oleh Hammersley (1998) iaitu kajian ini mengambil kira semua tingkah laku sosial di dalam sesuatu kawasan, kejadian atau persekitaran.
- Oleh itu, kajian ini memberi perhatian yang seimbang diantara perkara-perkara yang dianggap remeh berkenaan dengan kehidupan seharian seseorang dengan struktur sosial yang lebih luas.
- Menurut Pole dan Morrison (2003), penekanan kepada data dan analisis yang meliputi penerangan terperinci kepada pengenalan konsep-konsep dan teori-teori yang berasaskan kepada data yang diambil dari dalam kawasan, kejadian atau persekitaran itu sendiri.

9. Kajian ini menggunakan konsep kebudayaan sebagai kaca-mata untuk menginterpretasi keputusan yang diperolehi untuk memahami isu yang dikaji (Gay & Airasian, 2003).

10. Kajian boleh berubah dan diperhalusi lagi disepanjang proses kajian kerana pembelajaran dan pengetahuan baru akan mempengaruhi pemerhatian masa hadapan (Sanders, 2005).

- Iaitu di dalam kajian ini, usaha untuk menambahkan pengetahuan mengenai sesuatu budaya atau mengenal pasti corak interaksi sosial akan dibuat secara berterusan
- Lazimnya di dalam kajian ini, ulasan-ulasan karya kajian lepas dan kriteria lepas tidak digunakan sebagai hipotesis.
- Kajian ini juga tidak bertujuan untuk menyokong atau menolak hipotesis. Ulasan karya ke atas kajian-kajian lepas itu adalah bertujuan untuk membentuk hipotesis (Sabitha Marican, 2005).

11. Fokus kajian adalah kecil, iaitu mungkin hanya melibatkan satu set atau kumpulan manusia pada skala yang kecil.

- Malahan di dalam penyelidikan sejarah kehidupan, ia mungkin hanya melibatkan seorang individu (Hammersley, 1998).

Kelebihan Kajian Etnografi

Menurut Jean J Schensul (2005) kelebihan-kelebihan yang diperolehi dalam penyelidikan yang mengaplikasikan kaedah ethnografi adalah ;

- Etnografi boleh digunakan oleh penyelidik yang menggunakan kaedah kuantitatif atau kualitatif.
- Penyelidikan dilakukan dalam kehidupan sebenar dimana sampel tidak perlu membuat apa-apa perubahan untuk tujuan penyelidikan, contohnya penyelidikan budaya hidup sesebuah etnik.
- Penyelidik dapat berinteraksi berhadapan dengan sampel atau subjek yang terlibat.
- Refleksi yang lebih tepat didapati terhadap perspektif dan tingkah laku peserta/ sampel.
- Penyelidik boleh menggunakan pelbagai sumber data kualitatif dan kuantitatif menyebabkan data yang dikutip adalah lebih tepat dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.
- Pengumpulan datanya lebih induktif, Interaktif dan boleh diulang.
- Strategi lebih analitik untuk membina teori, tingkah laku atau kebudayaan setempat.
- Dapat menggunakan konsep budaya sebagai alat untuk melihat komuniti dan menginterpretasikan keputusan yang didapati.
- Rangka dan tindakan penyelidikan dapat dilakukan berdasarkan konteks sosio politik dan sejarahnya.
- Penyelidik ethnografi dapat mengaplikasikan pelbagai teknik untuk mengetahui mengenai orang lain dan budaya yang berbeza untuk ditulis.
- Apabila penyelidik ethnografi melibatkan diri dalam ethnografi secara tidak langsungnya mereka membina hubungan dari pelbagai aspek dengan subjek yang terlibat.
- Kaedah ethnografi sangat berguna kepada kumpulan peniaga sebagai alat untuk memahami bagaimana pengguna menggunakan produk dan perkhidmatan mereka (Miller, Daniel, 1987)

Kelemahan Kajian Etnografi

Terdapat beberapa kelemahan dalam kaedah penyelidikan dan penulisan pelaporan etnografi.

- Perspektif pengkaji berkemungkinan dipengaruhi oleh kecenderungan terhadap budayanya sendiri (Garson, 2006) .
- Dalam kajian silang-budaya terdapat risiko untuk membuat andaian yang salah dengan menganggap hasil dapatan membawa maksud yang sama merentasi budaya (Garson, 2006).
- Kajian etnografi yang rasmi lazimnya memakan masa yang agak lama sehingga berminggu-minggu, bahkan berbulan-bulan (Burke, 2000).

- iv. Hasil dapatan dan persembahan keputusan yang condong kepada kualitatif adalah agak sukar untuk digunakan oleh pereka bentuk (Burke, 2000).
- v. Kebanyakan kaedah etnografi menggunakan bilangan peserta yang kecil dan suasana sekeliling yang kecil skalanya. Membesarkan skala mungkin melibatkan peningkatan kos, komunikasi dan daya usaha (Burke, 2000).
- vi. Dalam suatu kajian yang tertentu, fokus yang keterlaluan boleh menyebabkan pengkaji terlepas pandang maklumat-maklumat lain yang tidak kurang pentingnya yang mana tidak termasuk dalam domain kajian (Burke, 2001).
- vii. Kajian etnografi banyak bergantung kepada kesahan pengalaman secara langsung dan interpretasi pengkaji (Burke, 2000).
- viii. Kurang kawalan pemboleh ubah (Whittenburg, 2000).
- ix. Sukar untuk membuat generalisasi (Whittenburg, 2000).

Kajian Kes

Keadaan Semula Jadi Kajian Kes

- i. Melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu tertentu, keadaan sosial atau peristiwa khusus untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku.
 - ii. Kaedah biasa yang digunakan dalam kajian kes adalah seperti kajian lapangan, kajian sejarah, dan kajian tinjauan
 - iii. Kajian kes memfokuskan seseorang individu, sekumpulan individu atau seluruh komuniti.
 - iv. Kajian kes juga mungkin menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data seperti dokumentasi, data sejarah, temu bual mendalam dan pemerhatian peserta.
 - v. Kajian ini boleh dilakukan untuk menyelidik suatu peristiwa pada perspektif yang luas, seperti tingkah laku masyarakat iaitu kepercayaan, agama, kebudayaan dan sebagainya.
 - vi. Kajian ini juga boleh memfokus kepada perspektif yang khusus mengenai latar belakang seseorang individu.
- a. Bilangan Responden Dalam Kajian Kes
- i. Bilangan responden adalah bergantung kepada soalan kajiannya.
 - ii. Dalam kes tertentu, hanya temu bual mendalam sudah memadai untuk mengumpul data dan membuat laporan mengenai tingkah laku subjek kajian, tetapi dalam kes yang lain, kajian yang lebih luas dan menyeluruh diperlukan.
 - iii. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kes, kaedah triangulasi boleh digunakan.

b. Kategori Kajian Kes

Kajian kes boleh dibahagikan kepada 3 kategori berdasarkan kepada tujuan penyelidikan iaitu :

- Kajian kes intrinsik
- Kajian instrumental
- Kajian kolektif

c. Kajian Kes Intrinsik

- Kajian kes intrinsik dijalankan apabila pengkaji ingin memahami secara mendalam mengenai kes tertentu yang khusus.
- Dijalankan untuk mengumpul maklumat tentang suatu kes istimewa, unik dan menarik perhatian ramai, misalnya kes pembunuhan bersiri.
- Di bawah kajian kes, pengkaji tidak berniat untuk menguji teori, membentuk teori tertentu, atau membuat generalisasi tertentu.
- Tujuan utama pengkaji ialah memahami secara mendalam mengenai perkara di sebalik kejadian dalam kes kajiannya.
- Kajian kes intrinsik dijalankan kerana pengkaji berminat dan mempunyai motivasi intrinsik untuk mengetahui perkara sebenar di sebalik kejadian khusus yang telah berlaku.

d. Kajian Instrumental

- Kajian ini dijalankan untuk memahami teori atau masalah yang berkaitan dengan teori.
- Kajian ini membantu pengkaji untuk mengumpul maklumat yang kaya mengenai sesuatu isu yang berkaitan dengan teori.
- Bagi kajian kes yang dilakukan untuk menjelaskan teori, data-data yang dikumpulkan memainkan peranan sebagai data sokongan untuk memahami sesuatu teori atau konsep.

Contoh kajian instrumental

Pengkaji melakukan kajian kes instrumental untuk mengkaji “Keupayaan Penggunaan ICT meningkatkan pembelajaran pelajar yang cacat pendengaran”.

e. Kajian Kes Kolektif

- Kajian kes kolektif merupakan gabungan beberapa kajian instrumental yang dilaksanakan secara besar-besaran dan mendalam.
- Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai sesuatu teori, atau membina teori dari konteks yang lebih luas.
- Melalui kajian kes kolektif, pengkaji dapat menghubungkan teori-teori dan membuat generalisasi ke atas populasi kajian berdasarkan hasil kajian pengkaji ke atas subjek kajiannya

f. Fungsi Utama Kajian Kes

- Untuk menjelajah perkara-perkara yang belum diketahui
- Memberi penjelasan kepada suatu peristiwa yang telah berlaku
- Menghuraikan fenomena tertentu.

Jenis Kajian Kes

Terdapat tiga jenis kajian kes iaitu :-

a) Kajian kes eksploratori

- b) Kajian kes jenis penjelasan
- c) Kajian kes jenis deskriptif

Kajian Kes Jenis Eksploratori

- Juga dikenali sebagai kajian rintis
- Dalam kajian jenis ini, pengumpulan data ke atas subjek yang terdiri daripada sebilangan kecil individu, yang dilakukan sebelum kajian sebenar dilakukan secara besar-besaran.
- Fungsi kajian jenis ini adalah untuk menjelajah ciri-ciri subjek tertentu dan untuk menentukan sama ada kajian seterusnya boleh dilakukan atau tidak.
- Kajian jenis ini juga dilakukan untuk memperoleh bukti tentang keupayaan kajian dijalankan secara besar-besaran, terutamanya bagi kajian yang ingin mendapat peruntukan daripada pihak penaja penyelidikan.

Kajian Kes Jenis Penjelasan

- Kajian kes penjelasan biasanya dilakukan untuk menyatakan sebab dan akibat bagi sesuatu fenomena yang telah berlaku.
- Dalam kajian ini, beberapa jenis maklumat dari perspektif yang berbeza mengenai kes yang sama dikumpulkan dan dihubungkan dengan komponen-komponen dalam suatu teori.
- Tujuannya adalah untuk menjelaskan fenomena tersebut berdasarkan teori yang sedia ada, atau menguji kesahan teori yang sedia ada berdasarkan fenomena kajian.

Kajian Kes Jenis Deskriptif

- Pengkaji perlu merujuk kepada suatu teori deskriptif sebelum kajian dilakukan.
- Teori tersebut akan menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengikuti dalam keseluruhan kajian.
- Pengkaji juga menentukan analisis data sebelum kajian dilakukan.
- Dalam kajian kes deskriptif, pengkaji menghuraikan fenomena tertentu secara mendalam dengan merujuk kepada suatu format penghuraian yang tertentu secara rasional.

Penggunaan Dokumen Personal Dalam Kajian Kes

- a) Diari – pengalaman subjek dicatatkan mengikut kronologi
- b) Memo – maklumat mengenai corak kerja, pergerakan responden dan komunikasi subjek kajian
- c) Autobiografi- bahan penulisan tentang pengalaman subjek kajian
- d) Jurnal – hasil penulisan responden mengenai suatu isu.
- e) Surat maklumat personal subjek kajian
- f) Fotografi- maklumat nyata dalam bentuk imej
- g) Rakaman video – maklumat kehidupan sebenar.

Kemahiran Pengkaji Dalam Kajian Kes

Keupayaan mencabar diri sendiri

- Berupaya dan berkeinginan untuk mencabar diri sendiri mengenai mengapa sesuatu peristiwa berlaku dan akan berlaku.

Keinginan untuk mengetahui sebab

- Berkeinginan untuk mencari kebenaran sebelum , semasa dan selepas data dikumpul

Kepekaan

- Sentiasa peka terhadap maklumat baru yang berguna dan tidak berguna , berupaya mendengar ,memerhati, merasa dan mengenal pasti maklumat baru.

Pengubahsuaian


- Berupaya mengubah strategi jika kaedah mengumpul data kurang berkesan

Kefahaman tentang isu

- Berupaya memahami dan mentafsir secara tepat dan jelas mengenai data yang dikumpulkan (bukan semata-mata mencatatkan data sahaja)

Penghuraian data tanpa berat sebelah

- Keupayaan melaporkan data yang penting secara jelas ,tepat dan jujur.



Rajah 2.4 : Kajian kes

Prosedur snapshot

- Kajian dilakukan ke atas beberapa entiti kajian pada satu masa tertentu.

Prosedur Longitudinal

- Kajian dilakukan ke atas satu entiti kajian pada beberapa masa yang berlainan.

Prosedur Pra -Pasca

- Kajian dilakukan untuk menyelidik satu entiti kajian pada dua titik masa yang berlainan yang dipisahkan oleh satu peristiwa kritikal, yang memberi kesan ke atas kes kajian.

Prosedur Perca-Perca Kain

- Kajian kes perca-perca kain merupakan satu siri atau satu kajian pelbagai yang dilakukan ke atas entiti kajian yang sama, dengan menggunakan prosedur snapshot, longitudinal, pra-pasca atau prosedur lain.

Prosedur Perbandingan

- Prosedur perbandingan digunakan dalam kajian kes ke atas beberapa entiti kajian dengan tujuan membuat perbandingan ke atas ciri-ciri dalam entiti-entiti tersebut.

Kajian Sejarah

Konsep Kajian Sejarah

- Kajian sejarah merupakan kaedah kajian yang dilakukan melalui pengumpulan data secara sistematik dan penilaian data-data secara objektif terhadap peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas.
- Suatu kajian sejarah yang dirancang dengan baik adalah kajian yang sistematik dan mempunyai prosedur analisis data yang saintifik.


Tujuan Kajian Sejarah

- Untuk menghuraikan peristiwa lampau
- Untuk meramalkan peristiwa yang akan berlaku pada masa depan.

Syarat Asas Kajian Sejarah

- Pengkaji harus dapat mengelakkan dirinya daripada dipengaruhi emosi, kerana sukar bagi pengkaji membuat kesimpulan yang adil, yang tidak berat sebelah jika pengkaji mempunyai emosi yang kuat terhadap perkara di bawah kajiannya.

Proses Kajian Sejarah



Rajah 2.5 Pengumpulan Data Kajian Sejarah

Kajian Literatur

1. Memainkan peranan penting dalam kajian sejarah kerana merupakan prosedur kajian yang utama.
2. Kajian literatur membawa makna yang lebih kepada kajian sejarah kerana ia melibatkan semua jenis sumber kajian, sama ada dalam bentuk penulisan, rakaman, atau elektronik.
3. Proses kajian literatur dalam kajian sejarah dilakukan secara lebih mendalam melalui aktiviti mengenal pasti, merujuk, menilai kebenaran berbanding dengan reka bentuk kajian yang lain.
4. Tiada instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data, sumber-sumber literatur merupakan sumber maklumat kajian sejarah.
5. Penulisan yang digunakan sebagai sumber rujukan dalam kajian literatur termasuklah dokumen sah, rekod peribadi, minit mesyuarat, surat, dokumen penulisan dan sebagainya.

Kajian sejarah

- Disebabkan kajian sejarah bergantung kepada dokumentasi kajian, ia sering dikritik sebagai kurang boleh dipercayai kerana ia bergantung kepada maklumat-maklumat sekunder sahaja.

Jenis Maklumat Kajian Sejarah

- a) Maklumat utama
- b) Maklumat sekunder

Maklumat utama

- Dokumen asal dan laporan daripada peserta sebenar, atau pemerhatian terus kepada peristiwa yang berlaku.


Maklumat sekunder

- Bukan rujukan, laporan daripada pihak lain yang berhubung rapat dengan peserta sebenar atau pemerhati kepada peristiwa.

1. Pengenalan

Ciri-ciri penyelidikan yang baik diertikan sebagai ciri-ciri yang berasaskan prinsip saintifik dan etika. Antara ciri-ciri saintifik ialah : penjelasan (explanation), ramalan (prediction), corak (pattern), pengulangan (repetition), replikasi (replication) dan kuantifikasi (quantification). Selain itu, ciri-ciri lain seperti objektiviti, keesahan, kebolehpercayaan, kebolehtadbiran serta kebolehtafsiran juga penting untuk sesuatu penyelidikan. Semua penyelidikan yang baik mesti mematuhi nilai atau kod etika.

2. Ciri-ciri Penyelidikan Yang Baik:



Rajah 1 : Interaksi Ciri-ciri Penyelidikan Dengan Langkah-langkah Pusingan Penyelidikan

Rajah 2.6 : Ciri-ciri Penyelidikan

Penjelasan Explanation & Ramalan Prediciton

Matlamat unggul sesuatu penyelidikan dijalankan ialah untuk memajukan penjelasan dan ramalan tentang sesuatu fenomena fizikal atau sosial. Dengan kata-kata lain, tujuan atau pernyataan masalah penyelidikan tentang apa yang ingin dijelas atau diramalkan mestilah amat jelas. Angkubah-angkubah yang ingin dijelaskan serta hubungan antara satu sama lain dalam suatu fenomena yang ingin dikaji mesti dinyatakan secara eksplisit. Justeru itu, hipotesis sama ada dalam bentuk diskriptif atau causal mestilah spesifik, nyata dan boleh diuji.

Fenomena Yang Bercorak Dan Berulang Patterned and Repetitious Phenomena

Sehubungan dengan ciri penjelasan dan ramalan, fenomena yang dikaji dalam sesuatu penyelidikan haruslah mempunyai corak yang berulang-ulang. Jika sesuatu fenomena

kajian itu tidak berstruktur, tidak mempunyai ciri-ciri sistematik dan tidak mempunyai hubungan yang tekal, sudah tentunya penjelasan dan ramalan tidak boleh dibuat dengan kepastian yang tinggi. Peristiwa yang wujud hanya sekali sahaja tidak boleh dijelaskan dengan darjah verifikasi yang kuat. Pendek kata, fenomena kajian yang baik mesti manpu

dikaji oleh pengkaji lain kerana fenomena berkenaan mempunyai corak yang boleh diramal dan dijelaskan serta wujud dalam keadaan lain dan berulang.

3. Replikasi (Replication)

Supaya sesuatu kajian itu dianggap baik, kajian tersebut mesti mampu direplikasikan oleh pengkaji sendiri dan pengkaji lain. Hanya selepas sesuatu pemerhatian dikesan berulang kali, barulah kita menganggap kajian itu saintifik dan boleh dipercayai. Justeru itu, kajian yang baik menetap dan menerangkan spesifikasi metodologinya agar dapat dijalankan semula oleh pengkaji-pengkaji lain.

Sifat ini mempunyai kaitan dengan ciri empiris iaitu sesuatu kajian sama ada metodologi atau fenomena yang ingin dikaji boleh diulangi oleh pengkaji yang lain. Ini memastikan bahawa penemuannya boleh disahkan semula atau ditolak.

4. Kuantifikasi Quantification

Mengikut Forcese & Richer, Quantification refers to the assignment of numerical values to the phenomena under investigation (1973:10). Kajian yang baik mengkaji fenomena yang dapat diukur; apa yang boleh diukur sebaik-baiknya boleh diukur. Lantaran itu, fenomena kajian yang baik dapat kuantifikasikan melalui angkuh-angkuhnya. Semakin halus ukuran angkuhnya, semakin tinggi kekuatan hubungan statistik yang mampu dibuktikan. Hipotesis yang dibentuk berasaskan angkuh-angkuh yang measurable lebih mantap dan boleh dianalisa dengan pelbagai kaedah statistik.

Contohnya sekiranya pengkaji ingin mengkuh dan mengklasifikasikan motivasi pekerja, maka mesti adanya instrumen untuk mengukur konstruk tersebut dan hasilnya dalam data yang boleh diuji.

5. Konseptualisasi : Abstrak Dan Operasi

Selanjut daripada ciri kuantifikasi, konsep-konsep dalam sesuatu kajian yang wujud dalam bentuk abstrak mestilah boleh dioperasikan secara validnya. Apabila kita operasikan sesuatu konsep, kita menetapkan unsur-unsur konsep tersebut dalam bentuk yang boleh ditanggap dan diukur atau angkuh-angkuhnya.

Pengoperasian konsep abstrak atau konstruk yang valid merupakan pengoperasian yang mempunyai keesahan konstruk yang tinggi. Dengan kata-kata lain, angkuh-angkuh yang dibentuk untuk mewakili konstruk betul-betul menepati had dan spesifikasi konstruk tersebut.

Mengikut Zetterberg, terdapat tiga kemungkinan kesilapan dalam proses pengoperasian konstruk. Yang pertamanya, angkuh yang dipilih tidak merangkumi pengertian konstruk. Contohnya jika secara konsepsinya, kelas sosial diertikan sebagai pendapatan bulanan dan kesedaran seseorang tentang keanggotaannya dalam sesuatu hirarki manakala angkuh yang dipilih untuk kelas sosial hanya mengambil kira pendapatan bulana sahaja. Kesilapan yang kedua yang mungkin timbul ialah di mana pengoperasiannya mempunyai ruang lingkup yang lebih luas daripada konstraknya. Contohnya angkuh-angkuh yang dipilih untuk mengoperasikan kelas sosial tadi termasuk pendapatan, kesedaran dan tahap pendidikan. Akhirnya, kesilapan ketiga ialah pengoperasian yang tidak menepati langsung konstruk yang dimaksudkan. Contohnya angkuh untuk kelas sosial ialah warna kulit di mana orang berkulit

putih dianggap kelas tinggi manakala orang berkulit hitam dianggap kelas bawahan.(Zetterberg, 1965:114-20)

6. Model, Hipotesis Dan Teori

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa penyelidikan yang baik biasanya menggunakan pendekatan deduksi berdasarkan model, hipotesis dan teori. (Gay & Diehl, 1996: 77) Penyelidikan yang memaju dan mencabar model, hipotesis dan teori yang sedia wujud akan menganjakkan paradigma dan menghasilkan model, hipotesis dan teori baru.(Kuhn,1962) Justeru itu, mengikut Newman, 'There is no evidence... that a single scientific discovery ever was made by induction as conceived by Bacon. On the contrary it is quite clear that to engage in research without the stimulus and guidance of hypotheses, rules, preconceptions, anticipations, control criteria and the like is a hopeless if not indeed frivolous activity (Newman, 1961, Vol. 1, 91). Jelasnya, satu ciri penyelidikan yang baik ialah ianya berasaskan paradigma teori dan model yang sedia ada.

7. Objektiviti/Keobjektifan

Objektiviti merupakan sifat penganggapan yang tidak dipengaruhi oleh emosi atau prasangka seseorang. Dalam pernyataan masalah, pengkaji mestilah memastikan bahawa fahamannya terhadap masalah adalah sama dengan fahaman pengkaji-pengkaji lain. Begitu juga dalam pemilihan kaedah, teori dan rujukan literturnya. Sekiranya terdapat bukti bahawa terdapat kaedah yang lebih baik daripada kaedah yang ingin dijalankan, maka dia mesti sedia menerimanya.

Supaya data yang diperolehi mempunyai keesahan yang tinggi, soalan-soalan atau item-item dalam instrumen (soal selidik) mesti mempunyai objektifan yang tinggi. Ini bererti soalan itu tidak berbentuk ambiguous tetapi memberi interpretasi yang sama kepada sesiapa sahaja yang membacanya.


Bagi peringkat pungutan, analisa dan laporan data, emosi dan kepentingan pengkaji dan sponsernya harus diketepikan agar laporan dapat dibuat dengan objektifnya. Begitu juga dalam pemilihan sampel atau subjek kajian pengkaji mestilah mematuhi rancangan yang telah ditetapkan dan tidak mengubahnya untuk menyesuaikan sampel agar dapat memenuhi kepentingan diri. (Forcese & Richer, 1973:16) Untuk memastikan bahawa sampel yang dipungut adalah objektif dan tidak biased, maka terdapat berbagai-bagai kaedah persampelan seperti persampelan rawak, persampelan kluster, persampelan sistematik dan persampelan rawak berstrata. (Gay & Diehl, 1996: 128)

8. Kebolehpercayaan & Keesahan Pengukuran

Aras pengukuran data dalam sesuatu penyelidikan boleh berbentuk nominal, ordinal, interval atau ratio. Penyelidikan yang baik akan seboleh-bolehnya menggunakan aras ukuran yang tinggi iaitu data interval atau ratio. Ini adalah kerana analisa statistik seperti ujian parametrik yang lebih teliti dan rapi boleh dilakukan terhadap data interval atau ratio.

Justeru itu, sekiranya perhubungan causal dikaji, adalah pentingnya data interval atau ratio dipungut.

Sehubungan dengan itu, ciri kebolehppercayaan dan keesahan pengukuran amat perlu diamati oleh pengkaji. Semakin tinggi sifat kebolehanpercayaan dan keesahan sesuatu analisa dan pungutan data, semakin tepat dan baik sesuatu penyelidikan. (Forcese & Richer, 1973:73)



Rajah2.7 : Model Penyelidikan Akademik atau Saintifik, Sumber : Boehm, V.R. (1980:495)

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

3.1 Prosedur Penyelidikan Pendidikan

- 3.1.1 Menyatakan masalah kajian
- 3.1.2 Menetapkan objektif kajian
- 3.1.3 Membentuk soalan kajian
- 3.1.4 Membentuk hipotesis kajian
- 3.1.5 Melakukan tinjauan literatur
- 3.1.6 Merancang reka bentuk kajian
- 3.1.7 Menentukan prosedur persampelan
- 3.1.8 Membina instrumen kajian
- 3.1.9 Menyatakan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian
- 3.1.10 Menentukan prosedur pengumpulan data
- 3.1.11 Mengumpul data
- 3.1.12 Menganalisis dan menghurai data
- 3.1.13 Membincang dan melapor hasil kajian

3.0 PROSEDUR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN

3.1.1 MENYATAKAN MASALAH KAJIAN

Chua Yan Piaw (2005:11), masalah kajian merupakan isu yang timbul, yang menarik perhatian dan menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian ke atasnya. Dalam penulisan cadangan penyelidikan, masalah kajian amat penting kerana ia merupakan faktor pertimbangan utama sama ada kajian akan atau perlu dilakukan atau tidak. Ia memberi tumpuan kepada pembaca tentang penyelidikan yang dicadangkan, dan memberi implikasi tentang kemungkinan penyelidikan dilakukan. Beberapa cara boleh digunakan untuk mengenal pasti masalah kajian, iaitu melalui tujuan kajian, pernyataan masalah dan soalan kajian.

Asasnya, seseorang itu mestilah terlebih dahulu menentukan apa yang ingin dikaji dan ini diistilahkan sebagai masalah penyelidikan. Kadangkala sesuatu peristiwa itu bukan mendatangkan masalah (kerugian, kesukaran, kesusahan, kenegatifan dan sebagainya), tetapi sebaliknya menyenangkan manusia atau memudahkan proses.

Pokoknya, sekiranya seseorang itu tidak menentukan masalah, rasional melaksanakan penyelidikan tidak ketara dan mungkin penyelidikan tidak penting. Jadi, mesti ada masalah untuk dikaji.

Setelah mengenalpasti masalah, persoalan yang seterusnya ialah bagaimana hendak memulakan penyelidikan? Kadangkala persoalan terlalu besar sehingga sukar untuk menentukan matlamat khusus dan hipotesis penyelidikan kerana terlalu banyak yang ingin diselidik. Kita perlu memilih kaedah yang bersesuaian kerana banyak teknik mengumpul dan memproses data yang boleh digunakan.

Masalah mungkin besar dan meluas. Penyelidik harus menapisnya, mengecilkan skop sehingga ke peringkat di mana penyelidik boleh membuat penyelidikan secara praktikal.

Contohnya, daripada masalah am kepada masalah khusus. Antara penilaian lain yang penyelidik perlu buat ialah sejauh mana ia berguna kepada masyarakat, kepada penyelidik sendiri, serta institusi penyelidik.

Daripada masalah yang besar, penyelidik perlu khususkan kepada keadaan di mana penyelidik dapat menjalankan penyelidikan yang praktikal dan ideal. Ini sangat bergantung kepada keupayaan logistik dan sumber yang terdapat di sekitaran penyelidik. Contohnya, berbagai-bagai jenis prestasi boleh diukur dan mungkin penyelidik hanya perlu fokus kepada satu sahaja, iaitu prestasi dalam ujian PMR.

Penapisan masalah membolehkan penyelidik pengkelasan pemboleh ubah dengan objektif. Penyataan masalah boleh dan selalunya dinyatakan dalam bentuk persoalan, sekiranya tidak, dalam bentuk pernyataan. Adalah terlalu ideal untuk seseorang membuat penyelidikan ke atas semua faktor disebabkan kekangan mendapatkan data.

Berdasarkan rajah 1, Kerlinger (1986) menyatakan soalan mestilah memenuhi tiga kriteria, iaitu;

- a. Dinyatakan dalam bentuk kaitan antara pemboleh ubah.
- b. Jelas dan tidak kabur.
- c. Memungkinkan ia dikaji secara empirikal (mempunyai landasan falsafah dan teologi yang sah untuk dijawab, tidak berbentuk khayalan).

Pernyataan masalah: Apakah kaitan antara ketegangan dengan kepuasan bekerja dikalangan guru.

Objektif / Persoalan penyelidikan:

1. Meninjau sejauhmana tahap ketegangan dikalangan guru
2. Meninjau sejauhmana tahap kepuasan bekerja dikalangan guru
3. Meninjau tahap ketegangan dan tahap kepuasan bekerja berdasarkan latar belakang umur, jawatan dan pengalaman bekerja.
4. Menentukan korelasi antara tahap ketegangan dengan kepuasan bekerja dikalangan guru.


Rajah 4.1: Contoh persoalan penyelidikan

Satu lagi kaedah yang baik untuk mengecilkan skop dan secara tidak langsung menerangkan latar belakang masalah adalah dengan menjalankan analisis kehendak (Rajah 2).

Secara ringkas, penyelidik membuat analisis tentang kehendak penyelidik. Apakah kehendak sesuatu sistem atau bidang, misalnya dalam bidang pendidikan? Apakah proses yang sedang berlaku dan hasil yang tercapai. Apakah hasil mencakupi kehendak asal? Sekiranya tidak, itulah masalah penyelidik.

Secara ringkas, kaedah pertama adalah dengan menyenaraikan input kepada sistem. Sebagai contoh, untuk meningkatkan prestasi. Senaraikan semua faktor-faktor kemasukan seperti pelajar-pelajar yang tidak mengambil serapan. Kedua, senaraikan proses kepada

konteks pendidikan seperti persekolahan yang bermula pada waktu pagi hingga petang. Ketiga, terangkan hasil, iaitu pelajar-pelajar yang mengantuk dan lemah secara fizikal, emosi dan mental. Pada peringkat ini, penyelidik boleh membuat kesimpulan tentang masalah yang ingin dikaji, iaitu kemungkinan faktor penting ialah pemakanan mereka.



Rajah 3.1: Pendekatan sistem untuk analisis kehendak dalam mengenal pasti latar belakang masalah.

3.1.2 MENETAPKAN OBJEKTIF KAJIAN

Objektif berasal daripada perkataan objek. Objektif merupakan sasaran sebenar penyelidik. Objektif wujud di luar fikiran sebagai objek yang nyata, dan bukannya di dalam fikiran sebagai satu idea. Objektif berbeza dengan matlamat kerana matlamat merupakan jangkaan umum hasil daripada sesuatu aktiviti atau proses. Objektif adalah lebih khusus dan biasanya digunakan untuk mencapai matlamat. Oleh itu, objektif sesuatu penyelidikan merupakan sasaran sebenar yang boleh dicerap.

Selepas sesuatu masalah dikenal pasti dan mempunyai potensi serta membuat nilai untuk dikaji, penyelidik perlu menyatakan objektif penyelidikan bagi masalah tersebut dengan jelas. Objektif penyelidikan merupakan tujuan khusus yang perlu dicapai bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Objektif yang jelas bukan sahaja menunjukkan apa yang hendak dicapai tetapi juga memandu penyelidik bagaimana dan bila hendak mencapainya. Tanpa objektif yang jelas, penyelidik mungkin akan kehilangan arah semasa menjalankan penyelidikannya.

Objektif yang kurang jelas sering mematahkan semangat penyelidik untuk menyempurnakan penyelidikannya.

Bagi membentuk objektif yang jelas penyelidik hendaklah menggunakan perkataan yang tepat dan boleh dicerap. Misalnya, dalam bidang matematik pernyataan objektif “mengetahui pencapaian akademik” adalah kabur dan kurang tepat sekiranya maksud objektif adalah “menentukan markah ujian matematik”. Pernyataan mengetahui pencapaian akademik lebih sesuai digunakan untuk menyatakan matlamat kajian daripada digunakan sebagai pernyataan objektif kajian.

Perkataan Untuk Menyatakan Objektif Perlakuan

	Kategori I	Kategori II	Kategori III
Jenis A	Mengenal pasti Mengelaskan Mengukur Merekod Mengumpul Menyusun Memerhatikan Menjelaskan Membina Menyediakan Memeriksa Mencari	Mencadangkan Menganalisis Membuktikan Membezakan Membandingkan Mengubahsuai Mengolah Menyatakan Membuat Unjuran Menghubungkan	Mengolah semula Mensintesis Membincang Meramal Menjumpai Merumuskan Mempertahankan Memanipulasi Merajahkan
Jenis B	Menyalin Menyebut Melukis	Mendefinisikan Memberitahu Menyenaraikan	Menerangkan Melabelkan Meniru
Jenis C	Mempercayai Menilai Membentuk kesedaran Mengetahui Memahami Menyedari		

Rajah 3.2: Perkataan untuk menyatakan objektif perlakuan.

Cara yang sesuai untuk menyatakan objektif adalah dengan menentukan perlakuan atau domain yang ingin dicapai oleh sesuatu penyelidikan. Rajah 3 memberi panduan perkataan bagi menyatakan objektif domain atau perlakuan. Perkataan-perkataan dalam Jenis A adalah paling sesuai digunakan bagi menyatakan sesuatu objektif dan digunakan untuk hasil penyelidikan yang ingin dicapai dan mudah dicerap. Perkataan-perkataan Jenis B pula sesuai untuk menyatakan objektif kemahiran manipulatif. Perkataan-perkataan Jenis B kurang sesuai berbanding dengan jenis A. Bagaimanapun, perkataan-perkataan Jenis B lebih sesuai digunakan daripada perkataan-perkataan Jenis C. Perkataan-perkataan Jenis C adalah umum dan sukar diukur. Perkataan-perkataan Jenis C sesuai digunakan untuk menyatakan matlamat sesuatu penyelidikan.

Bagi kategori Rajah 3 pula, Kategori I merupakan kumpulan perkataan bagi objektif peringkat rendah yang sesuai untuk mengukur domain pengetahuan dan kefahaman. Perkataan-perkataan dalam Kategori II pula sesuai digunakan bagi mengukur perlakuan peringkat analisis dan amalan. Sementara Kategori III pula mengandungi perkataan-perkataan yang sesuai untuk mengukur perlakuan peringkat tinggi iaitu peringkat sintesis dan penilaian.

3.1.3 MEMBENTUK SOALAN KAJIAN

Soalan dan objektif kajian berhubung rapat antara satu sama lain. Soalan kajian ialah soalan yang dibina berpandukan kepada objektif kajian, yang mana jawapan kepada soalan ini akan membantu pengkaji untuk mencapai objektif dan tujuan kajian. Di bawah ini diberikan beberapa contoh soalan kajian.

Soalan-soalan kajian sangat penting kerana ia berperanan seperti berikut;

1. Menentukan prosedur perancangan kajian.
2. Memberi haluan dan kesepaduan dalam kajian.
3. Menentukan batasan kajian.
4. Menentukan data yang diperlukan.
5. Mengawal penyelidik daripada hilang fokus.
6. Menyediakan rangka untuk menulis laporan.

Berikut merupakan contoh-contoh soalan kajian;

1. Soalan kajian penyelidikan kuantitatif
 - Apakah kesan keluarga terhadap pembelajaran anak-anak di sekolah?
 - Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pensyarah di Maktab Perguruan?
 - Sejauh manakah faktor keluarga mempengaruhi disiplin pelajar?
2. Soalan kajian penyelidikan kualitatif
 - Bagaimanakah perubahan sikap terhadap disiplin berlaku dalam organisasi?
 - Apakah pandangan pelajar terhadap larangan keluar dari rumah pada waktu malam?
 - Bagaimanakah sambutan guru-guru terhadap pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris?

3.1.4 MEMBENTUK HIPOTESIS KAJIAN

Azizi Yahaya, et al. (2007: 114), hipotesis ialah idea ataupun adaian yang dibuat bagi diuji. Apabila penyelidikan hanya tertumpu pada pengumpulan fakta-fakta, pengetahuan tidak dapat dimaksimumkan. Tanpa idea pengawalan atau sesuatu yang hendak dibuktikan, eksperimen tidak membawa hasil kerana tidak ditetapkan apa yang patut ataupun tidak patut diuji dan dibuktikan.

Asas kepada penyelidikan saintifik ialah formulasi hipotesis. Hipotesis ialah pernyataan ramalan penyelidik tentang hasil penyelidikan. Hipotesis nol atau hipotesis tak beza pula adalah asas kepada perbincangan statistik penyelidik.

Pada peringkat akhir penyelidikan, penyelidik harus dapat memastikan hipotesis diterima atau tidak. Pernyataannya sangat bergantung kepada logik bahasa yang digunakan dan adalah satu-satu cara yang baik untuk membahaskan isu penyelidikan.

Pembentukan hipotesis bukanlah satu kemestian dalam sesuatu penyelidikan (mencukupi dengan pernyataan masalah), tetapi ia memberi sokongan kuat kepada kaedah penyelidikan dalam bentuk pernyataan yang lebih formal. Ia memberi fokus kepada hasil yang akan didapati dan lebih daripada itu, ia memberi panduan pemilihan statistik.

Ada dua jenis hipotesis, iaitu hipotesis berantau dan hipotesis tak beza. Hipotesis berantau ialah pernyataan perbezaan sedangkan hipotesis tak beza pernyataan tiada perbezaan. Dalam contoh di sebelah, hipotesis 1 dan 3 (dan hipotesis nol 1 dan 3) boleh dianalisis, antara lain dengan menggunakan ujian-T untuk hipotesis 1 dan ANOVA untuk hipotesis 3 (dengan andaian syarat lain seperti data interval) dipenuhi.

Contoh:

Hipotesis (berantau) 1:

Prestasi pelajar yang normal adalah lebih baik daripada pelajar yang mempunyai masalah pemakanan.

Hipotesis (berantau) 2:

Prestasi pelajar berkait dengan pemakanan mereka.

Hipotesis (berantau) 3:

Terdapat perbezaan prestasi antara pelajar disebabkan oleh pemakanan mereka.

Hipotesis nol 1 :

Tidak terdapat perbezaan prestasi antara pelajar normal dengan pelajar yang mempunyai masalah pemakanan.

Hipotesis nol 2 :

Prestasi pelajar tidak berkait dengan amalan pemakanan mereka.

Hipotesis nol 3 :

Tidak terdapat perbezaan prestasi antara pelajar disebabkan amalan pemakanan mereka

Pernyataan hipotesis	Ujian statistik	Status
Terdapat kaitan antara persepsi dengan prestasi seseorang.	Spearman atau Pearson	Hubungkait korelasi.
Tidak terdapat perbezaan antara persepsi dengan prestasi seseorang.	Anova atau <i>ujian T</i> atau Khi-kuasa-dua.	Perbezaan antara Kumpulan.

Rajah 3.3: Pernyataan hipotesis dan perancangan ujian statistik.

Penyelidik boleh membuat perancangan awal tentang statistik yang bakal digunakan. Dalam contoh di atas, perbezaan min antara skor-skor prestasi antara dua kumpulan (pelajar normal dan pelajar bermasalah pemakanan) boleh menggunakan ujian-T atau lebih daripada dua kumpulan menggunakan ANOVA. Pernyataan hipotesis 2 memungkin penyelidik menjalankan analisis korelasi antara lain, Pearson atau Spearman rho.

Lima kriteria penting pernyataan hipotesis adalah seperti berikut (Open University, 1973; Kerlinger, 1986, Black, 1993):

1. Jelas, dengan definisi dan takrif operasi disertakan.
2. Boleh diuji atau diselesaikan, dan tiada maksud yang implisit.
3. Dinyatakan dalam kaitan antara dua pemboleh ubah.
4. Skop yang terhad supaya realistik.
5. Konsisten dengan kebanyakan fakta dengan mempunyai rujukan yang literasi.

3.1.5 MELAKUKAN TINJAUAN LITERATUR

Chua Yan Piaw (2005:35), tinjauan literatur juga dikenali sebagai kajian literatur atau sorotan literatur. Tinjauan literatur didefinisikan sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan.

Tinjauan literatur meruapakan bahagian yang penting dalam penyelidikan di mana pengkaji membuat tinjauan ke atas kajian-kajian lepas untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan kajian. Setelah pengkaji menentukan tema kajian, pengkaji akan membuat tinjauan literatur untuk memperolehi maklumat kajian lepas yang sesuai. Maklumat yang dirujuk daripada literatur termasuklah teori, reka bentuk kajian, instrumen, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data dan dapatan kajian.

Tujuan Tinjauan Literatur


Tujuan utama tinjauan literatur ialah untuk meletakkan kajian yang akan dijalankan pada perspektif saintifik. Ia meletakkan kajian pengkaji ke dalam "lautan pengetahuan", ia membantu pengkaji untuk menghubungkan-kaitkan kajiannya dengan badan pengetahuan.

Membuat tinjauan literatur mengelakkan pengkaji daripada membuat penyalinan, iaitu melakukan kajian yang sama dengan kajian lepas tanpa membaiki atau membetulkan kelemahan-kelemahan kajian lepas, atau mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh kajian lepas.

Jika banyak kajian lepas digunakan untuk menyelidik satu fenomena tertentu dan semua mempunyai persefahaman dan persetujuan yang sama, iaitu mendapat keputusan yang serupa mengenai fenomena tersebut, maka melakukan kajian yang sama pada perspektif yang sama adalah tidak wajar. Ini adalah kerana mencari jawapan kepada perkara yang sudah diketahui umum adalah tidak bermakna dan merugikan. Di sini tinjauan literatur adalah penting untuk mengingatkan pengkaji mengenai usaha penyelidikan yang perlu dilakukan atau diteruskan, dan sebaliknya usaha yang tidak perlu dilakukan.

Berikut merupakan tujuan membuat rujukan kajian lepas;


1. Mengenalpasti tahap persetujuan pengkaji-pengkaji yang lain mengenai kajian yang ingin dilakukan.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan antara hasil-hasil kajian lepas.
3. Mengenalpasti variabel-variabel dan faktor-faktor yang mempunyai masalah kajian yang ingin dilakukan.
4. Memperoleh maklumat mengenai cadangan kajian masa depan yang harus dilakukan oleh kajian lepas. Cadangan-cadangan yang disenaraikan oleh pengkaji dalam kajian lepas boleh digunakan sebagai panduan untuk reka bentuk kajian yang akan dilakukan.
5. Mengenal pasti bidang-bidang kajian yang jika dilakukan kajian, akan memperoleh kefahaman dan pengetahuan penting mengenai masalah yang ingin dikaji.
6. Mengetahui bagaimana pengkaji-pengkaji lain menghubungkan teori-teori dengan reka bentuk kajian.
7. Mengetahui bagaimana pengkaji lain mengukur variabel-variabel kajian. Ia termasuk membina instrumen kajian, membina skala untuk item pengukuran dan menguruskan pengukuran.



Rajah 3.4: Sumber Literatur.

3.1.6 MERANCANG REKA BENTUK KAJIAN

Dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian, dan reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajiannya. Jadi, pengkaji harus dapat merancang kajiannya dengan menggunakan bentuk kajian yang sesuai dengan tujuan kajiannya. Terdapat dua kategori reka bentuk kajian, iaitu eksperimental dan bukan eksperimental. Reka bentuk eksperimental pula dibahagi kepada reka bentuk eksperimental benar dan kuasai eksperimental.



Rajah 3.5: Tiga reka bentuk utama penyelidikan.

Keputusan pertama dalam menentukan metodologi kajian ialah tentang reka bentuk kajian. Terdapat pelbagai reka bentuk kajian di mana setiap kaedah diandaikan mempunyai ciri-ciri khusus seperti teknik, reka bentuk dan analisis data yang tersendiri.

Senarai ringkas reka bentuk (yang disarankan oleh Cohen dan Manian, 1985) adalah seperti berikut;

- a. Persejarahan: usaha mendapatkan, menilai dan mensintesis bukti supaya dapat membina maklumat dan kesimpulan tentang peristiwa lepas. Kaedah ini selalu menghadapi masalah untuk mendapatkan bukti peristiwa kerana ia telah berlaku.
- b. Perkembangan: usaha deskriptif tentang kaitan antara manusia, objek dan peristiwa dalam sesuatu situasi dan cuba menerangkan perubahan yang berlaku dalam kaitan tersebut berdasarkan masa. Inti reka bentuk ini ialah penyelidik menyelidik beberapa perkara mengikut jangkamasa tertentu dan diperkembangkan daripada satu perkara kepada perkara yang berkaitan.
- c. Tinjauan: mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja selalunya menggunakan soal selidik. Penyelidik hanya 'meninjau' situasi pada satu masa dan ini seolah satu 'foto snapshot' sesuatu peristiwa. Ia tidak dapat menerangkan kaitan lanjutan kecuali pola pada satu-satu peringkat masa sahaja. Tetapi sekiranya dirancang dengan betul, ia dapat membantu kajian lanjutan atau memenuhi kehendak penyelidikan seseorang pada masa tersebut.
- d. Kajian kes: usaha mengkaji satu-satu unit pada satu-satu masa untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku dan pada peringkat akhir dapat membuat andaian

tentang unit populasi yang lebih besar tentang peristiwa yang sama. Sekiranya semua sampel dalam satu-satu populasi digunakan, ia juga dipanggil kajian kes.

- e. Kolerasi: kajian melihat hubungkait atau pengaruh antara satu faktor dengan faktor yang lain menggunakan ujian statistik korelasi. Dalam reka bentuk ini, berbagai-bagai teknik mungkin digunakan.
- f. Eks-pos-fakto: kajian melihat punca dan akibat sesuatu perlakuan masa kini berdasarkan peristiwa yang telah pun berlaku dan selalunya bersifat kuantitatif dan menyerupai kajian persejarahan daripada segi data yang diperolehi hasil peristiwa lepas.
- g. Eksperimental, kuasi-eksperimental: usaha melihat kaitan punca dan akibat fenomena dengan mengatur peristiwa untuk berlaku dan membuat kesimpulan. Beza kaedah ini dengan persejarahan ialah kaedah eksperimental mengatur peristiwa supaya berlaku, tetapi persejarahan mengkaji peristiwa yang telah berlaku.
- h. Tindakan: usaha memperbaiki peristiwa secara diagnostik dengan modifikasi sentiasa dilakukan sepanjang masa sehingga kesimpulan (selesaian masalah) yang agak 'ideal' dan terbaik tercapai. Sebagai contoh, sesuatu masalah pengajaran boleh diperbaiki dengan menjalankan kajian menggunakan pelbagai kaedah seperti perbincangan dan intervensi sehingga guru (atau penyelidik) berpuas hati bahawa kaedah terbaik telah ditemui dalam mengatasi masalah tersebut. Ia lebih bersifat praktikal dari teoritis.
- i. Etogenik: usaha melalui prosedur tertentu untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu peristiwa berdasarkan detik-detik lepas dengan andaian manusia sedar dan merancang apa yang dilakukannya. Ia mempunyai prosedur khusus berdasarkan teori tertentu dan adalah satu cabang kajian persejarahan.
- j. Tiga sudut: penggunaan beberapa kaedah atau data daripada beberapa sumber untuk penyelidikan yang sama. Sebagai contoh, kajian keberkesanan pengurusan sekolah akan mengutip data daripada tiga pihak yang terlibat, iaitu pelajar, guru dan pentadbir.
- k. Peranan: usaha untuk menerangkan peranan seseorang dalam kehidupan sebenar berdasarkan peranan dalam satu situasi simulasi. Kajian menggunakan kaedah ini diandaikan sesuai sekiranya sampel yang terlibat membuat keputusan (dalam permainan atau lakonan) sebagaimana mereka membuat keputusan dalam situasi sebenar.
- l. Temubual: sebagai alat pengutipan data, tetapi ia boleh mempunyai teknik tersendiri sekiranya penyelidik membuat keputusan bahawa kaedah ini yang paling sesuai untuk kajian.
- m. Konstruksi sendiri: untuk mendapatkan ciri berdasarkan teknik gred dengan andaian tertentu. Kaedah ini berasaskan andaian manusia sentiasa membuat hipotesis tentang dunia berdasarkan pengalaman.
- n. Pelbagai dimensi: usaha mencari interaksi antara berbagai-bagai pemboleh ubah.

3.1.7 MENENTUKAN PROSEDUR PERSAMPELAN

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 37), persampelan merupakan strategi penyelidik bilamana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel. Maklumat yang didapati daripada sampel boleh digunakan bagi menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji.

Terdapat beberapa kebaikan persampelan. Penggunaan sampel akan mengurangkan kos, tenaga dan masa penyelidikan. Maklumat yang didapati boleh diperolehi dengan segera tanpa menimbulkan tentangan daripada pihak-pihak tertentu. Penggunaan sampel juga membolehkan kajian dilakukan di kawasan dan di ruang penyelidikan yang lebih besar dan mudah suai. Kita juga boleh mendapatkan hasil penyelidikan yang bermutu dan memuaskan kerana kita boleh melatih dan menyelia pegawai dan pembantu penyelidik dengan lebih intensif dan berkesan. Di samping persampelan membolehkan kita mendapatkan maklumat yang benar-benar dikehendaki bilaman penyukatannya menyeluruh ke atas populasi tidak boleh dibuat atau tidak berguna.

Terdapat tiga kaedah persampelan (Blum dan Froos, 1986; Cohen dan Manion, 1989; Kerlinger, 1986 dan Black, 1993):

1. Seluruh Populasi di mana semua ahli digunakan. Ini boleh disamakan dengan penyelidikan kes.
2. Sampelan Rawak yang boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu;
 - a. Sampel mudah, menggunakan kaedah mudah memilih sampel daripada populasi dari senarai yang banyak. Antara kaedah yang ringkas adalah dengan memilih nama pelajar menggunakan 'dadu', memilih dari senarai bilangan pelajar yang tetap atau 'mencabut nama dari peti nama'.
 - b. Sampel susun lapis (strata), iaitu secara rawak tetapi dari setiap strata dalam populasi, contohnya, memilih secara rawak berdasarkan lelaki dan perempuan, kemudian berdasarkan kumpulan etnik dan kemudian peringkat umur.
 - c. Kelompok, di mana sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi, seperti pilihan rawak berdasarkan tingkatan dalam sesebuah sekolah.
 - d. Kelompok atas kelompok di mana terdapat beberapa peringkat pemilihan sampel secara pengelasan dilakukan sehingga memenuhi kehendak penyelidik. Sebagai contoh, pilihan rawak mengikut negeri, kemudian daerah, kemudian sekolah, kemudian darjah dan akhirnya daripada pelajar dalam kelas.
3. Sampelan Tidak Rawak di mana tidak terdapat sebarang petanda dalam peringkat persampelan untuk memilih sampel secara rawak. Sampelan tidak rawak boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:
 - a. Sampelan bertujuan, iaitu penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang diwakili populasi. Sebagai contoh, penyelidik memilih sampel orang-orang beragama Islam yang beliau kenali untuk penyelidikan tentang 'masalah sosial di kalangan masyarakat Islam'. Sampelan seperti ini adalah model sampel tidak rawak paling rawak paling ringkas dan mudah.
 - b. Sampelan kuota, melibatkan pemilihan secara bertujuan melalui beberapa tapisan. Sebagai contoh, sampel dipilih berdasarkan pengetahuan tentang latar belakang mereka yang mewakili, tipikal dan sesuai untuk tujuan penyelidikan.
 - c. Sampelan sukarela, di mana sampel dipilih berdasarkan tanpa paksaan seperti analisis berdasarkan 'ruangan pembaca' dalam akhbar. Mereka yang menulis dalam 'ruangan pembaca' adalah penyumbang sukarela. Begitu juga dengan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik. Sekiranya data hanya

berdasarkan peratusan kembalian yang kecil, sampel adalah jenis sukarela. Sampelan seperti ini elok dielakkan.

3.1.8 MEMBINA INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Penyelidik boleh menggunakan instrumen yang telah sedia ada yang telah dibina oleh orang lain atau membina instrumennya sendiri.

Dua kriteria penting yang perlu dipastikan ialah kesahan dan kebolehpercayaan berkaitan dengan instrumen tersebut. Untuk alat yang telah sedia ada, indeks kesahan dan kebolehpercayaan mungkin disertakan bersama oleh pembina instrumen dalam laporan mereka. Tetapi jika penyelidik ingin membina sendiri instrumen, beliau mestilah menentukan ciri-ciri tersebut supaya apabila ditanya, beliau telah mempunyai jawapan.

Kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang ingin diukur. Misalnya, sesuatu instrumen yang mengukur prestasi akademik tidaklah mengukur prestasi tatakerja atau kerajinan seseorang. Sekiranya instrumen ingin mengukur sikap, janganlah pula ia mengukur emosi. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan instrumen tidak sempurna seperti tidak jelas atau mengandungi item yang salah. Kesahan boleh ditentukan melalui kandungan isi, ketepatan ramalan, kaitan dengan faktor yang setara atau memenuhi kehendak sesuatu gagasan teori atau konstruk dengan persetujuan orang lain.

Kebolehpercayaan merujuk kepada skor yang diperolehi sama ada melambangkan ukuran sebenar seseorang individu. Skor mestilah tekal, stabil dan konsisten bagi sesuatu pengukuran. Sebagai panduan ringkas, alat yang boleh menghasilkan data yang konsisten setiap kali digunakan ialah alat yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Kebolehpercayaan adalah disebabkan oleh alat ralat pengukuran. Mengurangkan ralat ini akan meninggikan kebolehpercayaan. Antara faktor yang mempengaruhi adalah subjek dan instrumen. Individu-individu mungkin tidak memberikan jawapan yang sebenar kerana tidak mahu ataupun ia disebut ralat instrumen (seperti soalan kabur). Penentuan kebolehpercayaan boleh dilakukan melalui kaedah statistik, seperti membuat kolerasi antara dua set item, antara item-item yang sama (homogen), atau membandingkan antara dua atau lebih pemerhatian dan pemeriksaan.

Sekiranya penyelidik memilih instrumen yang telah dibina oleh seseorang individu atau badan lain, pastikan ia mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Sekiranya penyelidik mahu menggunakan instrumen yang dibina sendiri, tentukan nilai kesahan dan kebolehpercayaan kerana penyelidik sangat berkemungkinan besar akan ditanya oleh pembaca nanti.

3.1.9 MENYATAKAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KAJIAN

Kesahan dan kebolehpercayaan memainkan peranan penting dalam konteks pengukuran dan teknik-teknik pengumpulan data. Daripada segi saintifik, ukuran bagi konsep dianggap sebagai ukuran yang sahih apabila ia berjaya mengukur konsep itu. Peralatan yang digunakan bagi pengukuran penting kerana ia berperanan sebagai penunjuk awal supaya penyelidik mengukur apa yang hendak diukur dan menerangkan kekentalan ataupun kestabilan penunjuk empirik tadi.

Kesahan

Berdasarkan buku *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2007: 135), kesahan merujuk kepada sesuatu yang bererti dan berguna yang disimpulkan daripada skor ujian. Kesahan adalah konsep yang penting dalam konteks pengukuran konstruk ataupun gagasan seperti sikap, motivasi, persepsi, kecergasan dan pencapaian.

Menurut definisi kesahan, pengukuran adalah sejauh mana ia berjaya mengukur apa yang hendak diukur. Sekiranya soal selidik yang dibentuk bertujuan mengukur persepsi ke atas beban tugas bukannya perkara-perkara lain seperti persepsi ke atas rakan sejawat, ketua, persekitaran kerja dan sebagainya. Kesilapan lalu berlaku apabila penyelidik mengukur konsep ataupun gagasan yang lain.

Terdapat pelbagai cara yang digunakan bagi mengumpul keterangan tentang kesahan yang berhubungan dengan tiga perkara seperti berikut:

1. Berhubung dengan kepuasan
 - Menunjukkan had item sampel yang diuji adalah mewakili keseluruhan ataupun domain bagi kepuasan.
2. Berhubung dengan kriteria
 - Menunjukkan had skor pada pengukuran penilaian adalah berhubung dengan pemboleh ubah bebas luaran (kriteria).
 - Penyelidik mesti yakin mengukur secara langsung tingkah laku ataupun ciri-ciri melalui soalan.
 - Beberapa sifat orang dalam kriteria, ialah;
 - a. Relevan
 - b. Jujur
 - c. Bebas daripada sifat berat sebelah
3. Berhubung dengan tafsiran
 - Menfokuskan pada skor ujian bagi ukuran sifat psikologi. Contoh bagi tafsiran adalah kekhuatiran, kebijaksanaan, keupayaan membuat keputusan, pemikiran kritikal, bacaan komprehensif, dan konsep sendiri.
 - Antara prosedur yang biasa digunakan bagi mendapatkan keterangan yang berhubung dengan tafsiran adalah:
 - a. Kolerasi dengan pengukuran yang lain.
 - b. Kajian eksperimen.
 - c. Perbandingan skor antara kumpulan.
 - d. Ujian analisis intra.

Jenis Kesahan

1. Kesahan muka – juga dikenali sebagai kesahan lahiriah atau kesahan zahir. Kesahan muka adalah perkara yang perlu dipertimbangkan sendiri oleh penyelidik dan tiada peraturan yang ketat bagi memastikan kesahan itu. Menurut Bailey (1984), bagi mengetahui sama ada alat pengukur yang digunakan itu mempunyai kesahan muka ataupun tidak, definisi konsep yang hendak diukur serta kesesuaian maklumat dengan konsep yang hendak dikumpulkan itu perlu diketahui dahulu.
2. Kesahan kandungan – dikenali selepas kesahan muka. Penyelidik perlu melihat kembali dan membaca dengan teliti ayat, perkataan ataupun susunan ayat yang sesuai ataupun tidak dengan komponen-komponen dalam pengukuran tadi. Kesahan

ini sangat penting dan soal selidik perlu dipastikan memang mengukur konsep-konsep yang hendak diukur. Contohnya, apabila peperiksaan ataupun ujian bagi menguji kebolehan pelajar berkaitan kalkulus, penyelidik hendaklah memasukkan semua topik yang lazim diliputi dalam subjek itu.

3. Kesahan peramal – merujuk kepada keupayaan ukuran meramalkan peristiwa masa depan ataupun sejauh manakah ujian itu dapat meramalkan sesuatu kriteria. Contohnya, sejauh manakah ujian kebolehan akademik dapat meramalkan kejayaan akademik berikutnya seperti dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
4. Kesahan serentak – atau kesahan jangkaan adalah hampir sama. Apa yang membezakannya ialah dimensi masa. Contohnya, apabila kita membina skala petunjuk masalah otak, kita memerlukan jawapan kepada soalan, “Adakah orang yang mendapat markah tinggi dalam ujian ini mendapat masalah otak pada masa hadapan?” (Kesahan jangkaan) dan “Adakah orang yang mendapat markah tinggi mempunyai masalah otak sekarang?” (Kesahan serentak). Kedua-dua bentuk pengesahan ini bersifat ciri-ciri luaran dan melalui hasil bantuan ukuran alatan, sama ada masa sekarang atau masa depan pada hasil kajian.
5. Kesahan binaan – merujuk sejauh mana baiknya sebuah peralatan itu menguji sifat ataupun konsep. Ia juga mengukur sejauh mana pengukur yang digunakan selaras dengan teori-teori yang menjadi asas kepada pembentukan instrumen kajian.

Kebolehpercayaan

Terdapat tiga cara bagi menunjukkan kebolehpercayaan seperti berikut:

1. Soalan: Konsep ini menyifatkan definisi kebolehpercayaan dalam menentukan kestabilan. Konsep ini banyak digunakan dalam membincangkan kebolehpercayaan.
2. Pertanyaan: Berbanding dengan konsep pertama, konsep ini lebih mengutamakan gerak hati tabiat biasa. Kedua-dua konsep ini dapat disimpulkan sebagai kestabilan dan ketepatan.
3. Konsep ketiga ini membantu dalam memahami teori kebolehpercayaan dan disifatkan dengan kedua-dua konsep di atas. Konsep ini menilai berapa banyak kesilapan yang terdapat pada alat pengukuran.

Dua sumber kesilapan adalah:

1. Perubahan uji kaji didorong oleh perbezaan ketara antara individu dalam kebolehpercayaan melaksanakan ujian.
2. Perubahan kesilapan yang digabungkan ataupun datang daripada dua sumber berbeza, iaitu;
 - a. Perubahan secara rawak iaitu perubahan kecil dalam keadaan individu dari hari ke hari.
 - b. Kesilapan berkekalan ataupun bersistematik. Ini adalah keputusan pada satu atau lebih perubahan yang menyusutkan di mana ia sentiasa memaksa keputusan meningkat dan menurun.

Kaedah Menentukan Kebolehpercayaan

Terdapat empat cara menentukan koefisien kebolehpercayaan yang biasa digunakan berdasarkan prinsip set skor yang dikolerasikan bagi menentukan kebolehpercayaan ujian dan mendapatkan perbezaan sebenar antara individu. Koefisien kebolehpercayaan adalah

koefisien kolerasi antara dua set skor. Kaedah-kaedah yang disebutkan adalah seperti berikut:

1. Kaedah uji-ulang-uji
 - Kebolehpercayaan uji-ulang-uji bagi ujian adalah kolerasi antara dua tadbiran, tetapi soalan adalah tetap sama menggunakan pelajar asal yang mengambil ujian pertama. Selang masa yang dapat diberi pertimbangan bagi ujian pertama dan kedua adalah antara satu hingga setahun. Namun, masa yang sesuai adalah dua hingga tiga bulan.
2. Kaedah bentuk selari
 - Kaedah ini menggunakan dua ataupun lebih bentuk ujian yang dibina bagi membandingkan isi, paras, tahap kesukaran dan perbezaan yang hendak diukur. Dua bentuk soalan yang sama (soalan bentuk A dan B) dijawab oleh pelajar dan ditadbir pada waktu yang sama, kemudian dikolerasi dan nilai koefisiennya menentukan kekonsistenan bentuk ujian itu. Kaedah ini tidak perlu mengambil kira tempoh masa bagi mengadakan ujian.
3. Kaedah bahagi dua
 - Dalam kaedah ini, jumlah keseluruhan item itu dibahagi kepada dua bahagian dan hasil kolerasi di ambil antara kedua-duanya. Kaedah ini dilakukan bagi perkara-perkara berikut;
 - a. Digunakan sebagai ujian ke atas kumpulan manusia.
 - b. Memecahkan hasil ujian kepada dua bahagian.
 - c. Membandingkan kedua-dua hasil yang diperoleh.
4. Kaedah ketekalan dalaman
 - Pengiraan yang dapat dipercayai dan biasanya digunakan adalah yang dicadangkan oleh Kuder dan Richardson (1937). Kaedah ini dikenali sebagai kaedah ketekalan dalaman. Ada banyak cara ujian ini dapat digunakan bagi mengira jumlah separuh skor, kemudiannya dimasukkan ke dalam pengiraan hubungan koefisien.

3.1.10 MENENTUKAN PROSEDUR PENGUMPULAN DATA / PEMROSESAN DATA

Data boleh diertikan sebagai fakta, perkataan, surat, rajah, carta atau simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan atau idea. Oleh itu, data termasuk kelas undi, bacaan meter air, jumlah pengeluaran sebuah kilang, bilangan guru, bilangan pelajar yang bersikap positif terhadap penggunaan drama untuk pengajaran bahasa Inggeris dan bilangan pelajar yang berjaya di dalam sesuatu peperiksaan. Fakta-fakta, perkataan, surat, carta, rajah atau simbol yang dikumpul dan tidak mempunyai makna secara langsung dikenali sebagai data.


Data ialah bahan mentah untuk menghasilkan maklumat. Secara tradisional, data dikutip dan digunakan untuk maklumat hanya sekali. Perkembangan teknologi maklumat seperti komputer membolehkan penggunaan data yang sama berulang-ulang untuk memperolehi pelbagai

maklumat. Terdapatnya data di dalam bentuk yang sedia dibaca dan dimanipulasi oleh komputer membolehkan pelbagai maklumat diperolehi dengan cepat dan tepat.

Manakala prosedur atau pemprosesan data pula merupakan teknik untuk pengumpulan, pengolahan, penganalisan, penyimpanan dan pengeluaran data. Pemprosesan data melibatkan aktiviti-aktiviti mengumpul, mengolah, menganalisis, menyimpan dan mengeluarkan data.

Matlamat pemprosesan data ialah untuk mendapatkan maklumat yang berguna dan bermakna daripada data. Data-data yang dikumpul daripada sesuatu penyelidikan pendidikan merupakan bahan mentah yang tidak mempunyai nilai kecuali setelah diproses. Data yang banyak dan pelbagai perlu diolah, dianalisis, disimpan dan dikeluarkan untuk menghasilkan sesuatu maklumat.

Untuk memperolehi maklumat yang diperlukan oleh objektif penyelidikan, beberapa langkah perlu dilakukan di dalam pemprosesan data. Pertama, penyelidik perlu mengenal pasti pengertian data dan maklumat serta sumber data dan maklumat pendidikan boleh diperolehi. Data yang diperolehi dalam bentuk mentah perlu dikodkan, diterjemahkan dan direkodkan agar sesuai untuk diolah. Pengolahan data melibatkan proses pemisahan, pengiraan, perbandingan dan analisis. Selepas data diolah, rumusan dan laporan seharusnya dikeluarkan di dalam bentuk penyusunan, penjadualan dan penjumlahan supaya dapat membantu penyelidik membuat tentang sesuatu masalah.



Rajah: 3.6: Carta alir prosedur pemprosesan maklumat.

Kemajuan teknologi pemrosesan maklumat membolehkan penyelidik memproses data penyelidikan pendidikan dengan menggunakan komputer. Pemrosesan data menggunakan komputer dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan berbanding dengan pemrosesan data secara manual. Pemrosesan yang berulang-rulang dapat dilakukan dengan cekap dan cepat. Kesilapan pengiraan terutamanya di dalam pemrosesan yang berulang-rulang ke atas data yang sama dapat dielakkan sekiranya komputer digunakan.

Penggunaan komputer yang berkesan untuk memproses data memerlukan pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja daripada segi perkakasan komputer malahan juga perisian komputer. Penyelidik seharusnya tahu bagaimana menjalankan dan mengawal perkakasan komputer. Penyelidik perlu juga mengetahui dan memberikan perisian arahan-arahan yang sesuai untuk komputer menjalankan sesuatu tugas yang berkaitan dengan pemrosesan data.

Komputer adalah sebuah mesin. Seperti mesin-mesin lain, komputer tidak dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan sekiranya tidak diarah dan dikawal dengan sempurna. Penyelidik seharusnya dapat mengarah dan mengawal komputer untuk menjalankan sesuatu tugas pemrosesan data dengan cekap dan berkesan. Kegagalan penyelidik mengarah dan mengawal komputer boleh menyebabkan komputer pula mengarah dan mengawal penyelidik untuk menjalankan sesuatu tugas.

Pengekodan

Pengukuran ke atas pembolehubah-pembolehubah penyelidikan biasanya dikod. Ini membolehkan data-data yang diperolehi dipindahkan ke dalam kad mata tebuk, pita magnet atau disket sebelum analisis dilakukan ke atas data-data berkenaan. Proses pemindahan dan penterjemahan pengukuran daripada soal selidik ke dalam kod-kod abjad, angka dan abjad-angka yang mewakili peristiwa atau pembolehubah penyelidikan dinamakan pengkodan.

Pengekodan data perlu dilakukan untuk membolehkan data-data berkenaan diproses dan dianalisis oleh perisian-perisian computer. Data-data yang diperolehi daripada subjek biasanya menggunakan bahasa yang difahami oleh subjek dan penyelidik. Bahasa yang digunakan mungkin tidak difahami oleh perisian-perisian computer. Perisian-perisian computer mempunyai bahasa masing-masing. Oleh itu, data-data perlu dikod ke dalam bentuk kod yang difahami oleh sesuatu perisian computer. Pengekodan juga membolehkan data mudah diproses dianalisis.

Pengekodan melibatkan proses pengelasan peristiwa atau pembolehubah yang diukur ke dalam kategori-kategori tertentu. Peristiwa belajar boleh diukur dan dikategorikan kepada belajar bersungguh-sungguh, belajar sederhana dan tidak belajar langsung. Pembolehubah pencapaian dalam peperiksaan boleh diukur dan dikategorikan kepada market-markat antara sifar hingga 100.

Data penyelidikan yang dikumpul harus dikodkan. Setiap jawapan untuk setiap pembolehubah (biasanya setiap soalan) perlu dikod dengan kod-kod tertentu. Misalnya, pembolehubah jantina pelajar boleh dikod dengan menggunakan angka-angka (1) untuk lelaki, (2) untuk perempuan, dan (9) untuk pelajar yang tidak menjawab sesuatu soalan.

3.1.11 Mengumpul Data / Metod

Metod dalam cadangan penyelidikan atau laporan kajian merujuk kepada alat pengumpulan data yang sesuai digunakan dalam kajian yang hendak dilakukan. Dalam bahagian metod ia akan menggambarkan bagaimana penyelidik menggambarkan bagaimana penyelidik mengumpul data.

Pemilihan metod yang berkaitan dengan kajian, umpamanya eksperimen, temu bual, pemerhatian, analisis rekod (arkib), simulasi atau gabungan antara etod-metod tersebut akan dijelaskan. Populasi yang akan dikaji dan bagaimana pemilihan sampel itu akan dilakukan juga diperincikan. Sebagai contoh, adalah ia satu kajian ke atas sampel yang kecil secara mendalam atau meliputi sampel yang besar?

Secara ringkasnya ia merangkumi maklumat yang berikut:

1. Bagaimanakan pembolehubah bebas dimanipulasi.
2. Bagaimana pembolehubah bersandar diukur.
3. Menetapkan kaedah pembentukan atau pemilihan sampel.
4. Menjelaskan tatacara pensampelan dan mentadbir sampel.
5. Menentukan secara relatif kepentingannya.
6. Menganggar secara relatif kos, saiz dan bentuk sampel berdasarkan teori.
7. Apakah keadah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian.

Contoh: Analisis dokumentari, pengedaran borang soal selidik, temu bual bersemuka atau gabungan dan sebagainya.

Ada sesetengah penyelidik menggunakan istilah teknik. Teknik kajian merujuk kepada tatacara khusus yang diguna dalam metod kajian. Oleh itu, dalam bahagian metod kajian ia mungkin mengandungi pelbagai teknik yang digunakan dalam satu kajian. Ia penting agar penyelidik lain yang hendak mengulangi kajian ini jelas mengenainya.

Contohnya: penyelidik mungkin menggunakan pelbagai teknik seperti penggunaan skala sosiometrik untuk mengukur pembolehubah social dan inventori personality bagi mengenali ciri-ciri peribadi. Penyelidik yang melakukan kajian demografi pula mungkin menjelaskan dengan terperinci data statistic dan penggunaan pelbagai teknik statistic untuk menggambarkan hubungan antara data statistic tersebut.

❖ Perbezaan reka bentuk kajian dan metod kajian

Istilah reka bentuk dan metod kajian adakalanya digunakan secara bertukar ganti (Cherry,2000). Umumnya reka bentuk kajian ialah “rancangan”. Metod kajian ialah prosedur untuk “melaksanakan” rancangan. Dengan kata lain reka bentuk kajian ialah rancangan yang digunakan untuk menguji hipotesis.

Prinsip pengumpulan data dan maklumat

Oleh maklumat diperolehi daripada data, penyelidik boleh mengumpulkan maklumat melalui pengumpulan data. Seringkali penyelidik menggunakan perkataan ‘pengumpulan maklumat’ sama ertinya dengan perkataan ‘pengumpulan data’. Pengumpulan data melibatkan proses merancang dan melaksanakan pengutipan data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk memperolehi data dan maklumat berkenaan dengan sesuatu masalah yang dikaji.

Prinsip utama pengumpulan data ialah untuk memperolehi maklumat yang mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Sesuatu penyelidikan dan pengumpulan data tidak akan berjalan dengan sempurna sekiranya maklumat yang dicari dan diperolehi tidak mencapai objektif.

Oleh itu, penyelidik perlu menentukan objektif penyelidikan dengan jelas dan tepat. Objektif yang jelas bukan sahaja boleh dicapai malah menunjukkan bila dan bagaimana objektif tersebut dicapai. Objektif yang jelas dan tepat boleh memandu penyelidik menentukan jenis alat kajian yang akan digunakan dan cara menggunakan alat tersebut untuk mengumpul data. Objektif yang jelas dan tepat bukan sahaja membantu pengumpulan data dengan berkesan malah boleh mendorong dan meningkatkan motivasi penyelidik di sepanjang penyelidikannya.

Ciri dan sumber maklumat pendidikan

Maklumat pendidikan biasanya berbentuk kuantitatif dan kualitatif.

Maklumat pendidikan kuantitatif adalah seperti bilangan bilik darjah, bilangan guru, bilangan kerusi, luas bilik darjah, bilangan padang permainan dan sebagainya yang berkaitan dengan pengajaran dan pemebelajaran. Maklumat kualitatif pula adakah seperti kesesuaian bilik darjah, keselesaan kerusi, keupayaan dan sikap guru dan kesesuaian padang permainan.

Data pendidikan berhubung dengan aspek-aspek kuantitatif dan kualitatif yang persaingan tidak mencukupi untuk membuat sesuatu diagnosis mengenai sesuatu masalah pendidikan kerana data-data tersebut tidak dipadankan dengan suatu kriteria yang mengukur kecukupan dan kesesuaian. Pada peringkat ini, penyelidik pendidikan perlu menentukan di dalam fikirannya apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan gagasan « kecukupan » dan « kesesuaian ». setakat manakah ruang untuk seseorang murid di dalam bilik darjah itu dianggap mencukupi? jawapan kepada pertanyaan ini boleh dianggap sebagai piawai untuk sesuatu tempat belajar. Jawapan ini penting untuk membuat diagnosis mengenai keadaan kemudahan penting untuk membuat diagnosis mengenai keadaan kemudahan fizikal yang melibatkan proses memadamkan stok kemudahan fizikal yang tersedia dengan kemudahan piawai yang ditentukan dan kemudian membuat keputusan mengenai kekurangan yang wajib.

Data dan maklumat pendidikan boleh diperolehi daripada dua sumber yang utama. Sumber-sumber tersebut ialah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah sumber asal sesuatu maklumat. Maklumat mengenai bilangan pelajar atau bilangan guru di sebuah sekolah yang diperolehi daripada guru besar sekolah tersebut dikenali sebagai maklumat primer. Maklumat primer diperolehi apabila maklumat tersebut dikumpul secara langsung daripada individu yang terpilih untuk dikaji. Maklumat primer sering diperolehi di dalam penyelidikan pendidikan apabila penyelidik bertanyakan soalan tertentu secara langsung kepada subjek yang dikaji.

Maklumat primer mempunyai kesahihan yang tinggi. Maklumat yang diperolehi secara langsung daripada subjek yang dikaji tidak dicemari oleh kesilapan disebabkan penggunaan perantara sebagai sumber maklumat. Maklumat primer juga biasanya bersifat mutakhir bilamana maklumat tersebut adalah maklumat terbaru mengenai sesuatu masalah. Bagaimanapun, kesukaran mendapatkan maklumat primer terutamanya daripada segi perbelanjaan, masa dan tenaga sering menghindarkan penyelidik daripada memperolehi maklumat primer dengan berkesan.

Maklumat sekunder diperolehi secara tidak langsung daripada sumber-sumber yang berkaitan dengan sesuatu masalah yang dikaji. Maklumat sekunder diperolehi daripada sumber-sumber kedua. Sumber-sumber kedua biasanya terdiri daripada laporan-laporan bertulis, sama ada yang pernah diterbitkan secara rasmi atau tidak pernah diterbitkan. Misalnya, maklumat mengenai pendidikan boleh diperolehi daripada Laporan Perangkaan

Pendidikan Malaysia yang diterbitkan oleh kementerian Pendidikan. Maklumat mengenai Malaysia boleh diperolehi daripada laporan-laporan Jabata Perangkaan Negara yang diterbitkan dari semasa ke semasa. Maklumat sekunder juga boleh diperolehi daripada perantara seperti saksi-saksi sesuatu kejadian.

Kesahihan maklumat sekunder bergantung kepada kewibawaan sumber maklumat tersebut. Sekiranya sumber maklumat adalah rasmi dan diterbitkan oleh kerajaan atau agensi-agensi bukan kerajaan yang berwibawa maklumat yang diperolehi biasanya mempunyai kesahihan yang tinggi. Maklumat sekunder yang sah juga boleh diperolehi daripada pihak-pihak berwibawa mengenai sesuatu maklumat. Misalnya, maklumat mengenai pasaran computer adalah sah dan dipercayai sekiranya maklumat tersebut dikeluarkan oleh Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM). Maklumat sekunder sering digunakan sekiranya maklumat primer sukar diperolehi.

Sumber maklumat yang sah dan sesuai untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan perlu dikenal pasti. Tanpa menjejaskan mutu maklumat, penyelidik harus juga mengenal pasti keupayaannya untuk mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber tersebut. Maklumat yang sempurna sering diperolehi sekiranya penyelidik merancang pengumpulan data dengan berhati-hati. Kejayaan penyelidikan akan diperolehi sekiranya data-data yang dikumpul dapat memenuhi kehendak objektif penyelidikan.

Merekod data

Penyelidik perlu menguruskan data yang diperolehi dengan berkesan agar dapat member maklumat yang dikehendaki. Data yang telah diperolehi hendaklah direkodkan dengan kemas dan sempurna. Pemprosesan untuk mendapatkan maklumat hanya dapat dilakukan dengan berkesan sekiranya data direkod dengan sempurna.

Untuk merekod data dengan sempurna, penyelidik perlu mengeal pasti beberapa istilah yang digunakan untuk merekod data. Di antara istilah yang sering digunakan ialah kes, rekod, dek dan fail. Kes merujuk kepada satu unit atau satu subjek yang dikaji dan dianalisis. Misalnya, seorang pelajar yang dikaji adalah satu kes. Sesuatu penyelidikan biasanya mengandungi beberapa kes. Bilangan kes biasanya ialah bilangan subjek yang dikaji. Sekiranya bilangan pelajar yang dikaji ialah 100, maka bilangan kes ialah 100. Bilangan kes biasanya ditandai dengan huruf 'n'.

Rekod ialah kad data. Satu rekod adalah satu kad data. Setiap kad data biasanya mempunyai 80 lajur. Setiap rekod mengandungi data yang disimpan di dalam 80 lajur. Sekiranya pita magnet atau disket digunakan sebagai penyimpan data, panjang setiap rekod bergantung kepada panjang rekod yang dikehendaki oleh penyelidik. Kebanyakan penyelidik menggunakan panjang 80 lajur untuk setiap rekod sama ada penyelidik menggunakan kad pita magnet atau disket.

Dek pula ialah set rekod yang mengandungi butir-butir maklumat yang serupa untuk semua kes. Dek 1 mengandungi semua kad 1 untuk semua subjek atau kes. Dek 2 mengandungi semua kad 2 untuk semua kes. Kemasukan data mengandungi lebih daripada satu rekod setiap kes memerlukan dek yang berbeza. Bilangan dek bergantung kepada bilangan kad yang diperlukan. Sekiranya setiap kes memerlukan lapan kad untuk menyimpan data, maka penyelidik akan mempunyai lapan dek.

Fail pula merupakan koleksi data yang mengandungi beberapa kes. Misalnya, satu fail pelajar mengandungi latar belakang, pencapaian akademik, minat dan sikap pelajar. Satu fail


guru mengandungi pendapat guru-guru tentang skim tangga gaji siswazah dan bukan siswazah. Satu fail untuk satu subjek mungkin direkodkan ke dalam satu atau lebih kad.

Kemasukan data sama ada ke dalam kad mata tebuk, pita magnet atau disket perlu dilakukan mengikut kes, rekod, dek dan fail yang tertentu dengan sempurna. Beberapa alat digunakan untuk merekod dan memasukkan data ke dalam storan. Mesin mata tebuk dan computer sering digunakan untuk merkodkan dan menguruskan data ke dalam kad-kad mata tebuk, pita magnet dan disket.

3.1.12 MENGANALISIS DAN MENGHURAI DATA

Sesebuah kajian yang telah lengkap akan dianalisis untuk menghasilkan data mentah. Data mentah ini akan dianalisis untuk mendapatkan jawapan pada persoalan kajian.

Berikut adalah gambar rajah yang menjelaskan langkah-langkah yang terlibat dalam analisis data kajian:



Rajah 3.7 : Langkah-langkah yang terlibat dalam analisis data

Terdapat empat jenis analisis data iaitu nominal, ordinal, sela dan nisbah. Nominal ialah jenis data yang membuat pengkelasan antara objek seperti nombor kad pekerja yang tidak menerangkan perkara lain kecuali sesuatu nombor mewakili seseorang tertentu sahaja.

Ordinal juga mempunyai fungsi yang sama tetapi tiada perbezaan pangkat antaranya, iaitu ada tahap tinggi atau rendah seperti kod pekerja berdasarkan gaji. Pekerja DS1 lebih tinggi gaji daripada pekerja DS2.

Sela pula adalah data yang mana perbezaan pangkat adalah sama antara satu sama lain seperti gred gaji di mana perbezaan antara A dengan B, B dengan C, dengan C dengan D dan sebagainya adalah sama.

Nisbah pula mempunyai ciri-ciri tersebut di atas tetapi nilai kosong adalah sebenar sifar atau nol. Sebagai contoh, 0 kilogram melambangkan tidak mempunyai berat atau nilai beratnya adalah sifar.

Bagaimana penyelidik ingin mempersembahkan data dan seterusnya menghasilkan keputusan penyelidikan? Keputusan boleh diterangkan dengan menggunakan dua jenis ujian statistik, iaitu ujian statistik deskriptif dan statistik inferensi. Deskriptif hanya digunakan untuk menerangkan pola sampel seperti taburan kekerapan, min, median dan mod.

Statistik inferensi membolehkan penyelidik membuat andaian tentang populasi dan perlu memenuhi beberapa kriteria seperti perwakilan data. Antara yang biasa digunakan ialah ujian-T, ANOVA, khi-kuasa-dua, korelasi dan sebagainya. Statistik inferensi pula boleh dibahagikan kepada dua, iaitu parametrik dan non-parametrik bergantung kepada jenis data (nominal, ordinal, interval dan nisbah).

3.1.13 MEMBINCANG DAN MELAPOR HASIL KAJIAN

Bahagian batasan kajian dalam laporan kajian akan mengutarakan batasan/ kekurangan dalam kajian yang member kesan yang signifikan ke atas dapatan kajian. Ada pelbagai batasan kajian, contohnya yang berkaitan dengan skop kajian, alat ukur, masa dan jumlah responden, sejauhmanakah kajian dapat digeneralisasikan. Dipanjangkan (generalized) ke lain-lain situasi atau populasi, masa, wang, tenaga kepakaran dan lain-lain pembolehubah yang boleh dikaji tetapi telah ditinggalkan atas sebab-sebab tertentu.

Berikut adalah beberapa contoh penjelasan mengenai batasan kajian:

Contoh 1: Berkaitan dengan pengumpulan data

- Kajian ini menggunakan pensampelan mudah sepatutnya pensampelan rawak lebih baik.
- Soal selidik bersama temu bual adalah lebih baik daripada menggunakan soal selidik

Contoh 2: Berkaitan dengan reka bentuk kajian

Contoh 3: Berkaitan dengan alat ukur

- Ianya terbatas kerana instrumen yang digunakan. Sebagai contoh, alat ukur yang digunakan dalam kajian hanya sesuai untuk pelajar di institusi pengajian tinggi kerana bahasanya agak sukar untuk pelajar sekolah rendah.

Contoh 4: Berkaitan dengan sampel kajian

- Ciri-ciri sampelnya adalah terbatas.
Contohnya : kajian itu hanya boleh dipanjangkan kepada bangsa Melayu sahaja kerana 90% daripada, sampel kajian itu terdiri daripada bangsa Melayu.
Kajian itu terbatas kerana sampel itu hanya merangkumi wanita sahaja maka ia tidak boleh digeneralisasi dapatan pada kumpulan lelaki.

Membincang hasil kajian

Bahagian ini akan membincangkan bagaimana kesimpulan diperolehi daripada teori. Secara umumnya bahagian ini akan merangkumi:

- Bagaimanakah data itu berkaitan dengan hipotesis yang dikaji.
- Turut membincangkan sama ada ianya selaras dengan kajian lepas ataupun ianya berbeza dengan kajian lepas. Seterusnya jika ya, maka dinyatakan mengapa atau bagaimana, begitulah juga sebaliknya.

Panduan membuat perbincangan kajian:

1. Mulakan perbincangan kajian dengan menyatakan sama ada dapatan anda menyokong atau menolak hipotesis anda.
2. Kemudian diikuti dengan pentafsiran dapatan kajian anda, dengan menyatakan apa yang anda maksudkan dengan dapatan tersebut.
3. Kemudian sulamkan (Intergrate) hasil kajian sekarang dengan dapatan kajian lepas.

Secara terperinci perkara-perkara yang perlu diberikan tumpuan ialah:

- memberi tumpuan pada perkaitan antara hasil kajian dengan hipotesis yang diuji.
- Menggambarkan perkaitan antara kajian ini dengan kajian-kajian lepas atau teori-teori yang lepas.
- Sekiranya dapatan kajian tidak konsisten dengan jangkaan kajian atau hipotesis kajian, maka diberikan penjelasan yang bersesuaian atau nyatakan mengapa.
- Di sinilah tempatnya penyelidik boleh masukkan komen penyelidik ke atas dapatan kajian.

Sebagai contoh:

1. Bagaimanakah kajian dapat meningkatkan pengetahuan terhadap masalah yang dikaji.
2. Bagaimana kajian ini telah dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.
3. Apakah kesimpulan teori dan praktikal yang boleh diperolehi dari kajian ini.

TOPIK 4

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

4.0 Penyelidikan Tindakan : Konsep dan Model

4.1 Definisi dan konsep

4.2 Ciri-ciri penyelidikan tindakan

4.3 Kepentingan penyelidikan tindakan

4.4 Model Kajian Tindakan

- Model Stephen Kemmis
- Model John Elliott
- Model Dave Ebbutt
- Model Jack Whitehead
- Model Jean McNiff
- Model Kurt Lewin

4.0 KONSEP DAN MODEL PENYELIDIKAN TINDAKAN

4.1 DEFINISI DAN KONSEP

Research is systematic self-critical inquiry atau __penyelidikan adalah suatu inkuiri sendiri yang kritis yang sistematik (British Journal of Educational Studies, 29(2) Jun 1981).

Penyelidikan Tindakan pula adalah inkuiri berbentuk renungan sendiri yang dilakukan dalam situasi sosial, bertujuan untuk memperbaiki amalan-amalan dalam konteks sosial dan pendidikan. Penyelidikan pendidikan adalah kajian yang menyelidik tingkahlaku murid, pelajar, guru dan lain-lain peserta di sekolah dan institusi pendidikan yang lain. Tingkahlaku biasanya disiasat dengan memeriksa hasil kerja seperti dokumen dan keputusan ujian setara

Beberapa definisi telah diberikan oleh pakar-pakar kajian tindakan seperti: Kemmis & McTaggart (1988); Ebbut (1985); McNiff (1988); Somekh (1989); Cochran-Smith & Lytle (1990); Kember & Gow (1992) & McBride & Schostak (1994).

Terdiri daripada pelbagai kajian yang ingin memahami dan membaiki pembelajaran dan proses pendidikan. Termasuk tajuk-tajuk seperti pengajaran, pengurusan bilik darjah, psikologi, pengujian, perkembangan kanak-kanak dan sains kognitif.

McBride & Schostak (1994): Penyelidikan tindakan merupakan refleksi mengenai pengajaran sendiri yang dilakukan dalam satu putaran perubahan, dan fokus utama penyelidikan tindakan adalah dalam memperbaiki amalan.

Intervensi berskala kecil ke dalam fungsi dunia sebenar dan melihat kesan-kesan intervensi ini. Penyelidikan tindakan adalah berdasarkan sesuatu situasi iaitu mendiagnos sesuatu masalah dan cuba mengatasinya dalam konteks itu. Bersifat kolaboratif di mana sepasukan penyelidik dan guru bekerjasama dalam sesuatu projek. Ia berunsur penglibatan di mana ahli pasukan mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung. Penilaian sendiri yang berbentuk perubahan dibuat berterusan berdasarkan penilaian berterusan. Mengikut Blum, penyelidikan tindakan mempunyai dua peringkat-iaitu peringkat diagnostik di mana permasalahan dikaji dan membentuk hipotesis, dan peringkat terapeutik untuk menguji hipotesis. Stenhouse (1975) berkata penyelidikan tindakan bukan sahaja menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran tetapi kepada teori pendidikan dan pengajaran yang boleh diakses oleh guru-guru lain. Ia menambahkan pengetahuan praktik guru.

Konsep Penyelidikan Tindakan

Penyelidikan tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif; dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi sosial bagi tujuan meningkatkan kerationalan dan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan mereka sendiri, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan (Kemmis dan McTaggart, 1988) Menurut mereka, penyelidikan tindakan bergerak dalam satu kitaran yang berterusan melibatkan empat peringkat - tinjauan, perancangan, pelaksanaan dan refleksi.

McNiff (1988) mentafsirkan penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap

amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ia melibatkan guru dalam inkuiri yang dijalankan oleh mereka serta melibatkan guru-guru lain secara bersama.

Somekh (1989) menyatakan penyelidikan tindakan sebagai satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing.

Kajian tindakan adalah satu bentuk penyelidikan. Penyelidikan merupakan satu proses langkah-langkah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data untuk mendapatkan dan meningkatkan kefahaman ke atas sesuatu topik atau isu. Dengan ini kita dapat melihat peranan data yang diproses untuk mendapatkan informasi berkenaan isu yang dikaji. Maklumat ini pula sekiranya ia diaplikasikan, ia boleh dianggap meningkat satu tahap kepada pengetahuan.

Menurut Elliot & Adelman (1976) yang melaporkan kajian tindakan di bilik-bilik darjah menegaskan kajian tindakan sebagai penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme guru, merupakan penyelidikan terhadap situasi sosial di sekolah bertujuan memperbaiki amalan guru.

Penyelidik perlu mengenalpasti soalan-soalan ataupun masalah yang ingin diselesaikan, kemudian melakukan kajian dengan merujuk sumber rujukan berbincang dengan pihak-pihak tertentu, menentukan pendekatan kajian serta pelan tindakan, melaksanakan pelan tindakan dan pada masa yang sama, memantau kesan tindakan dengan mengumpul dan menganalisis data, menerangkan dan membincangkan dapatan dan implikasi kajian dan akhirnya hasil kajian dilaporkan agar ia memberi manfaat kepada semua orang.

Kajian tindakan merupakan satu kajian yang dilakukan oleh peserta sama ada secara individu atau kolaboratif terhadap masalah mereka sendiri melalui tindakan atau perubahan bagi tujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan amalan mereka sendiri di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan itu serta situasi di mana amalan dilakukan.

Kajian tindakan ialah satu proses yang dilakukan selepas pemerhatian ke atas sesuatu isu atau masalah berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi untuk dijadikan sebagai panduan dalam proses penambahbaikan.

Kajian dilakukan adalah untuk menambah pengetahuan dan mengembangkan pengetahuan yang sedia ada berdasarkan penyelidikan yang dilakukan. Kajian juga dapat guru-guru mengenalpasti masalah atau isu yang timbul di samping dapat mambaikei kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sesuatu masalah.

Selain itu, kajian tindakan juga dikenali sebagai penyelidikan gunaan. Masalah kajian tindakan ini boleh wujud dalam konteks bilik darjah ataupun dalam konteks persekitaran sekolah atau komuniti.

4.2 CIRI - CIRI PENYELIDIKAN TINDAKAN

1. Pendekatan untuk membaiki amalan
2. Konteks tugas seharian
3. Fokus utama ke atas amalan untuk membaiki dan memahami.
4. Kolaboratif

5. Situasi sebenar
6. Tindakan praktis
7. Amalan daripada teori
8. Berterusan

Zuber-Skeritt (1992) mendefinisikan penyelidikan tindakan dengan menggunakan CRASP

- Critical collaboration enquiry by
- Reflective practitioners who are
- Accountable in making the results of their enquiry public
- Self evaluative in the practice and engaged in
- Participative problem solving and continuing professional development

Grundy dan Kemmis (1981) menyenaraikan tiga pra syarat membuat kajian ke atas satu amalan sosial yang dilihat sebagai satu tindakan strategik yang boleh diperbaiki mengikut satu kitaran pusingan yang terdiri daripada urutan aktiviti merancang, bertindak, memerhati dan merefleks

dilaksanakan oleh orang yang bertanggungjawab ke atas setiap aktiviti tersebut dan beransur-ansur melibatkan subjek-subjek kajian tanpa hilang kawalan ke atas proses penyelidikan

Henry dan Henry (1982) menyenaraikan ciri-ciri ini Berbentuk kolaboratif di antara guru dengan guru, guru dengan pelajar atau guru dengan ibubapa

Berbentuk kitaran aktiviti - merancang, bertindak, memantau dan mereflek serta menjana pusingan yang berikutnya (lebih daripada satu pusingan - Elliot(1991) berkata sekurang-kurangnya 3 pusingan atau satu tahun pengkajian

Menyumbang ke atas memajukan proses pengajaran pembelajaran

Penyelidikan Tindakan bercirikan:

- Membuat refleksi dan memperbaiki kerja sendiri
- Menghubungkan refleksi dengan tindakan
- Menyebarkan dan mengongsi pengalaman kepada peserta dan mereka yang berminat
- Penglibatan dalam pengumpulan data dan empowerment
- Kolaborasi dengan mewujudkan suatu komuniti berfikir kritis -dilakukan oleh guru dlm konteks harian
- Penilaian dan refleksi sendiri dan berkomitmen utk meningkatkan kefahaman praktis utk memperbaiki amalan pendidikan
- Pembelajaran progresif secara berterusan dalam suatu lingkaran


4.3 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN TINDAKAN:

- Mendapat sumber maklumat penting untuk memahami amalan pengajaran guru, amalan pembelajaran murid, keadaan murid, suasana dalam bilik darjah dan sebagainya;
- Dapat merancang huraian mata pelajaran dengan lebih berkesan;

- Dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran memudahkan pencapaian objektif mereka dan dapat pula memahami, mengubah dan memperbaiki amalan sendiri;
- Meningkatkan penggunaan bahan dan membentuk jalinan kerja yang aktif dan efektif;
- Dapat menyediakan guru, sebagai penyelidik yang kritikal, kaya dengan idea baru, sanggup menerima perubahan dan berupaya membuat penilaian terhadap kurikulum dan kokurikulum;
- Membentuk budaya penyelidikan sebagai asas dalam membuat sebarang perancangan untuk tindakan ; dan
- Merapatkan tali silaturahmi di kalangan guru yang terbabit melalui kerjasama secara kolaboratif.


4.4 MODEL KAJIAN KAJIAN TINDAKAN

Model Mckernan (1994)(disesuaikan daripada Kemmis & McTaggart, 1988)




Rajah 4.1 : Proses Kajian Tindakan


Model Reka Bentuk Kajian oleh Stephen Kemmis (1983) dan McTaggart(1988). Reka bentuk ini menunjukkan kitar-kitar dalam kajian tindakan yang mana setiap kitar mempunyai 4 bahagian; rancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Bahagian-bahagian ini kemudian diulang dengan perancangan hasil ulangkaji dan tindakan yang seterusnya.




Rajah 4.2: Model lingkaran (spiral) Kemmis dan McTaggart (1988)



Rajah 4.3: Model Kajian Tindakan Elliott (1991)



Rajah 4.4: Model Ebbutt (1985)



Rajah 4.5: Model Kajian Tindakan McKernan (1991)

Selain itu terdapat juga definisi yang diberikan oleh tokoh dalam bidang kajian tindakan iaitu Kemmis & Mc Taggart (1988), menyatakan bahawa kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif, dilakukan oleh peserta lain yang berada dalam sesuatu situasi sosial bagi tujuan meningkatkan kerasionalan dan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan mereka sendiri, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan.

Seterusnya, Ebutt (1985) pula memperkatakan bahawa kajian tindakan merupakan suatu pengkajian yang sistematik oleh sekumpulan pengamal terhadap usaha-usaha untuk mengubah dan memperbaiki amalan pendidikan melalui tindakan praktis mereka sendiri serta refleksi terhadap kesan atau akibat tindakan tersebut.

McNiff (1988), telah mendefinisikan kajian tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau mempertingkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ianya melibatkan guru

dalam inkuiri yang dijalankan oleh mereka serta melibatkan guru-guru lain secara bersama. Bagi Somekh (1989) pula mendefinisikan kajian tindakan adalah satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing.

Kember dan Gow (1992) menyatakan bahawa kajian tindakan melibatkan pengamal (guru) dalam mencuba memperbaiki pengajaran mereka melalui kitaran yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemerhatian dan refleksi.

1. Robert Rapoport (1970) mengatakan bahawa kajian tindakan adalah matlamat untuk memberi perhatian terhadap orang yang sedang mengalami masalah dan juga matlamat sains sosial dengan kolaborasi di antara rangka kerja atau prinsip-prinsip yang dipersetujui ramai.
2. Stephen Kemmis (1983) mengatakan bahawa kajian tindakan adalah satu bentuk refleksi sendiri yang diambil oleh penyelidik dalam situasi sosial bertujuan untuk memperbaiki kerosakan atau kewajaran dan kebenaran tentang:

- proses dan mutu pengajaran
- pemahaman dan penguasaan pengajaran
- situasi dimana proses pengajaran berlaku


Kajian akan menjadi lebih berkesan jika dilakukan secara kolaboratif walaupun biasanya ia dilakukan secara individu, atau kadang-kadang dilakukan bersama orang luar.

3. Dave Ebbutt (1985) dalam kertas kerjanya mengatakan bahawa kajian tindakan adalah kajian sistematik dalam percubaan untuk meningkatkan mutu pengajaran oleh sekumpulan penyelidik dengan memerhatikan proses pengajaran sendiri dan juga refleksi terhadap kesan yang terhasil daripada proses pengajaran mereka. Dave juga telah mengambil definisi yang dibuat oleh Kemmis yang mengatakan bahawa dengan melakukan kajian tindakan yang mudah, sekumpulan penyelidik boleh mengatur sesuatu keadaan mengikut pengalaman mereka sendiri.

4. John Elliott (1991) memberi definisi kajian tindakan sebagai satu kajian sosial untuk meningkatkan kualiti dan mutu tindakan yang akan diambil terhadap sesuatu keadaan. Kesan sesuatu teori atau hipotesis yang dibuat tidak bergantung kepada kajian secara saintifik, tetapi ianya lebih bergantung kepada keberkesanan kajian tersebut dalam membantu manusia untuk mempunyai pelbagai kemahiran dan dapat bertindak secara bijak.

1) Model Ebbutt

David Ebbutt, seorang rakan sekerja John Elliott, telah mendakwa (Ebbutt, 1983a) bahawa bentuk pilin bukan imej yang sesuai digunakan untuk menjelaskan proses kajian tindakan. Ebbutt mencadangkan cara yang terbaik untuk menerangkan proses kajian tindakan adalah menggunakan satu siri pusingan berturut-turut, dengan menyediakan kemungkinan menggabungkan maklum balas di dalam dan antara pusingan bagi tindakan. Pengertian Ebbutt adalah sama untuk dengan model yang dikemukakan oleh penulis masa kini.



Rajah 4.6: Model Kajian Tindakan Ebutter


Kajian Tindakan Deakin

Model proses kajian tindakan Deakin adalah berbentuk pilin. Setiap kitaran terdiri daripada empat elemen iaitu terdiri daripada elemen perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian serta penyemakan semula.

Model Kajian Tindakan Stringer

Gelung interaksi menunjukkan 3 fasa kajian, iaitu bermula dengan penglihatan (looking), pemikiran (thinking) dan tindakan (action). Ini menunjukkan proses itu berulang dan sentiasa diperbaharui. Dalam model ini, Stringer (1999) mengutamakan penglihatan (looking) untuk membina satu gambaran bagi membolehkan pihak yang berkepentingan (stakeholder) memahami isu yang mereka alami. Fasa ini meliputi pengumpulan data (seperti melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen), merekod dan menganalisis maklumat serta membina dan melapor kepada pihak yang berkepentingan.

Fasa seterusnya meliputi pemikiran (think), iaitu mentafsir isu-isu dengan lebih mendalam dan mengenal pasti keutamaan bagi menjalankan tindakan. Pada fasa terakhir, penyelidik bertindak (act), iaitu menghasilkan penyelesaian-penyelesaian yang praktikal terhadap masalah-masalah yang timbul. Ini merangkumi pengujudkan pelan tindakan dan menentukan hala tuju seperti menentukan objektif, tugas, dan orang-orang yang akan melaksanakan objektif serta memperoleh sumber-sumber.



Rajah 4.7: Model kajian tindakan Stringer Sumber: Marina Ismail (p52051)

Model Kurt Lewin(1940-an)

Antara reka bentuk atau model yang perlu dilihat dalam Kajian Tindakan adalah yang reka bentuk kajian oleh pelopor Action Research itu sendiri iaitu Kurt Lewin. (Terma "Action Research" telah dikreditkan kepada Kurt Lewin seorang ahli teori sosial yang mempelopori kajian tindakan). Reka Bentuk Kajian Tindakan Kurt Lewin telah dibina pada tahun 1940-an dan dikenali sebagai Kurt Lewin's Action Research Spiral yang mana menunjukkan penambahbaikan yang berterusan dalam pembelajaran mengenai apa yang telah dikaji.

Pendekatan spiral tersebut melibatkan beberapa langkah seperti;

- 1). Mengenal pasti idea
- 2). Pencarian fakta
- 3). Perancangan pelan tindakan
- 4). Pelaksanaan tindakan
- 5). Penilaian tindakan yang diambil
- 6). Ulangkaji pelan tindakan berdasarkan apa yang dipelajari dari langkah 5
- 7). Mengambil langkah tindakan seterusnya dan begitu berikutnya melalui beberapa kitar.

Model Stephen Kemmis (1983) Reka bentuk ini menunjukkan kitar-kitar dalam kajian tindakan yang mana setiap kitar mempunyai 4 bahagian; rancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Bahagian-bahagian ini kemudian diulang dengan perancangan hasil ulangkaji dan tindakan yang seterusnya.

Model McKernan 1996 McKernan memperkenalkan model proses masa yang menyarankan agar masalah kajian tindakan ini tidak menjadi terlalu terikat dengan masa.

Model Elliott 1991 Idea utama Elliott ialah penyelidik membangunkan pemahaman peribadi ke atas sesuatu masalah dan pengertian abstrak itu adalah penting dalam melaksanakan tindakan (Elliott , 1987:157). Bagi John Elliott, kajian dalam pendidikan adalah satu usaha susila yang mencari dan memahami nilai-nilai dalam pendidikan. Elliott (1985a) berpendapat kajian dalam pendidikan sepatutnya menjadi bentuk kajian tindakan yang baru di mana para guru akan menjadi penyumbang utama.

Model Ebbutt 1985 David Ebbutt mendakwa bahawa bentuk pilin bukan imej yang sesuai digunakan untuk menjelaskan proses kajian tindakan. Ebbutt mencadangkan cara yang terbaik untuk menerangkan proses kajian tindakan adalah menggunakan satu siri pusingan berturut-turut iaitu dengan menyediakan kemungkinan menggabungkan maklum balas di dalam dan antara pusingan bagi tindakan. Pengertian Ebbutt adalah sama dengan model yang dikemukakan oleh penulis masa kini.

McNiff (1988)

mentafsirkan penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ia melibatkan guru dalam inkuiri yang dijalankan oleh mereka serta melibatkan guru-guru lain secara bersama.

Somekh (1989)

menyatakan penyelidikan tindakan sebagai satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing.

Zuber-Skeritt (1992)

Mendefinisikan penyelidikan tindakan dengan menggunakan CRASP

- Critical collaboration enquiry by
- Reflective practitioners who are
- Accountable in making the results of their enquiry public
- Self evaluative in the practice and engaged in
- Participative problem solving and continuing professional development


Jean McNiff (1998)

Kajian tindakan adalah sebagai suatu langkah untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti pendidikan melalui pembaharuan dan penambahbaikan dengan menggalakkan guru-guru melakukan refleksi sendiri untuk mengubah kekurangan yang ada pada diri sendiri. Melihat kepada perspektif pendidikan, kajian kebiasaanya menjurus kea rah menambah baik strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas serta untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar tentang sesuatu perkara.

Reka Bentuk Model Kajian Tindakan.

Terdapat beberap rekabentuk model kajian tindakan. Antaranya adalah seperti yang berikut:

i. Model Kemmis & Mc Taggart (1988)




Rajah 4.8: Model Kajian Tindakan Model Kemmis & Mc Taggart (1988)

- 3 langkah dinyatakan dalam kajian tindakan berdasarkan gelungan (cycle)
 - Mereflek(Reflect)
 - Merancang(Plan)

· Bertindak (Act)


ii. Model Interaksi Stinger (1999)



Rajah 4.9: Model Kajian Tindakan Model Model Interaksi Stinger (1999)

Model ini sesuai sebagai kajian tindakan penyertaan. Melibatkan 3 fasa kajian, iaitu bermula dengan penglihatan (looking), pemikiran (thinking) dan tindakan (act).


iii. Model Kajian Tindakan Elliott's (1991)



Rajah 4.10: Model Kajian Tindakan Elliott's (1991)

Mengambil kira model yang diperkenalkan oleh Kemmis dengan menghasilkan model yang lebih lengkap. Melakukan peninjauan (reconnaissance) yang melibatkan analisis dan juga pencarian fakta dan patut dilakukan dalam lingkaran dan aktiviti bukan hanya berlaku pada permulaan proses.


iv. Model Kajian Tindakan Ebbutt (1985)



Rajah 5.11: Model Kajian Tindakan Ebbutt (1985)

Dave Ebbutt mencadangkan penggunaan bulatan (circle) yang lengkap untuk menerangkan proses kajian tindakan selain daripada bentuk lingkaran (spiral) yang digunakan oleh Kemmis.

v. Model Kajian Tindakan Mc Kernan



Rajah 4.11: Model Kajian Tindakan Mc Kernan

Memperkenalkan satu model yang menyarankan agar masalah kajian tindakan tidak terlalu terikat dengan masa.

Sumber : RUSBIAH ROSLI

Carl & Kemmis (1986) berpendapat:

“Action research is a form of self-reflective enquiry undertaken by participants (teachers, students or principals, for example) in social (including educational) situations in order to improve the rationality

and justice of (a) their own social or educational practices, (b) their understanding of these practices, and (c) the situations (and institution) in which these practices are carried out.”

Gay & Airasian (2000) berpendapat kajian tindakan sebagai:

“...a process in which individual or several teachers collect evidence and make decisions about their own knowledge, performance, beliefs, and effects in order to understand and improve them”

Kajian tindakan bukan sahaja boleh dijalankan dalam konteks kelas tetapi juga dalam komuniti pendidikan dan komuniti yang berhubungan dengan pendidikan dan sekolah.


Creswell (2005) membahagikan kajian tindakan kepada dua jenis, iaitu:

- i. kajian tindakan amalan (practical action research)
- ii. kajian tindakan penyertaan (participatory action research)

Kajian tindakan amalan melibatkan peninjauan amalan guru dalam konteks bilik darjah. Manakala kajian tindakan penyertaan melibatkan kajian tentang isu-isu sosial yang mengganggu perkembangan pelajar.

Model 1: Model Kemmis dan McTaggart (1988) iaitu action research cycle merupakan model yang biasanya digunakan dalam menjalankan kajian tindakan. Terdapat 4 elemen utama dalam model ini iaitu:

1. Mereflek (reflect)
2. Merancang (plan)
3. Bertindak (action)
4. Memerhati (observe)




Rajah 4.12: Model Gelung Kajian Tindakan (Kemmis & McTaggart, 1988)

Proses kajian tindakan bermula dengan guru menjalankan refleksi ke atas satu-satu isu pengajaran dan pembelajaran yang hendak ditangani. Kemudian guru itu menyediakan satu pelan yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Seterusnya guru melaksanakan pelan yang dihasilkan dan dalam proses pelaksanaannya guru terpaksa

memerhati kemajuan tindakan yang dijalankan itu. Keseluruhan pelaksanaan itu disifatkan sebagai Gelungan Pertama (Cycle 1) dan jika masalah itu tidak dapat diatasi, maka guru bolehlah memulakan proses semula ke Gelungan Kedua (Cycle 2) sehinggalah masalah itu diselesaikan. Pada Gelungan Kedua guru mesti mereflek dan membuat adaptasi terhadap pelan tindakan beliau. Satu kritikan terhadap model ini ialah ia sentiasa berlanjutan dan tiada mutakhirnya (finality). Oleh itu, seseorang guru yang menjalankan kajian tindakan hendaklah pragmatik dan perlu memastikan bahawa pelan tindakan beliau selaras dengan kurikulum yang hendak disampaikan.

Model 2: Model Kajian Tindakan Ebbut (1985)



Rajah 4.12: Model Kajian Tindakan Ebbut (1985)

Kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif. Ianya merupakan suatu pengkajian yang sistematik oleh sekumpulan pengamal terhadap usaha-usaha untuk mengubah dan memperbaiki amalan pendidikan melalui tindakan praktis mereka sendiri serta refleksi terhadap kesan atau akibat tindakan tersebut.

Model 3: Model Kajian Tindakan Bassey (1998) dan Hand (2001)

Model kajian tindakan oleh Bassey (1998) dan Hand (2001) mempunyai lima peringkat.

Peringkat pertama:

Mengenalpasti masalah dan merangkakan soalan kajian (Define the problem and frame research questions)

Masalah perlu dikenalpasti terlebih dahulu dan soalan kajian hendaklah dirangkakan.

Peringkat kedua:

Mengumpul data dan membuat keputusan bagaimana kaedah pengajaran boleh diubah (Collect data and decide how teaching could be changed)

Peringkat ini melibatkan pengumpulan data dan tindak balas kepada data tersebut untuk mengenalpasti bagaimana perubahan pengajaran dapat memberikan kesan. Kajian terhadap subjek pendidikan seperti kaedah pengajaran yang terbaru mungkin dapat dibuat dalam mengenalpasti tindak balas.

Peringkat ketiga:

Laksanakan perubahan yang dipilih dalam pengajaran (Implement the selected changes to teaching)

Perubahan yang dipilih semasa pengumpulan data, kajian dan refleksi akan dilaksanakan.

Peringkat keempat:

Memantau dan menilai perubahan yang dilakukan (Monitor and evaluate the changes made)

Kajian tindakan boleh diterjemahkan dalam pelbagai maksud termasuk menyimpan nota mesyuarat, perbincangan-perbincangan staf, temuduga dan soalan kajiselidik.

Peringkat kelima:

Melihat semula kepada perubahan yang dibuat dan kemudian mengulang semula kitaran jika perlu (review and reflect upon the changes. Repeat cycle if necessary)

Model 4: Model Kajian Tindakan Elliot (1991)

Dalam model kajian tindakan Elliot (1991), Idea utama utamanya adalah penyelidik membangunkan pemahaman peribadi ke atas sesuatu masalah dan pengertian abstrak itu adalah penting dalam melaksanakan tindakan (Elliott , 1987:157). Bagi John Elliott, kajian dalam pendidikan adalah satu usaha susila yang mencari dan memahami nilai-nilai dalam pendidikan. Elliott (1985a) berpendapat kajian dalam pendidikan sepatutnya menjadi bentuk kajian tindakan yang baru di mana para guru akan menjadi penyumbang utama.

TOPIK 5

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

5.0 Penyelidikan Tindakan: Proses

5.1 Adaptasi dari model Lewin, 1946 dan Laidlaw, 1992:

- Mengenal pasti aspek amalan bagi penambahbaikan
- Merancang tindakan
- Melaksana tindakan
- Mengumpul data
- Membuat refleksi terhadap tindakan (sebelum, semasa dan selepas tindakan)
- Mengambil tindakan susulan
- Merancang kitaran kedua

5.0 PROSES PENYELIDIKAN TINDAKAN :

1. Adaptasi dari model Lewin, 1946 dan Laidlaw, 1992:

- Mengenal pasti aspek amalan bagi penambahbaikan
- Merancang tindakan
- Melaksana tindakan
- Mengumpul data
- Membuat refleksi terhadap tindakan (sebelum, semasa dan selepas tindakan)


2. Mengambil tindakan susulan

3. Merancang kitaran kedua

7.1 Mengikut Kurt Lewin (1952), seorang ahli psikologis social, proses penyelidikan tindakan ditinjau sebagai sesuatu kitaran tindakan kajian berlingkaran yang merangkumi empat peringkat : merancang, bertindak, memerhati dan membuat refleksi, sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah berikut :

Rancangan

Ulangkaji
Rancangan




Rajah 5.1 : Kitaran Tindakan Kajian Berlingkaran

Di dalam penyelidikan tindakan berlingkaran tradisi ini, rancangan merangkumi analisis masalah dan perancangan strategik; tindakan merujuk kepada pelaksanaan rancangan strategik tersebut; pemerhatian meliputi penilaian tindakan dengan kaedah dan teknik yang sesuai ; dan refleksi ialah menganalisis dan menginterpretasikan dapatan penilaian serta terhadap proses penyelidikan tindakan secara keseluruhan, yang mungkin membawa identifikasi masalah baru, dan seterusnya menandakan kitaran baru dalam proses perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi dalam Tahap Kedua.

Mengikut Bogdan dan Biklen (1982), penyelidikan tindakan merupakan sesuatu inkuiri yang mengumpul maklumat secara sistematik dengan tujuan mengubah ataupun memperbaiki persekitaran social. Manakala, Kemmis (1982), berpendapat penyelidikan tindakan merupakan inkuiri refleksi sendiri dengan tujuan memperoleh kefahaman dan mengetahui rasionalnya situasi tindakan itu dilakukan.

Kolb (1984) mengembangkan konsep penyelidikan tindakan Kurt Lewin dengan membentuk suatu model pembelajaran sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah dibawah.

Andaian asas model pembelajaran pengalaman ini ialah manusia boleh belajar dan mencipta ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman konkrit, melalui pemerhati dan refleksi terhadap pengalaman tersebut, diikuti dengan membentuk konsep dan generalisasi serta berupaya mengkaji implikasi konsep yang dibentuk dalam situasi baru, yang seterusnya mewujudkan sesuatu pengalaman baru. Dengan cara demikian, sesuatu kitaran baru dimulakan secara berlingkaran seperti rajah dibawah tersebut.




Pembentukan konsep abstrak
dan generalisasi

Rajah 5.2 : Model Pembelajaran

Mengikut Hopkins (1985), penyelidikan tindakan merujuk kepada sesuatu inkuiri yang diusahakan oleh guru yang membuat tinjauan bersiri terhadap masalah yang ditemui dalam bilik darjah. Beliau berpendapat, dengan masalah tinjauan bersiri ini, guru dapat memperbaiki kelemahan dan kekurangan secara berperingkat-peringkat sehingga mencapai prestasi cemerlangan.

5.1 Model Pemikiran Kurt Lewin

Kurt Lewin seorang ahli psikologi sosial, menghuraikan penyelidikan tindakan sebagai proses lingkaran dalam beberapa tahap yang berkaitan. Setiap tahap mengandungi empat langkah utama yang berbentuk gelungan, bermula dengan perancangan diikuti dengan tindakan, pemerhatian dan refleksi. Rajah menggambarkan kitaran penyelidikan tindakan dalam Tahap Pertama.





Rajah 5.3 : Proses Penyelidikan Tindakan Tahap Pertama

Mengikut Lewin, masalah yang dikaji dalam Tahap Pertama boleh disambung dan diteruskan di dalam Tahap Kedua, Tahap Ketiga, dan seterusnya, hingga masalah yang berbangkit atau berkaitan telah diselesaikan secara optimum. Misalnya, selepas mengkaji teknik mengajar matematik untuk masalah perimeter, kita boleh melanjutkan kajian untuk masalah luas, dan kemudian masalah isipadu dalam Tahap Kedua dan Tahap Ketiga masing-masing. Dengan cara yang demikian, sesuatu lingkaran tiga tahap adalah dibentuk untuk digunakan dalam proses kajian. Rajah dibawah menggambarkan secara ringkas penyelidikan tindakan dalam lingkaran tiga tahap tersebut.

Perlu di atas menunjukkann bahawa asal-usul model pemikiran penyelidikan tindakan Kurt Lewin adalah digunakan untuk kajian perhubungan dan interaksi manusia. Bagaimanapun,

proses kajian yang dikemukakan oleh beliau boleh diubahsuai untuk kajian masalah pendidikan, sebagaimana yang digambarkan dalam rajah tersebut di atas.





Rajah 5.4 : Proses Penyelidikan Lingkaran Tiga Tahap

TOPIK 6

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

6.0 Penyelidikan Tindakan: Rancangan dan Cadangan

6.1 Konteks

6.2 Fokus / Aspek amalan bagi penambahbaikan

6.3 Soalan kajian

6.4 Sumber literatur

6.5 Subjek kajian

6.6 Merancang pelan tindakan

- Melaksana pelan tindakan

6.7 Mengumpul data

6.8 Refleksi: analisis dan huraian data

6.9 Jadual kerja

6.0 PERANCANGAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN

6.1 Konteks

Sebelum memulakan penyelidikan, penyelidik akan menyediakan perancangan penyelidikan dan cadangan penyelidikan. Perancangan atau reka bentuk kajian dapat didefinisikan sebagai suatu proses di mana pengurus menentukan matlamat yang ingin dicapai dan menentukan tindakan yang paling sesuai untuk diambil di semua peringkat organisasi untuk mencapai matlamat organisasi. Dengan kata lain, perancangan merupakan satu “aktiviti yang berorientasikan masa depan, iaitu apa yang hendak diperolehi pada masa hadapan dengan mula melaksanakan programnya sekarang.”

Reka bentuk kajian adalah seperti satu peta yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu penyelidikan itu akan dijalankan. Ia adalah satu angka rujuk blueprint mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengukuran dan analisis data. Ia menggambarkan rancangan secara umum bagaimana seseorang individu itu akan menjalankan kajian tersebut. Ia memberikan maklumat siapa, apa, bagaimana sesuatu kajian itu akan dilaksanakan.

Cadangan penyelidikan ialah satu bentuk kenyataan bertulis mengenai reka bentuk penyelidikan. Ia merangkumi pernyataan yang menjelaskan mengenai tujuan kajian dan menggambarkan satu rangka rujukan mengenai metod penyelidikan dengan terperinci. Ia adalah satu kenyataan mengenai semua perkara mengenai sesuatu penyelidikan yang harus dinilai keupayaan dan kebolehlaksananya sebelum ia dilaksanakan.

Cadangan kajian juga ialah rancangan kajian yang meliputi kerangka konsep kajian, tujuan dan objektif kajian, soalan dan hipotesis kajian, kepentingan dan batasan kajian, tinjauan literatur dan kajian lepas serta alat kajian dan kaedah penganalisan data. Pengkaji akan menjalankan kajian berpandukan cadangan kajian ini, yang akhirnya akan menghasilkan kertas kajian, disertasi, tesis atau kertas projek. Dengan menyediakan cadangan kajian pengkaji boleh:

- a) mengenal pasti permasalahan yang dikaji dan menyatakan satu set soalan kajian untuk dijawab dalam kajian;
- b) membuat tinjauan literatur berkaitan dengan permasalahan kajian (ini menunjukkan status pengetahuan ilmiah dalam bidang itu), serta mengenal pasti bidang yang belum lagi dikaji atau kurang diberi perhatian oleh pengkaji;
- c) menghasilkan hipotesis (jawapan yang diramalkan untuk soalan kajian, jika berkaitan);
- d) membina metodologi kajian yang berpadanan untuk menguji hipotesis atau untuk menjawab soalan-soalan kajian;
- e) membina reka bentuk kajian dan teknik pengumpulan data yang sesuai; dan mengenal pasti prosedur analisis data yang sesuai dan justifikasinya.

6.2 FOKUS / ASPEK AMALAN BAGI PENAMBAHBAIKAN

Fokus kepada aspek yang mempunyai kaitan langsung dengan minat dan keperluan anda dalam bilik darjah. Data yang diperlukan bagi memperjelaskan persoalan tersebut boleh

dikumpul, bukan sesuatu diluar kemampuan. Fokus kepada aspek/bidang yang anda mempunyai kuasa/keupayaan untuk mengubah atau melakukan sesuatu.

Menentukan fokus kajian adalah penting bagi memudahkan penyelidik membuat perancangan tindakan seterusnya. Fokus kajian yang tidak jelas akan menyebabkan tindakan yang diambil tidak tepat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kesilapan tersebut juga mengakibatkan tindakan pembetulan tidak berkesan.

Berdasarkan refleksi, penyelidik perlu memfokuskan kepada satu daripada beberapa masalah yang dinyatakan. Secara ringkasnya penentuan fokus kajian perlu memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Masalah yang memerlukan tindakan segera di mana masalah tersebut merupakan keutamaan daripada dua atau lebih masalah yang telah dikenal pasti.
- ii. Penyelesaian masalah itu penting untuk guru, murid dan sekolah.
- iii. Data boleh dikutip dengan cepat dan mudah dalam situasi di tempat kerja terutamanya berkaitan pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Bidang kajian berada dalam ruang lingkup kuasa guru untuk bertindak.

Rumusannya, fokus kajian yang dikaji hendaklah meliputi kenyataan atau keterangan yang menjelaskan keadaan sebenar yang ingin dikaji. Fokus kajian tersebut hendaklah dituliskan dalam beberapa perenggan. Sekiranya banyak masalah yang ditemui, memadai fokuskan kepada satu isu kecil / satu tajuk kecil dalam mata pelajaran, dan terangkan masalah yang dihadapi semasa pengoperasian, kenapa ia berlaku dan sekiranya masalah tidak diselesaikan apakah perkara-perkara yang dijangkakan berlaku

Contoh :

“...Walaupun saya mengesan beberapa masalah yang dihadapi oleh murid saya, saya hanya akan fokuskan kajian ini kepada masalah penguasaan kosa kata. Murid saya mempunyai kosa kata yang sangat terhad. Saya akan fokuskan kepada kesilapan yang sering dilakukan oleh murid iaitu :

- i. Kesilapan penggunaan perkataan dalam ayat.
- ii. Menggunakan kosa kata yang berulang-ulang dalam satu ayat dan
- iii. Murid tidak dapat menulis dengan ayat yang gramatis.

Dengan membantu mereka memperkayakan kosa kata, saya yakin mereka boleh membina ayat dengan tepat, jelas dan gramatis dan sekali gus membantu mereka lulus dengan baik semasa menjawab Kertas 1 Bahasa Melayu SPM.

Perkara Penting Semasa Menentukan Fokus Kajian

1. Fokus kepada aspek yang mempunyai kaitan langsung dengan minat dan keperluan anda dalam bilik darjah;
2. Data yang diperlukan bagi memperjelaskan persoalan tersebut boleh dikumpul, bukan sesuatu di luar kemampuan;
3. Fokus kepada aspek/bidang yang anda mempunyai kuasa/keupayaan untuk mengubah atau melakukan sesuatu.

Kriteria Menentukan Fokus Kajian

- i. Skop Kajian
 - Adakah masalah itu wujud dalam kelas anda?
 - Adakah masalah itu serius dan mengganggu prestasi pengajaran anda?
 - Dapatkah anda melakukan sesuatu terhadap masalah tersebut bagi membaikinya?
 - Adakah anda terlalu bergantung kepada orang lain apabila hendak melakukan tindakan intervensi (perubahan) terhadap masalah/situasi tersebut?
- ii. Kerelevanan

Sejauh manakah pentingnya penyelesaian masalah itu dari segi :

 - Jangka masa pendek?
 - Jangka masa panjang?
 - Adakah anda berminat untuk menyelesaikan masalah itu?
 - Adakah anda perlu menyelesaikan masalah itu untuk membolehkan anda menyambung tugas seterusnya?
 - Adakah masalah itu, jika tidak diselesaikan, mempunyai kesan ke atas tugas rakan sejawat yang lain?
 - Adakah masalah itu, sekiranya dibiarkan berterusan, mempunyai kesan negatif ke atas institusi tempat anda bekerja?
- iii. Kebolehdurusan (manageability)
 - Adakah anda berkebolehan menyelesaikan masalah?
 - Adakah anda mempunyai masa untuk menangani masalah tersebut?
 - Apakah persiapan yang perlu anda lakukan?
 - Apakah kekangan yang mungkin dihadapi?
- iv. Keserasian (compatibility)
 - Adakah ia melibatkan kerja-kerja yang sememangnya selalu anda lakukan?
 - Adakah mungkin aktiviti-aktiviti kajian itu dapat digabungkan dengan kerja-kerja mengajar?
 - Adakah anda boleh mendapat bantuan rakan sejawat untuk menyelesaikan masalah itu?
 - Apakah sokongan yang boleh diperolehi dari pihak atasan anda?

CARA MENULIS FOKUS KAJIAN

Mengandungi dua unsur :

- a. Deskripsi Ringkas Situasi
 - Apakah yang berlaku dalam situasi tersebut?
 - Apakah yang guru lakukan?
 - Bagaimana guru lakukan?
 - Apakah kesannya kepada pelajar?
 - Apakah faktor-faktor konteks yang penting bagi menangani situasi tersebut?
- b. Aspek Pengembangan

- Apakah yang anda ingin lakukan? Cuba?
- Apakah yang anda ingin ubah/perbaiki?

6.3 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian akan dibentuk berdasarkan pada permasalahan kajian yang menjelaskan mengenai pemboleh ubah yang dikaji. Secara amnya ada tiga bentuk soalan kajian:

1. Soalan mengenai apa, sering kali memerlukan jawapan berbentuk deskriptif. Ia adalah bertumpukan pada menjelajah dan menjelaskan ciri-ciri atau corak sesuatu fenomena.
2. Soalan mengenai mengapa sering kali bertumpu pada alasan atau sebab-sebab sesuatu ciri-ciri atau pola yang terdapat dalam sesuatu fenomena.
3. Soalan mengenai bagaimana adalah lebih tertumpu pada bagaimana perubahan boleh dilakukan yang mempunyai implikasi praktikal dan intervensi.

Soalan kajian penting kerana membantu penyelidik mengenalpasti pemboleh ubah yang dikaji dan seterusnya menentukan bagaimana mengumpul dan menganalisis data. Oleh yang demikian, soalan hendaklah jelas dari segi pemboleh ubah yang dikaji. Lazimnya, masalah yang hendak dikaji walaupun jelas, masih lagi umum dan perlu diperincikan kepada beberapa soalan kajian. Soalan kajian ialah suatu pertanyaan tentatif berkenaan hubungan antara dua atau lebih fenomena atau variabel. Masalah kajian juga dinyatakan dalam soalan kajian. Sebagai contoh :

- a. Apakah perhubungan di antara tahap IQ dengan jantina?
- b. Adakah terdapat perbezaan persepsi mengenai pembayaran tol lebuh raya utara-selatan antara rakyat Malaysia dan rakyat Singapura?
- c. Adakah terdapat perbezaan pandangan mengenai kadar inflasi antara pekerja kerajaan dan pekerja swasta?
- d. Adakah terdapat hubungan antara kebolehan penyelesaian matematik dan kekerapan guru menyol?
- e. Adakah terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam pencapaian mata pelajaran pendidikan seni setelah diajar dengan kaedah inkuiri-penemuan?

Dalam sesebuah kajian, masalah kajian mungkin dinyatakan secara am atau secara khas. Ada kajian yang menyatakan masalah kajian secara am dalam bahagian latar belakang kajian, manakala dalam sesetengah kajian, masalah kajian hanya dinyatakan secara spesifik dalam soalan kajian. Ramai yang sering kali keliru antara pernyataan dan permasalahan kajian. berikut adalah satu contoh mengenai perkaitan antara pernyataan masalah dan soalan kajian.

1. Pernyataan Masalah : Meneliti tingkah laku merokok dalam situasi sosial dalam kalangan pelajar.
2. Soalan Kajian :
 - Apakah di antara beberapa tingkah laku merokok yang lazim dalam kalangan penuntut dalam pertemuan sosial yang mana tidak ada halangan untuk merokok.
 - Bagaimanakah sesetengah penuntut dapat menahan diri dari merokok ketika berada secara bersama-sama dengan penuntut-penuntut lain.
 - Bagaimana seorang penuntut mendefinisi ketagihan merokok.

Contoh Soalan Kajian:

ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN DI ANTARA MURID PEREMPUAN DAN MURID LELAKI DALAM PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMAHAMI PECAHAN YANG DIAJAR DENGAN ALAT BANTUAN MENGAJAR?

- Perhatikan bahawa soalan penyelidikan menunjukkan hubung kaitan di antara dua variabel. Iaitu, JANTINA dan PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMAHAMI PECAHAN
- Soalan penyelidikan membolehkan penyelidik mengumpul data. Data boleh dikumpulkan tentang variabel JANTINA (boleh minta murid menyatakan jantina mereka) dan variabel PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMAHAMI PECAHAN (murid mengambil ujian berdasarkan kemahiran dan markah diperolehi).
- Soalan penyelidikan di atas juga mencadangkan bahawa metodologi yang paling sesuai untuk menjawab soalan berkenaan, ialah untuk menjalankan satu eksperimen. Iaitu, kaedah eksperimen adalah yang paling sesuai untuk menjawab soalan penyelidikan di atas.

6.4 SUMBER LITERATUR

Sumber Literatur juga dikenali sebagai kajian literatur, tinjauan literatur dan sorotan literatur. Sumber Literatur didefinisikan sebagai membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan.

Tujuan Sumber Literatur

- a. Sumber Literatur merupakan bahagian yang sangat penting dalam penyelidikan di mana pengkaji membuat tinjauan ke atas kajian-kajian lepas untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian.
- b. Setelah pengkaji menetapkan tema kajian, pengkaji akan membuat sumber literatur untuk memperoleh maklumat kajian lepas yang sesuai.
- c. Tujuan utama sumber literatur ialah untuk meletakkan kajian yang akan dijalankan pada perspektif saintifik. Ia meletakkan pengkaji ke dalam "lautan pengetahuan", iaitu membantu pengkaji untuk menghubungkan kajiannya dengan badan pengetahuan body of knowledge
- d. Membuat sumber literatur juga dapat mengelak pengkaji daripada membuat penyalinan duplication, iaitu melakukan kajian yang sama dengan kajian lepas tanpa memperbaiki atau membetulkan kelemahan-kelemahan kajian lepas ataupun mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh kajian lepas.
- e. Melakukan kajian yang sama pada perspektif yang sama adalah tidak wajar kerana, mencari jawapan kepada perkara yang sudah diketahui umum adalah tidak bermakna dan merugikan.

Maklumat-Maklumat Utama Yang Dirujuk Dalam Kajian Lepas

Maklumat-maklumat utama yang dirujuk dalam kajian lepas ialah teori, reka bentuk kajian dan analisis data

a. Maklumat Mengenai Teori

- Tidak kira apakah perhubungan antara konsep-konsep dalam suatu fenomena di bawah kajian, ia mestilah dikaitkan dengan teori formal yang sedia ada.
- Sebelum melakukan kajian, pengkaji mungkin mempunyai idea tentang perhubungan antara konsep-konsep, tetapi pengkaji kurang yakin tentang perhubungan tersebut kerana tidak mempunyai suatu teori formal yang dapat menyokong idea tersebut.
- Maka, dengan membuat sumber literatur, pengkaji dapat membuat teori formal yang berkenaan dengan idea pengkaji.
- Berpandukan teori formal, pengkaji akan yakin tentang perhubungan antara konsep-konsep tersebut dan seterusnya dapat menyatakan dan menerangkan idea kajiannya dengan lebih jelas dan teliti.

Contohnya :

Pengkaji kurang pasti tentang perhubungan antara pemikiran kreatif dan stail pemikiran otak manusia. Pengkaji merujuk kepada sumber literatur dan mendapati bahawa teori pemisahan otak menyatakan bahawa kemahiran pemikiran kreatif merupakan salah satu fungsi otak kanan manusia

- Berdasarkan hasil sumber literatur, pengkaji menggunakan teori formal ini sebagai asas untuk mengenal pasti perhubungan antara pemikiran kreatif dan stail pemikiran otak. Dalam kes ini, teori formal iaitu teori pemisahan otak dijadikan sebagai asas teoritikal kajian.

b. Maklumat Mengenai Reka Bentuk Kajian

- Melalui sumber literatur, pengkaji boleh mengetahui reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji lepas untuk membuat penyelidikan ke atas fenomena yang diminati oleh pengkaji sekarang.
- pengkaji dapat membandingkan kekuatan dan kelemahan reka bentuk kajian tersebut dan membuat keputusan untuk menggunakan reka bentuk yang lebih sesuai.
- Pengkaji tidak perlu mengikut bulat-bulat reka bentuk kajian lepas. Jika pengkaji berpendapat bahawa ada reka bentuk kajian yang lebih sesuai, yang boleh membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang sah dan boleh dipercayai, pengkaji akan mempunyai keyakinan yang lebih tentang kajian yang ingin dilakukan.

Contohnya :

Pengkaji mungkin mendapati bahawa kajian lepas dilakukan dengan menggunakan reka bentuk eksperimental, dan mendapati bahawa terdapat kelemahan menggunakan reka bentuk kajian tersebut untuk menyelidik fenomena dibawah kajian yang sama, maka pengkaji mencadangkan reka bentuk kajian lain seperti reka bentuk kuasi-eksperimental atau reka bentuk bukan eksperimental yang lebih sesuai. Dengan cara ini, pengkaji mengenal pasti reka bentuk kajian yang paling sesuai dengan keadaan kajiannya.

- Dalam kes ini, membuat sumber literatur membantu pengkaji mengenal pasti kekuatan reka bentuk kajian dan membina keyakinan kajiannya.


c. Maklumat Mengenai Kaedah Mengumpul Dan Menganalisis Data


- Terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data-data kajian.

- Melalui sumber literatur, pengkaji akan mengenal pasti kaedah mengumpul dan menganalisis data yang paling sesuai kajiannya. Ini akan membantu pengkaji mengumpul, menguruskan data, membuat tafsiran dengan tepat sekali.
- Menggunakan ujian statistik yang sesuai dengan jenis data yang dikumpul adalah penting, kerana menggunakan kaedah analisis data yang salah akan membazir masa pengkaji dan menurunkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.
- Sumber literatur juga boleh membantu pengkaji daripada mengulangi kesilapan kajian lepas. Ia membantu pengkaji merancang strategi kajian dari mula sehingga ke akhir kajian. Ia membantu pengkaji mengenal pasti objektif kajian, mengoperasikan konsep teoritikal, membina kebolehpercayaan dan kesahan instrumen pengukuran, menentukan reka bentuk kajian yang sesuai, memilih cara menganalisis data serta menerangkan secara rasional dapatan kajiannya.

d. Tujuan membuat rujukan kajian lepas yang lain termasuk :

- Mengenal pasti tahap persetujuan pengkaji-pengkaji lain mengenai kajian yang ingin dilakukan.
- Mengetahui sama ada terdapat perbezaan antara hasil-hasil kajian lepas.
- Mengenal pasti variabel-variabel dan faktor-faktor yang mempengaruhi masalah kajian yang ingin dilakukan.
- Memperoleh maklumat mengenai cadangan kajian masa depan yang harus dilakukan oleh kajian lepas. Cadangan-cadangan yang disenaraikan oleh pengkaji dalam kajian lepas yang boleh digunakan sebagai panduan untuk reka bentuk kajian yang akan dilakukan.
- Mengenal pasti bidang-bidang kajian yang jika dilakukan, akan memperoleh kefahaman dan pengetahuan penting mengenai masalah yang ingin dikaji.
- Mengetahui bagaimana pengkaji-pengkaji lain menghubungkan teori-teori dengan reka bentuk kajian.
- Mengetahui bagaimana pengkaji lain mengukur variabel-variabel kajian. Ia termasuk membina instrumen kajian, membina skala untuk item pengukuran dan menguruskan pengukuran.





Rajah 6.1 : Proses rujukan sumber Literatur

Memulakan Sumber Literatur

Perkara yang penting ialah membuat rujukan sebanyak yang boleh, yang sesuai dengan idea dalam fenomena kajian yang dilakukan.

Beirikut merupakan panduan mendapatkan rujukan literatur

1. Bertanya kepada pihak perpustakaan mengenai bahan yang ingin diperoleh

2. Merujuk kepada buku-buku ilmiah yang berkaitan. Pengkaji biasanya mendapat nombor panggilan buku-buku ini melalui program-program pencarian maklumat dan perkhidmatan lain dalam perpustakaan.
3. Perkhidmatan antara-antara perpustakaan universiti – Sebagai contoh, rangkaian pencarian bahan-bahan bacaan antara universiti-universiti tempatan membantu pelajar mencari dan meminjam buku-buku didalam perpustakaan universiti tempatan.
4. Perkhidmatan “ Pinjaman antara universiti ” – pihak universiti membantu pelajaranya memperoleh maklumat dan buku sama ada didalam atau di luar negara melalui penghantaran pos.
5. Mikrofilem – pengkaji juga boleh memperoleh maklumat di dalam perpustakaan melalui perkhidmatan meikrofilem yang merupakan kepingan-kepingan filem yang mencatatkan artikel-artikel penulisan ilmiah, suratkhbar dan sebagainya dalam saiz kecil
6. Jurnal penyelidikan periodikal – pengkaji juga boleh mendapat maklumat daripada buku-buku jurnal penyelidikan di sudut jurnal penyelidikan dalam perpustakaan.
7. Tesis dan disertasi – pengkaji boleh merujuk kepada hasil penulisan ilmiah iaitu tesis dan disertasi yang biasanya ditempatkan di ruang “ Bintik Merah ” (red spot) perpustakaan.
8. Internet – disebabkan kemudahan internet sekarang disediakan dimana-mana sahaja, pencarian maklumat boleh dilakukan dengan mudah melalui enjin pencarian.

	Sumber Literatur	Kandungan
1.	Jurnal pendidikan: universiti tempatan dan luar negara	Suntingan laporan kajian, ringkas dan ditulis bersistematik. Rujukan yang baik.
2.	Tesis	Laporan penuh kajian oleh pelajar Sarjana.
3.	Latihan akademik	Mini tesis pelajar Sarjana Muda.
4.	Buku pendidikan	Prinsip dan teori pelbagai disiplin.
5.	Ensaiklopedia pendidikan	Mengambil kira secara komprehensif pelbagai topik pendidikan; sesuai untuk mereka yang baru pertama kali membuat kajian.
6.	Prosiding seminar pendidikan atau koferens	Himpunan kertas kerja seminar; ada yang berasaskan kajian; sumber data primer.
7.	ERIC	Pengkalan data seluruh dunia untuk laporan kajian; artikal jurnal dan bukan artikal jurnal serta dokumen pengajaran dan pembelajaran; URL: http://www.eric.ed.gov/
8.	Laporan penyelidikan EPRD Kementerian Pelajaran Malaysia	Sumber yang baik daripada dokumen kajian pendidikan oleh pengkaji di Malaysia.
9.	Sumber internet: http://yahoo.com http://lycos.cs.cmu.edu/ http://www.excite.com	Anda boleh mendapatkan topik khusus kajian menggunakan kata kunci khas; terdapat banyak artikal terkini.

Rajah 6.2 : Maklumat Sumber Litratue

Sumber Literatur

Untuk memudahkan pencarian maklumat yang betul-betul berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan, pengkaji boleh membuat rujukan tentang :

- a. Topik Utama – Salah satu cara untuk mempercepatkan proses pencarian maklumat ialah dengan mencari topik-topik khas yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan.
- b. Penulis Utama – bagi mencari maklumat berkaitan dengan stail belajar dan berfikir, pengkaji boleh mendapatkan maklumat dengan cepat dengan merujuk kepada pakar-pakar atau penulis-penulis utama dalam bidang berkenaan.
- c. Penyelidikan Utama – daripada agensi pembekal maklumat kajian seperti UMI Dissertation Services and Eric Document Reproduction Service, pengkaji dapat menemui pelbagai kajian yang berkaitan dengan kajian berkaitan. Pengkaji akan mengenal pasti kajian utama yang akan dijadikan sebagai rujukan utama bagi kajian yang akan dijalankan.
- d. Sumber Terbitan – pengkaji juga boleh mendapat sumber kajian daripada terbitan-terbitan mengikut bidang kajian masing-masing. Misalnya “ Journal of Educational Psychology ” merupakan terbitan bidang psikologi pendidikan manakala “ Journal of Child Development ” merupakan terbitan yang memuatkan artikel-artikel mengenai perkembangan kanak-kanak.

6.5 SUBJEK KAJIAN

Seperti mana yang diketahui, keistimewaan kajian tindakan yang membezakannya dengan kajian konvensional ialah penyelidik terlibat secara langsung dalam kajian sebagai salah satu subjek kajian. Ianya berfungsi sebagai penyelidik dan juga subjek atau entiti yang dikaji. Jika kajian konvensional, penyelidik hanya bertindak sebagai penyelaras atau individu yang berkecuali.

Seperti juga kajian lain, kaedah persampelan penting bagi mendapatkan data kerana dalam kuantiti subjek yang banyak, penyelidik mempunyai halangan dan batasan untuk mengumpul data secara keseluruhan. Terdapat tiga kaedah yang diguna pakai dalam kajian tindakan (Blum dan Fook, 1986; Cohen dan Manion, 1989; Kerlinger, 1986 dan Black, 1993)

1. Seluruh populasi; kesemua individu dalam sesuatu organisasi yang dikaji terlibat. Contoh kelas.

6.6 MERANCANG PELAN TINDAKAN

Kajian tindakan di dalam pendidikan umumnya melibatkan proses mengenalpasti masalah yang berlaku di dalam bilik darjah sama ada pada diri para pelajar, suasana bilik darjah, mahupun pada diri guru sendiri. Setelah sesuatu masalah dikenalpasti, maka penambahbaikan perlu dilakukan dengan cara merancang pelan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut, dan dikukuhkan dengan pembinaan matlamat dan objektif yang jelas sebagai garis panduan kepada kajian yang ingin dilakukan. Pelan tindakan yang dibentuk hendaklah merangkumi aspek :

1. Langkah-langkah yang ingin diambil.
2. Perancangan untuk mengumpul data mengenai permasalahan tersebut.
3. Cara untuk memantau semula perancangan yang telah dibuat.
4. Bagaimana untuk menilai semula sama ada apa yang dirancang tercapai ataupun tidak.

Ini menunjukkan bahawa, proses kajian tindakan yang dilakukan tidak hanya melibatkan proses mengenalpasti masalah dan mencari jalan penyelesaian semata-mata. Ia juga turut melibatkan proses mengumpul data-data, memantau perjalanan kajian sama ada berjalan seperti yang dirancang ataupun tidak, dan juga menilai semula sama ada matlamat dan objektif kajian tercapai ataupun tidak.

Sesuai kajian tindakan juga melibatkan proses pengulangan pemantauan dan penilaian sepanjang kajian dilakukan bagi memastikan sebarang kekurangan di dalam kajian dapat diperbaiki dan dikemaskini dari masa ke semasa. ini bertujuan untuk penambahbaikan sebarang fakta yang terdapat di dalam kajian, atau mungkin bagi memastikan tiada sebarang kesalahan yang berlaku.

Tujuan Membuat Pelan Tindakan

- a) Menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil
- b) Merancang bagaimana untuk mengumpul data
- c) Bagaimana cara untuk memantau apa yang dirancang dilaksanakan
- d) Bagaimana cara untuk menilai sama ada apa yang telah dirancang dan dilaksanakan itu tercapai?

Perkara Penting Semasa Membuat Pelan Tindakan

1. Adakah anda bercadang memperkenalkan kaedah, strategi atau teknik mengajar baru?
2. Adakah anda bercadang mengubahsuai kaedah, strategi atau teknik mengajar yang anda sedang menggunakan? Jika ya, tentukan manakah anda akan mengubahsuai?
3. Berapa lama anda bercadang menjalankan kaedah, strategi atau teknik berkenaan dalam bilik darjah? [Tempoh masa ditentukan oleh anda; iaitu berapa lama anda agak perubahan dijangka berlaku]

6.7 MENGUMPUL DATA

Di dalam kajian tindakan, terdapat pelbagai teknik pengumpulan data. Walaupun menggunakan pelbagai teknik yang baik, namun ia tidak menjanjikan kualiti dapatan kajian. Penyelidikan tindakan tidak akan menjadi kecuali ianya dilakukan dengan sempurna. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memastikan kualiti yang tinggi dalam penyelidikan perlu dipelajari dengan lebih gigih.

Terdapat 3 sebab perlu mencapai kualiti yang baik:

- Tanggungjawab kepada pelajar
- Keperluan kepada kecekapan diri dan orang lain
- Keperluan untuk membuat tindakan dan berubah kepada perkara manfaat (menambah ilmu pengetahuan) dengan melakukan penyelidikan tindakan

Kriteria kualiti

- Serupa dengan kriteria jenis penyelidikan lain
- 2 rukun sains dalam senarai penyelidikan dalam kriteria kualiti ialah kesahan dan kebolehpercayaan
- Kedua-dua konsep ini kritikal kepada kualiti penyelidikan tindakan

Kesahan

- Merujuk kepada kebenaran data

- Dengan mengetahui sama ada data sebenarnya mengukur atau mencerminkan fenomena khusus yang dikaji


Kebolehpercayaan

- Berkaitan dengan ketepatan data
- Masalah kebolehpercayaan dalam pendidikan selalu berlaku apabila data diambil dari sampel yang terlalu kecil

Pengumpulan data melibatkan langkah-langkah :

- a. mengenal pasti dan menyediakan sempadan atau parameter kajian. penyelidikan kualitatif memilih secara bertujuan, bukan secara rawak, partisipan atau dokumen atau bahan visual yang boleh menjawab persoalan kajian dengan baik. sebagai tambahan kepada parameter umum ini, mungkin pengkaji boleh memberi pertimbangan kepada empat parameter lain yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1984) :
 - i. latar (setting) – tempat di mana kajian dijalankan.
 - ii. individu/kumpulan (actors) – informan yang akan diperhatikan atau ditemu bual.
 - iii. peristiwa (events) – perkara-perkara yang dilakukan oleh informan yang diperhatikan dan ditemu bual.
 - iv. proses – perkembangan perkara/peristiwa yang dilakukan oleh informan di tempat kajian.
- b. mengumpul maklumat melalui pemerhatian, temu bual, dokumen dan bahan-bahan visual – perlu dinyatakan data atau jenis data yang akan dikumpul dan menyediakan rasional untuk pengumpulan data. Protokol pemerhatian atau temu bual, untuk merekod maklumat perlu disediakan.

Cresswel (1998) pula memberikan gelungan proses pengumpulan data seperti berikut :



Rajah 6.3 : Gelungan Proses Pengumpulan Data

Yang penting dalam proses ini adalah untuk mendapatkan akses kepada manusia atau tempat kajian dan membina rapport supaya partisipan dapat memberikan data yang baik dan berguna. Ianya merupakan proses yang berterusan dilakukan semasa berada di lapangan.

Perkara Penting Semasa Mengumpul Data

1. Temu duga murid
2. Pemerhatian dengan menggunakan semak senarai (checklist) = memerhati apa yang berlaku di kalangan murid
3. Hasil kerja murid seperti lembaran kerja, latihan, karangan, lukisan, tulisan dan lain-lain Jurnal - merekod pendapat, perasaan dan pandangan guru
4. Buku nota - mencatat apa yang diperhatikan berlaku dalam bilik darjah Mengambil gambar tentang apa yang berlaku dalam kelas Tape audio perbualan dengan murid, guru lain.

6.8 REFLEKSI : ANALISIS DAN HURAIAN DATA

Refleksi

Kajian tindakan adalah satu kajian yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri, iaitu satu kajian yang dilakukan oleh peserta dalam situasi sosial peserta sendiri misalnya guru sebagai penyelidik, perlu membuat refleksi yang diikuti pelaksanaan tindakan praktik (intervensi) yang dibutunya sendiri bertujuan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti amalannya, disamping meningkatkan kefahaman tentang amalan tersebut serta situasi di mana amalan itu dilakukan. Justeru amalan refleksi terhadap pengajaran sendiri oleh guru adalah penting sebagai asas bagi menggerakkan guru untuk menyelidik amalan pengajaran mereka masing-masing. Guru melaksanakan refleksi sistematik terhadap amalan pengajarannya akan menjadi agen perubahan. Guru yang sedemikian akan sentiasa membuat perubahan terhadap pengajarannya untuk tujuan penambahbaikan atau peningkatan.

Definisi Refleksi

Refleksi merupakan proses mengingat kembali pengalaman yang telah dilalui, memikirkannya, mempertimbangkannya dan seterusnya membuat penilaian terhadap pengalaman tersebut. refleksi amat penting dalam Kajian Tindakan. Ia didefinisikan sebagai inkuiri yang sistematik oleh seseorang guru terhadap amalan pengajaran sendiri bagi memperbaiki dan meningkatkan keberkesanannya serta memepdalam kefahaman terhadapnya

Tujuan Refleksi

Tujuan refleksi adalah untuk membolehkan guru :

- menilai amalan pengajaran sendiri dan memperbaiki serta mempertingkatkan
- menilai kesesuaian strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan
- menganalisis nilai-nilai pendidikan yang menjadi asas amalan pengajaran

- mengkaji dan menjelaskan peranan serta nilai peribadi berkaitan pendidikan secara berterusan
- menghurai penjelasan tentang murid, interaksi bilik darjah serta proses pengajaran dan pembelajaran

Kaedah Refleksi

Refleksi boleh dilaksanakan seperti berikut :

- Analisis audio – guru merakam sesi pengajaran dan pembelajarannya sendiri dan menganalisisnya
- Analisis video – guru merakam sesi pengajaran dan pembelajarannya sendiri atau dengan bantuan rakan dan menganalisisnya
- Perbincangan dengan rakan setugas secara bersemuka ataupun chatting bagi membincangkan isu semasa berkaitan pengajaran dan pembelajarannya
- Melibatkan diri dalam penulisan jurnal bagi berkongsi idea dan bertukar-tukar fikiran
- bertukar peranan dan tugas dengan rakan sejawatan bagi mengesan masalah pengajaran dan pembelajaran
- Analisa dokumen
- Menggunakan artikel terkini berkaitan isu-isu pendidikan

Hasil Refleksi

Hasil refleksi akan memberikan guru :

- Kefahaman baru
 - Guru boleh memahami keberkesanan pengajarannya dengan lebih mendalam lagi terutamanya kenapa beliau berjaya atau tidak berjaya dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan. Dengan memahami proses ini, guru boleh mengambil tindakan pemulihan untuk menangani kelemahan dan memperkukuhkan teknik pengajarannya.
- Kesedaran
 - Guru akan sedar tentang pelaksanaan projek kajian tindakan beliau. Kesedaran ini boleh membantu guru mengetahui persekitaran di mana beliau bekerja. Dalam perkataan lain, guru boleh membuat environmental scanning untuk mendapatkan maklum balas bagi mewujudkan kesedaran tentang situasi setempat.
- Keinsafan
- Perubahan persepsi
- Perubahan amalan

Bila Melakukan Refleksi

Refleksi adalah segala proses mengingat dan merenung kembali aktiviti yang telah dijalankan seseorang di peringkat awal, semasa dan selepas menamatkan kajian tindakan.

- Refleksi Peringkat Awal
 - Refleksi peringkat ini dilakukan sebelum memulakan sesuatu Kajian Tindakan. Antara langkah yang boleh dijalankan adalah :

- membuat analisis situasi serta menjelaskan isu, fenomena atau masalah pedagogi
- menganalisis kefahaman sendiri terhadap isu, fenomena atau masalah pedagogi
- menentukan isu/bidang keprihatinan dan
- mengenal pasti tindakan intervensi yang bersesuaian
- Contoh soalan untuk menggerakkan refleksi pada peringkat awal :
 1. Apakah masalah dalam kelas saya ? Mengapa ia berlaku?
 2. Bagaimana masalah itu boleh ditangani?
 3. Apakah strategi yang perlu digunakan? Bagaimanakah menggunakannya?
 4. Bagaimana menilai keberkesanan strategi tersebut?
- Refleksi Semasa Kajian
Refleksi peringkat ini dilakukan semasa kajian sedang dijalankan iaitu:
 - membuat keputusan awal terhadap perjalanan proses tindakan (intervensi)
 - menerima komen dan teguran spontan semasa menjalankan tindakan tersebut
 - mengatasi segala rintangan dengan penambahbaikan yang sewajarnya
 - menilai keberkesanan tindakan intervensi tersebut
 - Contoh soalan untuk menggerakkan refleksi peringkat semasa kajian :
 1. Adakah anda setuju dengan tindakan yang diambil?
 2. Apakah persepsi anda terhadap tindakan tersebut?
 3. Apakah rintangan yang dihadapi semasa menjalankan tindakan?
 4. Apakah keberkesanan tindakan?
- Refleksi Selepas Kajian
Refleksi peringkat ini dilakukan selepas menjalankan tindakan iaitu:
 - mensintesis perubahan dan peningkatan diri guru dan murid
 - menilai kembali kesan tindakan yang telah diambil serta kefahaman baru yang diperolehi
 - menentukan rumusan yang boleh dilaksanakan
 - merancang tindakan susulan
 - Contoh soalan untuk refleksi peringkat selepas kajian:
 1. Apakah perubahan yang berlaku selepas tindakan diambil?
 2. Apakah perasaan anda terhadap keseluruhan tindakan?
 3. Apakah kesimpulan daripada tindakan?
 4. Bagaimanakah rancangan kajian anda selepas ini?

Analisis Dan Huraian Data


Selepas mengumpul data, data haruslah diinterpretasi dan dianalisis. Terdapat perbezaan diantara penginterpretasi data dan penganalisisan data iaitu :

Penginterpretasi Data

- Penginterpretasi data merupakan proses memberi makna kepada apa yang dipelajari daripada data yang dikumpulkan. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada proses penganalisan data.
- Asas kepada proses menginterpretasi data ialah membaca dan menulis. Suatu interpretasi yang baik membawa penyelidik ke dalam pengalaman yang diperihalkan.
- Kecekapan menginterpretasi merupakan suatu seni yang dipelajari dan dikuasai setelah melalui proses menginterpretasi yang berulang-ulang kali

6.9 JADUAL KERJA

Proses Interpretasi



Rajah 6.4 : Proses Menginterpretasi

Penganalisan Data

- Penganalisan data ialah suatu proses yang sistematik untuk mencari, menyusun maklumat daripada transkrip-transkrip temubual, nota lapangan dan bahan-bahan lain yang telah dikumpul untuk meningkatkan kefahaman terhadap maklumat tersebut
- Menganalisis melibatkan aktiviti memahami, menyusun dan mengasing-asingkan data kepada unit-unit kecil, melakukan sintesis, mengenal pasti pola, mendapatkan perkara yang penting, menetapkan apa yang perlu diketahui dan menentukan apa yang harus dilaporkan (Borgden & Biklen, 1992; 153)

Peringkat-peringkat dalam penganalisan data kualitatif

Dalam penyelidikan kualitatif, penganalisan data dilakukan secara berterusan sepanjang proses penyelidikan.

Sebelum pengumpulan data	• Jenis kerangka konseptual • Kes mana? • Apakah soalan kajian? • Apakah kaedah pengumpulan data?
Semasa pengumpulan data	• Membuat keputusan bagi menyempitkan bidang/skop yang dikaji • Merancang sesi mengumpul data seterusnya

	berdasarkan kepada pemerhatian yang telah dibuat. • Menulis ringkasan, memo, komen dan pandangan mengenai • idea yang dibentuk • Mengekodkan data • Mencungkil tema • Membina kategori atau kelompok
Selepas pengumpulan data	• Mengenai pasti pola, keterangan, persamaan, kemungkinan • proposisi, aliran sebab akibat, tanggapan dan perspektif alternatif.

Rajah 6.5 : Peringkat-peringkat Dalam Penganalisisan Data Kualitatif

Secara keseluruhan proses penganalisisan data meliputi 3 urutan aktiviti iaitu, penyaringan data (data reduction), persembahan data (data display) dan penulisan kesimpulan/verifikasi (conclusion drawing/verifikasi) (Miles & Huberman, 1994)

Penyaringan data (Data Reduction)

- proses ini merupakan usaha untuk mengurangkan jumlah data dengan memilih dan mengasingkan data yang kurang relevan.
- Untuk itu, aktiviti menringkaskan, memilih buang dan menyusun data dalam bentuk tertentu kurang dilakukan untuk menjadikan data lebih berfokus bagi membantu proses membuat keputusan.
- proses penyaringan data boleh dilakukan secara berterusan sepanjang proses pelaksanaan penyelidikan sebelum, semasa dan selepas proses mengumpul data.
- Pengekodan data adalah bahagian penting dalam penyaringan data. Proses ini melibatkan aktiviti;
 - membaca traksripsi untuk menentukan pola atau tema topik
 - menulis ayat sebagai kod kategori untuk mewakili pola atau topik
 - menyenaraikan kategori menurut abjad atau nombor
 - membaca keseluruhan data dan memberikan tanda bagi setiap unit (ayat dan perenggan dengan kategori pengekodan yang berkaitan)
 - menguruskan data dengan cara mengasingkan unit-unit mengikut kategori dan memasukkannya ke dalam fail menggunakan komputer
 - membina kod pola untuk mengenal pasti tema atau keterangan yang muncul

Persembahan data (Data Display)

- persembahan data merupakan cara sistematik yang paling jelas untuk memaparkan data agar mudah difahami
- data juga haruslah dipersembahkan secara tersusun dan padat serta dapat menjelaskan keputusan yang dibuat.
- untuk itu, persembahan data boleh dilakukan dengan menggunakan perkataan, matrik, graf, carta, jadual dan huraian

Penulisan Kesimpulan dan Verifikasi

- Proses penganalisan data dilakukan untuk membolehkan penyelidik membina kesimpulan tentang persoalan kajian.
- bagi menjamin keesahan, kesimpulan yang dibina mestilah disokong dengan bukti-bukti daripada data.
- untuk itu, beberapa langkah seperti meneliti hubungan antara data, menyemak keesahan melalui bukti yang menyokong dapatan, mencari bukti yang tidak selaras dengan dapatan, mempertimbangkan perspektif alternatif, iaitu pemahaman yang diperoleh daripada kajian, menyemak silang dengan perspektif responden dan atau rakan penyelidik lain perlu dilakukan.

Kesahan Dan Kebolehpercayaan Penyelidikan Kualitatif

Penyelidikan kualitatif dilakukan ke atas konteks kehidupan sebenar. Oleh sebab itu, proses ini bersifat subjektif kerana :

- impak penyelidik ke atas tempat
- nilai-nilai yang dipegang oleh penyelidik
- status kebenaran keterangan atau interpretasi penyelidik

Bagi mengatasi kemungkinan yang disebutkan diatas, penyelidik perlu sentiasa bertanyakan soalan tentang penyelidikannya. oleh itu, kesahan dan kebolehpercayaan data adalah isu-isu yang penting dalam penyelidikan kualitatif. kategori huraian, tema, isu yang didapati daripada data harus disemak untuk kemungkinannya, kepercayaan dan kesahan (Miles dan Huberman , 1994)

a. Maksud kesahan dan kebolehpercayaan data

Kesahan

Kesahan bermaksud kebenaran yang dapat menggambarkan fenomena sosial sebenar seperti yang dimaksudkan (Hammerslay 1990:57)

Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan data yang disepakati oleh beberapa penyelidik yang sama atau penyelidik lain, sama ada dalam situasi yang sama atau yang berbeza. (Hammerslay 1992a:67)

b. Cara menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data

Kesahan data boleh ditentukan melalui menyemak silang dapatan dalam hubungan tertentu. Untuk itu beberapa strategi boleh dilakukan, seperti:

- Tringulasi , iaitu membanding pelbagai jenis data daripada pelbagai jenis data daripada pelbagai kaedah, pada masa berbeza dan dengan penyelidik yang berlainan
- Kesahan dari sudut responden iaitu mendapatkan pengesahan dapatan kajian dengan mengemukakan semula kepada responden

- menguji assertions melalui induksi analitik, iaitu mencari kes terpesong/istemewa yang berlawanan dengan ciri-ciri am dalam kebanyakan kes, penggunaan kaedah bandingan setara dan perspektif alternatif.

Kebolehpercayaan data dapat dipastikan melalui;

- penulisan nota lapangan yang sistematik
- ujian rintis temu bual
- latihan ke atas penyelidik yang akan menjalankan temu bual
- semakan kebolehpercayaan inter-rater ke atas pengekodan transkripsi temu bual
- pelaksanaan audit inkuri
- pembinaan akaun data/pembentangan hasil laporan untuk interpretasi semula
- pembentangan hasil laporan untuk interpretasi semula
- penglibatan yang lama dengan tempat kajian
- pemerhatian yang berterusan dalam satu tempoh

6.11 SUMBER RUJUKAN

- a. Strategi Membuat Sumber Rujukan
 1. Kenalpasti secara tepat apakah maklumat yang diperlukan
 2. Kenalpasti kata kunci atau nama sarjana tertentu
 3. Sumber untuk mendapatkan maklumat dan pangkalan data
 4. Mulakan bahan terkini
 5. Keperluan asas: buku atau bahan yang sesuai untuk merekodkan literatur yang diperolehi
 6. Membuat salinan bahan-bahan relevan yang ditemui
 7. Ketelitian dalam menyorot dan membuat catatan
 8. Beritahu orang lain apa kajian yang sedang dibuat.
- b. Cara Membuat Petikan
 - Rujuk Sistem American Psychological Association (APA style)
 - Berikut beberapa panduan dalam memetik dan mengulas literatur secara saintifik.
 1. Nyatakan nama penulis yang dipetik berserta tahunnya di dalam teks. Nama yang muncul di dalam teks mesti disenaraikan di dalam bibliografi.
 - a) Menyebut nama keluarga (tanpa initial nama pertama dan nama pertengahan).
 - b) Jika penulis yang dirujuk tiga orang, nama masing-masing dicatatkan. Tetapi jika lebih dari tiga orang, mencukupi ditulis nama penulis pertama dan diikuti dengan perkataan 'et. al.'
 - c) Petikan yang melibatkan keseluruhan kata-kata disebut petikan terus (direct quotation). Nama orang yang dirujuk boleh disebut di awal ayat atau di tulis penghujung ayat dan dalam kurungan.

Contoh :

Ezhar, Hasan dan Said (1999) mendapati bahawa orang Melayu lebih suka menggunakan gaya integrasi dalam menguruskan konflik antara perseorangan.

Atau

Orang-orang Melayu didapati lebih suka menggunakan gaya integrasi dalam menangani konflik antara perseorangan (Ezhar, Hasan dan Said, 1999)

Cara Penulisan Bibliografi

1. Dari buku
 - Mitcheel, T. R., & Larson, J. R. (1987). *People in organization* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
2. Dari bab buku
 - Bjork, R. A. (1998). Retrieval inhibition as an adaptive mechanism in human memory. In H. L. Larson & T. R. Mitcheel (Eds.), *Varieties of memory and consciousness* (pp. 105-175). Hillsdale, NJ: Erlbaum
3. Artikel dari jurnal
 - Klimoski, R., Palmer, S., Isomand, T. P, & White, L. A. (1993). Role of early supervisor experience in supervisor performance. *Journal of Applied Psychology*, 78, 443-449
4. Dari kertas kerja yang telah dibentangkan
 - Ezhar Tamam. (1999, May). An exploratory study of complimenting behaviour among Malays. Paper presented the International Conference of MICOLLAC organized by Faculty of Modern Languages And Communication, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
5. Dari akhbar
 - Scheartz, J. (1993, September 30). Obesity affects economic, sosial status. *The Washington Post*, p.7
6. Dari rencana akhbar, tanpa nama penulis
 - New drug appears to sharply curtrisk of death from heart failure. (1995, July 15). *The Washington Post*, p.15
7. Dari majalah
 - Zamri Ahmad. (1999). Mengatasi kegugupan komunikasi. *Majalah Pengembangan*, 3, 65-71.
8. Dari laporan organisasi
 - Jabatan Penerangan Malaysia. (1995). Laporan tahunan 1994. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan
9. Dari jurnal on-line
 - Fuller, L. K. (1998). The role of dominant ethnicity in racism: Reportage on Chinese rule in multi-racial Singapore. *The Edge: The E-Journal of Intercultural Relations*, 1, 3. Retrieved June 30, 1998. Available: <http://www.hart-li.com/biz/theedge/domrac.htm>
10. Dari abstrak CD-ROM
 - Brower, D. L. (1995). The tip-of-the-tongue phenomena [CD-ROM]. *Memory & Cognition*, 20, 200-215. Abstract from: ProQuest File: Dissertation Abstracts Item:9315947
11. Dari sumber on-line (tanpa penulis, tanpa tajuk artikel)
 - <http://www.apa.org/journals/webref.html>

TOPIK 7

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

7.0 Penyelidikan Tindakan: Kaedah Pengumpulan Data

- Pemerhatian: Pemerhati, peserta dan pemerhati, peserta
- Data berbentuk dokumen
- Temu bual: Temu bual berstruktur, semi-struktur, tidak berstruktur

7.0 KAEDAH PENGUMPULAN DATA DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN

7.1 PEMERHATIAN:

Kaedah pengumpulan data dari aspek pemerhatian merangkumi;

- Kaedah pemerhatian secara langsung
- Meliputi data kualitatif dan kuantitatif
- Pengumpulan menggunakan pendekatan naturalistik atau eksperimen
- Pengkaji mempunyai ruang memainkan pelbagai peranan ketika pemerhatian.

Menurut Atkinson & Hammersley 1994, dlm. Denzin & Lincoln, ms 249 “semua kajian melibatkan pemerhatian kerana kita tidak dapat meneiti dunia sosial tanpa menjadikan sebahagian daripadanya.

Kajian kualitatif ialah:

a. Pemerhatian

Pemerhatian sebagai alat untuk mengutip data. Beberapa alat pemerhati diletakkan di lokasi yang sesuai pada pada masa yang ditetapkan.

- Pemerhati menggunakan prainstruksi.
- Pilih objek dan bersedia untuk pemerhatian.
- Pilih siapa yang hendak diperhati dan bila hendak dibuat pemerhatian
- Menyediakan perkara yang perlu dan patut dibuat.

Bina alat pemerhatian yang piawai apabila menggunakan khidmat beberapa pemerhati semasa pemerhatian dijalankan. Jadual 8.1 contoh alat pemerhatian separuh-berstruktur.

Nama Pemerhati:

Responden :

Tempat Pemerhatian:

Masa/Jangka Waktu Pemerhatian:

Item	Nota Pemerhatian
Perhati tabiat mereka sebelum masuk kelas.	
Perhati tabiat mereka ketika guru masuk kelas.	
Perhati apa mereka buat ketika guru sedang mengajar.	
Perhati reaksi mereka apabila diminta menjawab.	
Perhati reaksi mereka apabila diberi kerja rumah.	
Perhati tabiat mereka apabila guru hendak meninggalkan kelas.	

Jadual 7.1: Contoh Pemerhatian Separuh-Berstruktur

7.2 DATA PEMERHATIAN

Pemerhatian merupakan teknik pengutipan data melalui memerhati tingkah laku subjek secara langsung. Anda memerhati dan dokumenkan atribut subjek yang dikaji. Isu kritikal berkait rapat dengan pemerhatian sering ditimbulkan ialah berkaitan sejauhmanakah penglibatan pengkaji dalam proses pengutipan data. Dalam teknik pengutipan data melalui pemerhatian, penyelidik membuat andaian bahawa sesuatu tabiat itu mempunyai tujuan dan dilahirkan berdasarkan nilai dan kepercayaan tertentu.

Data pemerhatian dapat membantu pengkaji untuk :

- memahami konteks,
- mendapat pengalaman terus,
- melihat perkara yang mungkin terlepas pandangan.

Sebagai ilustrasi, hanya satu pemerhatian dijalankan untuk mengenal pasti ciri tabiat pemonteng ketika mereka berada dalam kelas. Jadual 8.2 mengandungi nota bagi data yang

didapati daripada sesi pemerhatian berstruktur tunggal untuk lima (5) orang pelajar ketika mereka berada dalam kelas.

Items	Nota Pemerhatian
Memerhati tabiat mereka sebelum guru memasuki kelas.	Kes 1: Mengasingkan diri dan mimpi di siang hari. Kes 2: Banyak bercakap dengan budak lelaki; sering berjalan ke sana sini . Kes 3: Membaca tabloid yang popular; nampak berminat dengan orang lain. Kes 4: Bercakap dengan lelaki yang duduk dihadapannya. Kes 5: Bercakap dengan perempuan lain.
Memerhati tabiat mereka semasa guru memasuki kelas.	Kes 1: Sikap tidak peduli, memerhati sahaja guru masuk kelas, tidak senang hati. Kes 2: Ia terus bercakap. Kes 3: Terus membaca tabloid. Kes 4: Berhenti bercakap dengan budak lelaki di hadapan. Kes 5: Dia berhenti bercakap.
Memerhati apa mereka buat ketika guru mengajar.	Kes 1: Tidak memberi perhatian pada guru, terus bermimpi di siang hari. Kes 2: Sekali sekala budak perempuan itu bercakap dengan orang bersebelahan dengannya; sekali sekala memberi perhatian kepada guru. Kes 3: Membaca tabloid sekali sekala; sering tidak memberi perhatian. Kes 4: Mengganggu perempuan yang duduk dihadapannya, tidak memberi perhatian langsung. Kes 5: Memberi perhatian setiap masa; mengambil nota sekali sekala.
Memerhati bagaimana mereka member reaksi apabila diminta menjawab soalan.	Kes 1: Kelihatan tidak selesa apabila diminta menjawab; tidak upaya menjawab dengan betul. Kes 2: Menunjuk muka dan mempamirkan sikap "tidak peduli". Kes 3: Tidak upaya menjawab. Kes 4: Cuba menjawab, mungkin untuk mengambil hati guru. Kes 5: Berupaya menjawab soalan dengan tepat.
Memerhati reaksi mereka apabila diberi kerja rumah.	Kes 1: Mempamirkan sikap "tidak peduli". Kes 2: Bertanya guru kenapa diberi kerja rumah; Mengatakan beliau tidak mempunyai masa untuk membuat kerja rumah. Kes 3: Membantah sebab terlalu banyak kerja rumah sudah diberi oleh guru lain. Kes 4: Sikap "awak suruh saya buat, saya akan buat". Kes 5: Memnunjukkan tanda bersetujuan.
Memerhati tabiat mereka apabila guru	Kes 1: Menunjukkan tanda kepuasan. Kes 2: Menunjukkan kepuasan dan mula sambung bercakap.

meninggalkan kelas.	Kes 3: Rasa selesa apabila guru meninggalkan kelas. Kes 4: Menoleh ke belakang dan mula bercakap dengan budak perempuan dibelakangnya. Kes 5: Mula bercakap dengan orang yang berada di hadapan.
---------------------	--

Jadual 7.2 : Data daripada Pemerhatian Berstruktur

7.3 CARA PEMERHATIAN:

- Meluangkan sepenuh masa sambil menjalankan tugas seharian, memerhati perjalanan kerja
- Mendapatkan maklumat dalaman tentang tugas perkara yang diperhatikan
- Pengkaji memahami tabii dan konteks tugas subjek yang dikaji
- Memerlukan sepenuh masa dan komitmen pengkaji
- Akhirnya dapat memperoleh data yang banyak dan sesuai

Mengumpul Data Melalui Pemerhatian:

Penyertaan dan penglibatan Sepenuhnya

Penyelidikan dijalankan tanpa disedari oleh langsung oleh sampel

Kebaikan – Penyelidik dapat merasai pengalaman sebenar seperti yang dialami oleh sampel

Limitasi – Penyelidik mungkin ditafsir sebagai orang asing oleh sampel kajian

Penyelidik Sebagai Peserta Observerasparticipant

Penyelidik berfungsi beserta sampel.

Kebaikan – Penyelidik dapat merekod maklumat dan mengalami peristiwa yang sebenar.

Limitasi – Maklumat peribadi dapat diperhatikan tetapi penyelidik tidak boleh melaporkan sepenuhnya.

Peserta Sebagai Pemerhati Participant as Observer

Penyelidik hanya memerhati subjek kajian.

Kebaikan – Aspek perlakuan yang luar biasa boleh diperhatikan .

Limitasi – Penyelidik mungkin kurang berkemahiran untuk berkomunikasi dengan sampel atau kurang mahir membuat pemerhatian .

Pemerhati Sepenuhnya Complete Observer

Penyelidik membuat pemerhatian tanpa disedari oleh sampel:

Kebaikan – Berguna untuk meneroka topik yang mungkin kurang sesuai untuk dibincangkan dengan sampel.

Limitasi – Mungkin terdapat subjek yang kurang selesa dan jalinan sukar diperolehi seperti kanak-kanak.

Catat Perkara Atau Tingkahlaku Yang Dipemerhati

- Perhatikan dan catatkan segala yang dipemerhatian – Gunakan pemetaan, catatan ringkas, kekerapan aktiviti tertentu.
- Fokuskan pada kata kunci dan aktiviti tertentu
- Perhatikan sesuatu yang luar dari keadaan dan tingkahlaku biasa
- Lihat pada perkara tertentu, gunakan senarai semak untuk memandu aspek yang difokuskan, kecilkan skop.

Contoh senarai semak: Situasi Pembelajaran Dalam Bilik darjah

Aktiviti	Kekerapan
Pelajar memberi mengajukan soalan	
Guru memberi respon	
Guru menyebarkan soalan	
Layanan guru kepada pelajar yang pandai	
Layanan guru pada pelajar kurang pandai	
Guru membincangkan jawapan pelajar	
Guru merumuskan jawapan	

Situasi Pembelajaran Dalam Bilik darjah – mengkaji aspek penyoalan

Aktiviti	Kekerapan
• Soalan Aras rendah	
• Soalan Aras tinggi	
• Soalan kritis	
• Soalan kreatif	
• Soalan mencapah	
• Soalan aplikasi	

Kualiti pembelajaran Dalam Bilik darjah

Aktiviti	Catatan
Penggunaan istilah yang betul	
Kebolehan menyampaikan konsep	
Keupayaan mengembangkan konsep	
Keupayaan berkomunikasi dengan pelajar	
Keupayaan mengekalkan minat murid	
Keupayaan mempelbagaikan strategi pengajaran	
Keluwesan dalam pengajaran	
Keupayaan merumuskan hasil pembelajaran	

Jenis-Jenis Pemerhatian:

a. Pemerhatian turut serta:

Terdapat tiga jenis pemerhatian turut serta iaitu peserta penuh, peserta sebagai pemerhati dan marigial.

- i. Peserta penuh -identiti penyelidikan dirahsiakan, melibatkan soal etika dan meneliti situasi tertentu.
- ii. Perserta pemerhati - mendedahkan identity dan cuba mendapatkan
 - a. Kepercayaan peserta kajian utama menggunakan peranan sebagai perserta dan
 - b. pemerhatian untuk mengumpul data.
- ii. Perserta marigial -pemerhatian dilakukan secara bersahaja tanpa disedari, tetapi penyellidik perlu memastikan pandangan orang lain apabila menggunakan teknik ini.

Cara Pengumpulan Data Pemerhatian

Beberapa cara yang berkaitan adalah seperti berikut:

- catatan lapang yang tidak berstruktur
- jadual pemerhatian yang berstruktur
- skema pengkodan berasaskan soalan kajian
- senarai semak
- rakaman peristiwa (cth: apabila responden bercakap,apabila pelajar masuk ke kelas)
- persepelan waktu (cth: memerhatikan tempat kerja,pusat membeli belah)
- Menjalankan aktiviti GERKO pada waktu dan gari yang berlainan.

Apa yang perkara perlu diperhatikan?

- Perlakuan yang non-verbal
- Penggunaan ruang pada masa pemerhatian

- Interaksi lisan cth: siapa bercakap, penggiliran, siapa mencelah, siapa bernada tinggi atau lembut
- Kandungan dan struktur bahasa semasa pemerhatian

Perkara yang perlukan difikirkan sebelum melaksanakan pemerhatian

- Peranan yang perlu dilakukan oleh penyelidikan
- Tempat, situasi dan konteks kajian seperti waktu, ruang, tempat
- Kebenaran untuk menjalankan kajian, rundingan, persetujuan
- Beberapa perkara diperlukan atau dikehendaki
- Cara memperoleh data, sumber data, siapa yang terlibat, bila dan di mana
- Isu-isu berkaitan etika - kebolehpercayaan, keesahan.

Merekodkan daripada data pemerhatian

- Semua maklumat perlu direkodkan dengan serta-merta
- Semak catatan untuk meneliti, menambah, membaiki terutamanya penulisan secara naratif
- Masukkan petanda-petanda, insiden, peristiwa dan proses
- Masukkan data dengan segera sekiranya tertinggal
- Masukkan interpretasi dan idea ke dalam catatan lapangan
- Gunakan memo sebagai peringatan untuk mengumpulkan data
- Gunakan diari lapangan sekiranya perlu
- Jangan fokus kepada kelompok yang dianggap relevan sahaja.

Bilakah masa yang sesuai untuk membuat pemerhatian

Kajian epistemology atau ontological

- Kajian eksploratori
- Kajian etnografi
- Kumplan kecil
- Proses atau peristiwa yang singkat
- Peristiwa rutin/kebiasaan
- Aktiviti yang dapat diperhatikan
- Masa yang lama

Kelebihan dan kekuatan teknik pemerhatian

- Pemerhatian secara langsung
- Dapat memaksimum pengumpulan data
- Membantu meneliti kandungan serta struktur penggunaan bahasa
- Menimbulkan elemen non-linguistik dalam interaksi lisan
- Pemerhatian dapat digunakan dalam kehidupan
- Melalui pemerhatian keadaan akan kurang mengecam

Kelemahan dalam teknik pemerhatian

- Kesan penyelidikan agak sukar disingkirkan
- Merekod pemerhatian agak menyukarkan
- Sukar untuk memisahkan antara pengumpulan daripada penginterpretasian data

- Penyelidikan boleh memakan masa
- Memerlukan latihan dan kemahiran terlebih dahulu
- Sering berdepan dengan perkara yang berkaitan isu kebolehpercayaan, keesahan, kesahihan
- Terdapat keraguan dari segi etika

Menurut buku manual kajian tidakan edisi ketiga oleh bahagian perancangan dan penyelidikan dasar (2008) pendidikan kementerian pelajaran Malaysia, pemerhatian merupakan:

- Proses meneliti situasi atau kejadian dilakukan secara kritikal. Pemerhatian sesuai digunakan bagi mengamat tingkah laku murid berdasarkan pemboleh ubah atau aspek yang dikenalpasti.
- Pemerhatian perlu dijalankan secara sistematik. Pemerhatian boleh dilaksanakan dengan mencatat nota tentang apa yang berlaku di bilik darjah semasa proses pengajaran dan bagaimana reaksi murid semasa pengajaran.

Selain itu, pemerhatian juga boleh dilakukan dengan bantuan peralatan eletronok seperti perakam video, rakaman audio, kamera dan melalui telefon bimbit yang mempunyai fungsi merakam suara dan video. Penyelidik tidak boleh terpengaruh dengan tingkah laku subjek semasa menjalankan pemerhatian.

Pemerhatian Boleh Dilakukan Melalui Dua Cara:

- a. Berstruktur
- b. Tidak berstruktur

Pemerhatian berstruktur:

Perkara yang hendak diperhatikan hendaklah dikenalpasti terlebih dahulu. Penyelidik memerhati, mendengar dan merekod maklumat berdasarkan senarai semak yang telah ditetapkan. Pemerhatian berstruktur dilakukan menggunakan senarai semak.

Pemerhatian tidak berstruktur:

Dilakukan tanpa merujuk kepada apa jua senarai semak atau aspek yang telah pasti. Penyelidik perlu menentukan focus pemerhatian. Focus ini termasuk tingkah laku murid, isyarat badan semasa penajaran dan pembelajaran seorang murid atau sekumpulan murid dan membuat aktiviti dalam bilik darjah. Guru juga perlu mengenalpasti jenis tingkah laku murid yang ada kaitan dengan isu yang dikaji.

Semasa menjalankan pemerhatian tidak berstruktur, penyelidik boleh meneliti perkara-perkara seperti yang ditunjukkan pada rajah berikut:

- i. PESERTA- Subjek yang hendak diperhatikan umur, jantina, kelas. hubungan antara peserta dan bilangan peserta.
- ii. LATAR- Rupa/bentuk latar spt susunan kerusi, meja, kedudukan murid, papan tulis, OHP, projector LCD.
- iii. TUJUAN- Sebab peserta berkumpul, matlamat antara peserta, sama ada selaras atau bercanggah.

- iv. PERLAKUANSOSIAL- Apa yang dibuat, apa pendorong, apa kegiatan, kadar/kualiti perlakuan, kesan
- v. KEKERAPAN DAN JANGKA- Bila berlaku, berapa kali, berulang atau tidak, mengapa berulang (suasana yg menyebabkannya berulang)
- vi. LUKIS RAJAH- Kedudukan murid, Meja guru, pintu, tingkap, pancaran matahari

Menurut buku garis panduan penyelidikan bahagian pendidikan guru maktab perguruan (2005), kaedah pengumpulan data dari aspek temubual ialah:

- i. Secara umum temu bual adalah perbuatan yang terbimbing dan berfokus.
- ii. Pertemuan antara penyelidik dengan peserta kajian, dengan penyelidikan bertanyakan siri soalan yang relevan dengan fokus kajian (Ackroyd & Hughes 1992:100)
- iii. Selalunya dicipta dan bukan semula jadi, etapi hubungan mesra boleh terbina antara kedua-duanya.
- iv. Temu bual membekalkan sebahagian gambaran sahaja tidak dirangkumi dalam temu bual (boleh menimbulkan masalah kebolehpercayaan dan kesahan)

Tujuan temu bual:

Dalam kajian kualitatif, temu bual merangkumi perkara berikut:

- Proses pengumpulan data berkaitan perkara yang tidak dapat diperhatikan seperti kepercayaan, prinsip, pegangan atau perkara yang sukar diperoleh.
- Suatu strategi untuk saling menyemak dan elucidating data yang dikumpulkan daripada sumber lain seperti pemerhatian, dokumen, jurnal
- Kaedah untuk memperoleh data sejarah kehidupan.

Teknologi yang boleh digunakan untuk temu bual:

i. Kaset perakam:

- Rakaman perlu ditranskripsikan
- Elok kalau ada mikrofon yang disambungkan ke perakam
- Letakkan dekat dengan peserta kajian
- Pastikan aras bunyi sesuai
- Pastikan ada bateri
- Pastikan alat perakam dan kaset diperiksa/disediakan lebih awal
- Pastikan rakaman berjalan lancar, pastikan dari semasa ke semasa
- Dengar rakaman secepat mungkin dan masukkan bahagian yang tertinggal jika ada

ii. Menulis catatan:

- Boleh dilakukan tetapi sukar untuk menulis pada masa memandang peserta kajian. (terutama temu bual tak berstruktur)
- Pertimbangan tentang apa yang perlu/tidak mengganggu proses penulisan
- Sangat relevan kalau data non-verbal diperlukan

iii Kamera video

- Boleh mengganggu proses temu bual, sesetengah
- Orang tidak selesa

- Minta izin dahulu-mungkin tidak bersetuju, fikirkan
- Kaedah lain
- Sesuai untuk perbincangan kumpulan-ada ruang menentukan peserta ketika menulis catatan
- Berguna dalam merakam interaksi verbal dan non-verbal
- Melibatkan penganalisis yang kompleks

iv Penggunaan telefon:

- Sesuai kalau jarak peserta dengan penyelidikan jauh, terlalu sibuk orang berstatus tinggi
- Petanda non-verbal tidak diperoleh
- Rakaman audio boleh dilakukan
- Perbualan boleh juga dirakamkan

v. e-mail:

- Berguna dalam kedudukan yang berjauhan
- Gunakan soalan terbuka supaya tidak menjadi soal selidik
- Peserta boleh mengambil masa untuk respon
- Boleh dipindahkan terus ke dalam fail tertentu

Temuduga

Temuduga merupakan perbualan yang mempunyai tujuan tertentu. Ia disifatkan sebagai suatu proses pencarian makna yang aktif apabila fenomena yang diselidik tidak dapat dilihat secara langsung. Secara spesifik, tujuan temuduga adalah untuk mengutip maklumat. Temuduga adalah teknik mengutip data daripada subjek melalui soalan yang dikemuka dan mendapatkan reaksi daripada mereka secara verbal atau tanpa verbal. Temuduga boleh bersifat kasual atau mendalam.

Terdapat tiga jenis temuduga dan mempunyai struktur tersendiri:

- Temuduga berstruktur atau piawai. Soalan yang dibangunkan bertujuan untuk mendapat respons yang spesifik. Contoh: "Apa khabar anda hari ini?" "sudah bersarapan pagi tadi?"
- Separuh berstruktur atau separuh piawai seperti beberapa siri soalan pra- penentuan atau soalan terbuka telah dibangunkan.
- Temuduga tanpa-berstruktur atau temuduga tanpa-standard.

Jadual 6.3 memberi contoh alat yang berbentuk separuh struktur.

Nama Yang Ditemuduga:

Responden:

Tempat Temuduga

Masa Temuduga:

Item	Respon
Pada pandangan anda apakah yang sebab anda menjadi pemain terbaik musim ini?	

Apakah jenis latihan yang anda lakukan?	
---	--

Jadual 8.3: Contoh Alat Temuduga Separuh Struktur

Alat Temuduga Separuh Berstruktur dibentuk untuk mendapatkan data dengan menggunakan satu set soalan yang telah ditetapkan, alat ini boleh membantu kita mendalami pemikiran, pandangan dan sikap subjek. Kita boleh membuat andaian bahawa pemikiran, pandangan dan sikap seseorang berkait rapat dengan kepercayaan individu. Jumlah item boleh ditingkatkan atau diturunkan menurut definisi operasional yang digunakan oleh pengkaji.

Data Temubual

Temubual merupakan salah satu teknik pengutipan data dengan menemubual secara langsung. Sebagai latihan dalam pengutipan data, sila rujuk alat temubual berstruktur dalam Jadual 8.4. Sampel tersebut terdiri daripada lima (5) orang pelajar Tingkatan 5 yang telah dikenalpasti sebagai penagih dadah. Ketika ini mereka sedang menjalani program pemulihan mandatori selama dua (2) tahun. Temubual berstruktur digunakan untuk mengutip maklumat untuk menjawab Objektif Kajian 1 yang diambil daripada Contoh B: Orientasi kepercayaan pelajar yang menjadi penagih dadah.

- Jadual 8.4 menunjukkan respons asal yang telah ditranskripsikan ke dalam teks. Transkripsi dibuat berdasarkan respons yang diberi oleh lima (5) orang subjek yang telah ditemubual. Temubual dibuat dalam bilik kaunseling dadah. Setiap temubual mengambil masa 10 minit. Temubual dijalankan daripada pukul 9.00-10.30 pagi. Sekiranya anda menjalankan kajian, anda perlu menambah jumlah saiz sampel, sesi pemerhatian dan soalan yang akan dikemukakan dalam temubual.

Item	Respons (Teks Dipermudahkan)
Apa perasaan anda yang menyebabkan anda menjadi penagih?	Kes 1: Rasa dianayai oleh rakan; guru terasa mencari kesalahan sahaja. Kes 2: Rasa diketepikan oleh rakan; guru tidak memahaminya Kes 3: Terasa hendak membunuh diri; teman lelaki meninggalkannya kerana perempuan lain; ibu bapa mengetepikannya. Kes 4: Terasa tidak diterima oleh rakan di sekolah; terasa kesunyian; telah dipelawa oleh pengih dadah untuk menghadiri satu jamuan. Kes 5: Terasa hidup di dunia ini tidak bermakna.
Pada fikiran anda apakah sebab utama anda menjadi seorang penagih?	Kes 1: Tidak memikirkan langsung tentang bahaya dadah. Kes 2: Terasa yang guru tidak memahami dirinya; tidak fikir ibu bapa memahami dirinya sendiri; terasa bahawa rakan-rakannya tidak boleh

	dipercayai. Kes 3: Tidak boleh bayangkan rakan lelakinya akan menjatuhkan meruahnya; ibu bapa tidak memahami masalahnya dan memikirkan bahawa dirinya perempuan “tidak baik”. Kes 4: Terlalu sebuk dengan pemikiran negatif dan perkara yang tidak baik dan halangan-halangan; rakan tidak boleh dipercayai. Kes 5: Memarahi diri sendiri kerana tidak membantu rakan pada masa lalu; tidak dapat memikir mencari jalanmendapatkan rakan baru yang bukan penagih dadah.
--	---

Jadual 7.4: Nota Data daripada Temubual Separuh Berstruktur

Teknik Temubual:

- i. Forum untuk bercakap dengan pengguna
- ii. Berstruktur, tidak berstruktur atau semi-berstruktur
- iii. Sampel senario dan prototaip boleh digunakan seasa temubual
- iv. Bagus untuk mengkaji isu
- v. Tetapi memakan masa dan mungkin sukar untuk berjumpa dengan semua

Koleksi Data – Temubual

Jenis	Kebaikan	Limitasi
1. Bersemuka (Face to face)	Berguna bila responden tidak dapat diperhatikan secara langsung	Menghasilkan maklumat “indirect” mengikut pandangan responden
2. Melalui Telefon	Responden boleh memberi maklumat lain seperti latarbelakang sejarah, dsb	Maklumat diperolehi bukan dalam situasi yang sebenar
3. Temubual Dlm. Kumpulan	Membolehkan penyelidik mengawal arah penyoalan	• Kehadiran penyelidik menimbulkan “bias” kepada responden. • Sesetengah responden kurang berkerjasama

Darjah kebebasan

Tidak formal, temubual tidak berstruktur (Contohnya perbualan dalam bilik darjah) “Open-ended”, temubual spara berstruktur (perbualan yang terarah) Formal, temubual berstruktur (tinjauan dalam bentuk verbal, untuk pengesahan)

Temubual tak formal

- i. Tidak dirakamkan dalam audio tape
- ii. Tidak dijadualkan secara formal – berlaku secara spontan dalam bilik darjah

- iii. Boleh dilakukan dalam bilik darjah, catatan dibuat
- iv. Untuk menjawab Who, what, where, when, why, how

Temubual secara formal

- i. Dirakamkan dalam audio tape
- ii. Dijadualkan
- iii. Di luar waktu pembelajaran – satu aktiviti penyelidikan yang dirancang
- iv. Boleh dilakukan secara individu atau secara kumpulan
- v. Digalakkan dalam bentuk open -ended (elakkan respon ya / tidak)
- vi. Rakam dalam audio tape – Tempat yang tertutup
- vii. Sampel purposive – mewakili ciri yang ingin dikaji
- viii. Buat catatan juga
- ix. Transkripikan temubual

Temubual Dalam Kumpulan

- i. Kaedah kualitatif untuk mengkaji kumpulan atau sub kumpulan
- ii. Memberi maklumbalas yang cepat
- iii. Mengkaji sub kumpulan untuk sesuatu ciri tertentu
- iv. Memerlukan kemahiran penyelidikan

Persediaan temubual

- i. Buat bacaan awal, skop, apa yang harus ditanya, teori, maklumat awal (penting)
- ii. Bina objektif
- iii. Tentukan siapa yang harus ditemubual
- iv. Jadual Bina garis panduan temubual

Panduan Temubual:

Butiran responden:

Nama: _____

Pekerjaan: _____

Tempat bertugas: _____

Tarikh: _____

Masa: _____

Tempat temubual: _____

A: Maklumat am:

Pengalaman bekerja:

- Berapa lama anda sudah bertugas di sini?
- Apakah posisi anda dalam organisasi ini?

B: Pandangan kepada pihak pengurusan:

- Pada pendapat anda bagaimanakah kualiti pengurusan di sini?
- Mengapa anda kata begitu?

Soalan temubual

- i. Terbuka / tertutup
- ii. Meneroka
- iii. Memandu
- iv. Pengesahan

Merekod temubual

- i. Rakaman audio
- ii. Catatan Tambahan
- iii. Transkripsi

Temu bual:

- i. Beri gambaran pada responden berapa dalam maklumat diperlukan
- ii. Jangan lebih 45-60 minit
- iii. Tamatkan dengan "Adakah ada perkara lain yang saya harus tahu"
- iv. Semak jawapan "benar" yang diberi oleh responden
- v. Feign ignorance
- vi. Responden harus tahu apa langkah penyelidik dalam penyelidikan seterusnya
- vii. Ucapkan terima kasih!

Bentuk temu bual:

- i. Berstruktur- mempunyai jadual khusus,soalan disediakan dalam urutan digunakan dengan meluas dalam tinjau dan kajian pasaran
- ii. Separa-berstruktur-soalan spesifik disediakan dan dtanyakan tetapi pencungkil dilakukan dengan bebas ke atas jawapan yang diberikan sesuai untuk individu dan kumpulan.
- iii. Tidak berstruktur-penyelidik boleh meneroka dan melakukan pencungkil dengan bebas perlu ada kerangka atau senarai tema atau topic yang dikehendaki sesuai untuk individu atau kumpulan, penyelidikan perlu mahir
- iv. Kumpulan fokus

Apakah temu bual kumpulan focus

- i. Temu bual dinisiasi oleh penyelidik selalu digunakan untuk kajian pasaran dan parti politik
- ii. Terletak antara temu bual individu dengan pemerhatian kumpulan secara naturalistik
- iii. Selalunya berfokuskan tema tertentu atau suatu sel isu khusus
- iv. Perbincangan dikawal moderator
- v. Data diperoleh daripada interaksi antara ahli kumpulan, bukan antara penyelidik dan ahli kumpulan

Bilakah sesuai?

- i. Untuk menjelajah isu yang kurang dikaji atau untuk memperoleh idea tentang sesuatu yang controversial atau spesifik
- ii. Apabila pulang untuk temu bual individu terbatas, kurang sesuai, memerlukan banyak masa atau sukar diuruskan
- iii. Suatu kaedah ekonomikal kerana boleh mendapat data verbal dengan banyak
- iv. Apabila pemerhatian turut serta tidak dapat membekalkan data secukupnya atau kurang sesuai
- v. Kepelbagaian idea dan pandangan diperlukan daripada sekumpulan manusia
- vi. Idea awal yang menyeluruh diperlukan sebelum alat kajian lain digunakan
- vii. Sebagai sebahagian daripada penyelidikan pelbagai kaedah
- viii. Sebagai suatu kaedah

Perancangan temubual

- i. Sumber yang ada-masa, kewangan, pembantu
- ii. Berapa kumpulan 3 hingga 5

- iii. Ahli kumpulan? terlalu kecil kurang dinamik terlalu besar
- iv. Heterogenous/pelbagai persampelan teoretis atau rawak
- v. Pemilihan peserta
- vi. Di manakah tempat yang sesuai
- vii. Sesi perbincangan berapa lama
- viii. Perbincangan tidak berstruktur, berstruktur, terbimbing
- ix. Cara merakam data
- x. Ada ujian pra dan pasca

Pelaksanaan temubual

- i. Penguasaan ahli kumpulan tentang isu harus mencukupi
- ii. Peserta seharusnya memberikan data yang spesifik-ada bukti, konkrit, pengalaman
- iii. Menggalakkan perbincangan yang mendalam
- iv. Mempertimbangkan pengalaman peribadi peserta dan peserta dan perspektif mereka
- v. Memantau, mengawal dan mengarah perbincangan dengan bijaksana
- vi. Buat catatan yang sesuai
- vii. Mencelah dengan bijaksana

Kekuatan temubual

- i. Mengizinkan pemerhatian tentang interaksi kumpulan dalam suatu situasi terkawal
- ii. Sesuai bagi tema/topic yang kurang ber yang kurang struktur
- iii. Penting bagi kajian eksploratori
- iv. Membolehkan penyelidikan untuk menghasilkan banyak data bagi suatu topik khusus
- v. Peserta lebih bebas untuk member dan menegaskan idea daripada temu bual persorangan
- vi. Dapat membekal data yang banyak dan mendalam
- vii. Luwes

Kekurangan temubual

- i. Bergantung sepenuhnya kepada interaksi kumpulan
- ii. Tidak naturalistic tetapi dicipta penyelidikan
- iii. Mungkin tidak sesuai untuk sesetengah tajuk
- iv. Peserta mungkin mengarah perbincangan ke arah lain yang tidak relevan
- v. Sesetengah peserta mungkin mengawal perbincangan
- vi. Menimbulkan soal etika-soal etika-soal kerahsiaan kerana perbincangan terbuka, rakaman dan video untuk siapa?
- vii. Kurang sesuai bagi peserta yang kurang keyakinan atau tidak biasa berbincang secara terbuka
- viii. Mendapatkan peserta yang sesuai mungkin sukar.

Temu bual ialah

Kaedah pengutipan data yang melibatkan interaksi face to face antara penyelidik dengan informan atau orang yang di temu bual. Temu bual ialah kaedah terbaik untuk meneroka dan mendapatkan maklumat daripada informan secara mendalam. Informan bagi temu bual

terdiri daripada murid, ahli penatia, rakan sejawatan, pihak pentadbir dan ibu bapa. Mereka perlu di temu bual untuk mengetahui persepsi, pendapat dan sikap mereka terhadap kajian yang dijalankan.

Temu bual juga boleh dilaksanakan melalui panggilan telefon khususnya dengan ibu bapa. Lebih ramai responden dapat dihubungi terutamanya yang melibatkan jarak jauh. Selain daripada penjimatan kos dapat dilaksanakan, kaedah ini juga membolehkan pengkaji mendapatkan data dengan lebih cepat. Di samping itu, tiada sentiment perasaan malu di kalangan responden dengan penyelidikan kerana tidak bersua muka iaitu hanya berkomunikasi dua hala melalui telefon. Jadual 5.1 menunjukkan teknik utama temu bual.

Teknik temu bual	Ciri utama
Berstruktur	Soalan disediakan terlebih dahulu dan temu bual dilaksanakan secara formal
Separa berstruktur	Cuma soalan utama disediakan. soalan susulan berdasarkan jawapan informan
Tidak berstruktur	Temu bual dijalankan secara tidak formal dengan menggunakan soalan terbuka. Hal ini bertujuan meneroka idea atau perasaan informan

Jadual 7.5: Teknik Utama Temu bual

Untuk menjayakan sesi temu bual, panduan berikut boleh digunakan:

- Tentukan keadaan/suasana yang selesa semasa temu bual
- Pilih masa yang sesuai
- Bina hubungan dengan informan
- Sekiranya perlu, minta kebenaran informan untuk merakam sesi temu bual
- Gunakan soalan “probing” dengan
 - Apakah pandangan anda
 - Apa yang anda maksudkan dengan
 - Bagaimana ia boleh berlaku
 - Langi soalan/jawapan jika perlu
 - Berikan tempoh masa yang sesuai kepada informan untuk menjawab.

Kajian kualitatif ialah:

Data Daripada Dokumen Dokumen manakah yang hendak diakses atau dinilai? Umumnya, anda perlu mengikuti prosedur tertentu untuk mengutip data.

Langkah Pengutipan Data

- (i) Sediakan kriteria persampelan dokumen. Anda perlu menyediakan criteria pemilihan berdasarkan persoalan kajian anda. Ini perlu dilakukan sebelum penganalisisan data sebenar. Dokumen yang manakah yang anda ingin akses? Bolehkan ia diakses? Di mana dokumen ini diperolehi? Siapa orangnya yang hendak dihubungi? Bila perlu dihubungi? Berapa lama dokumen perlu diteliti?
- (ii) Tubuhkan sistem organisasi data yang lebih praktikal untuk anda (lihat Jadual 6.4). Sebagai contoh, Jadual 6.4 menunjukkan nota data yang dirumuskan daripada rekod kaunseling yang didapati daripada pusat kaunseling. Buat masa ini, hanya dua dokumen yang akan diakses.

Jenis Dokumen	Data/Informasi (Rumusan)
Rekod Kaunseling (daripada kaunselor sekolah).	Kes 1: Seorang pelajar yang pendiam yang bergantung kuat pada rakan-rakannya; seorang rakan menjatuh maruahnyanya; mencari sebab dengan gurunya. Kes 2: Semua orang/guru tidak memahaminya; mempunyai sedikit sahaja kawan; semua kawannya lemah dalam pelajaran. Kes 3: Jatuh cinta dengan seorang lelaki; prestasi akademik rendah; ibu bapa sering mengganggu perasaannya. Kes 4: Terpengaruh dengan budak lelaki supaya mengambil dadah; tidak dapat menyesuaikan diri dengan pelajar lain; seorang dalam kesunyian. Kes 5: Tidak tahu apa yang hendak dilakukan sepanjang hayatnya; sering cemas dan mudah melenting; tidak upaya mengawal diri.
Rekod Kaunseling (didapati daripada kaunselor dadah)	Kes 1: Semasa menerima rawatan mempunyai tendensi menentang warden dan kakitangan di pusat rawatan. Kes 2: Lemah dalam kemahiran sosial; tidak dapat menyesuaikan diri dengan penghuni lain; sering bersendirian. Kes 3: Tidak asertif; terlalu bersandar pada orang lain; dibuli oleh penghuni lain; tidak mahu bersemuka dengan warden atau kaunselor. Kes 4: Tidak dapat bergaul dengan baik; tidak suka apabila dibawa ke pusat rawatan; mahu mengubah cara hidup. Kes 5: Tidak mahu bekerjasama ketika menerima rawatan; sering menyalahkan semua orang termasuk dirinya sendiri tentang apa yang telah berlaku.

Rajah 7.6: Nota Data daripada Pemeriksaan Rekod Kaunseling

Data Dokumen

Dalam analisis isi kandungan, pengkaji menilai dokumen atau transkrip dan kemudian membuat inferens berdasarkan isi kandungan yang didapati dari dokumen. Tahap analisis isi kandungan adalah seperti berikut:

- i. Data dikutip dan diubah menjadi teks. Contoh: transkrip daripada nota kaunseling diubah menjadi teks.
- ii. Teks dilabel dan dikategorikan.
- iii. Berdasarkan label dan kategori, anda akan dapati beberapa tema akan Menjelma.

- iv. Bahan dipilih mengikut kategori dengan mengenal pasti bentuk frasa yang sama dan tanda serta hubungan dan kesamaan atau perbezaannya.
- v. Bahan yang sudah ditapis dinilai mengikut kajian lepas.

Kajian Dokumentasi

- i. Prosedur dan petua / undang-undang biasanya ditulis di dalam manual / dokumentasi
- ii. Sumber data yang baik tentang langkah yang terlibat dalam suatu aktiviti
- iii. Tidak harus digunakan sebagai satu-satunya cara
- iv. Bagus untuk memahami peraturan, dan mendapatkan maklumat latar belakang
- v. Tidak melibatkan masa pemegang taruh

Koleksi Data – Dokumen

Jenis	Kebaikan	Limitasi
-------	----------	----------

Penulisan yang terbuka Open ended

- Dalam bentuk jurnal, penulisan esei, refleksi
- Mungkin terbatas kerana keupayaan sesetengah responden menulis

Lain-lain Sumber Data

- Arkib
- Tinjauan dari soal selidik
- Hasil kerja pelajar
- Ujian Inventori

Koleksi Data

- Perlu difahami bahawa dalam kebanyakan kes kaedah pengumpulan data digabungkan.
- Ini bermakna ianya boleh melibatkan semua kaedah pengumpulan data atau beberapa
- Pada setengah keadaan sesuatu kaedah adalah paling utama dan pada keadaan yang lain ianya menjadi kaedah untuk mendapatkan data sokongan sesuatu ciri yang dikaji.

Etika Dalam Penyelidikan

- Dalam penyelidikan kualitatif, penyelidik sebagai instrumen yang paling penting mereka perlu mengawasi tingkah laku diri sendiri (Cassel & Jacob, 1987).
- Sebagai instrumen penyelidik harus peka dan bertanggung jawab pada isu sensitif.
- Sifat yang perlu ada – jujur, adil, berpengetahuan dan pengalaman

Tiga Pihak harus dijaga

- Pemberi maklumat – terutama majikan yang memberi maklumat
- Responden – selalu tersinggung
- Masyarakat – penyelidik harus jujur, tepat.

Masalah yang selalu timbul

- Berbeza prinsip / pendirian
- Personaliti
- hak

Memproses, menganalisis dan Mentafsir Data

- Susun data berdasarkan soalan penilaian
- Tentukan kesahan data
- Proses data
- Analisis dan tafsir data
- Bincangkan dapatan dengan rakan sepasukan atau bandingkan dengan sumber-sumber atau penyelidikan yang lain.

Menurut buku garis panduan penyelidikan bahagian pendidikan guru maktab perguruan, kaedah pengumpulan data dari aspek pemerhatian ialah:

Dalam dokumen analisis, pengkaji menggunakan bahan yang wujud atau bahan yang disediakan oleh subjek. Tugas utama pengkaji adalah mencari dan mendapatkan akses ke atas bahan itu. Kualiti bahan yang dihasilkan mungkin berbeza. Dokumen analisis memberi gambaran dan kefahaman mendalam tentang sesuatu peristiwa atau kejadian. Ia juga berfungsi sebagai data sokongan kepada data yang dikumpul dengan cara lain. Terdapat jenis dokumen yang menjadi sumber primer (sedia ada oleh responden) atau sekunder (diperolehi dari sumber lain selepas diperolehi daripada responden).

Jenis sumber	Jenis dokumen	perihal
primer	peribadi	Yang ditulis oleh responden tentang tindakan, pengalaman dan kepercayaan seseorang seperti autobiografi, surat peribadi, diari, jurnal reflektif, hasil kerja murid, buku skrap.
sekunder	Rasmi: dokumen dalaman Rasmi: dokumen luaran Media massa am	Minit mesyuarat, memo, rekod murid dan fail peribadi murid. Surat panggilan mesyuarat, buku tahunan, press release, kod etika, penyata falsafah Surat khabar, risalah,

Menurut buku Manual Kajian Tindakan oleh bahagian perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan kementerian pelajaran Malaysia, analisis dokumen ialah pengumpulan data melalui analisis dokumen yang dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada guru kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada.

Contoh dokumen yang digunakan:

- Diari atau jurnal
- Sukatan pelajaran dan huaian sukatan pelajaran
- Buku rancangan mengajar harian
- Buk teks dan buku rujukan
- Kertas peperiksaan dan ujian bulanan
- Tugas atau buku latihan murid
- rekod pencapaian atau rekod adab
- minit mesyuarat panitia
- jadual mesyuarat panitia
- jadual kedatangan murid

- gambar foto

Sumber Rujukan; Dr. Muhd Kasim b. Basir , 2009, Kerangka Pengumpulan dan Analisis Data, Instituti Perguruan Tun Hussein Onn (IPTHO), Batu Pahat.

TOPIK 8

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

8.0 Penyelidikan Tindakan: Kaedah Pengumpulan Data

- 8.1 Senarai semak (Questionnaires)
- 8.2 Rakaman video dan kaset
- 8.3 Log
- 8.4 Nota lapangan
- 8.5 Foto
- 8.6 Portfolio
- 8.7 Rekod anekdot
- 8.8 Slid
- 8.9 Jurnal
- 8.10 Diari

8.0 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian tindakan memerlukan asas empirikal yang kukuh bagi membolehkan tindakan yang tepat dijalankan. Pengumpulan data yang sahih amat penting. Guru boleh mendapatkan data

menggunakan instrumen-instrumen seperti soal selidik, rakaman video dan kaset, log, nota lapangan, foto, portfolio, rekod anekdot, slid, jurnal dan diari.

Instrumen Pengumpulan Data

8.1 Senarai semak Questionnaires

Borang Soal selidik adalah instrumen yang paling kerap digunakan dalam penyelidikan tindakan. Kaedah ini boleh juga digunakan oleh guru yang menjalankan kajian tindakan. Ini merupakan cara yang paling mudah bagi memperolehi data bagi mengetahui keadaan sebenar tentang isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Soalan-soalan dalam borang soal selidik mestilah menepati objektif atau masalah yang dikaji.

Borang Soal Selidik ialah alat bagi mengumpulkan data secara tidak langsung. Penyelidik tidak langsung bertanya jawab dengan responden (Nana, 2005). Kaedah ini merupakan satu cara yang sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan (Sukardi, 2004).

Terdapat dua jenis soal selidik,

1. subjek dikehendaki memilih jawapan yang tepat terhadap soalan rangsangan yang dikemukakan berdasarkan cadangan-cadangan jawapan yang disediakan.
2. soal selidik jawapan diberi, iaitu bilamana subjek dikehendaki menjawab soalan mahupun rangsangan di dalam soal selidik (Sukardi, 2004; Mohd, 2005).

Dalam penyelidikan, soal selidik yang menyediakan jawapan pilihan adalah sangat digemari, kerana

- a) soal selidik mudah ditadbir,
- b) tidak memerlukan kemahiran subjek untuk melahirkan idea secukupnya melalui tulisan,
- c) memudahkan menganalisis jawapan (Nana, 2005; Mohd, 2005).

Selain itu, menggunakan soal selidik yang menyediakan jawapan untuk memperoleh dapatan kajian tentang kesan pelaksanaan pengajaran bagi memperkasakan pengajaran guru.

Panduan Membina Soal Selidik

- Soal selidik mestilah relevan dengan tujuan kajian.
- Soalan perlulah jelas dan tidak mengelirukan responden.
- Soalan hendaklah mudah dijawab oleh responden.
- Soalan dapat mengumpulkan maklumat yang dikehendaki setepat mungkin.

Bentuk Soalan dalam Borang Soal Selidik

a. Soalan Tertutup

Soalan tertutup mempunyai beberapa pilihan jawapan yang disediakan. Responden perlu memilih jawapan yang paling sesuai berkaitan fenomena. Terdapat beberapa jenis skala pengukuran yang boleh digunakan untuk soalan tertutup seperti:

- Soalan Tertutup Dichotomus
Skala ini mempunyai dua pilihan seperti ya/tidak, benar/salah, ada/tiada dan setuju/tidak setuju.

Contoh 1: Nyatakan persetujuan anda terhadap pernyataan berikut.

Tandakan (✓) pada kotak yang disediakan.

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak
1	Saya kerap menerima e-mel		
2	Saya ada membina laman web sekolah		
3	Saya sering berkongsi maklumat mengenai internet dengan rakan		

Contoh 2: Berikut ialah aktiviti yang biasanya dijalankan oleh Unit Bimbingan Kaunseling di Institut anda. Tandakan (✓) pada kotak yang disediakan.

Bil	Aktiviti	Ada	Tiada
1	Kaunseling individu		
2	Kaunseling berkumpulan		
3	Pembimbing rakan sebaya		

- Skala Likert mempunyai pernyataan yang mengandungi beberapa tahap persetujuan. Dalam bentuk asal skala ini mempunyai 5 poin sahaja iaitu:
1- Sangat tidak setuju, 2- Tidak setuju, 3- Tidak pasti, 4-Setuju, 5-Sangat setuju.

Walaupun bagaimanapun skala dalam Likert juga boleh dihasilkan dalam bentuk seperti yang mempunyai 4 poin, 6 poin, 7 poin dan sebagainya. Deskriptor bagi skala pun boleh diubah. Sebagai contoh, skala Likert 5 poin juga boleh dibuat seperti berikut:

- 1- Sangat tidak sesuai, 2- Tidak sesuai, 3- Kurang sesuai, 4- Sesuai, 5-Sangat sesuai.

Contoh Skala Likert

Bahagian II: Bentuk Laman Web Sumber Bimbingan Kaunseling

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

- 1- Sangat tidak setuju, 2- Tidak setuju, 3- Tidak pasti, 4-Setuju, 5-Sangat setuju.

Bil	Perkara	1	2	3	4	5
1	Laman web ini membolehkan anda menggunakan dengan mudah.	1	2	3	4	5
2	Paparan penuh di dalam laman web anda melihat kandungannya dengan mudah.	1	2	3	4	5

3	Fail boleh dimuat turun.	1	2	3	4	5
4	Menu navigasi membantu anda menggunakan laman web	1	2	3	4	5
5	Opsyen yang ada memudahkan proses navigasi	1	2	3	4	5
6	Pautan ke laman utama (main page) dari laman-laman tambahan memudahkan mengendalikan laman web ini.	1	2	3	4	5
(B) Interaktiviti						
7	Enjin pencari di dalam laman ini berfungsi dengan baik.	1	2	3	4	5
8	Opsyen yang berkaitan di menu akan berfungsi seperti yang diharapkan.	1	2	3	4	5
9	Apabila diklik, pautan berfungsi dengan baik.	1	2	3	4	5
10	Elemen-elemen di dalam laman web sangat interaktif.	1	2	3	4	5
(C) Rekabentuk						
11	Saiz tulisan laman web ini kelihatan menarik.	1	2	3	4	5
12	Latar belakang menarik.	1	2	3	4	5
13	Grafik yang digunakan menarik.	1	2	3	4	5
14	Warna-warna yang digunakan menarik.	1	2	3	4	5
15	Stail yang digunakan dari laman ke laman menarik.	1	2	3	4	5
16	Skrol antara halaman adalah mudah	1	2	3	4	5

Bahagian III: Kandungan Laman Web Bimbingan Kaunseling

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

Bil.	Perkara					
		1	2	3	4	5
(D) Kegunaan						
17	Informasi yang diberikan di bahagian tersebut adalah berguna bagi guru-guru matapelajaran					
	a. Kurikulum	1	2	3	4	5

	b. Kandungan Akademik	1	2	3	4	5
	c. Pedagogi	1	2	3	4	5
	d. Penilaian	1	2	3	4	5
	e. Bahan Sumber	1	2	3	4	5
	f. Rujukan	1	2	3	4	5
18	Informasi yang diberikan di bahagian tersebut disampaikan dengan jelas.					
	a. Kurikulum	1	2	3	4	5
	b. Kandungan Akademik	1	2	3	4	5
	c. Pedagogi	1	2	3	4	5
	d. Penilaian	1	2	3	4	5
	e. Bahan Sumber	1	2	3	4	5
	f. Rujukan	1	2	3	4	5
19	Informasi yang diberikan boleh membantu guru matapelajaran dalam proses pengajaran dan mempelajari	1	2	3	4	5
20	Informasi yang diberikan boleh membantu pelajar-pelajar dalam subjek-subjek	1	2	3	4	5
21	Pautan-pautan yang disediakan dapat membantu guru-guru matapelajaran serta pelajar-pelajar di IPT.	1	2	3	4	5
(E) Kesesuaian						
22	Informasi yang diberikan di bahagian tersebut amat mudah difahami.					
	a. Kurikulum	1	2	3	4	5
	b. Kandungan Akademik	1	2	3	4	5
	c. Pedagogi	1	2	3	4	5
	d. Penilaian	1	2	3	4	5
	e. Bahan Sumber	1	2	3	4	5
	f. Rujukan	1	2	3	4	5
23	Informasi yang diberikan melalui laman web ini sesuai untuk kegunaan guru-guru matapelajaran	1	2	3	4	5
24	Informasi yang diberikan melalui laman web ini sesuai untuk kegunaan pelajar-pelajar	1	2	3	4	5
25	Bahasa adalah jelas.	1	2	3	4	5
26	Bahasa mudah difahami.	1	2	3	4	5

2 7	Arahan mudah diikuti.	1	2	3	4	5
--------	-----------------------	---	---	---	---	---

Bahagian IV: Keseluruhan Laman Web Bimbingan Kaunseling

Bagi setiap item, sila bulatkan untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan.

No.	Perkara					
		1	2	3	4	5
28	Laman web ini amat menarik untuk guru-guru matapelajaran dan pelajar-pelajar .	1	2	3	4	5
29	Laman web ini mudah dikendalikan.	1	2	3	4	5
30	Laman web ini memberi informasi yang berguna.	1	2	3	4	5
31	Laman web ini memberikan pautan-pautan yang sesuai dan berguna.	1	2	3	4	5
32	Laman web ini menyediakan bahan yang sesuai untuk kegunaan guru-guru matapelajaran	1	2	3	4	5
33	Laman web ini menyediakan bahan yang sesuai untuk kegunaan pelajar-pelajar	1	2	3	4	5
34	Laman web ini sangat inovatif dan memberikan idea-idea baru kepada guru-guru matapelajaran	1	2	3	4	5
35	Laman web ini sangat inovatif dan memberikan idea-idea baru kepada pelajar-pelajar	1	2	3	4	5
36	Laman web ini sangat mesra pengguna.	1	2	3	4	5

- Skala Perbezaan Semantik
Skala ini diasaskan oleh Osgood, Suci dan Tannenbaum (1957). Mempunyai deskriptor dua hala yang bertentangan antara satu sama lain. Responden dikehendaki memilih satu poin dalam continuum pada skala yang diberikan. Dalam bentuk asalnya, skala ini mempunyai 7 poin.

Contoh 1:

Pengajaran guru Bahasa Malaysia saya.

Tidak berkesan	___	___	___	___	___	___	Berkesan
	1	2	3	4	5	6	7

Contoh 2:

Bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru Bahasa Malaysia saya sangat menarik.

Tidak setuju	___	___	___	___	___	___	Setuju
--------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----	--------

1	2	3	4	5	6	7
---	---	---	---	---	---	---

- Susunan Mengikut Keutamaan Rank Order
Skala rank order ini bertujuan untuk mendapatkan penilaian responden terhadap semua aspek yang disenaraikan. Susunan aspek ini adalah mutually exclusive mengikut keutamaan, iaitu nombor 1 menunjukkan peringkat tertinggi dan nombor seterusnya semakin rendah.

Contoh:

Sila beri ranking mengikut keutamaan teknik pengajaran guru yang paling anda sukai bermula dengan nombor 1 sebagai sangat suka, diikuti dengan nombor 2 bagi teknik pengajaran yang kedua disukai dan seterusnya sehingga nombor 5. Sila tulis ranking anda pada kotak yang diberikan.

Teknik Pengajaran Guru	Pemeringkatan (Ranking)
Kuliah	
Latih tubi	
Syarahan	
Lakonan	
Lawatan	

Maklumat Demografi

Pada kebiasaannya terdapat pada soal selidik untuk memudahkan analisis dibuat dengan terperinci seperti mengikut jantina, peringkat sosio-ekonomi dan sebagainya.

Contoh:

Nyatakan jantina anda. Tandakan (/) pada kotak yang berkenaan.

Lelaki

Perempuan

Nyatakan umur anda sekarang.

	Tahun
--	-------

Bahagian I: Latar Belakang

Bagi setiap item, sila tandakan (x) atau isi tempat kosong pada ruangan yang berkaitan.

1. Jantina: [] Lelaki [] Perempuan

2. Umur: _____ tahun

3. Jawatan:

- ☐ Pelajar Ijazah Dasar (sila terus menjawab Bahagian II soal selidik ini)
- ☐ Pelajar Pasca Ijazah
- ☐ Guru Sekolah
- ☐ Pegawai Pendidikan di Jabatan/Kementerian Pelajaran

3a. Kelayakan Akademik:

- ☐ Sarjana Muda (sila nyatakan) _____
- ☐ Sarjana (sila nyatakan) _____
- ☐ Kedoktoran (sila nyatakan) _____

3b. Kelayakan Perguruan/Pendidikan:

- ☐ Sijil (sila nyatakan) _____
- ☐ Diploma (sila nyatakan) _____
- ☐ Sarjana Muda (sila nyatakan) _____
- ☐ Lain (sila nyatakan) _____

4. Pengkhususan Mata pelajaran:

- ☐ Kaedah Pertama (sila nyatakan) _____
- ☐ Kaedah Kedua (sila nyatakan) _____

5. Pengalaman mengajar: _____ tahun

6. Negeri tempat berkhidmat (sila rujuk kod negeri): ☐

KOD NEGERI	
1. Johor	8. Perlis
2. Kedah	9. Pulau Pinang
3. Kelantan	10. Sabah
4. Melaka	11. Sarawak
5. Negeri Sembilan	12. Selangor
6. Pahang	13. Terengganu
7. Perak	14. Wil.Persekutuan

7. Kategori sekolah tempat berkhidmat:

- ☐ Bandar
- ☐ Pinggir Bandar
- ☐ Luar Bandar

8. Matapelajaran utama yang diajar di sekolah sekarang:

- ☐ Bahasa Melayu ☐ Sejarah ☐ Fizik
- ☐ Bahasa Inggeris ☐ Sains ☐ Lain-lain : _____
- ☐ Matematik ☐ Biologi
- ☐ Pendidikan Islam ☐ Kimia

9. Pengalaman mengajar Pendidikan Moral: _____ tahun

10a. Tingkatan anda mengajar Pendidikan Moral sekarang:

- ☐ Tingkatan 1 ☐ Tingkatan 4
- ☐ Tingkatan 2 ☐ Tingkatan 5
- ☐ Tingkatan 3

10b. Tingkatan anda pernah mengajar Pendidikan Moral:

- | | |
|--------------------------------------|--------------------------------------|
| ☐ Tingkatan 1 | ☐ Tingkatan 4 |
| ☐ Tingkatan 2 | ☐ Tingkatan 5 |
| ☐ Tingkatan 3 | |

11. Anggaran tahap pencapaian pelajar di dalam kelas anda mengajar Pendidikan Moral:

- ☐ Cemerlang
- ☐ Sederhana
- ☐ Kurang baik
- ☐ Pelbagai

12. Anggaran tahap kecekapan pelajar menggunakan Bahasa Melayu di dalam kelas Pendidikan Moral:

- ☐ Mahir
- ☐ Sederhana mahir
- ☐ Kurang mahir
- ☐ Pelbagai

Soalan Terbuka

Soalan terbuka memberi kebebasan kepada responden untuk mengemukakan pendapat dan memberi huraian lanjut berhubung soalan yang dikemukakan.

Contoh:

1. Apakah pendapat anda terhadap pelaksanaan pengajaran tatabahasa di dalam bilik darjah?

2. Berikan cadangan anda untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran di dalam bilik darjah.

3. Adakah anda berpuas hati dengan penyampaian keseluruhan laman web ini? Nyatakan alasan anda.

4. Berikan cadangan anda untuk menambahbaik dan menjadikan laman web ini lebih berkesan penggunaannya.

Contoh Penuh Borang Soal Selidik:

8.2 RAKAMAN VIDEO DAN KASET

Rakaman video dan kaset merupakan sesuatu yang dirakamkan menggunakan alat perakam video dan kaset. Pengumpulan data menggunakan kaedah ini sesuai digunakan untuk kajian jangka masa yang panjang. Rakaman boleh melibatkan temubual dan pemerhatian. Melalui rakaman, pelaksanaan kaedah memperoleh data seperti menemu bual dan pemerhatian tidak perlu dilakukan secara kerap dan boleh digunakan untuk rujukan akan datang. Kaedah ini memudahkan penyelidik menganalisis data dengan hanya merujuk kepada rakaman dan memudahkan penyelidik membuat transkripsi.

Kini terdapat banyak teknologi terkini yang lebih mudah digunakan untuk membuat rakaman secara terbuka ataupun tertutup. Penggunaan video dan kaset telah melalui banyak perubahan sehingga ke hari ini, namun fungsinya untuk menyimpan data masih sama.

1. Kaset Perakam

- Paling biasa digunakan untuk temu bual, tetapi rakaman perlu ditranskripsikan.
- Lebih elok sekiranya ada mikrofon yang disambungkan ke alat perakam.
- Letakkan dekat dengan peserta kajian
- Pastikan aras bunyi sesuai
- Pastikan ada bateri
- Pastikan alat perakam dan kaset diperiksa atau disediakan lebih awal
- Pastikan rakaman berjalan lancar, pastikan dari semasa ke semasa
- Dengar rakaman secepat mungkin dan masukkan bahagian yang tertinggal jika ada.
- Tidak sesuai untuk pemerhatian
- Petanda non verbal tidak diperolehi

2 Kamera Video

- Sesuai untuk membuat pemerhatian
- Sesetengahnya boleh mengganggu proses temu bual.
- Orang tidak selesa
- Minta izin dahulu – mungkin tidak bersetuju,
- Fikirkan kaedah lain
- Sesuai untuk pemerhatian dan temubual
- Melibatkan penganalisisan yang kompleks

8.3 LOG

Menurut Kamus Dewan, log merupakan buku yang digunakan untuk menyimpan butir-butir tentang sesuatu, misalnya penyenggaraan kenderaan. Buku Log juga membawa erti sebuah buku catatan, dairi dan seumpamanya dengannya. Di dalam buku log terkandung bait-bait pengisah tentang hal ehwal peristiwa seseorang itu bermula dari hari tertentu serta liku-liku kehidupan sehingga ke hari yang ditetapkan. Itulah kaedah yang terbaik kerana dalamnya terkandung kisah suka duka kehidupan seseorang itu. Daripada catatan buku log, penilaian dapat dilakukan secara berterusan.

Buku log boleh juga digunakan untuk mencatatkan perkara-perkara yang berlaku terhadap benda. Misalnya kenderaan, kenderaan syarikat biasanya mempunyai buku log untuk mengetahui catatan perjalanan, penggunaan minyak, tarikh penyenggaraan dan sebagainya.

Berdasarkan pemerhatian, secara ringkas terdapat beberapa jenis buku log:

1. Buku Log Peribadi - catatan peribadi, buku log yang sentiasa ada bersama penyelidik walau di mana pun berada, dan apa-apa pun aktiviti yang dilakukan.
2. Buku Log aktiviti khusus – catatan perjalanan aktiviti.
3. Buku Log item/ benda – catatan penggunaan, pengurusan dan segala yang berkaitan dengan item/ benda.

8.4 NOTA LAPANGAN FIELD NOTES

Nota lapangan merupakan penulisan yang dibuat oleh penyelidik berdasarkan perkara yang didengar, dilihat, pengalaman yang dilalui dan pemikiran yang timbul semasa mengumpul dan membuat refleksi terhadap data.

Kandungan Nota Lapangan

Deskriptif

Ia mengandungi penerangan terhadap latar konteks, individu/ kumpulan, tindakan dan perbualan tentang perkara yang telah diperhatikan, dialog, dan perlakuan/ tindakan penyelidik.

Reflektif

Memberi gambaran dan menilai idea-idea dan perkara yang telah diberi perhatian. Berfokus kepada soal spekulasi, perasaan, masalah, idea, tanggapan dan prasangka. Melibatkan refleksi terhadap analisis yang dilakukan. Refleksi dilakukan ke atas metod kajian, dilema tentang etika dan konflik, dan perkara yang difikirkan oleh pengkaji.

Nota Lapangan Kaya dengan Data (Rich Data)

- Mengandungi deskripsi dan dialog yang relevan tentang latar konteks dan peserta yang dikaji.
- Sebagai bukti yang membantu proses membuat analisis kajian.

Bentuk Nota Lapangan

- Muka surat pertama (first page)
- Perenggan dan margin

Proses dalam Menulis Nota Lapangan

- Memahami dan mengenal pasti apa yang hendak dikaji.
- Merekodkan apa yang diperhatikan
- Memikirkan tempat yang sesuai untuk bekerja
- Memikirkan masa yang diperlukan untuk menulis nota lapangan
- Memulakan penulisan dengan menulis beberapa nota
- Menulis mengikut kronologi peristiwa yang diperhatikan
- Memastikan aliran penulisan tidak terjejas
- Memasukkan perkara yang terlupa semasa menjalankan pemerhatian

8.5 FOTO

Gambar-gambar atau data visual lain seperti video atau filem adalah juga sumber-sumber data kualitatif. Mengambil gambar khususnya mempunyai satu sejarah lama dalam etnografi dan antropologi (Menjentic. 1998). Gambar-gambar membenarkan rakaman terperinci, termasuk penyampaian cara hidup, syarat-syarat hidup dan bekerja. Mereka boleh juga menangkap proses-proses yang tidak tertangkap oleh mata manusia. Kadang-kadang, para penyelidik digalakkan untuk memegang peranan jurugambar. Pendokumentasian salah satu tugas mereka, atau satu tema yang penyelidik itu mahu perlu direkodkan menggunakan kaedah ini. Jika perlu, gambar-gambar ini boleh dikemudiankan selepas melaksanakan satu temu bual atau setelah seorang peserta mengeluarkan sebuah cerita. Foto adalah bagi menemani dan memperluaskan di atas bukti fotograf. Ini boleh dilihat secara kukuh di dalam temu bual yang berfokus (Flick, 1998).

Sudah tentu, apa kamera itu fokuskan adalah benar, dan apa ia tidak memasukkan perkara yang tidak berkaitan. Di sana mungkin serta ada masalah kekreatifan, dengan perkara-perkara itu meminda tingkah laku mereka dengan kehadiran jurugambar. Oleh itu, sentiasa ada kecenderungan berdepan bahaya, dan persoalan setakat mana gambar-gambar membantu dalam pembentukan hakikat sosial.

8.6 PORTFOLIO

Merekod data yang dikutip dalam penyelidikan tindakan adalah dengan mendokumentasikan ke dalam portfolio. Portfolio merupakan satu himpunan bukti atau data hasil daripada proses penyelidikan. Portfolio dihasilkan secara individu walaupun penyelidikan dilakukan secara berkumpulan. Perkara yang direkodkan ialah apa yang diperhatikan atau yang didengar, apa yang berlaku dan akan berlaku, perkara difikirkan, dijangka, dibimbangkan atau dirasa, apa yang dirasa, apa yang dirancang dan diharapkan.

Susunan portfolio boleh dibahagikan seperti berikut:

Bahagian I (Butiran Peribadi Penyelidik)

Meliputi latar belakang penyelidik termasuk CV, pernyataan profesional tentang visi , misi dalam penyelidikan.

Bahagian II (Projek Penyelidikan)

Bahan-bahan berkaitan dengan penyelidikan iaitu meliputi skedul kerja, cadangan, penyelidikan, dokumentasi persidangan, perbincangan dan surat-surat berkaitan. Dokumentasi penglihatan dalam penyelidikan (perundingan dengan pakar, tinjauan, aryikel dan abstrak)

Refleksi (menyeluruh dari peringkat demi peringkat)

Bahagian III (Aktiviti berkaitan penyelidikan)

Dokumentasi penglibatan dalam aktiviti penyelidikan (kursus-kursus / seminar yang pernah dihadiri)

8.7 REKOD ANEKDOT

Rekod anekdot adalah satu bentuk laporan yang mengandungi catatan tepat dan secara terperinci mengenai seseorang murid yang sedang diperhatikan oleh guru bimbingan. Rekod anekdot juga adalah pernyataan fakta tentang tingkah laku yang diperhatikan dalam bentuk bertulis, mengandungi ringkasan tentang masa/peristiwa mengenai murid dan tindakannya.

Contoh

Nama : Hannah
Masa : 5- 10 minit

Tarikh : 12 Ogos 2009
Tempat : Universiti Malaya

Pemerhatian :

- Hannah memegang patung di atas pahanya dan bangun menyentuh buku berwarna merah di atas lantai di hadapannya.
- Hannah mengeluarkan suara yang berbunyi ' baby ' dan berpaling ke arah kiri.
- Ibu Hannah bertanya 'where's your baby ' dan Hannah menolak anak patungnya ke lantai.
- Hannah memegang buku merah di atas lantai dengan tangan kanan dan ibu Hannah bertanya 'where's your baby'.
- Hannah memegang rambut patung itu dengan tangan kanan dan menggosok rambut patung itu.
- Ibu Hannah menyuruh Hannah memeluk patung itu.
- Ibu Hannah mengangkat patung itu dan memberi kepada Hannah.
- Hannah memeluk patung itu dengan tangan kanan di atas dan tangan kiri di bawah.
- Hannah mendodoi patung itu dan mengeluarkan suara yang berbunyi 'baby'.
- Hannah bangun menggunakan lutut dan mendakap patung di sebelah kanan tangannya.
- Hannah jatuh dan bangun semula.
- Hannah bergerak ke arah sofa secara melutut dan memeluk patung dengan kedua belah tangannya.
- Hannah mengangkat patung ke belakang badannya dengan tangan kanan.
- Hannah menggunakan tangan kirinya untuk berpaut dan bangun bersama patung di tangan kanan.
- Hannah berjalan ke arah meja dan meletak patung di atas lantai.
- Hannah mengambil kembali patung dengan tangan kanan dalam keadaan bercakung dan menarik tali yang ada pada patung itu.
- Tangan kiri Hannah menyentuh dinding dan berjalan dengan tangan kiri ke atas dan tangan kanan ke atas bersama patung yang dipegang.

- Interpretasi :

[illegible]

Menurut Kamus Dewan, jurnal adalah terbitan atau majalah berkala yang khusus bagi sesuatu perkara, profesion, atau bidang tertentu; akhbar harian atau mingguan; dan buku catatan harian tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku. Jurnal reflektif merupakan suatu cara untuk melakukan refleksi supaya seseorang mendapat pembelajaran daripada pengalaman yang dilalui.

Kandungan berikut boleh dimasukkan ke dalam jurnal. Perkara lain yang difikirkan perlu juga boleh dimasukkan ke dalam jurnal.

164

daripada peristiwa tersebut	sesama sendiri. Ini bukan sahaja memupuk semangat kerjasama, tetapi ia juga mengajar mereka untuk menimbangkan pandangan orang lain.
Apakah kesudahan peristiwa tersebut?	Dalam kebanyakan kumpulan, hanya seorang dua sahaja yang aktif berbincang. Yang lain nampaknya 'menumpang' sahaja. Ada juga yang meniru tanpa memahami apa yang ditiru..
Beberapa sebab yang berkemungkinan besar membawa kepada kesudahan tersebut	Cara kumpulan dibentuk – komposisi (jantina, kebolehan) dan saiz Masa yang diperlukan untuk perbincangan
Beberapa langkah penambahbaikan yang boleh dicuba seterusnya	Cara pembentukan kumpulan yang diubahsuai
Soalan-soalan selanjutnya untuk diterokai	Apa kata jika prosedur penyelesaian masalah sesuatu kumpulan disemak oleh kumpulan lain? Apakah implikasinya terhadap...

8.10 DIARI

Diari merupakan buku yang mengandungi rakaman harian tentang pengalaman atau pemerhatian peribadi, buku harian. Para penyelidik boleh menjadikan diari sebagai bahan rujukan untuk kajian yang dilakukan. Segala peristiwa-peristiwa penting yang dicatat di dalam diari boleh menjadi panduan kepada penyelidik. Peristiwa-peristiwa yang dicatatkan dalam diari adalah mengikut kronologi yang betul, bergantung kepada penulisan diari. Penyelidik boleh menggunakan diari individu lain untuk dijadikan rujukan hanya setelah mendapat kebenaran dari pihak yang bertanggungjawab.

TOPIK 9

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

9.0 Penyelidikan Tindakan: Pertimbangan Semasa Mengumpul Data

9.1 Pensampelan, kesahan, kebolehpercayaan, bias

- Pensampelan dan bias
- Kesahan:
 - Kritikan luaran (keaslian data)
 - Kritikan dalaman (ketepatan data)
 - Data triangulation
- Kebolehpercayaan – generalisasi data

9.0. PERTIMBANGAN SEMASA MENGUMPUL DATA

9.1 PENSAMPELAN

Menurut buku Azizi Yahaya dan rakan-rakan (2007), menjelaskan populasi ialah satu set lengkap semua kumpulan seperti (manusia, nombor, komuniti dan sebagainya) yang memenuhi spesifikasi. Populasi adalah konsep yang tidak demografi dan merupakan keseluruhan kumpulan manusia atau objek, peristiwa dan ia mestilah didefinisikan secara spesifik.

Pensampelan adalah mengenalpasti dan mendefinisikan populasi yang disampel secara spesifik. Apabila kita mengkaji pelajar menengah atas misalnya, kita mesti mendefinisikan populasi pelajar menengah atas, dan menjelaskan apakah tahap umur bagi golongan yang dimaksudkan sebagai pelajar, dan menengah atas

Perhatian yang khusus perlu diberikan kepada had tepat populasi itu dan perlukah individu yang tidak begitu penting dimasukkan dalam populasi? Sebagai contoh, seorang penyelidik dalam mendefinisikan populasi pelajar sekolah rendah adakah beliau mengambil kira pelajar cacat yang menghadiri kelas istimewa, pelajar dari daripada sekolah swasta, pelajar yang melebihi umur pelajar sekolah rendah dsb.

Sampel diambil daripada populasi tanpa mengambilkira sama ada boleh menjadi wakil populasi atau tidak. Perkara penting dalam proses memilih pensampelan adalah memilih sampel daripada populasi yang didefinisikan. Ini dilaksanakan bagi menjamin sampel yang diambil itu adalah tepat.

Populasi dan Sampel Kajian

Gay dan Airasian (2003) mendefinisikan “Populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan”. Sampel kajian ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Penetapan jumlah populasi kajian adalah penting kerana populasi akan menentukan bagaimana dan berapa ramai sampel yang akan kita pilih bagi menentukan perbelanjaan kajian. Contoh, kajian tentang keperluan murid-murid untuk meningkatkan pencapaian prestasi sukan di sekolah luar bandar berbeza daripada kajian tentang keperluan murid-murid luar bandar di Malaysia.

Populasi bagi kedua-dua kajian tersebut adalah berbeza, begitu juga reka bentuk kajian. Empat kaedah yang boleh digunakan untuk memilih sampel kajian berdasarkan bilangan populasinya, iaitu secara ;

- i. Persampelan rawak mudah (simple random sampling),
- ii. Persampelan rawak berstrata (stratified random sampling),
- iii. Persampelan sistematik (systematic sampling) dan
- iv. Persampelan kelompok (cluster sampling).

Sampel yang baik ialah sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi kajian. Terdapat tiga (3) langkah dalam proses pemilihan sampel, iaitu:

- i. tentukan populasinya;
- ii. tentukan saiz sampel; dan
- iii. pilih sampel yang diperlukan.

Sebagai contoh, kita ingin memilih sampel daripada murid-murid tingkatan 3 di sebuah sekolah. Sebagai seorang guru, tentukan populasi kajian, kemudian menentukan saiz sampel, ambil 30% daripadanya, Pilih 60 orang murid daripada 200 orang secara rawak. Gunakan satu daripada empat (4) kaedah yang telah dinyatakan.

Kaedah-kaedah tersebut dihuraikan dalam bahagian berikut;

(a) Persampelan Rawak Mudah

Persampelan rawak mudah adalah satu proses pemilihan sampel daripada individu dalam populasi. Semua populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Persampelan rawak mudah merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan sampel untuk mewakili populasi. Pengkaji perlu mengikuti beberapa langkah seperti berikut:

- i. Kenal pasti populasi dan berikan definisinya (misalnya, murid-murid Tingkatan 3 tentukan bilangan ahli dalam populasi dan senaraikan nama mereka (misalnya, 250 orang).
- ii. Berikan nombor secara berturutan kepada setiap ahli dalam populasi (misalnya, 000 hingga 249).
- iii. Tentukan saiz sampel (sama ada, iaitu 30% daripada populasi).
- iv. Ambil nombor daripada jadual nombor rawak (JNR) dan pilih ahli populasi yang bernombor sama dengan nombor daripada JNR ini sebagai sampel kajian, dan ulang cara ini sehingga mendapat bilangan orang sampel yang diperlukan.

(b) Persampelan Rawak Berstrata

Persampelan rawak berstrata adalah satu proses pemilihan sampel. Populasi kajian dibahagikan kepada beberapa strata (kumpulan kecil) misalnya, murid lelaki pandai, murid lelaki lemah, murid perempuan pandai, murid perempuan lemah dan semua individu dalam setiap strata mempunyai peluang untuk dipilih sebagai sampel. Kelebihan ialah penggunaan lebih meyakinkan kita untuk mendapat perwakilan daripada setiap strata populasi mengikut peratusan bilangan ahli-ahli dalam strata tersebut. Pengkaji perlu mengikuti beberapa langkah tertentu, seperti berikut:

- (i) & (ii) sama seperti teknik Persampelan Rawak Mudah.
- (iii) Bahagikan populasi kepada strata tertentu
- (iv) Tentukan bilangan ahli populasi dalam setiap strata
- (v) Berikan nombor (secara berturutan) kepada setiap ahli populasi dalam setiap strata
- (vi) Tentukan saiz sampel bagi setiap strata dan populasi dalam setiap strata.
- (vii) Ambil nombor daripada jadual nombor rawak, pilih ahli populasi daripada setiap strata sehingga mendapat saiz sampel yang dikehendaki.

(c) Persampelan Sistematis

Persampelan sistematik adalah satu proses persampelan memilih setiap ahli populasi diberi nombor berturutan, dan sampel dipilih dengan mengambil ahli populasi yang bernombor dengan selang tertentu; misalnya nombor 5, 10, 15, 20, seterusnya sehingga saiz sampel yang dikehendaki diperolehi. Kelebihan lainnya ia mudah dilaksanakan. Kaedah ini tidak memberi peluang yang sama kepada setiap ahli populasi untuk dipilih. Dari segi tekniknya, ia perlu mengikuti beberapa langkah tertentu, seperti berikut:

- (i), (ii), (iii) & (iv) sama seperti teknik Persampelan Rawak Mudah.
- (v) Untuk mendapatkan selang nombor, kita bahagikan saiz populasi dengan saiz sampel (misalnya, $250/50 = 5$).
- (vi) Untuk mendapatkan sampel, kita boleh memilih ahli-ahli nombor 4, 9, 14, 19, ..., 249; yang akhirnya kita akan dapat 50 orang murid sampel.

(d) Persampelan Kelompok

Persampelan kelompok adalah satu proses persampelan. Ahli-ahli populasi berada dalam kumpulan-kumpulan tertentu, dan pemilihan sampel dibuat dengan, pertama memilih secara rawak dan, kedua, mengambil semua ahli daripada kumpulan-kumpulan ini sebagai sampel kajian. Kelebihannya ia lebih mudah dilaksanakan, bagaimanapun kaedah ini tidak memberi peluang yang sama kepada setiap ahli populasi untuk dipilih. Dari segi tekniknya, ia perlu mengikuti beberapa langkah tertentu, seperti berikut:

- i. Sama seperti Persampelan Rawak Mudah.
- ii. Tentukan bilangan ahli populasi dan ahli sampelnya (misalnya, 250 orang populasi, 50 orang sampel).
- iii. kumpulan populasi ini dan berikan nombor kepada setiap satunya (misalnya, 10 kelas yang setiap satunya mengandungi 25 orang murid).
- v. Tentukan bilangan kumpulan populasi yang perlu dipilih sebagai sampel dan pilih kumpulan-kumpulan ini dengan menggunakan nombor rawak (misalnya, kita perlukan dua kumpulan untuk mendapat 50 orang sampel).

- vi. Ambil semua ahli daripada setiap kumpulan yang dipilih untuk dijadikan sampel kajian.

Persampelan Dalam Kajian Kualitatif

Persampelan dalam kajian kualitatif berbeza daripada kajian kuantitatif. Berikut adalah cara pemerhatian persampelan yang digunakan dalam kajian kualitatif.

(a) Strategi Persampelan

Dalam kajian kuantitatif, besar kemungkinan pengkaji akan menggunakan strategi persampelan berkebarangkalian probability sampling. Dalam kajian kualitatif, kita akan menggunakan strategi persampelan bukan-berkebarangkalian non-probability sampling. Empat jenis persampelan bukan kebarangkalian adalah seperti berikut:

- (i) persampelan mudah;
- (ii) persampelan bertujuan;
- (iii) persampelan snowball; dan
- (iv) persampelan kuota (quota sampling).

(i) Persampelan Mudah

Sampel mudah convenience sampling disifatkan juga sebagai sampel “accidental” atau available (Babbie, 1998). Sampel dipilih berasaskan kepada subjek kajian yang mudah diperoleh. Sebagai contoh, guru menggunakan pelajar mereka sendiri sebagai subjek kajian.

(ii) Persampelan Bertujuan

Persampelan bertujuan purposive sampling atau “persampelan membuat keputusan” judgmental sampling. Logik persampelan bertujuan dalam kaedah kualitatif adalah amat berbeza dengan logik persampelan berkebarangkalian dalam kajian kuantitatif. Dalam persampelan bertujuan, pengkaji menggunakan pengetahuan kepakaran yang khusus tentang sesuatu kumpulan untuk memilih subjek yang hendak dikaji daripada populasi.

Dalam keadaan tertentu, sampel dipilih selepas kajian lapangan dibuat terhadap kumpulan tertentu dan memastikan jenis individu yang mempunyai sesuatu atribut digunakan dalam kajian yang dijalankan. Sebagai contoh, perlakuan vandalisma, walaupun jumlah mereka kecil, boleh digunakan untuk kajian berkaitan dengan ponteng sekolah.

(iii) Persampelan Snowball

Persampelan snowball, snowball sampling paling popular digunakan oleh pengkaji kualitatif. Kaedah ini adalah cara yang terbaik bagi mengenal pasti lokasi subjek yang mempunyai atribut atau ciri-ciri tertentu semasa kita menjalankan kajian. Misalnya, persampelan ini untuk digunakan oleh guru mengkaji kumpulan pelajar yang terjebak dengan kegiatan lumba haram. Pengkaji perlu mengenal pasti pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri tertentu.

Kumpulan pelajar ini kemudian akan memberi nama pelajar-pelajar lain yang mempunyai atribut yang sama dengan mereka. Sebagai contoh, sekiranya anda ingin mengetahui kegiatan lumba haram dalam kalangan pelajar, anda dari awal lagi perlu mengenal pasti pelajar yang mempunyai ciri-ciri tersebut. Kemudian, kumpulan pelajar ini diminta memberi nama pelajar-pelajar lain yang terlibat.

(iv) Persampelan Kuota

Persampelan kuota quota sampling ialah cara pemilihan sampel secara mudah mengikut pembahagian kuota dan berdasarkan ciri-ciri sampel yang ditentukan. Pengkaji perlu menyediakan satu jadual yang menerangkan ciri-ciri sampel seperti jantina, umur, pendidikan dan atribut lain yang akan ditentukan oleh pengkaji. Seterusnya, pengkaji perlu menentukan pembahagian setiap ciri atribut apabila meneliti atribut populasi kajian.

Sebagai contoh, seorang guru hendak mengkaji pandangan pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling di sekolah dengan memberi perhatian kepada kumpulan pelajar mengikut umur. Langkah pertama, pengkaji perlu megkategori pelajar, mengikut umur. Selepas itu, mengenal pasti populasi pelajar dalam sekolah tersebut.

Kemudian pengkaji perlu membahagikan pelajar mengikut kategori-kategori yang dikehendaki seperti umur, jantina, dan sebagainya dan menentukan jumlah pelajar dalam setiap kategori. Selepas itu, pengkaji memilih persampelan daripada pelajar-pelajar sekolah ini, dan membahagikan mereka kepada kategori-kategori dengan bilangan pelajar bagi kategori-kategori dalam populasi.

Persampelan Dan Bias.

i) Maksud Bias

- a. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, perkataan “bias” bermaksud menyimpang, membelok dari arah yang asal atau dengan erti kata lain, menyeleweng dari maksud asal (dalam kajian).

ii) Bias dalam persampelan boleh mempengaruhi kesahan maklumat (Sumber : Garis Panduan penyelidikan BPG-Maktab Perguruan)

- a. Tidak mewakili ciri-ciri demografi dan budaya dalam situasi berkenaan.
- b. Berfokus kepada satu bahagian hierarki dan mengabaikan yang lain.
- c. Tidak memasukkan peristiwa atau aktiviti yang mencirikan konteks dan tidak sedar tentang beberapa faktor dan pengecualian yang lain.
- d. Penumpuan melampau terhadap yang eksotik atau dramaik dan mengecualikan yang biasa.

- e. Tidak memberikan perhatian yang mencukupi terhadap pemilihan masa atau tidak menyedari penyelidikan dipengaruhi masa.
- f. Hanya berbual dengan orang yang disukai atau senang ditemui.
- g. Terlampau menghargai sumbangan orang tertentu kerana kesesuaian, tarikan persahabatan dll..
- h. Kegagalan untuk mengambil kira non-response dan membezakan sampel yang dikehendaki dengan sampel yang diperolehi.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Menurut Azizi Yahaya dan rakan-rakan (2007) perkara yang perlu diambil berat dalam menjalankan penyelidikan ialah kesahihan data yang dikumpulkan, Sejauh mana data-data itu dapat memberi maklumat dan pengukuran yang tepat. Kesahan dan kebolehpercayaan memainkan peranan penting dalam konteks pengukuran dan teknik-teknik pengumpulan data. Daripada segi saintifik, ukuran dianggap sebagai sahih apabila ia berjaya mengukur konsep itu.

- a. Kesahan
 - i. Konsep dan definisi

Kesahan adalah konsep yang penting dalam konteks pengukuran konstruk ataupun gagasan seperti sikap, motivasi, persepsi, kecergasan dan pencapaian. Bagi kajian kuantitatif ini, penyelidik agak sukar bagi menentukan kesahan alat ukuran yang digunakan.

Apabila penyelidik telah berjaya menghasilkan serta membina instrumen bagi alat mengukur data yang sepatutnya diukur, hasil kajian akan dianggap baik dan sesuai bagi menjalankan kajian. Kesahan didefinisi sebagai, dapat mengukur apa yang hendak diukur.

- ii. Jenis-jenis

Kesahan muka

- Kesahan muka atau kesahan lahiriah dan kesahan zahir.
- Bailey (1984) menyatakan bagi mengetahui sama ada instrumen ataupun soal selidik mempunyai kesahan, penyelidik perlu tahu konsep yang hendak diukur dan didefinisikan dan sama ada maklumat yang dikumpul berkaitan.
Contoh ; penyelidik ingin mengukur sikap pelajar pada matapelajaran bahasa sains, maka dia tidak wajar memasukkan item 'saya suka belajar bahasa matematik ' daripada kawan'.
- Justeru itu, kesahan muka perlu dipertimbangkan oleh penyelidik.
- Kesahan muka ialah kesahan penunjuk awal soal selidik itu mempunyai kesahan dan dapat digunakan.
- Soal selidik ini dapat mengukur apa yang hendak diukur dan sesuai.

Kesahan kandungan

- Kesahan kandungan akan dikenalpasti selepas kesahan muka.

- Penyelidik perlu menteliti ayat, perkataan susunan ayat sesuai dengan komponen-komponen pengukuran tadi.
- Borang soal selidik perlu mengukur konsep-konsep yang hendak diukur. Contoh ; apabila peperiksaan ataupun ujian bagi menguji kebolehan pelajar berkaitan tatabahasa, penyelidik hendaklah memasukkan topik yang lazim diliputi dalam subjek itu.
- Item-item soalan atau kenyataan adalah sesuai bagi mengukur seperti kehendak objektif kajian.
- Periksa item dari segi ayatnya, perhatiannya dan istilah-istilah yang digunakan.
- Semakin banyak item yang mewakili komponen bagi konstruk ataupun konsep itu, semakin baik kesahan kandungan.
- Kenalpasti permasalahan atau isi kandungan bagi mengukur isi kandungan yang dapat diukur.
- Kesahan dapat dilakukan oleh pengadilan ataupun pakar penilaian.

Kesahan peramal

- Peramal ialah keupayaan meramalkan peristiwa masa depan atau sejauh manakah ujian itu dapat meramalkan sesuatu kriteria. Contoh ; sejauh manakah ujian kebolehan akademik dapat meramalkan kejayaan akademik berikutnya seperti prestasi dalam peperiksaan UPSR.
- Bagi memastikan kesahan ramalan, 1 indikator (UPSR) dibandingkan dengan ukuran lain iaitu (ujian penilaian semester) yang yakin dapat mengukur konstruk ini iaitu prestasi akademik di sekolah rendah.
- Indeks statistik bagi kesahan ramalan ini adalah ukuran korelasi antara peramal (agregat penilaian semester) dengan kriteria (agregat dalam UPSR)
- Jadi,kesahan ramalan adalah kemampuan soal selidik membezakan individu dalam kriteria pada masa akan datang.
- Kesahan ramalan diperoleh dengan membandingkan pengukuran yang baru dibentuk dengan pengukuran yang lain pada masa depan.

Kesahan serentak

- Kesahan serentak hampir sama dengan kesahan jangkaan namun ia dibezakan dengan dimensi masa
- Contoh ; apabila kita membina skala petunjuk masalah otak,kita memerlukan jawapan kepada soalan ;
 - Adakah orang yang mendapat markah tinggi di dalam ujian ini akan mendapat dapat masuk ke universiti? (kesahan jangkaan)
 - Adakah orang yang mendapat markah tinggi mempunyai berjaya dalam hidup? (kesahan serentak)
- Pengesahan ini bersifat ciri-ciri luaran dan melalui hasil bantuan ukuran alatan,sama ada masa sekarang atau masa depan pada hasil kajian.
- Kesahan hendak membezakan dua ataupun lebih individu dalam kumpulan yang statusnya berbeza.
- Kesahan serentak juga relevan bagi membentuk pendapat terhadap kejayaan-kejayaan ujian. Dalam pengalaman bilik darjah, selalu terdapat kriteria semasa di mana kejayaan ujian patut dibandingkan.
- Pelajar yang mendapat markah tinggi dalam ujian sains dinyatakan dapat mempamerkan kebolehan dalam matematik.

Kesahan binaan

- Merujuk kepada sejauh mana baiknya sebuah peralatan itu menguji sifat ataupun konsep.
- Dapat mengukur selaras dengan teori-teori yang menjadi asas pada pembentukan instrumen yang berkaitan.
- terdapat dua jenis kesahan binaan iaitu ;
- Kesahan Konvergens
- Kesahan Discriminant

Terdapat juga pendapat menyatakan terdapat empat (4) jenis kesahan, iaitu kesahan kandungan content validity, Kesahan hubungan kriteria criterion-related validity, kesahan konstruk construct validity dan kesahan muka face validity.

(i) Kesahan Kandungan

Kesahan kandungan ialah ukuran sejauh mana dan setepat mana sesuatu ujian dapat mengukur apa yang hendak diukur. Kesahan kandungan sesuatu ujian adalah penting dalam kajian, sekiranya kesahan kandungan rendah maka markah ujian yang diperoleh tidak menunjukkan keupayaan sebenar responden bagi kandungan yang diukur. Kesahan kandungan boleh ditingkatkan dengan membandingkan item-item ujian dengan objektif dan kandungan bidang.

(ii) Kesahan Hubungan Kriteria

Terdapat dua bentuk, iaitu kesahan serentak (concurrent validity) dan kesahan ramalan (predictive validity). Kesahan serentak ialah alat ukur itu menghasilkan skor yang mempunyai hubungan dengan skor yang dihasilkan oleh alat lain yang diambil serentak. Contohnya, satu ujian dibina untuk mengukur perkara yang sama, dikatakan lebih mudah dan lebih cepat digunakan berbanding dengan ujian sedia ada. Kesahan serentak boleh dikira dengan mencari korelasi antara dua skor ujian-ujian ini.

Kesahan ramalan pula ialah sejauh mana sesuatu alat ukur itu berupaya menghasilkan skor yang mempunyai hubungan dengan skor yang dihasilkan oleh alat lain yang diambil kemudian. Contohnya, satu ujian dibina untuk mengukur pencapaian Matematik, dikatakan dapat meramal keputusan UPSR Matematik. Kesahan ramalan boleh dikira dengan mencari korelasi antara skor ujian dan gred UPSR.

(iii) Kesahan Konstruk

Kesahan konstruk ialah ukuran sejauh mana dan setepat mana sesuatu ujian itu dapat mengukur sesuatu konstruk atau gagasan berasaskan teori psikologi tertentu. Contohnya, alat yang dibina untuk mengukur konstruk “cerdas” sepatutnya dapat mengukur konstruk ini dengan baik. Kesahan konstruk boleh ditingkatkan dengan memahami maksud konstruk tertentu (misalnya, maksud “cerdas”) dan mengetahui ciri-ciri orang yang mempunyai konstruk ini (misalnya, ciri-ciri orang yang “cerdas”).

iii. Data Triangulasi

Konsep yang digunakan dalam aktiviti lapangan, membuat peta, navigasi dan latihan militer. Dalam sains sosial, triangulasi digunakan untuk tujuan pengesahan. Beberapa strategi pengutipan data digunakan untuk mengukur sesuatu konsep. Masalah berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan boleh

dikurangkan melalui triangulasi. Denzin (1978) mengenal pasti empat (4) kategori triangulasi seperti berikut:

- a. Triangulasi data yang melibatkan pengutipan pelbagai jenis data untuk menyelidik fenomena yang sama.
- b. Triangulasi penyelidikan yang melibatkan pelbagai pemerhati berbanding dengan pemerhati tunggal untuk menyelidik fenomena yang sama.
- c. Triangulasi teori yang melibatkan penggunaan lebih daripada satu teori untuk menyelidik fenomena yang sama.
- d. Triangulasi kaedah yang melibatkan penggunaan pelbagai kaedah untuk menyelidik fenomena yang sama.


Dalam kajian kualitatif, mustahak bagi kita menggunakan teknik yang berbeza untuk mengumpul data. Kita juga perlu menggunakan strategi yang berbeza untuk menyelidik fenomena yang sama. Untuk memperoleh kebolehpercayaan dan kesahan, kita tidak boleh mengeneipkan penggunaan triangulasi, sebab cara ini dipercayai lebih berkesan jika digunakan dalam kajian kualitatif.

Menurut Chua Yan Piaw (2004), Kaedah triangulasi boleh dianalog sebagai melihat sebuah arca dari sudut yang berbeza untuk mendapatkan gambaran keseluruhan secara jelas mengenai bentuk arca tersebut. Jika kita melihat arca dari satu sudut sahaja, kita tidak akan dapat gambaran sebenar seluruh bentuk arca tersebut. Dengan cara menggabungkan kaedah-kaedah, pengkaji dapat melihat secara jelas dari pelbagai perspektif mengenai gambaran sebenar fenomena di bawah kajian. Melalui cara ini, pengkaji dapat melihat gambaran bagi sesuatu konsep dalam fenomena di bawah kajian lebih jelas, luas dan kaya.

Kaedah triangulasi diaplikasi dalam kajian kualitatif kerana fenomena di bawah kajian dapat dilihat dari beberapa perspektif melalui pelbagai garis penglihatan (multiple sight). Di bawah kaedah triangulasi, data juga boleh dikumpulkan melalui 3 aspek yang berbeza iaitu ;

- i) Masa
- ii) Ruang
- iii) Individu

Kaedah triangulasi dalam rajah berikut digunakan untuk mengumpul data dari perspektif2 yang berlainan untuk mengukur sesuatu konsep. Kaedah triangulasi ini dapat membina kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kepada hasil kajian kualitatif.



Rajah 10.1 Kaedah triangulasi ,Dipetik dari Chua Yan Piau (2004)

b. Kebolehpercayaan

i. Definisi dan konsepnya menurut Sabitha Marican (2005)

- Kebolehpercayaan ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran / alat ukur kajian merentasi masa terhadap sesuatu gagasan.
- Ia bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberi jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi / sampel / responden yang sama.
- Contoh ; Jika anda menggunakan penimbang berat badan pada waktu pagi menunjukkan 56 kg. Selepas itu anda menimbang semula berat badan pada pukul 11 pagi, 1 tengahari, 4 petang, dan 7 malam dania tetap memberikan berat anda sebanyak 56kg.
- Maka penimbang itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan.
- Tetapi jika ia memberikan jumlah yang berbeza setiap kali anda menimbang berat badan, maka penimbang itu tidak mempunyai ciri-ciri kebolehpercayaan.

ii. Jenis kebolehpercayaan ;

(i) Kestabilan

Kebolehpercayaan kestabilan ialah ukuran ketekalan consistency mengikut peredaran masa bagi sampel yang sama. Ini bermakna alat ujian yang boleh dipercayai akan memberikan skor yang sama dari masa ke masa bagi responden yang sama. Indeks kebolehpercayaan kestabilan ialah korelasi antara skor ujian kali pertama dengan skor ujian kali kedua.

(ii) Kesetaraan

Kebolehpercayaan kesetaraan ialah ukuran kesetaraan antara skor bagi dua (2) ujian yang setara, iaitu ujian yang berbeza, tetapi mengukur kandungan yang sama. Ini bermakna ujian yang boleh dipercayai akan memberikan skor yang sama sekiranya responden yang sama mengambil dua (2) ujian yang berbeza tetapi setara. Indeks kebolehpercayaan kesetaraan ialah korelasi antara skor ujian pertama dengan skor ujian kedua.

(iii) Ketekalan Dalaman

Ketekalan dalaman ialah ukuran ketekalan antara skor separuh daripada ujian dengan skor separuh lagi ujian bagi ujian yang sama. Ujian yang boleh dipercayai akan memberikan skor yang sama bagi responden yang sama, sekiranya ujian tersebut dibahagikan kepada dua (2) bahagian. Indeks kebolehpercayaan ketekalan

dalamannya ialah korelasi antara skor ujian bahagian pertama dengan skor ujian bahagian kedua.

TOPIK 10

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

10.0 Penulisan laporan penyelidikan tindakan

- 10.1 Konteks / latar belakang kajian
- 10.2 Tinjauan literatur
- 10.3 Fokus / aspek amalan bagi penambahbaikan
- 10.4 Pelan tindakan
- 10.5 Pelaksanaan pelan tindakan
- 10.6 Pengumpulan data
- 10.7 Analisis dan huraian data
- 10.8 Refleksi dan implikasi
- 10.9 Pelan bagi tindakan susulan
- 10.10 Sumber rujukan: American Psychological

10.0 PENULISAN LAPORAN PENYELIDIKAN TINDAKAN

1. Konteks/ latar belakang kajian
2. Tinjauan literatur
3. Fokus/ aspek amalan bagi penambahbaikan
4. Pelan tindakan
5. Pelaksanaan pelan tindakan
6. Pengumpulan data
7. Analisis dan huraian data
8. Refleksi dan implikasi
9. Pelan bagi tindakan susulan
10. Sumber rujukan: American Psychological Association (APA)

10.1 KONTEKS/ LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian berfungsi sebagai titik tolak untuk menerangkan konteks kajian secara umum seperti kajian di sekolah, pengalaman, situasi dan lain-lain. Menyatakan perasaan secara umum dan berkaitan perkara/topik pengajaran/permasalahan yang ingin diperbaiki. Selain itu, adalah suatu tindakan ke atas sikap pelajar yang membawa kepada permasalahan itu. Seterusnya perkara berkaitan refleksi tentang diri sendiri (guru) dan (cara pengajaran; persepsi terhadap pelajar dan perkara lain yang berkait dengan permasalahan itu). Latar belakang kajian dapat menerangkan konteks kajian secara umum seperti di sekolah, pengalaman, situasi dan lain-lain. Selain itu dapat menyatakan perasaan secara umum berkaitan perkara, topik-topik dalam pengajaran / permasalahan yang ingin diperbaiki dan tindakan/sikap pelajar yang membawa kepada permasalahan itu dan refleksi tentang diri sendiri.

Contoh:

Sewaktu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 2 Cendekiawan saya dapati mereka kurang berminat . Apabila diajukan soalan mereka sering menjawab tidak faham malah menjawab sambil lewa. Saya dapati kebanyakan mereka tidak menyiapkan kerja yang diberikan walaupun diminta untuk menulis satu ayat tunggal seperti ; Pen ini kepunyaan Ahmad

Apabila melihat situasi seperti ini saya merasa bersalah dan saya perlu memperbaiki kelemahan yang ada pada diri sendiri. Sehubungan dengan itu, saya telah membuat keputusan untuk memperbaiki kelemahan proses pengajaran serta mempertingkatkan pembelajaran murid-murid dalam kelas tersebut.

10.2 TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan Literatur adalah sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti buku, jurnal, artikel seminar dan laporan. Ia juga menerangkan kemahiran analitik untuk mensintesis dan membuat kesimpulan mengenai pelbagai pandangan berkenaan sesuatu topik atau isu yang sedang dikaji - (kemahiran menyelidik) adalah lebih daripada hanya semata-mata mencari tentang sesuatu maklumat.

- kemahiran untuk mencari dapatan yang signifikan dengan isu atau topik yang sedang dikaji melalui artikel, kes kajian yang sahih atau buku seminar
- memfokuskan kepada topik atau isu yang spesifik dan merangkumi analisis kritikal terhadap hubungkait antara pelbagai kajian dengan kajian yang sedang dibuat.

Jenis-jenis Tinjauan Literatur

1. Kajian Kuantitatif - menyediakan pemahaman maklumat sedia ada berkenaan masalah yang sedang dikaji dan rasional kepada soalan-soalan kajian
2. Kajian Kualitatif - penyelidik membentangkan perbincangan kajian kepustakaan dan mengintegrasikan kritikan terhadap kajian kepustakaan ke dalam bentuk ayat kajian.
3. Analisis-meta - membuat kesimpulan secara statistik terhadap keputusan kajian yang dibuat

Peringkat Tinjauan Literatur

1. Kajian Tinjauan Literatur - mengungkapkan bayangan pernyataan masalah dan membina rangka teoretikal
2. Anotasi Bibliografi - cara untuk mengingatkan diri individu terbabit berkenaan kajian kepustakaan yang dicari
3. Tinjauan Literatur Terperinci - rangka teoretikal dalam bentuk yang lebih mendalam berkenaan semua kajian kepustakaan yang relevan terhadap isu atau topik yang dikaji

Aturan Kajian Kepustakaan :

1. Pengenalan - menyatakan tujuan atau skop kajian kepustakaan.
2. Ulasan kritikal - subseksyen yang berkaitan dengan pemilihan dan signifikan masalah yang dikaji. Membuat klasifikasi, perbandingan dan perbezaan yang berkaitan dengan pernyataan masalah yang dikaji
3. Membuat kesimpulan - menyatakan apa yang terkandung dalam topik atau isu tersebut dan mengenalpasti perkara-perkara penting yang menunjukkan kerasionalan ulasan atau kajian kepustakaan

Tujuan membuat Tinjauan Literatur :

1. Untuk mengelakkan berlakunya duplikasi terhadap kajian
2. Untuk menentukan variabel yang boleh mempengaruhi masalah yang dikaji.
3. Untuk mengenalpasti prosedur dan instrumen yang digunakan
4. Untuk mengatasi masalah yang timbul berkaitan kajian

Tinjauan Literatur yang Kukuh

1. Diorganisasikan dengan baik di mana kajian kepustakaan mengandungi isu, tema, faktor atau variabel yang berkait secara langsung kepada kajian yang dibuat
2. Menyediakan sintesis yang baik kepada persoalan yang dikaji
3. Menunjukkan rangka teoretikal berkenaan kajian yang dibuat
4. Memasukkan aspek-aspek yang menjadi perdebatan atau kontroversi, atau limitasi kajian dalam pelbagai perspektif
5. Turut mengandungi ulasan berkaitan kajian yang hampir sama oleh penyelidik lain

Langkah-langkah membuat Kajian Kepustakaan

1. Membandingkan dan Membezakan
2. Menganalisis
3. Menilai
4. Membuat Kesimpulan
5. Mensintesis

1. Membandingkan dan Membezakan

Mencari persamaan dan perbezaan berdasarkan kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu objek atau peristiwa. Kemahiran ini digunakan apabila:

- terdapat dua atau lebih ciri dan kemungkinan
- melihat pilihan dan keputusan

2. Menganalisis

- Mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami konsep.

- Mendapatkan gambaran keseluruhan - untuk mendapatkan idea kepada tujuan umum dan kandungan artikel (fokus kepada pengenalan dan beberapa perenggan pertama dan kesimpulan).
- Membahagikan topik atau subtopik kepada beberapa bahagian secara kronologi
- Mendefinisikan kata kunci
- Memilih pernyataan yang penting yang mahu diletakkan dalam ulasan
- Mencari kekuatan dan kelemahan
- Mengenalpasti aliran dan pola trends or patterns
- Memastikan tumpuan kepada topik yang berkaitan

3. Menilai

Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara daripada segi kebaikan dan kelemahan berdasarkan bukti dan dalil yang sah.

4. Membuat kesimpulan

- Mengukuhkan sesuatu perkara berdasarkan penyiasatan
- Membuat pernyataan tentang hasil sesuatu kajian yang berdasarkan kepada sesuatu
- Hipotesis
- Membina outline kepada ulasan buat kali terakhir (final review)

5. Mensintesis

Menggabungkan idea, unsur, item dan perkara yang berasingan dari segi Sampel, setting dan prosedur kajian tindakan.

Contoh :

Kokurikulum merupakan satu aspek penting yang selari dengan kurikulum di sekolah menengah di Malaysia. Pihak pentadbiran pendidikan telah mempelbagaikan persatuan badan beruniform bagi tujuan pendedahan awal kepada remaja untuk membentuk kekuatan fizikal dan mental. Kadet Polis merupakan badan beruniform yang sudah diterapkan dalam aktiviti kokurikulum sekolah menengah.

Badan beruniform Kadet Polis ini tidak ramai disertai oleh pelajar perempuan kerana aktiviti yang lebih memerlukan kekuatan fizikal dan mental. Tambahan pula, pihak guru yang lebih memfokuskan pelajar lelaki untuk menyertai Kadet Polis. Kebanyakan perlawanan yang diadakan di pelbagai peringkat sekolah mahupun daerah adalah banyak melibatkan penyertaan pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Bagaimanapun, sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah sangat digalakkan untuk memotivasikan pelajar perempuan bergerak aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah.

Kesimpulan

Tinjauan literatur membabitkan proses mencari dan menilai literatur sedia ada tentang topik tertentu. Subjek kajian didapati mengetahui langkah umum bagi tinjauan literatur. Dalam aspek pencarian, mereka menghadapi kesulitan untuk mengenal pasti literatur tempatan sebab literatur tersebut kurang diterbitkan.

Dalam aspek penilaian pula, kebanyakan subjek kurang memberi perhatian kepada usaha untuk menganalisis, mentafsirkan, dan mempertimbangkan teori, andaian, metodologi, hasil, dan kesimpulan kajian yang dibaca. Mereka sekadar menyatakan apa yang telah dilakukan pada masa lepas. Hujah yang mereka kemukakan tentang keperluan untuk menjalankan kajian yang dicadangkan adalah kurang kukuh.

Proses tinjauan literatur subjek sering kali tidak berasaskan kerangka teori yang jelas. Pelajar ijazah tinggi dalam bidang matematik boleh meningkatkan kualiti tinjauan literatur melalui pemahaman dan kemampuan untuk menjalankan proses penilaian.

Mereka perlu membuat analisis secara kritis terhadap semua aspek kajian lepas yang dipilih seperti latar belakang, soalan atau hipotesis, konteks, campur tangan, metodologi, hasil, dan kesimpulan kajian untuk mempertimbangkan implikasi kajian tersebut terhadap kajian yang hendak dijalankan. Mereka perlu cekap melakukan tiga aktiviti, iaitu meninjau secara menyeluruh literatur berkaitan dengan topik kajian, menganalisis dan mensintesis maklumat yang dikumpulkan secara kritis, dan mempersembahkan maklumat yang diringkaskan mengikut sistem organisasi tertentu.

10.3 FOKUS/ ASPEK AMALAN BAGI PENAMBAHBAIKAN

- Kenyataan atau keterangan yang menjelaskan keadaan sebenar isu atau masalah
- Fokus kepada satu isu kecil/ satu tajuk kecil. Misalnya seperti perkara yang dipersoalkan iaitu soalan-soalan yang akan terlibat dalam proses penyelidikan. Misalnya, "Apakah yang guru lakukan?", "Apakah yang murid lakukan?", dan "Kenapa ia berlaku?".
- Fokus kajian tidak semestinya bermula dengan masalah, sebaliknya dengan idea tentang sesuatu yang boleh diperbaiki/ditambahbaik.
- Fokus kajian yang dipilih mestilah sesuatu yang boleh diubah/diperbaiki (viable), berskala kecil dengan isu yang terhad dan berkepentingan kepada guru atau murid, serta berkaitan secara langsung atau tidak dengan P&P dan matlamat sekolah.
- Pemilihan fokus boleh dilakukan dengan melihat jurang pelaksanaan (praktikal dan teori) atau melalui pengalaman guru.

Contoh :

Walaupun saya mengesan banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar saya, saya akan fokuskan kajian ini kepada masalah dalam membina ayat mudah. Pelajar saya tidak menunjukkan minat dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, tidak boleh mengeja dengan betul serta meniru rakan untuk mendapat jawapan. Apabila amalan meniru menjadi kemestian ini menyebabkan mereka tidak dapat menyelesaikan masalah. Kajian ini adalah penting bagi murid-murid cendekiawan dalam

membina ayat dengan struktur yang betul kerana mereka memerlukan kemahiran berfikir, menulis serta berkeyakinan.

10.4 PELAN TINDAKAN

Sehubungan dengan tema dan semua keperluan itu, langkah seterusnya ialah membina pelan tindakan menurut aspek-aspek berikut;

Contoh :

Aspek Hubungan Peringkat	Ungkapan (Penentangan & Institutionalisation) Wacana	Aktiviti (Penentangan & Institutionalisation) Amalan	Perhubungan Sosial (Penentangan & Institutionalisation) Bentuk Organisasi	Hasil Dapatan
TINJAUAN				
PERANCANGAN				
PELAKSANAAN & PEMERHATIAN				
RENUNGAN				

10.5 PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

Jadual pelaksanaan ini dibina berdasarkan perkara berikut :

- Boleh di buat dalam bentuk jadual
- Masukkan aktiviti yang terkandung dalam pelan tindakan
- Masukkan tarikh tentatif kajian yang akan dijalankan

Dari segi tempoh, perlu ditimbang sama ada boleh atau tidak dijelaskan, masa tiap-tiap lingkaran, sesi, pemerhatian dan sebagainya, untuk dilaksanakan. Dari segi kekerapan pula hendaklah dipertimbangkan sama ada ia dapat atau tidak menentukan berapa kali lingkaran, sesi, pemerhatian akan dibuat.

Contoh 1 :

Bil	Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan
1	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal	9 – 15 Feb
2	Menulis proposal kajian	16 - 19 Feb

3	Merancang tindakan – individu/kumpulan	21 Feb
4	Melaksanakan tindakan – aktiviti 1	27 Feb
5	Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 1	2 Mac
6	Melaksanakan tindakan – aktiviti 2	5 Mac
7	Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 2	8 Mac
8	Melaksanakan tindakan 3 – aktiviti 3	10 Mac
9	Membincangkan masalah yang timbul dalam tindakan 3	12 Mac
10	Ujian untuk mengesan perubahan klien	19 Mac
11	Refleksi kajian	20 Mac
12	Menulis laporan kajian	21 Mac
13	Pembentangan dapatan kajian untuk makluman Jabatan	31 Mac

10.6 PENGUMPULAN DATA

Cara yang digunakan untuk mengumpul data adalah:

- dairi
- buku log
- temubual
- soalselidik
- rakaman audio-video
- gambar foto
- jadual interaksi (interaction table)
- catatan-catatan pemerhatian dan lain-lain

Golongan yang terlibat pula adalah :

- Penyelidik sendiri
- Pembantu penyelidik-pemerhati
- Juruteknik (perakcim audio-video, dsb.)
- sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung (seperti penglibatan juruteknik yang memerlukan kelulusan daripada pentadbir maktab/sekolah).

Tugas dan tanggungjawab ahli-ahli yang terlibat dalam sesuatu penyelidikan hendaklah disenaraikan, seperti:

- Siapa menyediakan instrumen?
- Siapakah yang menjalankan pemerhatian?
- Siapakah yang mengumpul data?

Lima Tahap Penyelidikan Tindakan/ Kajian Tindakan

Tahap 1: Mengenalpasti masalah

Tahap 2: Perancangan tindakan

Tahap 3: Mengumpul data

Tahap 4: Menganalisis data

Tahap 5: Perancangan untuk tindakan seterusnya

Alat Pengumpulan Data

1. Pemerhatian (Video tape)
2. Nota guru dan komen
3. Kerja pelajar
4. Refleksi pelajar dan kerja pelajar
5. Jurnal pelajar
6. Ujian
7. Tinjauan soal selidik
8. Temuduga (Audio tape)

Prinsip-Prinsip Pengumpulan Data

1. Mudah Direkod

- Teknik dan cara data-data direkod mestilah mudah, ringkas serta cepat, bagi mengelakkan kelambatan dan kekeliruan semasa analisis dibuat.

2. Tidak menimbulkan kesangsian (non-threatening)

- Hasil data-data yang dikutip tidak akan menimbulkan rasa sangsi atau bimbang dikalangan individu. Individu tidak akan merekodkan data dengan tepat sekiranya mereka merasa tidak selamat atau terancam.

3. Mudah ditafsir

- Hasil data-data yang dikumpulkan mestilah mudah ditafsir dan dianalisis. Ini bertujuan supaya semua peringkat anggota organisasi yang terlibat mudah memahaminya.

4. Tujuan pengumpulan data yang jelas iaitu:

- Untuk memberikan bukti-bukti yang objektif. Manusia sering menganggap mereka tahu adanya masalah, dan kenapa ianya wujud. Dengan data-data yang dikumpul, bukti kukuh dapat diperolehi untuk mengambil tindakan sewajarnya.
- Untuk mengesan pola dan trend. Masalah dalam proses mungkin wujud pada waktu-waktu tertentu sekiranya ada faktor-faktor lain yang mempengaruhinya. Data-data yang dikumpul akan dapat mengesan pola atau trend bahawa contohnya, terdapat lebih ramai pelanggan pada waktu pagi daripada waktu petang, atau barangan dari pembekal A lebih tahan lama daripada pembekal B

Kriteria kualiti

- Dalam kajian yang saintifik, tumpuan utama ialah memastikan ukuran ke atas pemboleh ubah bersandar itu sah dan mempunyai kebolehpercayaan

Kesahan Data

- Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan. Ia bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran/indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan yang harus ada dalam konsep yang diukur itu. Contohnya ialah ukuran yang sah untuk mencatat ketinggian ialah kayu pembaris, pita ukur dan sebagainya
- Terdapat dua jenis kesahan iaitu:
 - i. Kesahan dalaman internal validity iaitu sejauh mana perkaitan antara pemboleh ubah itu dapat dipastikan.
 - ii. Kesahan luaran external validity iaitu sejauh mana data itu dapat dipanjangkan pada populasi dan dalam konteks yang berbeza-beza.
- Bagi menentukan kesahan dalaman, penyelidik boleh menggunakan beberapa kaedah seperti triangulasi, pemeriksaan rakan, semakan rakan, kenyataan pengalaman, pilih kasih atau pengharapan.
- Manakala bagi kesahan luaran, ia boleh dilihat dalam ketebalan atau banyaknya penerangan, penggunaan pelbagai tema dan variasi yang maksimum.

Kebolehpercayaan Data

- Kebolehpercayaan atau reliability ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan consistency dan kestabilan stabili sesuatu ukuran, alat ukur kajian atau soal selidik.
- Ia bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama.
- Terdapat dua jenis kebolehpercayaan yang sering kali digunakan oleh penyelidik iaitu kebolehpercayaan luaran dan dalaman.

- Bagi memastikan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif, kaedah yang boleh digunakan ialah triangulasi, kedudukan penyelidik (teori yang digunakan, asas kepada pemilihan sampel) dan audit.

Lima Tahap Penyelidikan Tindakan

Tahap 1: Kenalpasti masalah.

Contoh:

Kajian ini bermula apabila saya mengajar mata pelajaran Matematik Tahun 5 sesi 2006 untuk tajuk Membahagi Sebarang Nombor Bulat Hingga 1 000 000 dengan nombor 1 digit tanpa baki. Sebelum saya mengajar murid-murid tajuk ini, saya telah mengadakan satu ujian pengesanan untuk mengenal pasti tahap kemahiran murid-murid dalam tajuk ini.

Berdasarkan analisis ujian pengesanan itu, saya mendapati 2 orang murid yang lebih senang saya namakan Jack dan Jeff (bukan nama sebenar mereka) tidak menguasai tajuk ini. Justeru, saya ingin mengupas dan meneliti dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi oleh 2 orang murid ini dan cuba membantu mereka dengan mengambil kira beberapa perkara yang difikirkan perlu termasuk aspek pengajaran dan pembelajaran (p & p) dalam kajian ini.

Tahap 2: Perancangan tindakan.

Contoh:

Kajian ini adalah untuk:

1. Menambah baik amalan p & p saya dalam bilik darjah melalui penggunaan Cartamu; dan
2. membantu Jack dan Jeff (murid-murid Tahun 5) dari segi peningkatan kemahiran mereka dalam membahagi sebarang nombor bulat hingga 1 000 000 dengan nombor 1 digit tanpa baki melalui penggunaan Cartamu.

Tahap 3: Pengumpulan data

Contoh:

Pengumpulan data dilakukan dalam tempoh 4 minggu persekolahan. Data kajian mula dikumpul mulai 17 Julai 2006. Namun, ujian pengesanan telah diadakan pada 10 Julai 2006 pukul 2.30 petang di bilik darjah. Ujian pengesanan ini telah diadakan untuk semua orang murid dan hanya markah bagi Jack dan Jeff sahaja yang diambil kira untuk mengenal pasti tahap kemahiran membahagi mereka.

Ujian pertama, kedua dan ketiga juga dijalankan untuk mereka berdua dalam usaha saya mengenal pasti perkembangan kemahiran mereka ini. Ujian-ujian berkenaan telah diadakan masing-masing pada 17 Julai 2006; 24 Julai 2006 dan 31 Julai 2006 manakala ujian terakhir telah diadakan pada 14 Ogos 2006.

Selain rekod kehadiran murid-murid tersebut dirujuk, saya juga telah menemubual mereka selepas ujian terakhir pada 14 Ogos tentang penggunaan Cartamu. Beberapa soalan berkaitan telah dikemukakan kepada Jack dan Jeff. Jawapan mereka kemudian dicatat selain daripada catatan pemerhatian saya sendiri semasa temubual secara berpasangan diadakan.

Tahap 4: Penganalisan data.

Contoh:

Analisis data dilakukan selepas semua data dikumpul daripada ujian pertama, kedua, ketiga dan terakhir. Kiraan peratus (%) yang diperolehi daripada ujian-ujian ini dianalisis untuk melihat tahap kemajuan Jack dan Jeff serta keberkesanan teknik Cartamu yang digunakan dalam kajian ini.

Rekod kehadiran pula merupakan data sokongan dalam kajian ini yang secara tidak langsung menunjukkan tahap penglibatan murid-murid tersebut dalam p & p. Jawapan daripada temubual juga dianalisis untuk melihat pandangan Jack dan Jeff tentang penggunaan Cartamu.

Tahap 5: Perancangan untuk tindakan yang seterusnya. Sekiranya tidak berjaya, buat perancangan untuk tindakan seterusnya, iaitu kitaran kedua dan seterusnya

10.6 Mengumpul Data

1. Data kualitatif

- Kajian kualitatif digunakan kerana boleh membongkar dan memberi pemahaman apa yang berlaku di sebalik sebarang fenomena yang kurang diketahui (Strauss & Corbin, 1990)
- Menurut Marshall dan Rosman (1989) data secara kualitatif dapat menghuraikan dan menjelaskan secara terperinci dan mendalam
- Tiga teknik yang lazimnya digunakan oleh para penyelidik kajian kualitatif ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Fraenkel & Wallen 1993; Bogdan & Biklen 1998; Merriam 2001)
- Menurut Patton (1990) data kualitatif mengandungi petikan secara tidak langsung tentang pengalaman, pendapat, perasaan, dan pengetahuan yang diperolehi melalui temu bual; perincian deskripsi tentang aktiviti, tingkah laku dan tindakan

yang direkodkan melalui pemerhatian; dan petikan, kutipan atau keseluruhan perenggan yang diambil daripada pelbagai jenis dokumen.

2. Data Kuantitatif

- Merujuk kepada Berg (2004), 'kajian kuantitatif merujuk untuk kiraan dan ukuran tentang sesuatu. Berbeza dengan, penyelidikan kualitatif merujuk untuk makna-makna, konsep-konsep, takrif-takrif, ciri-ciri, metafora, simbol-simbol, dan huraian-huraian tentang sesuatu'
- Contohnya melalui pengagihan borang soal selidik
- Dapat menghasilkan dapatan kajian yang 'valid' dan 'reliable' kerana penggunaan kaedah kuantitatif ini dapat membuktikan kesahihan yang kukuh dengan menggunakan angka iaitu hasil daripada analisis
- Bertujuan untuk mengumpulkan maklumat daripada sampel dalam kuantiti yang besar bagi mendapatkan kesimpulan bagi satu kumpulan yang besar. Potensi gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif

(Sumber: Casebeer dan Verboef, 1997)

Alasan menggunakan data kuantitatif dan kualitatif

- Untuk membuat ukuran
- Untuk mengenal pasti fenomena yang relevan
- Untuk menghuraikan data kuantitatif
- Untuk menghuraikan data kualitatif
- Untuk mendapatkan persamaan nilai daripada kedua jenis data

(Dipetik dari : Mielniczak, A. and Sinuga, S. 2005)

Alat Pengumpulan Data

- Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data adalah sebahagian daripada proses triangulasi yang dapat menghasilkan dapatan yang lebih tepat dan meyakinkan tentang sesuatu konsep yang dikaji (Patton 1987; Yin 1994; Suseela 2001)
- Contoh: pemerhatian video-tapping, nota guru dan komen, kerja pelajar, refleksi pelajar dan kerja pelajar, jurnal pelajar, ujian, tinjauan soal selidik, temuduga audio tape

Pengumpulan Data:

Pengumpulan data untuk tindakan kajian ini terbahagi kepada 2 jenis iaitu:

Data kualitatif

- Temubual
- Pemerhatian
- Soal Selidik

Data kuantitatif

- Analisis dokumen

Analisis Dokumen

Analisis dokumen bertujuan untuk melihat bilangan pelajar perempuan tingkatan 1 yang telah menyertai Kadet Polis pada tahun sebelumnya dari tahun 2004 hingga tahun 2008. Data-data ini akan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Selain itu, kaedah ini juga digunakan untuk mengumpul data-data mengenai jumlah ahli baru yang mendaftar melalui borang pendaftaran yang diedarkan kepada para pelajar yang berminat untuk mengambil bahagian dalam Kadet Polis.

Data-data ini juga akan digunakan semasa penganalisan data untuk membandingkan jumlah ahli perempuan pada tahun-tahun yang lepas dengan tempoh masa kajian tindakan ini dijalankan. Di samping itu, kaedah ini juga digunakan untuk melihat jumlah ahli yang datang ke setiap perjumpaan yang diadakan oleh Kadet Polis. Data ini akan diterangkan secara statistik deskriptif bilangan dan peratus untuk dilihat kehadiran ahli perempuan tingkatan satu dalam bahagian analisis data.

Temubual

Temubual berstruktur dijalankan terhadap pelajar perempuan tingkatan 1. Temubual ini dilakukan sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan kajian tindakan tersebut. Sebanyak responden dipilih untuk ditemubual. Responden-responden dipilih daripada ahli biasa dan ahli jawatankuasa.

Temubual dijalankan hanya untuk ahli perempuan yang tidak hadir ke perjumpaan sahaja. Temubual dirakamkan menggunakan audio-tape. Berikut merupakan soalan-soalan yang akan dikemukakan semasa sesi temubual.

Soalan-soalan untuk temubual sebelum kajian tindakan dijalankan:

- Mengapakah anda memilih untuk memasuki Kadet Polis?
- Apakah yang anda faham tentang Kadet Polis sebelum anda menyertainya?
- Apakah pandangan anda terhadap Kadet Polis apabila anda mula-mula menyertainya?
- Apakah yang anda ingin capai melalui penyertaan anda dalam Kadet Polis?

Soalan-soalan untuk temubual semasa kajian tindakan dijalankan:

- Mengapakah anda tidak menghadiri diri untuk perjumpaan sebelum ini?
- Adakah anda berminat untuk menyertai Kadet Polis? Mengapa?
- Adakah anda hadir kerana terpaksa? Mengapa?

Soalan-soalan untuk temubual selepas kajian tindakan dijalankan:

- Apakah pandangan anda terhadap Kadet Polis selepas penyertaan selama 1 tahun?
- Adakah anda akan terus menyertai Kadet Polis pada tahun depan? Mengapa?
- Apakah yang anda telah perolehi daripada penglibatan diri dalam Kadet Polis?

- Apakah cadangan anda untuk menambahbaik lagi aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan dalam Kadet Polis?

Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan oleh penyelidik melalui rakaman video-tape semasa aktiviti-aktiviti dijalankan. Dalam kaedah ini, penyelidik akan memfokuskan terhadap tingkah laku dan prestasi pelajar perempuan tingkatan 1 semasa penglibatan mereka dalam setiap perjumpaan yang diadakan.

Soal Selidik

Borang penilaian akan diedarkan kepada semua pelajar perempuan tingkatan 1 untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas terhadap setiap aktiviti yang dilaksanakan dalam tempoh kajian tindakan. Borang penilaian dinilai menggunakan Skala Likert.

Borang Soal Selidik

Arahan : Skala yang digunakan adalah seperti berikut: 1 mewakili tidak setuju, 2 mewakili setuju manakala 3 mewakili sangat setuju.

ITEM PENILAIAN:

ITEM	1	2	3
1. Adakah waktu dan masa semasa aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersesuaian dengan jadual waktu harian anda?			
2. Haruskah latihan kawad kaki diadakan di lokasi yang lain selain di kawasan sekolah?			
3. Adakah penglibatan artis jemputan dalam Kadet Polis telah meningkatkan minat anda untuk bergiat lebih aktif dalam persatuan tersebut.			
4. Adakah hadiah-hadiah berbentuk voucher dalam pertandingan telah meningkatkan motivasi anda untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut?			
5. Adakah lawatan ke penjara telah membawa iktibar dalam kehidupan anda?			
6. Adakah anda berasa seronok untuk menjalankan aktiviti-aktiviti lasak semasa perkhemahan tahunan?			
7. Adakah minat anda terhadap Kadet Polis telah bertambah?			
8. Adakah anda akan menggalakkan rakan-rakan anda untuk menyertai Kadet Polis?			
9. Adakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah memberi anda pengetahuan dan kemahiran yang baru?			
10. Adakah penglibatan guru penting semasa aktiviti-aktiviti dijalankan			

10.7 ANALISIS DAN HURAIAN DATA

Analisis data ialah proses menggunakan data untuk memberikan maklumat berguna untuk cadangan kesimpulan dan menyokong keputusan. Pastikan terdapat sekurang-kurangnya tiga atau lebih jenis data untuk dianalisis. Data kualitatif dan kuantitatif boleh dipersembahkan secara grafik untuk membantu proses analisis data. Cari pola, kategori, persamaan dan terangkan trend dan pertanyaan serta katalogkan pemerhatian kemudian bilang dan bandingkan serta buatlah anggaran.

Langkah menganalisis data kualitatif

1. Langkah Pertama

- tengok secara lalu maklum balas
- ambil nota atas tema yang muncul, isu/ faktor yang kamu dengar
- cari item yang berulang dan penting

2. Langkah Kedua

- pilih tiga atau empat tema dan kategori yang muncul dan bina matriks
- cuba buat carta bukti berkaitan dengan tema utama
- tempatkan tema kategori di atas dan senaraikan pelajar ditepinya
- gunakan warna kod berbeza untuk setiap kategori yang berlainan

3. Langkah Tiga

- jika boleh, bincangkan tinjauan dengan pendidik lain
- baca tinjauan (soal selidik) dan highlightkan kata kunci yang berkaitan dengan tema/ kategori yang telah dikenalpasti
- seterusnya rekodkan dapatan dalam kotak bersesuaian dalam carta matriks yang dibina

4. Langkah Empat
 - tanya (apa yang telah saya perolehi?)
 - rekodkan pemerhatian pola yang muncul semasa kamu memerhatikan atau melihat matriks, contohnya:
 - a) pola konsep
 - b)pola sikap
 - tulis/ rekodkan pemerhatian bawah matriks (bawah carta matriks) contohnya:
 - a) dua orang pelajar (siapa yang cakap banyak)
 - b) "takut" sentiasa disebut beberapa kali-sokongan bacaan jurnal
5. Langkah Kelima
 - apa kesimpulan yang boleh kita buat
 - rekod kesimpulan sama ada bawah matriks/ atas kertas yang berlainan
6. Langkah Enam
 - apakah langkah seterusnya yang boleh dibuat
 - a) tinjauan (soal selidik lain)
 - b) temubual /penilaian
 - semak semula persoalan kajian
 - bina modul / aktiviti
 - jangan lupa rekodkan apa yang dibuat dalam matriks
 - apakah maklumat yang masih diperlukan ?
 - a) pada pelajar
 - b) pada kaedah
 - c) maklumat latar belakang untuk tajuk ini.

Kegunaan Data Dalam Plan-Do-Study-Act Cycle

- 1) Plan nilai dan ringkaskan kesemua data yang kita ada analisis dan kenalpasti tema utama kenalpasti seua data yang akan memberikan ukuran progress penambahbaikan
- 2) kumpul data buat kajian rintis untuk memastikan strategi pengukuran dipenuhi.
- 3) Study analisis data yang telah dikumpulkan dan buat kesimpulan
- 4) Act kenalpasti soalan tambahan rancang untuk penambahbaikan berterusan

Ringkasan untuk Nota Analisis Data

Mengumpulkan data dan analisis data merupakan proses berterusan dalam penyelidikan tindakan. Kita mungkin tidak mendapat keputusan yang kita kehendaki, tetapi tidak perlulah dirisaukan. Dapatan kajian adalah bertujuan untuk memberi panduan dan memperbaiki pengajaran dan teknik penggunaan yang seterusnya.

Reka bentuk pendekatan sistematik untuk menyimpan semua data

- cuba faham, maklumat yang ingin disampaikan oleh data
- cari tema dan pola
- susun data berdasarkan apa yang kamu pelajari daripada data
- masukkan semua data, termasuk data yang tidak menyokong apa yang kita cari

- baca dan baca data berulang kali
- bina imej visual
- tulis nota ringkas untuk diri sendiri
- kongsi dapatan bersama rakan dan bincangkan, kerana perbincangan akan menimbulkan persoalan baru

Teknik Pengumpulan Data

Data dikumpul dengan cara membuat soal selidik terhadap para pelajar, catatan dan rakaman video dan rakaman pita audio oleh pemerhati, ujian terhadap pencapaian pelajar di akhir pembelajaran (test)

Teknik Penganalisan Data

a) Potongan data (Data reduction) – meliputi proses memilih, memfokuskan, meringkaskan dan menukarkan data mentah kepada data bermakna

b) Mempamerkan data (Data display)- Mempamerkan data dalam bentuk yang bermakna seperti jadual, carta, graf dan carta pai, dan lain-lain.

c) Pengesahan / kesimpulan (Verification / conclusion)- Bermula daripada awal kajian lagi, pemerhati perlu membuat keputusan apakah yang diperhatikan, penerangan, dan pernyataan terhadap data yang ingin dikumpulkan sepanjang pemerhatian.

Etika Kajian Tindakan

Menjalankan sesuatu projek penyelidikan dalam persekitaran yang kita ajar melibatkan satu etika yang serius. Sebelum membuat proses pengumpulan data, kita hendaklah meminta izin daripada responded kita untuk menulis dan menterjemahkan maklumat yang diperolehi daripadanya kedalam bentuk penulisan ataupun disiarkan (published). Setiap pemerhati perlulah sensitif terhadap hak responded yang diuji.

Kajian Tindakan memerlukan data daripada beberapa sumber untuk mengukuh dan memantapkan dapatan kajian. Selain itu penggunaan data daripada pelbagai sumber atau pandangan turut memantapkan kefahaman penyelidik tentang masalah/isu yang ditangani. Berikut dicadangkan beberapa perkara yang wajar diberi perhatian sebelum mengutip data.

Fikirkan dan senaraikan semua aspek yang berkaitan dengan masalah/isu yang hendak ditangani. Lazimnya, dari segi P&P aspek tersebut merangkumi amalan guru di bilik darjah pada masa lalu dan kesan amalan itu kepada murid.

Penyelidik boleh mengutip seberapa banyak data yang diperlukan. Persediaan untuk mengutip dan menganalisis data memerlukan guru meluangkan sejumlah masa. Bagi mengelakkan pembaziran masa manfaatkanlah data yang telah sedia terkumpul di sekolah atau dalam bilik darjah. Dengan memanfaatkan data tersebut guru tidak perlu membina alat.

Alat perlu disediakan untuk mengutip data tambahan sekiranya data yang ada belum mencukupi untuk guru memahami sesuatu masalah atau keadaan. Mungkin timbul anggapan bahawa semua data adalah penting atau relevan tetapi setelah dianalisis didapati hanya sebahagian sahaja daripada data berkenaan boleh membantu guru merancang tindakan. Sudah tentulah pengutipan data yang tidak membantu itu membazirkan masa.

Dalam sesuatu kitaran kajian tindakan, pengutipan data berlaku pada dua peringkat. Peringkat pertama ialah untuk memahami dengan lebih mendalam tentang masalah yang dikenalpasti supaya aktiviti P&P dapat dirancang. Peringkat kedua pula ialah untuk mengesan keberkesanan aktiviti yang dirancang melalui proses pemerhatian. Catatan terperinci harus dilakukan semasa membuat pemerhatian.

Bagaimana data diperolehi? Pengutipan data memerlukan alat. Lazimnya dalam penyelidikan tradisi, alat yang sering digunakan ialah soal selidik atau temu bual. Dalam Kajian Tindakan alat mengutip data tidak dihadkan kepada satu-satu alat tertentu. Berbagai alat boleh diguna seperti senarai semak, komen bertulis oleh murid tentang amalan guru, catatan harian murid/guru tentang pengalaman di bilik darjah, dairi murid/guru, jurnal, kertas ujian, buku latihan murid dan sebagainya.

Alat boleh dibina sendiri oleh guru. Membina alat melibatkan sejumlah masa. Keupayaan penyelidik dari segi masa, dan beban tugas perlu diberi perhatian apabila membina alat. Fikirkan alat yang praktikal dilaksanakan di bilik darjah. Pengalaman menyediakan alat-alat untuk menilai murid-murid boleh membantu guru membina alat untuk mengutip data.

Di mana data boleh diperolehi? Data untuk memahami masalah di peringkat awal kajian mungkin sudah sedia ada di sekolah dalam bentuk minit mesyuarat, laporan sekolah, rekod pencapaian, buku latihan murid, kertas ujian dan sebagainya. Langkah yang perlu dilakukan ialah menyemak dokumen-dokumen tersebut dan mengeluarkan data-data yang relevan yang boleh menjawab soalan apa, mengapa dan bagaimana berhubung dengan masalah yang hendak ditangani.

Apabila membuat pemerhatian, data yang dicatat hendaklah seperti yang dilihat bukan penilaian terhadap apa yang dilihat. Catatlah apa yang sebenarnya berlaku di bilik darjah semasa guru mengajar dan murid belajar. Perhatikan beberapa contoh data mengikut catatan pihak yang terlibat dalam kajian.

Guru

- a. Tidak semua murid turut serta dalam perbincangan.
- b. Murid tidak mengikut arahan guru bila membuat aktiviti kumpulan.

Rakan

- a. Guru lebih banyak bercakap daripada murid.
- b. Murid yang duduk di barisan belakang menguap dan kedengaran mengeluh beberapa kali semasa guru mengajar.

Data Berbentuk Penilaian

- a. Murid berbual-bual semasa guru memberi arahan sebab mereka memang tidak minat belajar Bahasa Inggeris.
- b. Penyampaian guru lemah.

Data berbentuk statistik bukanlah satu kemestian dalam Kajian Tindakan. Jika berlaku keadaan di mana data berbentuk statistik diperlukan seperti untuk menunjukkan jumlah murid yang terlibat dalam sesuatu aktiviti, markah ujian dan sebagainya, data ini tidak perlu dianalisis mengikut program analisis statistik yang telah ditentukan tetapi memadai dianalisis dalam bentuk peratus, kekerapan atau jumlah sebenar mengikut perkiraan biasa. Perhatikan contoh berikut:

- a. 8 orang murid belum menguasai kemahiran mendarab.
- b. 3 daripada murid masih belum menguasai kemahiran mendarab.
- c. Hanya 5 daripada 30 orang murid turut serta dalam perbincangan.
- d. 5 orang pelajar mendapat markah 60 daripada 100.

Sekiranya data yang dikutip itu tidak membantu atau tidak mencukupi untuk membuat rumusan atau keputusan tentang sesuatu keadaan, langkah yang perlu dilakukan ialah mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang perkara itu. Dapatkan data daripada murid atau pihak yang berkaitan dalam bentuk komen, penjelasan atau sebagainya sama ada melalui catatan, temu bual senarai semak atau lain-lain. Dengan cara ini guru boleh mengesan dengan lebih terperinci mengapa sesuatu keadaan berlaku.

Sebelum mendapatkan maklumat lanjut, fikirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan data yang tidak lengkap itu supaya maklumat tambahan yang diperolehi boleh membantu menjelaskan dengan lebih mendalam tentang sesuatu keadaan dan rumusan boleh dibuat tentang perkara itu. Gurujuga boleh meminta murid memberi cadangan untuk memperbaiki aktiviti P&P.

Menganalisis Data

Data yang dianalisis memberikan gambaran yang jelas tentang perkara atau situasi yang dikaji. Analisis itu juga menjadi asas kepada guru untuk merancang aktiviti P&P seterusnya atau mengubahsuai aktiviti yang telah dijalankan. Terdapat beberapa cara untuk menganalisis data.

Antaranya ialah dengan mengelompokkan data daripada catatan guru, murid dan rakan guru mengikut tajuk, kemahiran, kategori atau sebagainya. Setelah data dikelompok cuba buat perbandingan antara kelompok itu untuk melihat perkaitan. Rumusan, kenyataan atau keputusan boleh dibuat berdasarkan perkaitan antara data guru, rakan dan murid di bawah tajuk yang sama atau tajuk yang berbeza. Contoh menganalisis dan merumus data terdapat dalam Bahagian Keempat - Menulis Laporan Kajian.

10.8 REFLEKSI DAN IMPLIKASI

Refleksi merangkumi tindakan-tindakan menganalisa membuat sintesis, menginterpretasi, membuat huraian dan kesimpulan. Perkara-perkara yang perlu diberi pertimbangan semasa memikirkan semula tumpuan tema ialah apa yang mendorong dan menghalang perubahan; pencapaian dan kekurangan dan kesan-kesan sampingan. Semua ini harus dilihat dari aspek-aspek teminologi dan wacana, aktiviti dan amalan, dan perhubungan sosial dan bentuk organisasi. Juga perlu dilihat dari sudut penentangan dan institusionalisasi. Matlamat kita di sini ialah menggariskan beberapa rumusan bagi setiap aktiviti yang telah berlaku dalam proses pelaksanaan yang dijalankan itu.

Di peringkat refleksi, penyelidik cuba merumuskan apa yang telah difahami atau dipelajari tentang proses P&P berkaitan dengan amalan mengajarnya. Semasa merenung penyelidik cuba menilai, menghurai dan memikirkan dengan menyeluruh segala aspek berkaitan dengan permasalahan P&P serta reaksi penyelidik dan murid semasa kajian dilakukan. Selain daripada menghuraikan proses P&P, gurujuga boleh menyelami perasaannya sendiri tentang kesulitan, kejayaan, kelemahan, keseronokan, keinsafan dan sebagainya setelah melaksanakan kajian.

Penganalisaan data-data yang telah dikumpulkan itu boleh dikait dengan penemuan-penemuan yang telah dibuat oleh pihak lain educational literature. Untuk membuat refleksi dengan lebih berkesan soalan-soalan berikut boleh membantu:

Bagaimanakah kita menjelaskan tindakan-tindakan yang kita telah lakukan jika dibandingkan dengan apa yang telah dirancang?
Bagaimana tanggapan kita terhadap situasi tersebut?
Bagaimana pula dengan tanggapan pelajar, pentadbir dan rakan-rakan sejawat?
Apakah kesan-kesan yang diinginkan dan tidak diinginkan? Apakah yang menyebabkan kesan-kesan tersebut berlaku?
Apakah isu-isu pendidikan yang telah kita kenalpasti? Dengan siapakah kita dapat berbincang mengenai isu-isu tersebut?
Apakah kekangan-kekangan yang kita hadapi? Kenapa?
Adakah amalan-amalan yang kita lakukan itu lebih baik? Bagaimana? Kenapa?
Apakah pemahaman kita terhadap amalan-amalan yang kita lakukan bertambah baik? Bagaimana? Kenapa?
Adakah situasi kerja kita berubah? Bagaimana? Kenapa?
Apakah perubahan-perubahan dalam penggunaan teknologi yang berkaitan dengan tumpuan tematik telah berlaku?

Kesimpulannya, di akhir peringkat refleksi, kita sepatutnya boleh membuat keputusan. Apakah yang akan kita lakukan selepas ini? Adakah kita akan membuat pengubahsuaian kepada tumpuan tema? Adakah kita perlu memikirkan semula tentang peringkat TINJAUAN? Adakah menjadi sesuatu yang lumrah untuk membuat perubahan-perubahan tertentu di peringkat awal seperti dalam lingkaran yang pertama itu? Jawapan bagi soalan-soalan tersebut menjadi maklumat sebagai titik tolak untuk membuat tindakan susulan. Akhirnya, kita mempunyai arah yang lebih jelas dalam penyelidikan yang dijalankan.

Dengan melakukan refleksi ianya membolehkan guru membuat penilaian sendiri. Oleh itu secara tidak langsung guru dapat berfikir secara analitik, kritis dan kreatif semasa

menilai semula pengajarannya. Untuk mengatasi masalah atau mengubah amalan pengajarannya, guru dapat melihat, mengkaji dan menentukan alternative-alternatif dalam membuat keputusan. Antara peranan utama refleksi dalam amalan seorang guru ialah dapat menentukan justifikasi untuk mengubah tingkahlaku atau amalannya.

Antara kepentingan refleksi ialah guru permulaan boleh dibantu melaksanakan refleksi dan mempelajari nilai refleksi dalam pengajaran dan pembelajaran. Malahan, sama ada di dalam atau pun di luar negara, kita melihat seperti telah berkembang suatu budaya di mana bakal guru digalakkan untuk mempraktikkan amalan refleksi sebagai satu cara membuat penilaian sendiri.

Calderhead (1989) yang mengkaji hasil kerja Handal dan Lauvas merumuskan bahawa amalan refleksi dalam pengajaran membolehkan seseorang menilai keberkesanan dirinya sebagai guru dan menyoal tujuannya. Saranan ini selaras dengan pandangan yang menganggap bahawa amalan refleksi memberi peluang kepada kita untuk menyiasat secara kritis kepercayaan, anggapan-anggapan yang tersirat, amalan pengajaran dan akibat amalan pengajaran tersebut (Dewey, 1933; Schon, 1987). Bagi John Dewey (1933), seseorang yang mengamalkan pemikiran reflektif akan terhindar daripada bersifat impulsive. Seseorang yang reflektif adalah lebih berhati-hati dan ini membolehkan guru membuat keputusan dalam proses pendidikan.

Seterusnya, pandangan tentang terdapatnya kata sepakat bahawa amalan reflektif membawa ke arah pertumbuhan profesional (Van Manen, 1977), menyokong pandangan Wildman, et al, (1990). Kepentingan amalan reflektif ini juga ditegaskan oleh Steffy B.E, et al., (2000) yang menyatakan bahawa adalah sukar untuk mencapai pertumbuhan profesional tanpa amalan reflektif dalam karier seorang guru.

Seterusnya amalan reflektif juga membolehkan guru menjadi self-directed, iaitu mempunyai tanggungjawab terhadap perkembangan sendiri. Pandangan lain menjelaskan bahawa amalan reflektif menghasilkan kemajuan bakal guru melalui peringkat-peringkat perkembangan kognitif, perkembangan dari guru pelatih kepada guru terlatih dan membolehkan mereka menganggap pengajaran dari perspektif yang lebih interpretif dan kritikal. Ringkasnya, dalam belajar mengajar, refleksi membolehkan seseorang guru:

- membuat penilaian sendiri
- berfikir secara analitik, kritis dan kreatif
- menganalisis perkara-perkara penting proses bekerja dan hasil kerja
- melihat alternatif-alternatif dalam membuat keputusan
- mencari jalan penyelesaian berasaskan ciri-ciri spiritual & nilai estetika
- mengubah tingkahlaku

Implikasi Dapatan Kajian akan membincangkan apakah implikasi dapatan kajian terhadap amalan pendidikan, termasuk proses pengajaran dan pembelajaran. Implikasi ini dibuat berasaskan kepada dapatan kajian yang dilaksanakan sahaja. Implikasi bagi dapatan-dapatan kajian lain tidak boleh dibuat. Implikasi dapatan kajian adalah penting untuk membantu pembaca menggunakan dapatan kajian dalam amalan harian.

Contoh

Kajian ini mendapati pengetahuan dan kemahiran asas matematik bagi sebahagian besar pelajar adalah kurang memuaskan. Implikasi dapatan ini ialah para guru perlu menguji pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan pelajar sebelum guru mula mengajar topik matematik baru. Selepas itu, guru perlu membuat ulang kaji pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan sehingga pelajar menguasainya. Para pelajar perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran asas ini untuk memahami topik baru.

10.9 PELAN BAGI TINDAKAN SUSULAN

Setelah meneliti dengan mendalam apakah yang dapat dan tidak dapat dilaksanakan untuk mengubah serta memperbaiki sesuatu situasi, barulah dirancang idea-idea yang praktikal, penting dan berguna, yang akan dijalankan dalam penyelidikan. Kemudian tuliskan idea-idea tersebut sejelas dan secepat mungkin dalam satu rangka kasar.

Pelan tindakan susulan yang telah disiapkan seterusnya perlu dibincang bersama dengan rakan-rakan penyelidikan tindakan dan dikaji semula untuk mendapat timbal balik atau respon-respon supaya satu pelan yang diterima oleh semua dapat dihasilkan. Seberapa yang boleh, libatkan mereka secara langsung dalam kerja ini. Pelan akhir perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menjelaskan mengapa dipilih individu-individu tertentu dalam penyelidikan tindakan.
- Menerangkan perubahan-perubahan khusus yang diharapkan berlaku dalam aspek-aspek ungkapan dan wacana; aktiviti dan amalan; dan hubungan sosial dan organisasi.
- Menerangkan jadual tugas yang lengkap untuk setiap ahli dalam penyelidikan tindakan.
- Menjelaskan bagaimana tindakan akan dibuat sejajar dengan proses penentangan dan institusionalisasi yang wujud dalam situasi kajian.
- Menjelaskan bagaimana pelan penyelidikan tindakan akan mempengaruhi mereka yang terlibat,
- Menjelaskan bagaimana akan dipantau (monitor) perubahan-perubahan yang dirancang dalam aspek-aspek ungkapan dan wacana; aktiviti dan amalan; dan hubungan sosial dan organisasi.
- Menjelaskan bagaimana data yang akan dikumpul boleh menjadi bukti (evidence) dan seterusnya membantu dalam menerangkan kajian yang akan dilaksanakan. Dengan ini pelan akan dapat diperkemas lagi.

10.10 SUMBER RUJUKAN: AMERICAN PSYCHOLOGICAL ASSOCIATION (APA)

Sistem dokumentasi APA diaplikasi di dalam bidang seperti sains sosial, pendidikan dan juga kejururawatan. Ia merupakan gabungan rujukan dalam teks (citations) dan senarai rujukan (bibliography) maklumat sumber bahan yang digunakan di dalam sesuatu tugas. Elemen asas yang terdapat di dalam sesebuah bibliografi adalah:

- Pengarang
- Tahun penerbitan
- Judul
- Maklumat penerbitan (jilid, isu, edisi, muka surat, dll)

- Maklumat tambahan (URL) (jika perlu)

Apa Yang Perlu Didokumentasikan?

Dokumentasi merupakan satu kaedah penulisan akademik yang lengkap dan sistematik dimana ianya bertujuan memberi kemudahan kepada penulis dan pembaca untuk mengenalpasti sumber maklumat dan merujuk semula sumber bahan yang asal.

Dokumentasi diperlukan sekiranya terdapat:

- Petikan secara langsung (direct quotations)
- Parafrasa dan ringkasan (paraphrase and summary)
- Idea atau maklumat yang dirujuk (statistik, graf, dll)

Bibliografi / Rujukan

Bibliografi merupakan senarai sumber-sumber yang dirujuk dalam menyediakan sesuatu tugas. Ia perlu diletakkan selepas teks induk dan cara penulisannya perlulah konsisten dan mengikut standard seperti berikut:

- a) Entri hendaklah disusun mengikut abjad nama pengarang dan tidak dinomborkan. Sekiranya tanpa pengarang perlulah disusun mengikut entri judul.
- b) Pangkat atau gelaran bagi setiap pengarang perlu diletakkan selepas nama pengarang ataupun diabaikan.
- c) Entri juga hendaklah disusun secara selang sebaris di antara item dan selang dua baris bagi entri yang seterusnya.
- d) Setiap entri bermula di tepi margin kiri dengan baris kedua di "kedalaman" (indent) lima jalur.
- e) Penulis dikehendaki menggunakan satu sistem sahaja secara berterusan dalam keseluruhan penulisannya.

Penulisan Nama Pengarang

Pengarang Barat – ringkaskan kepada nama keluarga sahaja dan nama selainnya hendaklah digunakan parap (initial).

- a) John Fitzgerald Kennedy jadi J.F. Kennedy, Parap hendaklah ditulis selepas nama keluarga dan didahului dengan tanda , J.F. Kennedy ditulis sebagai Kennedy, J.F.

Pengarang Arab

- a) Sulayman ibn Ahmad al-Tabrani ditulis sebagai al-Tabrani, Sulayman ibn Ahmad
- b) Sharifah Alwiah Alsagoff ditulis sebagai Alsagoff, Sharifah Alwiah
- c) Sheikh Abdul Rauf ditulis sebagai Abdul Rauf, Sheikh

Pengarang Melayu

- a) Azman Bakar ditulis sebagai Azman Bakar

- b) Ali bin Abdullah ditulis sebagai Ali bin Abdullah
- c) Faridah Merican ditulis sebagai Merican, Faridah
- d) Syed Hussin Ali ditulis sebagai Syed Hussin Ali
- e) Nik Safiah Abdul Karim ditulis sebagai Nik Safiah Abdul Karim
- f) Dato' Nordin Sopiee ditulis sebagai Nordin Sopiee, Dato' atau Nordin
- g) Ungku Abdul Aziz ditulis sebagai Ungku Abdul Aziz

Pengarang Cina

- a) Tuck Cheong Tang ditulis sebagai Tuck, Cheong Tang
- b) Walter Woon Cheong Ming ditulis sebagai Woon, Walter C.M.

Pengarang India

- a) Krishan Kumar ditulis sebagai Krishan Kumar
- b) V. Thilagavathi Gunalan ditulis sebagai Gunalan, V. Thilagavathi
- c) Jagjit Singh Siddhu ditulis sebagai Siddhu, Jagjit Singh

Nama Yang Menggunakan Parap, Maka Parap Perlu Diletakkan Selepas Nama.

- a) Zakri A.H ditulis sebagai Zakri, A.H.
- b) H.M. Dahlan ditulis sebagai Dahlan, H.M.
- c) S.K. Cheong ditulis sebagai Cheong, S.K.
- d) R. Paul Singh ditulis sebagai Singh, R. Paul

Penulisan Bibliografi Buku

Tanpa pengarang

Give me liberty. (1969). New York: World.
Judul. (Tahun penerbitan). Tempat penerbitan: Penerbit.

Satu pengarang

Cohen, J. (1977). Statistical power analysis for the behavioral sciences.
(Rev. ed.). New York: Academic Press.

Nama pengarang. (Tahun penerbitan). Judul. (Edisi). Tempat penerbitan:
Penerbit.

Dua pengarang

Smith, R.J., & Gibbs, M. (1994). Navigating the internet. Indianapolis:
Sams.

Nama pengarang pertama & nama pengarang kedua. (Tahun penerbitan).
Judul. Tempat penerbitan: Penerbit.

Tiga hingga lima pengarang

Cameron, D., Frazer, E., Harvey, P., Hampton, M.B.H., & Richardson,

K. (1992). *Researching language: Issues of power and method*. London: Routledge.

Penulisan Bibliografi Jurnal

Jilid & Isu

Kaniappan, P. (1988). Duality in a convex vector optimization problem. *Sains Malaysiana*, 17(4), 429-435.

Abstrak

Burnby, J.G.L. (1985, June). Pharmaceutical connections: The Maw's family [Abstract]. *Pharmaceutical Historian*, 15(2), 9-11.

Internet

Greenberg, M.T., Domitrovich, C., & Bumbarger, B. (2000, March 30). Prevention of mental disorders in school-aged children: Current state of the field. *Prevention and Treatment*, 4, Article 1. Retrieved August 24, 2001, from <http://journals.apa.org/prevention/volume4/pre0040001a.htm>.

Pangkalan Data

Epstein, J. (2002). A voice in the wilderness. *Latin Trade*, 10(12), 26. Retrieved March 15, 2004, from Ebscohost Research Databases.

Penulisan Bibliografi Akhbar

Judul Akhbar. (Tarikh penerbitan). Judul artikel, muka surat.
Kandau Sidi. (2000, July 5). Kutu rayau cemar Kuala Lumpur. *Berita Harian*, 17.

Nama pengarang. (Tarikh penerbitan). Judul artikel. Judul Akhbar, Mukasurat.
Mad-cow may tighten blood-donor curbs. (2001, April 19). *The Gazette*, .

Penulisan Bibliografi Audiovisual

Pita video

Language and verbal skills. (1976). [Videotape]. Virginia: Association for Retarded Citizen.
Judul pita video. (Tahun penerbitan). [Videotape]. Tempat penerbitan: Penerbit.

TV Program

Towers, J. (Producer). (2000). Wrath of God. New York: The History Channel. Nama penerbit rancangan. (Producer). (Tahun penerbitan). Judul rancangan. Tempat penerbitan: Penerbit.

Kaset

Bolles, R.N. (2000). What color is your parachute? 2000: A practical manual for job-hunter and career changers [Cassette recording]. San

Penulisan Bibliografi Temubual

Abdullah Hj. Mohd Salleh. (1999, May 12). Sejarah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur [Interview].
Nama tokoh yang ditemubual. (Tarikh temubual). Judul temubual [Interview].

Penulisan Bibliografi Tesis & Latihan Ilmiah

Abu Baka bin Salleh. (1978). Purification and Immobilisation of Uricase for Use in automated analysis. Ph.D Dissertation. University of St. Andrews.
Nama pengarang. (Tahun penerbitan) Judul. Ph. D Dissertation, Tempat penerbitan.

TOPIK 11

Selepas membaca topik ini anda seharusnya dapat memahami;

11.0 Penulisan artikel penyelidikan tindakan

11.1 Abstract

11.2 Konteks

11.3 Fokus kajian

11.4 Pelan tindakan

- Pelaksanaan pelan tindakan

11.5 Kaedah pengumpulan data

11.6 Analisis dan huraian data

11.7 Refleksi dan implikasi

- Tindakan susulan

11.8 Sumbar Rujukan

11.0 PENULISAN ARTIKEL PENYELIDIKAN TINDAKAN

11.1 ABSTRAK

- Abstrak ialah sinopsis iaitu ringkasan bagi sebuah kertas projek/kajian ilmiah/kajian tindakan
- Abstrak ditulis pada bahagian hadapan kertas kerja

Cara menulis abstrak.


- Pengkaji hendaklah baca keseluruhan laporan kajian
- Item yang diperlukan diantaranya
 - Tujuan atau objektif kajian
 - Responden kajian
 - Alat kajian
 - Data-data dianalisis
 - Dapatan kajian
- Menulis abstrak/abstract
 - Ditulis dalam satu perenggan

Kepentingan abstrak

- Untuk mendapatkan gambaran secara ringkas keseluruhan kertas kerja
- Untuk mendapatkan maklumat
- Mudah dibaca dan menjimatkan masa
- Bahan untuk rujukan pengkaji

Contoh abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran menulis karangan. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan 3D dan 3E di SMK Asap, Belaga. Tinjauan awal untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar dalam pembelajaran kemahiran tersebut telah dijalankan dengan menganalisis latihan yang dibuat oleh pelajar serta jawapan peperiksaan pertengahan tahun berhubung dengan kemahiran itu. Soal selidik pelajar juga digunakan bagi meninjau pandangan pelajar terhadap pengajaran guru. Berdasarkan analisis tersebut, pelajar didapati belum menguasai beberapa kemahiran yang berkaitan dengan penulisan karangan, manakala cara penyampaian guru bagi kemahiran tersebut pula didapati mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran di bilik darjah. Bagi menangani masalah tersebut, kaedah konstruktivisme telah digunakan sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan penekanan diberi kepada aktiviti berpasukan bagi merangsang penglibatan pelajar. Modul pembelajaran dan penilaian sendiri dijadikan bahan pengukuhan pembelajaran yang perlu di buat oleh pelajar pada akhir tiap-tiap sesi pembelajaran. Sebanyak tiga sesi pengajaran dan pembelajaran khusus telah dijalankan dan didapati tindakan yang dijalankan telah membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis karangan. Tindakan tersebut juga membantu mengekalkan minat pelajar dalam pembelajaran kemahiran ini. Di samping itu, penguasaan dan kefahaman pelajar tentang tajuk yang dipelajari turut meningkat.



11.2 KONTEKS

Konteks kajian merupakan tujuan yang ingin dicapai oleh penyelidik melalui kajian berdasarkan masalah yang telah dikenal pasti. Konteks utama kajian ialah mengakibatkan perubahan tingkah laku guru dan murid. Konteks itu mestilah boleh diukur semasa dan selepas kajian. Ia terdiri daripada konteks umum dan konteks khusus.

- i. Konteks Umum: mengikut apa yang dipilih dalam tajuk
Contoh: Meningkatkan kemahiran menggunakan tatabahasa (grammar) dalam membina ayat Bahasa Inggeris.
- ii. Konteks Khusus: boleh diukur, dilaksanakan atau member perubahan kepada sikap murid, sikap guru dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran.
Contoh: Murid dapat membaca sepuluh ayat dengan menggunakan tatabahasa yang betul di akhir sesuatu aktiviti lisan.

11.3 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan adalah untuk :

- Mengenalpasti Fokus Kajian
- Memilih Fokus Kajian
- Menjelaskan Fokus Kajian
- Fokus kepada aspek yang mempunyai kaitan langsung dengan minat dan keperluan anda dalam bilik darjah.
- Data yang diperlukan bagi memperjelaskan persoalan tersebut boleh dikumpul, bukan sesuatu diluar kemampuan.
- Fokus kepada aspek/bidang yang anda mempunyai kuasa/keupayaan untuk mengubah atau melakukan sesuatu.

Kriteria Pemilihan Fokus Kajian

a. Skop Kajian

Adakah situasi/masalah itu wujud dalam kelas anda? Bolehkah anda melakukan sesuatu terhadap situasi/masalah tersebut bagi membaikinya? Adakah anda terlalu bergantung kepada orang lain bila hendak melakukan sesuatu perubahan terhadap masalah/situasi tersebut?

b. Kerelevanan

Sejauhmanakah pentingnya persoalan/ masalah ini untuk diperbaiki?.Jangka masa pendek?. Jangka masa panjang?. Adakah anda berminat untuk membaiki permasalahan/situasi itu?

c. Kebolehurusan

Adakah anda mempunyai masa untuk menangani persoalan/ masalah tersebut?. Apakah persiapan yang perlu anda lakukan?

d. Keserasian

Adakah ianya melibatkan kerja-kerja yang sememangnya selalu anda lakukan?. Adakah mungkin aktiviti-aktiviti kajian ini boleh digabungkan dengan kerja-kerja mengurus/menyelia/memantau/mengajar?

11.4 PELAN TINDAKAN

Pelan tindakan atau intervensi bagi mengatasi masalah yang difokuskan merupakan proses merancang aktiviti-aktiviti intervensi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti sebagai fokus kajian. Bagi menentukan tindakan intervensi yang hendak dijalankan beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian iaitu:

- a. Memastikan matlamat tindakan intervensi selaras dengan objektif kajian
- b. Menentukan tempoh pelaksanaan bagi setiap aktiviti

- c. Mengenal pasti bahan- bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti.
- d. Menetapkan cara pemantauan dan kaedah penilaian bagi menentukan keberkesanan tindakan intervensi yang dijalankan seperti ujian, soal selidik, temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan sebagainya.
- e. Meletakkan penanda aras pencapaian minimum tindakan intervensi untuk mengesahkan keberkesanannya.

Contoh:

Tindakan dan aktiviti yang dirancang:

- i. Menggunakan kaedah warna dalam membezakan perubahan-perubahan “pronouns” antara lelaki dan perempuan.
- ii. Menggunakan kad- kad imbasan warna biru untuk lelaki dan merah untuk perempuan.

Berikut pula merupakan beberapa persoalan:

- Adakah anda bercadang memperkenalkan kaedah, strategi atau teknik mengajar baru?
- Adakah anda bercadang mengubah suai kaedah, strategi atau teknik mengajar yang anda sedang gunakan? Jika ya tentukan mana yang anda hendak ubah suai?
- Berapa lama anda bercadang menjalankan kaedah, strategi atau teknik berkenaan dalam bilik darjah?

11.4 PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN



Dalam peringkat melaksanakan tindakan bagi mengatasi isu atau masalah yang menjadi focus, penyelidik perlu melaksanakan aktiviti- aktiviti intervensi mengikut ketetapan rancangan tindakan. Walau bagaimanapun, masih dibenarkan mengubah suai rancangan tindakan sekiranya keadaan memerlukan.

Contoh:


Minggu 1 – Menukarkan “nouns” kepada “pronouns” (60 minit waktu P&P)

Aktiviti 1 (15 minit)	• Guru menerangkan pertukaran nouns kepada pronouns bagi lelaki dan perempuan. • Kad imbasan berwarna merah dan biru di edarkan kepada murid.
Aktiviti 2 (10 minit)	• Murid melakukan aktiviti mengangkat kad imbasan apabila guru menyebut secara lisan.
Aktiviti 3 (10 minit)	• Kad imbasan ditukarkan kepada kad yang bergaris merah dan biru. • Aktiviti 2 diulang semula.
Aktiviti 4 (10 minit)	• Kad imbasan ditukarkan kepada kad yang tidak berwarna • Aktiviti 3 diulang semula.
Aktiviti 5 (15 minit)	• Lembaran kerja diberikan • Markah murid direkodkan.

11.6 KAEDAH PENGUMPULAN DATA



Soalan- soalan yang perlu difikirkan sebelum menjalankan sesuatu penyelidikan ialah seperti:



Contoh soalan untuk refleksi bersama

- Apakah masalah dalam kelas/saya? mengapa?
- Bagaimana masalah itu boleh ditangani dan diselesaikan
- Apakah strategi yang perlu digunakan dan bagaimana?
- Bagaimana saya menilai keberkesanan strategi saya?

Dalam kajian kualitatif juga, pengkaji lazimnya menggunakan tiga (3) jenis strategi pengutipan data, iaitu:

- data yang didapati daripada dokumen;
- data yang didapati daripada temuduga; dan
- data yang didapati daripada pemerhatian.

(a) Data Daripada Dokumen

Dokumen manakah yang hendak diakses atau dinilai? Umumnya, anda perlu mengikuti prosedur tertentu untuk mengutip data.

11.5 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

(i) Sediakan kriteria persampelan dokumen. Anda perlu menyediakan kriteria pemilihan berdasarkan persoalan kajian anda. Ini perlu dilakukan sebelum penganalisan data sebenar. Dokumen yang manakah yang anda ingin akses? Bolehkan ia diakses? Di mana dokumen ini diperolehi? Siapa orangnya yang hendak dihubungi? Bila perlu dihubungi? Berapa lama dokumen perlu diteliti?

(ii) Tubuhkan sistem organisasi data yang lebih praktikal untuk anda (lihat Jadual 6.4). Sebagai contoh, Jadual 6.4 menunjukkan nota data yang dirumuskan daripada rekod kaunseling yang didapati daripada pusat kaunseling. Buat masa ini, hanya dua dokumen yang akan diakses.

Nota Data daripada Pemeriksaan Rekod Kaunseling

Jenis Dokumen	Data/Informasi (Rumusan)
Rekod Kaunseling (daripada kaunselor sekolah).	Kes 1: Seorang pelajar yang pendiam yang bergantung kuat pada rakan-rakannya; seorang rakan menjatuh maruahnyanya; mencari sebab dengan gurunya. Kes 2: Semua orang/guru tidak memahaminya; mempunyai sedikit sahaja kawan; semua kawannya lemah dalam pelajaran. Kes 3: Jatuh cinta dengan seorang lelaki; prestasi akademik rendah; ibu bapa sering mengganggu perasaannya. Kes 4: Terpengaruh dengan budak lelaki supaya mengambil dadah; tidak dapat menyesuaikan diri dengan pelajar lain; seorang dalam kesunyian. Kes 5: Tidak tahu apa yang hendak dilakukan sepanjang hayatnya; sering cemas dan mudah melenting; tidak upaya mengawal diri.
Rekod Kaunseling (didapati daripada kaunselor dadah)	Kes 1: Semasa menerima rawatan mempunyai tendensi menentang warden dan kakitangan di pusat rawatan. Kes 2: Lemah dalam kemahiran sosial; tidak dapat menyesuaikan diri dengan penghuni lain; sering bersendirian. Kes 3: Tidak asertif; terlalu bersandar pada orang lain; dibuli oleh penghuni lain; tidak mahu bersemuka dengan warden atau kaunselor. Kes 4: Tidak dapat bergaul dengan baik; tidak suka apabila dibawa ke pusat rawatan; mahu mengubah cara hidup. Kes 5: Tidak mahu bekerjasama ketika menerima rawatan; sering menyalahkan semua orang termasuk dirinya sendiri tentang apa yang telah berlaku.

(b) Data Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu teknik pengutipan data dengan memerhati tingkah laku subjek kajian secara langsung. Anda memerhati tabiat dan dokumenkan atribut subjek yang dikaji. Isu kritikal yang berkait rapat dengan pemerhatian yang sering ditimbulkan ialah sejauhmanakah penglibatan pengkaji dalam proses pengutipan. Dalam teknik pengutipan data melalui pemerhatian, penyelidik membuat andaian bahawa sesuatu tabiat itu mempunyai tujuan dan dilahirkan melalui nilai dan kepercayaan tertentu. Data pemerhatian membantu anda:

- memahami konteks;
- mendapat pengalaman terus; dan
- melihat benda yang mungkin terlepas daripada pandangan.

Sebagai ilustrasi, hanya satu pemerhatian dijalankan untuk mengenal pasti ciri tabiat pemonteng ketika mereka berada dalam kelas. Jadual 6.5 mengandungi nota bagi data yang didapati daripada sesi pemerhatian berstruktur tunggal untuk lima (5) orang pelajar ketika mereka berada dalam kelas.

Items	Nota Pemerhatian
Memerhati tabiat mereka sebelum guru memasuki kelas.	Kes 1: Mengasingkan diri dan mimpi di siang hari. Kes 2: Banyak bercakap dengan budak lelaki; sering berjalan ke sana sini . Kes 3: Membaca tabloid yang popular; nampak berminat dengan orang lain. Kes 4: Bercakap dengan lelaki yang duduk dihadapannya. Kes 5: Bercakap dengan perempuan lain.
Memerhati tabiat mereka semasa guru memasuki kelas.	Kes 1: Sikap tidak peduli, memerhati sahaja guru masuk kelas, tidak senang hati. Kes 2: Ia terus bercakap. Kes 3: Terus membaca tabloid. Kes 4: Berhenti bercakap dengan budak lelaki di hadapan. Kes 5: Dia berhenti bercakap.
Memerhati apa mereka buat ketika guru mengajar.	Kes 1: Tidak memberi perhatian pada guru, terus bermimpi di siang hari. Kes 2: Sekali sekala budak perempuan itu bercakap dengan orang bersebelahan dengannya; sekali sekala memberi perhatian kepada guru. Kes 3: Membaca tabloid sekali sekala; sering tidak member perhatian. Kes 4: Mengganggu perempuan yang duduk dihadapannya, tidak memberi perhatian langsung. Kes 5: Memberi perhatian setiap masa; mengambil notasekali sekala.
Memerhati bagaimana mereka memberi reaksi apabila diminta menjawab soalan.	Kes 1: Kelihatan tidak selesa apabila diminta menjawab; tidak upaya menjawab dengan betul. Kes 2: Menunjuk muka dan mempamirkan sikap "tidak peduli". Kes 3: Tidak upaya menjawab. Kes 4: Cuba menjawab, mungkin untuk mengambil hati guru. Kes 5: Berupaya menjawab soalan dengan tepat.
Memerhati reaksi mereka apabila diberi kerja rumah.	Kes 1: Mempamirkan sikap "tidak peduli". Kes 2: Bertanya guru kenapa diberi kerja rumah; mengatakan beliau tidak mempunyai masa untuk membuat kerja rumah. Kes 3: Membantah sebab terlalu banyak kerja rumah sudah diberi oleh guru lain. Kes 4: Sikap "awak suruh saya buat, saya akan buat". Kes 5: Menunjukkan tanda bersetujuan.
Memerhati tabiat mereka apabila guru meninggalkan kelas.	Kes 1: Menunjukkan tanda kepuasan. Kes 2: Menunjukkan kepuasan dan mula sambung bercakap. Kes 3: Rasa selesa apabila guru meninggalkan kelas. Kes 4: Menoleh ke belakang dan mula bercakap dengan budak perempuan dibelakangnya. Kes 5: Mula bercakap dengan orang yang berada di

	hadapan.
--	----------

(c) Data Temubual

Temubual merupakan satu teknik pengutipan data dengan menemubual subjek kajian secara langsung. Sebagai aktiviti latihan dalam pengutipan data, sila rujuk alat temubual berstruktur dalam Jadual 6.6. Sampel tersebut terdiri daripada lima (5) orang pelajar Tingkatan 5 yang telah dikenalpasti sebagai penagih dadah. Ketika ini mereka sedang menjalani program pemulihan mandatori selama dua (2) tahun. Temubual berstruktur digunakan untuk mengutip maklumat untuk menjawab Objektif Kajian 1 yang diambil daripada Contoh B: Orientasi kepercayaan pelajar yang menjadi penagih dadah.

Jadual 6.6 menunjukkan respons asal yang telah ditranskripsikan ke dalam teks. Transkripsi dibuat berdasarkan respons yang diberi oleh lima (5) orang subjek yang telah ditemubual. Temubual dibuat dalam bilik kaunseling dadah. Setiap temubual mengambil masa 10 minit. Temubual dijalankan daripada pukul 9.00-10.30 pagi. Sekiranya anda menjalankan kajian, anda perlu menambah jumlah saiz sampel, sesi pemerhatian dan soalan yang akan dikemukakan dalam temubual.

Nota Data daripada Temubual Separuh Berstruktur

Item	Respons (Teks Dipermudahkan)
Apa perasaan anda yang menyebabkan anda menjadi penagih?	Kes 1: Rasa dianayai oleh rakan; guru terasa mencari kesalahan sahaja. Kes 2: Rasa diketepikan oleh rakan; guru tidak memahaminya Kes 3: Terasa hendak membunuh diri; teman lelaki meninggalkannya kerana perempuan lain; ibu bapa mengetepikannya. Kes 4: Terasa tidak diterima oleh rakan di sekolah; terasa kesunyian; telah dipelawa oleh pengih dadah untuk menghadiri satu jamuan. Kes 5: Terasa hidup di dunia ini tidak bermakna.
Pada fikiran anda apakah sebab utama anda menjadi seorang penagih?	Kes 1: Tidak memikirkan langsung tentang bahaya dadah. Kes 2: Terasa yang guru tidak memahami dirinya; tidak fikir ibu bapa memahami dirinya sendiri; terasa bahawa rakan-rakannya tidak boleh dipercayai. Kes 3: Tidak boleh bayangkan rakan lakinya akan menjatuhkan meruahnya; ibu bapa tidak memahami masalahnya dan memikirkan bahawa dirinya perempuan "tidak baik". Kes 4: Terlalu sebak dengan pemikiran negatif dan perkara yang tidak baik dan halangan-halangan; rakan tidak boleh dipercayai. Kes 5: Memarahi diri sendiri kerana tidak membantu rakan pada masa lalu; tidak dapat memikirkan mencari jalan mendapatkan rakan baru yang bukan penagih dadah.

Kajian kuantitatif pula biasanya menggunakan pelbagai alat kajian untuk mengutip data. Ia termasuklah ujian pencapaian, skor peperiksaan, soal-selidik, inventori, senarai semak dan skedul cerapan. Bahagian ini membincangkan soal-selidik dan inventori, iaitu dua (2) alat yang lazim digunakan dalam kajian kuantitatif.

Soal-Selidik

Soal-selidik ditakrifkan sebagai satu set soalan/item bercetak yang digunakan untuk mengutip/memperoleh data kajian secara laporan sendiri daripada subjek/responden kajian. Soal-selidik yang berkesan bergantung kepada kebijaksanaan dalam membina set item. Penggunaan bahasa yang mudah, ringkas dan terfokus (tidak mengelirukan responden) adalah digalakkan. Bentuk item terbuka membolehkan responden menyatakan jawapan dengan menggunakan bahasa tersendiri. Item boleh juga diberikan dalam bentuk beberapa pilihan untuk memberi peluang kepada responden memilih satu atau lebih jawapan yang sesuai (misalnya, mata pelajaran yang diminati).

Item bentuk ini boleh mengurangkan variasi antara responden disebabkan responden hanya memilih jawapan yang diberi. Secara prinsipnya, biarlah kita mengambil masa yang lebih panjang untuk membina soal-selidik, yang akhirnya dapat mengurangkan masa responden menjawab, memudahkan kita menyediakan jadual data dan mentafsirnya kemudian.

Data yang diperoleh melalui soal-selidik biasanya mengandungi, antaranya, latar belakang responden, fakta pengetahuan, pendapat dan pandangan. Berikut diberikan langkah-langkah dalam membina soal-selidik.

- (i) Membangunkan item.
- (ii) Menyediakan tatacara analisis yang sesuai.
- (iii) Menjalankan ujian rintis untuk menguji kesesuaian item.
- (iv) Memperbaiki item selepas maklum balas daripada ujian rintis.
- (v) Memberi latihan kepada penemuduga atau pengutip data.

Dalam kajian kuantitatif, langkah utama sebelum mengutip data ialah membina alat kajian yang perlu disesuaikan dengan objektif kajian. Bagi kajian yang menggunakan soal-selidik dan temubual, kita perlu tahu latar belakang responden untuk digunakan dalam penganalisan data. Selain itu, kita juga perlu melatih pengutip data menggunakan alat kajian dalam situasi sebenar. Langkah kedua ialah merancang bagaimana mengira skor variabel-variabel kajian daripada data mentah yang dikutip dan juga kaedah menganalisis data ini. Langkah ketiga ialah menjalankan ujian rintis terhadap draf item-item soal-selidik dengan menggunakan responden yang sama dengan sampel kajian. Ujian rintis diperlukan untuk mendapatkan maklum balas tentang kesesuaian item-item yang dibina. Berikut diberikan contoh soal-selidik.

Soal-selidik Persepsi Guru

Soal-selidik ini mungkin tidak memerlukan penemubual, ia boleh diisi sendiri oleh responden. Ia dibina untuk memperoleh pendapat atau pandangan guru tentang masalah-masalah yang mereka hadapi semasa mengajar sains di sekolah menengah menggunakan kurikulum sedia ada. Aspek-aspek berikut mungkin boleh dimasukkan dalam soal-selidik anda:

- (i) Kecukupan topik untuk diajar.
- (ii) Kecukupan bahan mengajar.
- (iii) Kesesuaian bahan mengajar.

- (iv) Minat pelajar terhadap topik yang diajar.
- (v) Cadangan untuk penambahbaikan.

Para guru sebagai responden boleh diminta merekodkan pemerhatian yang dibuat selepas setiap pengajaran dalam bentuk nota. Selepas tamat pengajaran satu topik yang terdiri daripada beberapa pelajaran, guru akan memasukkan responnya dalam borang ringkasan. Borang ini harus diisi dengan teliti untuk mengelakkan daripada sebarang kesilapan, di samping mengisinya dengan lengkap. Berikut diberikan kriteria borang dan soal-selidik:

- Borang hendaklah ringkas dan padat serta mengandungi bilangan item yang sesuai dan mencukupi untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
- Paparan muka borang biarlah mempunyai reka bentuk yang menarik.
- Item perlu ringkas dan jelas.
- Elakkan daripada item yang boleh menaikkan “perasaan/emosi yang kuat”, yang boleh mendorong kepada jawapan yang tidak tepat.
- Untuk kerahsiaan maklumat, nama responden tidak dimasukkan dalam boring soal-selidik, melainkan ia sangat diperlukan. Keperihatinan ini menggalakkan responden untuk memberi jawapan yang tepat bagi maklumat yang dirahsiakan.

Soal Selidik Persepsi Terhadap Sains

Dalam Jadual 7.2 berikut diberikan sebahagian daripada soal selidik tersebut yang dibina oleh Institut Penyelidikan National Space Biomedical, Texas, USA untuk membantu guru mengetahui apakah yang mereka percaya tentang bidang sains. Anda boleh guna atau buat adaptasi soalan kepada kurikulum sains negara ini, dan dapatkan persepsi anak murid anda terhadap bidang sains. Anda yang berminat sila rujuk kepada laman web berkenaan.

Soal Selidik Persepsi Terhadap Sains

Nama responden:

Nama sekolah:

Bandar:

Tingkatan:

Mata pelajaran: Waktu kelas

Berikut diberikan pernyataan berkenaan dengan bidang sains. Sila baca dan tandakan “/” pada lajur yang diberikan untuk item yang terbaik menerangkan bidang sains. Tidak ada jawapan yang betul, oleh itu anda hendaklah bersikap jujur dalam membuat pilihan.

Lajur STS untuk persepsi SANGAT TIDAK SETUJU.

Lajur TS untuk persepsi TIDAK SETUJU.

Lajur KS untuk persepsi KURANG SETUJU

Lajur S untuk persepsi SETUJU

Lajur SS untuk persepsi SANGAT SETUJU

Lajur TJ untuk persepsi TIADA JAWAPAN

Contoh Soal Selidik Berkenaan Bidang Sains

Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	TJ
i. Sains adalah berguna bagi menyelesaikan masalah hidup seharian.						

ii.	Sains adalah sesuatu yang saya sangat suka.						
iii.	Saya sangat suka tugas sains yang mudah.						
iv.	Kerja makmal sains adalah menyeronokkan.						
v.	Sains dan teknologi patut menjadi matlamat negara.						
vi.	Saya suka membaca bahan bacaan sains.						
vii.	Hanya sedikit sahaja keperluan sains dalam kebanyakan kerja.						
viii.	Ramai orang patut belajar bidang sains.						
ix.	Kadangkala saya terkehadapan dalam membaca buku sains.						

Teknik Pengumpulan Data

Terdapat beberapa jenis teknik pengumpulan data

1. Soal selidik
2. Temubual
3. Bengkel atau kumpulan fokus
4. Pemerhatian
5. Kajian dokumentasi

Teknik Soal Selidik

- i. Satu siri soalan direkabentuk untuk mendapatkan maklumat yang spesifik
- ii. Soalan mungkin memerlukan pelbagai bentuk jawapan:
 - i. YA/TIDAK; pilihan jawapan; komen
- iii. Selalu digunakan bersama teknik yang lain
- iv. Boleh menghasilkan data bentuk kualitatif dan kuantitatif
- v. Bagus untuk mendapatkan jawapan terhadap soalan yang spesifik dari populasi yang besar

Teknik Temubual

- i. Forum untuk bercakap dengan pengguna
- ii. Berstruktur, tidak berstruktur atau semi-berstruktur
- iii. Sampel senario dan prototaip boleh digunakan seasa temubual
- iv. Bagus untuk mengkaji isu
- v. Tetapi memakan masa dan mungkin sukar untuk berjumpa dengan semua

Teknik bengkel/ kumpulan fokus

- i. Temubual secara berkumpulan

- ii. Bagus untuk mendapatkan pandangan secara konsensus atau untuk menangani isu atau konflik tertentu

Pemerhatian

- i. Meluangkan masa dengan pemegang taruh (stakeholders) dalam tugas seharian mereka, memerhati perjalanan kerja
- ii. Mendapatkan maklumat dalaman tentang tugas pemegang taruh
- iii. Bagus untuk memahami tabii dan konteks tugas
- iv. Memerlukan masa dan komitmen dari seorang ahli pembangun
- v. Boleh menghasilkan data yang banyak

Kajian dokumentasi

- i. Prosedur dan petua / undang-undang biasanya ditulis di dalam manual / dokumentasi
- ii. Sumber data yang baik tentang langkah yang terlibat dalam suatu aktiviti
- iii. Tidak harus digunakan sebagai satu-satunya cara
- iv. Bagus untuk memahami peraturan, dan mendapatkan maklumat latar belakang
- v. Tidak melibatkan masa pemegang taruh

Memilih teknik yang sesuai

1. Teknik pengumpulan data berbeza dari dua segi:
 - i. Jumlah masa, paras perincian maklumat dan risiko yang berkait dengan hasil
 - ii. Pengetahuan yang diperlukan oleh penganalisa
2. Pilihan teknik juga dipengaruhi oleh jenis tugas yang dikaji:
 - i. Langkah yang berjujukan atau suatu siri subtugas yang bertindih?
 - ii. Maklumat yang mudah atau kompleks?
 - iii. Tugas seorang biasa (layman) atau seorang yang mahir?

Masalah teknik soal selidik

- i. Mengenalpasti pemegang taruh: pengguna, pengurus, pembangun, wakil pelanggan, wakil persatuan, pemegang saham ?
- ii. Penglibatan pemegang taruh: bengkel, temubual, kajian tempat kerja, kolaborasi dalam pembangunan
- iii. Pengguna 'sebenar', bukan pengurus: masalah tradisional, tetapi semakin berkurang sekarang

Masalah teknik temubual

1. Pengurusan keperluan: kawalan versi, hak milik
2. Komunikasi di antara pelbagai pihak:
 - Dengan kumpulan pembangun
 - Dengan pelanggan / pengguna
 - Di antara pengguna
3. Domain pengetahuan teragih dan implisit (tersirat):

- Sukar untuk dikaji dan difahami
4. Ketersediaan (availability) pihak yang penting

Masalah teknik bengkel

1. Masalah politik dalam organisasi
2. Dominasi pemegang taruh tertentu
3. Perubahan persekitaran ekonomi dan perniagaan
4. Mengimbangi permintaan fungsian dan kebolegunaan

11.6 ANALISIS DAN HURAIAAN DATA

Proses menganalisis data.

Analisis melibatkan proses menyusun data. Anda perlu menyusun data asal yang dikutip dalam bentuk, kategori dan unit deskriptif asas. Tanpa mengambil kira kaedah yang anda gunakan untuk mengutip data, lima (5) langkah berikut perlu diikuti dalam penganalisan data:

- (i) Tahap pra-analisis;
- (ii) Tahap kemasan data;
- (iii) Tahap pamiran data ;
- (iv) Tahap verifikasi data; dan
- (v) Tahap dapatan (termasuk interpretasi).

Setiap satu daripada lima (5) tahap ini boleh diterjemahkan kepada beberapa item yang akan anda gunakan sebagai senarai rujukan (sila lihat Jadual 6.7)

Analisis Data untuk Rujukan

Langkah	Item	Tanda
I	Tahap Pra-analisis Semua nota lapangan dibaca, disemak, ditingkat dan lengkapkan. Semua nota dilabelkan menurut jenis. Semua nota disusun menurut urutan tertentu. Data direkod seperti yang dikehendaki. Sediakan dua fotokopi semua nota termasuk yang asal. Mengkod dan mengkod semula respons terbuka dan data yang didokumenkan. Data komputer dimasukkan dalam sesuatu folder. Mula mengambil nota tema dan bentuk yang wujud. Pastikan data mudah diakses.	
II	Tahap Kemasan Data Pada tahap kemasan data (data reduction), data ditranskripsikan dalam "word processing" atau dalam format analisis tekstual menggunakan komputer. Data yang telah ditranskripsikan dipermudahkan dan bersifat terfokus.	
III	Tahap Pamiran Data Data dipamirkan dalam bentuk jadual, lembaran tanda (tally) dan rumusan. Data yang dipamer perlu menjelaskan analisis atau	

	tindakan tambahan yang perlu dibuat.	
IV	Tahap Verifikasi Data Triangulasi data digunakan untuk verifikasi pelbagai tindakan analitik yang diambil untuk mencapai kesimpulan. Semua prosedur yang membawa kepada kesimpulan dinyatakan dengan tepat. Proses dokumentasi semua proses penyelidikan dinyatakan dengan tepat	
V	Tahap Dapatan Penyemakan dan interpretasi dapatan.	

Interpretasi Data

Interpretasi melibatkan memberi makna dan kesignifikanan kepada analisis. Ia melibatkan penerangan dan penetapan bentuk deskriptif dan penentuan hubungan sesama bentuk. Melihat semula aktiviti bermakna semasa melakukan interpretasi dan disiminasi.

Rujukan untuk Interpretasi

Item	Tanda
Interpretasi	
Interpretasi bebas daripada pilih kasih (bias) anda	
Interpretasi berdasarkan teori	
Interpretasi berdasarkan maklumat	
Interpretasi tertakluk kepada prinsip etika yang ketat	

a. Data Dokumen

Dalam analisis isi kandungan, pengkaji menilai dokumen atau transkrip dan kemudian membuat inferens berdasarkan isi kandungan yang didapati dari dokumen. Tahap analisis isi kandungan adalah seperti berikut:

- (i) Data dikutip dan diubah menjadi teks. Contoh: transkrip daripada nota kaunseling diubah menjadi teks.
- (ii) Teks dilabel dan dikategorikan.
- (iii) Berdasarkan label dan kategori, anda akan dapati beberapa tema akan menjelma.
- (iv) Bahan dipilih mengikut kategori dengan mengenal pasti bentuk frasa yang sama dan tanda serta hubungan dan kesamaan atau perbezaannya.
- (v) Bahan yang sudah ditapis dinilai mengikut kajian lepas.

b. Garis Panduan untuk Analisis Isi Kandungan

- (i) Anda sendiri perlu membuat keputusan tentang gaya analisis isi kandungan. Patutkah ia berbentuk kualitatif atau kuantitatif?
- (ii) Adakah anda mahu analisis isi kandungan latent atau manifest? Isi kandungan manifest merupakan sesuatu yang tidak natural atau mempunyai isi kandungan permukaan sahaja. Isi kandungan latent pula mempunyai makna dalaman bagi sesuatu mesej.
- (iii) Perhatikan perkataan, frasa, ayat atau perenggan dan letakkan semuanya dalam sesuatu label atau tema.

c. Data Temubual

Data daripada temubual berstruktur seperti yang terdapat dalam Jadual 6.9 digunakan untuk menganalisis orientasi kepercayaan penagih dadah.

Analisis Data daripada Temubual Berstruktur untuk Orientasi Kepercayaan Penagih Dadah

Orientasi Luaran	Orientasi Dalaman
Rakan/rakan sebaya Dianiaya oleh rakan, ditinggalkan rakan lelaki, dijemput oleh penagih dadah untuk menghadiri majlis sosial, rakan yang tidak boleh dipercayai, dijatuhkan maruah oleh rakan.	Kesunyian dan perlu kawan supaya diterima dengan mudah.
Ibu bapa Disingkir oleh ibu bapa, ibu bapa tidak perasaan terhadap anak	
Guru Guru selalu mencari kesalahan, selalu meleter, guru tidak memahami mereka.	

Analisis daripada temubual menunjukkan penagih percaya bahawa faktor luaran adalah penyebab utama mereka menjadi penagih. Penemuan yang dihasilkan ini sama sahaja dengan penemuan yang didapati daripada penelitian dokumen.

(d) Data Pemerhatian

Analisis ini dihasilkan berdasarkan data

Analisis Data daripada Pemerhatian Berstruktur untuk Ciri Tabiat Pemonteng Ketika Berada dalam Kelas

Item	Nota Pemerhatian		
	Tabiat Propembelajaran	Tabiat pembelajaran Neutral	Tabiat Anti pembelajaran.
Tabiat yang diperhatikan sebelum guru memasuki kelas.	Tiada	Tiada	Mimpi di siang hari, bercakap dan berjalan ke sana sini.
Tabiat yang diperhatikan semasa guru memasuki kelas.	Tiada	Tiada	Secara tidak senang memerhati guru, sambung bercakap, berjalan, sambil membaca tabloid.
Tabiat yang diperhatikan ketika guru mengajar.	Beri perhatian, ambil nota.	Beri perhatian sekali sekala.	Tidak beri perhatian, mimpi di siang hari, baca tabloid, ganggu orang lain.
Tabiat yang diperhatikan apabila diminta menjawab soalan	Boleh menjawab soalan.	Cuba mengambil hati guru.	Tidak berminat, tidak peduli.
Tabiat yang diperhatikan apabila guru memberi kerja rumah.	Sukacita mendapat kerja rumah.	Patuh kepada peraturan, bantahan kerana terlalu banyak kerja rumah.	Tidak peduli, tidak ada masa untuk kerja rumah.
Tabiat yang diperhatikan bila guru meninggalkan kelas	Tiada	Tiada	Merasa kepuasan, terus bercakap, suka meliahat guru meninggalkan kelas.

Sebagai kesimpulan, daripada data pemerhatian kita boleh menyatakan bahawa pemonteng mempunyai ciri-ciri tingkah laku anti-pembelajaran lebih tinggi daripada tingkah laku pro-pembelajaran. Kesahihan kesimpulan ini boleh disahkan melalui triangulasi teori.

Bagi analisis kuantitatif biasanya alat kajian kuantitatif akan menghasilkan data yang besar saiznya. Sebagai pengkaji, anda bertanggungjawab untuk mengolah data itu kepada format yang sesuai dengan kaedah analisis data dan boleh ditafsir kemudiannya. Berikut adalah dua proses dalam menganalisis data:

(a) Memproses data dari borang soal selidik

(b) Memproses data dari inventori

Anda perlu mengolah data kepada kategori, peratus, min dan sisihan piawai. Berikut adalah langkah-langkah dalam analisis data:

- (a) Fasa pra-analisis
- (b) Fasa pengurangan saiz data
- (c) Fasa paparan data
- (d) Fasa pengesahan data
- (e) Fasa dapatan

Dalam fasa pra-analisis, segala penjelasan tentang variabel kajian hendaklah dibaca dan difahami, dikemaskini, dan disempurnakan. Anda mesti yakin yang pemboleh ubah penting/utama dilabel dengan betul mengikut jenis atau kategori. Mereka hendaklah disusun tertib mengikut keperluan teori analisis.

Pemprosesan Data

Seperti yang dinyatakan dalam topik lepas, data dikutip dan dikemaskan melalui prosidur berikut:

- a. Surat memohon kebenaran membuat kajian hendaklah dihantar kepada pentadbir sekolah berserta dengan surat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran.
- b. Selepas mendapat kebenaran dari pengetua, satu temu janji hendak dibuat dengan guru kelas untuk membincang jadual waktu bagi anda melakukan kajian. Maklumat latar belakang kelas juga perlu diketahui sebelum memulakan kajian.
- c. Apabila sampel telah dikenal pasti, borang soal-selidik/inventori diedarkan dan meminta mereka yang berkenaan mengisikannya.
- d. Sebelum analisis dibuat, data mentah yang diperolehi itu hendaklah diproses terlebih dahulu untuk mendapatkan latar belakang subjek kajian, misalnya, peratus pelajar mengikut jantina, tahap sosioekonomi ibu bapa, jumlah gaji dan lokasi sekolah.
- e. Data daripada alat kajian, seperti soal-selidik/inventori, perlu diubah kepada skor variabel-variabel kajian. Ini biasanya dibuat dengan menggunakan pengiraan, seperti mengira jumlah atau min item-item tertentu untuk mengira skor bagi variable "sikap". Jika nilai skor diperolehi secara manual, maka semakan ketepatan harus dilakukan.
- f. Selepas semua maklumat tentang latar belakang subjek kajian dan semua skor variabel kajian diperolehi, pengkaji boleh mula menganalisis data kajian untuk menjawab soalan-soalan dan/atau hipotesis-hipotesis kajian. Jika saiz data adalah besar, bantuan komputer dengan pakej tertentu diperlukan. Data daripada alat-alat kajian perlu diberikan kod bersama takrifannya. Dengan menggunakan pakej statistik, seperti SPSS, anda boleh menganalisis dengan cepat.

11.7 Refleksi Dan Implikasi

Definisi Refleksi: Satu aktiviti penting di mana seseorang individu mengingat kembali pengalaman yang telah dilalui, memikir-mikir dan mempertimbangkan serta membuat sesuatu penilaian.

Refleksi dalam konteks pembelajaran adalah satu istilah umum, merujuk kepada aktiviti-aktiviti intelektual dan afektif, di mana seseorang individu melibatkan diri meneroka

pengalaman mereka bagi memperoleh kefahaman dan penghayatan baru (Bound & rakan-rakan:1985)

Refleksi secara umum pula adalah segala usaha pemikiran seseorang:

- Sebelum, semasa dan selepas menjalankan tugas dan,
- Dalam situasi kerja

Jenis- jenis refleksi

- ❖ Secara individu
- ❖ Secara kumpulan

Contoh perkara yang boleh direflek pula adalah seperti berikut:

- Amalan kerja
- Budaya kerja di tempat kerja
- Isu dan masalah, tugasan harian
- Peristiwa kritikal
- Perasaan/emosi

Tujuan Refleksi

- Menilai kemahiran mengajar/amalan sendiri dan mempertingkatkan.
- Menilai sesuatu strategi pengajaran dan bahan-bahan pengajaran/intervensi yang digunakannya.
- Menganalisis nilai-nilai pendidikan yang menjadi asas amalan pengajaran.
- Terus menerus mengkaji dan menjelaskan pegangan dan nilai peribadi berkaitan dengan pendidikan.
- Mencuba membina satu penjelasan tentang murid, interaksi bilik darjah serta prosesproses P&P/intervensi.

(David Frost 1993)

Hasil refleksi

- Kefahaman baru
- Kesedaran
- Keinsafan
- Perubahan persepsi
- Perubahan amalan

Refleksi Dalam Kajian Tindakan

Refleksi berlaku sepanjang kitar kajian, namun tumpuan adalah pada tiga peringkat:

- a. Memulakan kajian (Reflection for action)
- b. Semasa kajian (Reflection in action)
- c. Akhir kajian (Reflection) o

n action)

Peringkat Memulakan Kajian

- Membuat analisis situasi/keadaan
- Menentukan isu/bidang keperihatinan
- Menentukan fokus kajian

- Menganalisis kefahaman semasa, sendiri & orang lain

Antara contoh soalan refleksi pada peringkat ini ialah:

- Apakah masalah dalam kelas saya ?
Mengapa ?
- Bagaimanakah masalah itu boleh ditangani ?
- Apakah strategi yang perlu digunakan ?
Bagaimana ?
- Bagaimanakah menilai keberkesanan strategi saya ?

Refleksi Semasa Kajian

- Dilakukan semasa tindakan dijalankan
- Membuat keputusan awal terhadap perjalanan proses tindakan/intervensi
- Menerima komen dan teguran semasa menjalankan tindakan
- Mengatasi segala rintangan dengan penambahbaikan yang sewajarnya
- Menilai keberkesanan semasa proses tindakan intervensi

Antara contoh soalan refleksi pada peringkat ini ialah:

- Adakah anda setuju dengan proses tindakan (intervensi) ini ?
- Apakah persepsi anda terhadap tindakan ini?
- Apakah rintangan yang dihadapi semasa menjalankan tindakan itu?
- Apakah keberkesanan tindakan ini ?

Peringkat Akhir Kajian

- Berdasarkan bukti yang dikumpulkan pengkaji
- Mensintesis perubahan (pelajar) & peningkatan sendiri (diri pengkaji)
- Menentukan rumusan yang boleh dibuat
- Menentukan tindakan selanjutnya

Antara contoh soalan refleksi pada peringkat ini ialah:

- Apakah perubahan yang berlaku selepas proses tindakan itu ?
- Apakah perasaan anda terhadap keseluruhan tindakan itu?;
- Apakah kesimpulannya tindakan itu?;
- Bagaimanakah rancangan kajian anda selepas ini ?

Kesan dan akibat melakukan refleksi:

- Menjadikan seseorang itu SEDAR tentang:
- tingkah laku atau amalan pengajarannya
- makna atau pengertian tingkah laku/amalan pengajarannya
- tabiat atau kebiasaannya – tabiat ‘melihat sesuatu, tabiat berfikir, tabiat bertindak
- perasaannya tentang bagaimana ia berfikir, membentuk tanggapan atau bertindak
- kecekapannya membuat tanggapan, membentuk makna/memberi pengertian, atau mengenal pasti sebab kepada sesuatu

- perhubungannya dengan pihak lain dalam sesuatu situasi
- penghakiman (value judgement)
- memberi nilai/label terhadap sesuatu
- mengatakan sesuatu sebagai positif/negatif

Transformasi prespektif

- Refleksi dalam konteks penyelidikan tindakan
- Refleksi berlaku sepanjang kitar penyelidikan namun tumpuan ialah pada dua peringkat.

Diperingkat memulakan penyelidikan tindakan

- membuat tinjauan atau analisis situasi
- menentukan isu dan bidang keprihatinan
- menentukan fokus penyiasatan atau perubahan
- menganalisis kefahaman semasa sendiri dan orang lain

Di peringkat post tindakan dan pemantauan (berdasarkan bukti-bukti yang dikumpul) penyelidik

- mensintesis perubahan dan peningkatan sendiri dan murid
- menilai kembali kefahaman dan tanggapan
- menentukan apakah rumusan yang boleh dibuat
- menentukan tindakan selanjutnya

Sedutan artikel Goh Lay Huah (2000), sebagai contohnya, menjelaskan maksud refleksi.

- I was no longer the central figure in their learning. In the first place, place, I was in control of the teaching-learning situation. I was comfortable with that. But at this stage, I no longer control the learners' work pace and direction. Collaboration happened among them. I think that the metacognitive awareness I had of carrying out my role as facilitator enabled me to carry out intera[c]tion and input systematically, and this may
- "...I did not do as much facilitation today, because the groups have become more focused, more oriented on the task on hand. I felt that they had a lot to discuss after having understood what they had to do.... In that sense, I felt that perhaps my input to them the past week had been successful enough to put them on the right track" (300300, journal).

Refleksi dibuat berdasarkan aspek-aspek dalam borang seperti berikut:

ASPEK-ASPEK REFLEKSI	CATATAN
1. Pengalaman/Perasaan • Isu etika • Dilema • Masalah pelaksanaan penyelidikan	

Cara-cara mengatasi masalah penyelidikan	
2. Kesan Pedagogi Kelemahan dan Kekuatan	
3. Tindakan lanjut - Membuat pilihan sama ada: (a) meneruskan tindakan atau (a) mengubah suai tindakan atau (a) menukar tindakan 1. Pengajaran dan pembelajaran yang diperoleh dalam proses penyelidikan tindakan 2. Pengajaran dan pembelajaran yang diperoleh dalam proses penyelidikan tindakan	

Refleksi

11.8 Sumber Rujukan

Semua petikan langsung PERLU dimasukkan ke dalam tanda petikan, termasuk ayat serta frasa dan dan perenggan pendek. Apabila anda memetik lebih daripada tiga (3), anda perlu inden teks lima (5) ruang pada kedua-kedua hujung dengan langkau satu (single spacing). Apabila anda menyalin sesuatu peta, carta atau gambar; anda perlu menyatakan dengan jelas dari mana anda memperoleh bahan tersebut. Begitu juga, anda perlu pastikan setiap gambar atau carta mempunyai topik yang jelas atau petikan (caption) yang dapat menjelaskan gambar atau carta tersebut. Bagi rujukan, anda perlu senaraikan, pada halaman terakhir, semua buku utama, artikel, rancangan TV, orang tertentu dan tempat, bagi semua rujukan yang anda gunakan semasa menulis laporan. Senarai semua sumber hendaklah dituliskan menurut abjad dengan memulakannya nama keluarga/akhir penulis (bagi penulis Barat), tetapi sekiranya tidak ada nama penulis, seperti dalam rancangan TV, gunakan nama pertama dalam topik. Berikut adalah contoh bagaimana anda menulis rujukan.

1. Bagi hasil bertulis nyatakan:

Nama akhir penulis, nama pertama, topik artikel (dalam petikan), bandaraya, penerbit, tahun halaman.

2. Bagi kertas journal nyatakan:

Nama penulis, tahun diterbitkan, topik kertas journal, topik journal, nombor naskah jurnal, serta nombor depan dan nombor belakang dalam kertas journal.

3. Bagi buku nyatakan:

Nama penulis, tahun diterbitkan, topik dan nombor edisi the title sekiranya ada, nama penerbit di mana ia diterbitkan, dan muka surat yang dirujuk.

4. Bagi rujukan daripada internet nyatakan:

Nama penulis bagi halaman web, tarikh halaman web, topik halaman web dan URL yang lengkap. Sebagai ingatan, setiap rujukan dalam teks mesti wujud dalam senarai rujukan, dan setiap rujukan dalam senarai rujukan mesti disebut dalam teks anda.

Bahagian "Rujukan" juga memberikan senarai semua rujukan yang disebut di dalam teks. Sumber-sumber yang tidak dirujuk di dalam teks tidak boleh disenaraikan dalam bahagian "Rujukan". Senarai rujukan ini ditulis mengikut sistem tertentu, seperti APA.

SUMBER RUJUKAN ;

- Azizi Yahaya, et al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2005). *Garis Panduan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Guru – Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Boehm, V.R. (1980) Research in the "real world" – a conceptual model, *Personnel Psychology*.
- Bulmer, Martin (1982) *Social Research Ethics – An Examination of the Merits of Covert Participant Observation* (Ed). New York: Holmes & Meier Publishers, Inc.
- Bynner, John & Stribley, Keith M.(1978) *Social Research: Principles and Procedures*(Ed). Suffolk: The Open University Press.
- Cassell, C.; Symon, G. 1994. *Qualitative Methods in Organizational Research*. London : Sage
- Cates, Ward M (1990) *Panduan Amali Untuk Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Chua Yan Piaw. (2005). *Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (Asia).
- Chua Yan Piaw. (2006). *Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education (Asia).
- Forces, Dennis P & Richer, Stephen (1973) *Social Research Methods*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Franklin, Billy J & Osborne, Harold W (1971) *Research Methods : Issues and Insights* (Ed). Belmont, California: Wadsworth Publishing Co. Inc.
- Gay L.R. & Diehl, P.L. (1992) *Research Methods for Business and Management*. Singapore: Prentice Hall International.
- Graw Hill Education (Asia). *Guru – Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Hammersley, Martyn (1993) *Social Research: Philosophy, Politics and Practice*. London: Sage Publications.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Miller, Delbert C (1964) *Handbook Of Research Design And Social Measurement* (3rd Ed.) New York: Longman.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor: Universiti
- Mohd. Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Kasim b. Basir , 2009, Kerangka Pengumpulan dan Analisis Data, Instituti Perguruan Tun Hussein Onn (IPTHO), Batu Pahat.
- Newman, Jame, Science and Sensibility (1961) Vols. 1 and 2. New York: Simon & Schuster Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Riecken, Henry W & Boruch, Robert F (1974) Social Experimentation – A Method for Planning and Evaluating Social Intervention. New York : Academic Press.
- Sabitha Marican (2005), Kaedah Penyelidikan Sains Sosial, Petaling Jaya, Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Schmitt, Neal & Klimoski, Richard (1991) Research Methods In Human Resources Management. Cincinnati: South-Western Publishing Co.
- Wan Hashim, Ting C P & Shamsul Amri Baharuddin (1980) Kaedah Penyelidikan Sosial – Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar (Ed) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zetterberg, Hans (1965) On Theory and Verification in Sociology (3rd ed.) Totowa, N.J. : Bedminister Press